

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.




**AMALAN KESANTUNAN BERBAHASA MENURUT AL-QURAN
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DAN
PENGARUHNYA TERHADAP PENGHAYATAN
AKHLAK MURID**



KU ZAIMAH BINTI CHE ALI

**DOCTOR OF PHILOSOPHY
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2023**

**AMALAN KESANTUNAN BERBAHASA MENURUT AL-QURAN
DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DAN
PENGARUHNYA TERHADAP PENGHAYATAN
AKHLAK MURID**



**BY
KU ZAIMAH BINTI CHE ALI**

**Thesis Submitted to
College of Arts and Sciences,
Universiti Utara Malaysia,
in Fulfilment of the Requirement for the Degree of Doctor of Philosophy**



Awang Had Salleh
Graduate School
of Arts And Sciences

Universiti Utara Malaysia

PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI
(Certification of thesis / dissertation)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa
(We, the undersigned, certify that)

KU ZAIMAH CHE ALI

calon untuk Ijazah
(candidate for the degree of)

PhD

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:
(has presented his/her thesis / dissertation of the following title):

**"AMALAN KESANTUNAN BERBAHASA MENURUT AL-QURAN DALAM KALANGAN GURU
PENDIDIKAN ISLAM DAN PENGARUHNYA TERHADAP PENGHAYATAN AKHLAK MURID"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.
(as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **28 Disember 2021**.

That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:
28 December 2021.

Pengerusi Viva:
(Chairman for VIVA)

Prof. Madya Dr. Mohd Zailani Mohd Yusoff

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Luar:
(External Examiner)

Prof. Madya Dr. Kamarulzaman Abdul Ghani

Tandatangan
(Signature)

Pemeriksa Dalam:
(Internal Examiner)

Prof. Madya Dr. Mohamad Khairi Haji Othman

Tandatangan
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyelia:
(Name of Supervisor/Supervisors)

Prof. Madya Dr. Mardzelah Makhsin

Tandatangan
(Signature)

Tarikh:
(Date) **28 December 2021**

KEBENARAN MENGGUNAKAN

Penyerahan tesis ini sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Doktor Falsafah Pendidikan daripada Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah. (UUM). Saya bersetuju menjadikan tesis ini sebagai bahan rujukan di perpustakaan. Saya juga bersetuju bahawa kebenaran untuk membuat salinan keseluruhan atau sebahagian daripadanya bagi tujuan akademik mestilah mendapat kebenaran daripada penyelia saya atau semasa ketiadaan beliau, kebenaran tersebut boleh diperolehi daripada Dekan (Sekolah Siswazah Awang Had Salleh), *UUM College of Arts and Sciences*. Sebarang penyalinan, penerbitan dan penggunaan ke atas keseluruhan atau penggunaan ke atas sebahagian daripada tesis ini tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penyelidik dan UUM mestilah dinyatakan dalam bentuk rujukan yang dalam tesis ini.

Sebarang permohonan untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya boleh dibuat dengan menulis kepada:

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
UUM College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

ABSTRAK

Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut perspektif Islam masih kurang dijalankan sedangkan Islam menyediakan pendekatan yang lengkap dan berbeza dengan pendekatan yang dibina oleh sarjana Barat. Kajian ini mengetengahkan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut perspektif Islam merangkumi kedudukan, tujuan, kandungan dan kaedah. Kajian ini juga bertujuan mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa Guru Pendidikan Islam, mengenal pasti tahap penghayatan akhlak murid dan kaitan antara keduanya. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kaedah analisis kandungann iaitu *Tafsir Mawdu'iy* digunakan untuk mengenal pasti konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Analisis regresi dan inferensi digunakan bagi mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa Guru Pendidikan Islam, tahap penghayatan akhlak murid dan kolerasi antara keduanya. Analisis inferensi digunakan bagi mengenalpasti pengaruh amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid. Kajian mendapati enam pendekatan utama amalan kesantunan berbahasa menurut ayat-ayat al-Quran iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina* ditemukan. Dapatan menunjukkan 299:400 murid meletakkan tahap amalan kesantunan berbahasa guru di tahap tinggi iaitu 74.8%, 99:400 iaitu 24.8% meletakkan di tahap sederhana, hanya 2:400 iaitu 0.5% meletakkan di tahap rendah. Seramai 88.7% murid berada di tahap penghayatan akhlak yang tinggi, manakala hanya 11.3% berada di tahap sederhana. Dapatan menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid. *Qaulan Sadida* merupakan penyumbang utama terhadap penghayatan akhlak murid. Dapatan ini boleh menjadi rujukan kajian analisis Hadis dan teks agama selain dijadikan permulaan pembentukan model kajian amalan kesantunan berbahasa warga pendidikan dan masyarakat.

Kata Kunci: Amalan, Kesantunan Berbahasa, Analisis Tafsir Tematik, Guru Pendidikan Islam

ABSTRACT

The study of language politeness practices according to the perspective of Islam is still under-conducted while Islam provides a complete approach that is different from the approach built by Western scholars. This study highlights the politeness concept and approach according to the Islamic perspective including position, purpose, content and method. This study aims to identify the level of politeness language practice of Islamic Education Teachers, the level of students' moral appreciation and the relationship between the two. This study uses qualitative and quantitative methods. *Tafsir Mawdu'iy* is used to identify the politeness concept and approach according to the Qur'an. Regression and inference analysis was used to identify the level of Islamic Education Teachers' language politeness practices, the level of students' moral appreciation and the correlation between the two. Inferential analysis is used to identify the influence of the teacher's politeness practices on the students' moral appreciation. The study found that six main approaches of politeness according to the verses of the *Quran*, namely *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Maysura* and *Qaulan Layyina*. The findings show that 74.8% students put the level of the teacher's politeness language practice at a high level, 24.8% put it at a medium level, only 0.5% put it at a low level. 88.7% of students are at a high level of moral appreciation, while only 11.3% are at a medium level. Findings show that there is a significant relationship between the teacher's language politeness practices and students' moral appreciation. *Qaulan Sadida* is a major contributor to students' moral appreciation. This study can be used as a reference for the analysis of Hadith and religious texts in addition to being used as a starting point for the formation of a study model of politeness in the language of education and society.

Keywords: Practice, Language Politeness, Thematic Interpretation analysis, Islamic Education Teachers

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin, inayah dan hidayahNya, segala puji dan syukur saya rafakkan kepada Allah SWT atas peluang dan ruang menimba ilmu di peringkat ini. Alhamdulillah dengan segala ujian, cabaran dan rintangan yang dihadapi, saya diizinkan Allah SWT menyiapkan penulisan tesis ini.

Penulisan ini pertamanya saya dedikasikan khusus buat suami tercinta Mohd Shaubary Bin Husin yang menjadi sumber inspirasi utama dan telah bersama-sama sanggup menghadapi perjalanan pengajian ini. Tiada lafaz dan madah yang dapat menilai kebersamaannya sepanjang perjalanan ini. Hanya titipan doa semoga beliau dianugerahi syurga Firdaus. Amin. Kedua saya dedikasikan penulisan ini kepada allahyarham ayahanda Che Ali Md Nuh dan bonda Che Embun Othman yang merupakan guru pertama yang menanam semangat cintakan ilmu sehingga saya berada di tahap ini. Ketiga, didedikasikan kepada anak-anak yang turut serta merasai kehangatan cintakan ilmu, Muhammad Amjad, Muhammad Ajwad Zuhdi, Muhammad Ammar Sulhi, Afaf Widadi, Muhammad As'ad Rusydi, Ain Hanani dan Aisyah Auni. Semoga anak-anak dikurniakan kecintaan terhadap ilmu yang mengangkat martabat di dunia dan akhirat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Utara Malaysia yang memberi laluan untuk saya menyertai perjalanan menimba ilmu di samping ribuan sarjana lain. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada pensyarah penyelia saya Professor Madya Dr Mardzelah Makhsin yang sudi membimbing dan memimpin perjalanan mengenal ilmu ini. Semoga Allah SWT mengganjari kemuliaan atas keikhlasan dan kebaikannya. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia bersama iaitu Professor Madya Dr. Azharuddin Sahil atas nasihat dan bimbingan sepanjang menjalankan kajian ini. Saya juga ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia atas peluang yang diberikan. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada seluruh pensyarah dan kakitangan Pusat Pengajian Pendidikan Universiti Utara Malaysia atas kerjasama dan bantuan sepanjang tempoh menyempurnakan pengajian ini. Semoga Allah SWT mengganjarinya dengan sebaik-baik ganjaran.

SENARAI KANDUNGAN

Persijilan Kerja Tesis.....	i
Kebenaran Menggunakan.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Senarai Jadual.....	ix
Senarai Rajah.....	xi
Jadual Transliterasi.....	xiii
Vokal.....	xv
Senarai Singkatan.....	xvii
 BAB SATU: PENDAHULUAN.....	 1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	4
1.3 Pernyataan Masalah Kajian.....	7
1.4 Objektif Kajian.....	11
1.5 Soalan Kajian.....	12
1.6 Hipotesis Kajian.....	13
1.7 Kepentingan Kajian.....	13
1.7.1 Kepentingan kepada Bidang Ilmu Islam.....	14
1.7.2 Kepentingan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).....	14
1.7.3 Kepentingan kepada Institusi Pendidikan.....	16
1.7.4 Kepentingan kepada Guru.....	17
1.7.5 Kepentingan kepada Murid.....	17
1.7.6 Kepentingan kepada Masyarakat.....	18
1.8 Kerangka Teori Kajian.....	18
1.9 Kerangka Konsep Kajian.....	21
1.10 Definisi Operasional.....	24
1.10.1 Amalan Kesantunan Berbahasa.....	24
1.10.2 Analisis Dokumen al-Quran.....	25
1.10.3 Analisis <i>Tafsir Mawdu'iy</i>	25
1.10.4 Guru-guru Pendidikan Islam (GPI).....	26
1.10.5 Penghayatan Akhlak.....	26
1.11 Batasan Kajian.....	27
1.12 Penutup.....	30
 BAB DUA: ULASAN KEPUSTAKAAN.....	 32
2.1 Pengenalan.....	32
2.2 Analisis dokumen al-Quran.....	32
2.3 Tafsir Mawdu'iy.....	36
2.3.1 Bentuk-bentuk <i>Tafsir Mawdu'iy</i>	39
2.3.2 Kepentingan <i>Tafsir Mawdu'iy</i>	40
2.4 Konsep Kesantunan Berbahasa.....	42

2.5	Pendekatan dan Model Kesantunan Berbahasa.....	51
2.5.1	Pendekatan Kerjasama Grice	51
2.5.2	Model Kesantunan Leech.....	52
2.5.3	Model Kesantunan Brown dan Levinson	52
2.6	Konsep Kesantunan Berbahasa Dalam Islam.....	54
2.6.1	Kedudukan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Islam	59
2.6.2	Tujuan Amalan Kesantunan Berbahasa Dianjurkan Dalam Islam.....	62
2.6.3	Kandungan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Islam	63
2.6.4	Kaedah Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Islam.....	67
2.7	Pendekatan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran	69
2.8	Kajian-kajian Berkaitan Kesantunan Berbahasa Secara Umum	93
2.9	Kajian-kajian Kesantunan Berbahasa Menurut Perspektif Islam.....	101
2.10	Konsep Akhlak Islam	118
2.11	Pembahagian Akhlak dalam Islam	126
2.11.1	Akhlak Terhadap Allah	128
2.11.2	Akhlak Terhadap Rasul.....	129
2.11.3	Akhlak Terhadap Keluarga	130
2.11.4	Akhlak Terhadap Masyarakat	131
2.11.5	Akhlak Terhadap Alam Sekitar.....	132
2.11.6	Akhlak Terhadap Negara	133
2.11.7	Akhlak Terhadap Diri Sendiri.....	134
2.12	Kajian-kajian Penghayatan Akhlak	135
2.13	Hubungan antara Amalan Kesantunan Berbahasa GPI dan Penghayatan Akhlak Murid.	145
2.14	Sumbangan Amalan Kesantunan Berbahasa GPI Terhadap Pembentukan Akhlak Murid.	155
2.15	Penutup.....	157
BAB TIGA: METODOLOGI KAJIAN.....		158
3.1	Pengenalan	158
3.2	Reka Bentuk Kajian.	158
3.3	Analisis Tafsir Mawḍu'iy	161
3.4	Instrumen Kajian	165
3.4.1	Instrumen Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran (IAKBQ)	166
3.4.2	Instrumen Penghayatan Akhlak Murid	174
3.4.3	Skala Jawapan Responden	176
3.4.4	Kebolehbacaan Instrumen.....	177
3.4.5	Kesahan Instrumen AKBQ dan IPAM.....	178
3.4.6	Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	184
3.4.7	Ketekalan Dalaman Instrumen.....	185
3.5	Kajian Rintis.....	187
3.6	Populasi	188
3.7	Sampel Kajian	189
3.8	Prosedur Pemerolehan Data	191
3.9	Prosedur Penganalisan Data	193
3.9.1	Analisis Tafsir Mawḍu'iy	193
3.9.2	Analisis Faktor	194
3.9.3	Analisis Deskriptif	195
3.9.4	Analisis Inferensi	196

3.9.5	Korelasi Pearson.....	196
3.9.6	Regresi Berganda	197
3.10	Penutup.....	197
BAB EMPAT: DAPATAN KAJIAN.....		199
4.1	Pengenalan	199
4.2	Analisis Dokumen Ayat-ayat al-Quran	199
4.2.1	Analisis <i>Tafsir Mawdu'iy</i> Pembentukan Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa Berdasarkan Ayat-ayat al-Quran.	200
4.2.2	Analisis <i>Tafsir Mawdu'iy</i> Ayat-Ayat Al-Quran Pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa.....	228
4.3	Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Guru.....	246
4.3.1	Latar Belakang Responden	247
4.3.2	Keseluruhan Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Guru	248
4.3.3	Tahap Penghayatan Akhlak Murid.....	255
4.3.4	Hubungan Antara Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dan Penghayatan Akhlak Murid.....	260
4.3.5	Peramal penghayatan akhlak murid	264
4.4	Penutup.....	265
BAB LIMA: RUMUSAN DAN PERBINCANGAN.....		267
5.1	Pengenalan	267
5.2	Ringkasan Kajian	267
5.2.1	Analisis <i>Tafsir Mawdu'iy</i> Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa dan Pendekatan Amalan Kesantunan Berbahasa.	269
5.2.2	Analisis Deskriptif dan Inferensi	270
5.3	Perbincangan	271
5.3.1	Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran	271
5.3.2	Pembentukan Pendekatan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran.....	278
5.3.3	Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Menurut al-Quran	285
5.3.4	Tahap Penghayatan Akhlak Murid Terhadap Allah, Rasul, Diri, Keluarga dan Masyarakat.....	293
5.3.5	Hubungan di antara Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Pendidikan Islam dengan Penghayatan Akhlak Murid	297
5.3.6	Sumbangan Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Murid	300
5.4	Implikasi dan Sumbangan Kajian	304
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	309
5.5	Kesimpulan.....	311
RUJUKAN		313
APPENDICES		348

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1	<i>Kitab Tafsir Rujukan Kajian AKBQ</i>	163
Jadual 3.2	<i>Senarai Pakar Pengesahan Dapatan Hasil Analisis Tafsir Mawdu'iy.</i>	164
Jadual 3.3	<i>Jadual Spesifikasi Instrumen AKBQ</i>	170
Jadual 3.4	<i>Senarai Panel Pakar Pengesahan Konstruk.....</i>	173
Jadual 3.5	<i>Draf Instrumen Penghayatan Akhlak murid (IPAM).....</i>	175
Jadual 3.6	<i>Dapatan Analisis Faktor AKBQ</i>	181
Jadual 3.7	<i>Dapatan Analisis Faktor IPAM</i>	184
Jadual 3.8	<i>Klasifikasi Indeks kebolehpercayaan.....</i>	185
Jadual 3.9	<i>Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach</i>	186
Jadual 3.10	<i>Saiz Sampel Menurut Sarjana.....</i>	189
Jadual 3.11	<i>Pembahagian Sampel Kajian.....</i>	191
Jadual 3.12	<i>Interpretasi Tahap Skor Min Skala Likert Lima Mata</i>	196
Jadual 4.1	<i>Ayat-ayat Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa</i>	201
Jadual 4.2	<i>Dapatan Analisis Mawdu'iy Tema dan Subtema Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa</i>	203
Jadual 4.3	<i>Ayat-ayat Pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa</i>	231
Jadual 4.4	<i>Latar Belakang Murid</i>	247
Jadual 4.5	<i>Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Keseluruhan.....</i>	248
Jadual 4.6	<i>Analisis Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Mengikut Konstruk...249</i>	
Jadual 4.7	<i>Perincian Tahap Qaulan Sadida</i>	250
Jadual 4.8	<i>Perincian Tahap Qaulan Ma'rufa</i>	251
Jadual 4.9	<i>Perincian Tahap Qaulan Karima</i>	252
Jadual 4.10	<i>Perincian Tahap Qaulan Layyina.....</i>	253
Jadual 4.11	<i>Perincian Tahap Qaulan Baligha.....</i>	254

Jadual 4.12	<i>Perincian Tahap Qaulan Maysura</i>	255
Jadual 4.13	<i>Tahap Penghayatan Akhlak Keseluruhan.....</i>	255
Jadual 4.14	<i>Tahap Konstruk Penghayatan Akhlak</i>	256
Jadual 4.15	<i>Perincian Tahap AA.....</i>	257
Jadual 4.16	<i>Perincian Tahap AR.....</i>	257
Jadual 4.17	<i>Perincian Tahap AD</i>	258
Jadual 4.18	<i>Perincian Tahap AK</i>	259
Jadual 4.19	<i>Perincian Tahap AM.....</i>	260
Jadual 4.20	<i>Ujian Korelasi Pearson Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dengan Penghayatan Akhlak Murid</i>	261
Jadual 4.21	<i>Ujian Korelasi Pearson Dimensi Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dengan Penghayatan Akhlak Murid.....</i>	262
Jadual 4.22	<i>Hasil Ujian korelasi antara Konstruk AKBQ dan IPAM</i>	262
Jadual 4.23	<i>Analisis Regresi Berganda Untuk Penentu Faktor Peramal Penghayatan Akhlak</i>	265
Jadual 4.24	<i>Korelasi Antara Peramal Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dan Penghayatan Akhlak Murid</i>	265

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	<i>Kerangka Teori Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran.....</i>	21
Rajah 1.2	<i>Konsep Kajian</i>	24
Rajah 2.1	<i>Analisis Dokumen Ayat al-Quran (al-Khalidiy, 2001).....</i>	34
Rajah 2.2	<i>Analisis Dokumen Ayat Al-Quran (Adaptasi Al-Khalidiy, 1985).....</i>	36
Rajah 3.1	<i>Reka Bentuk dan Kaedah Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran Dalam Kalangan Guru</i>	160
Rajah 3.2	<i>Kerangka Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Guru Menurut al-Quran</i>	161
Rajah 3.3	<i>Peringkat Analisis Tafsir Mawdu'iy Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran</i>	164
Rajah 3.4	<i>Proses Pembentukan Tema Konsep dan Pendekatan AKBQ</i>	165
Rajah 3.5	<i>Langkah-langkah Pembinaan Instrumen Afektif Gable dan Wolf (1993).....</i>	167
Rajah 3.6	<i>Model Pembinaan Ujian McIntire dan Miller (2007)</i>	168
Rajah 3.7	<i>Prosedur Pembinaan Instrumen IAKBQ</i>	169
Rajah 3.8	<i>Carta Aliran Prosedur Pemerolehan Data Kajian.....</i>	193
Rajah 3.9	<i>Plot Stem-And-Leaf Pembolehubah IAKBQ dan IPAM</i>	194
Rajah 3.10	<i>Taburan data histogram Penghayatan Akhlak Murid</i>	195
Rajah 3.11	<i>Carta Ringkasan Objektif Kajian dan Kaedah Kajian</i>	198
Rajah 4.1	<i>Dapatan Analisis Kajian AKBQ</i>	202
Rajah 4.2	<i>Analisis Tafsir Mawdu'iy Pembentukan Tema Konsep Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran.....</i>	204

Rajah 4.3	<i>Kedudukan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran</i>	212
Rajah 4.4	<i>Tujuan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran</i>	215
Rajah 4.5	<i>Kandungan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran</i>	218
Rajah 4.6	<i>Kaedah Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran</i>	227
Rajah 4.7	<i>Dapatan Analisis Tafsir Mawḍu'iy Pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran</i>	246



JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ء	'	سأل	sa'ala
ب	B	بدل	badala
ت	T	تمر	tamr
ث	Th	ثورة	thawrah
ج	J	جمال	jamāl
ح	H	حديث	hadith
خ	Kh	خالد	khālīd
د	D	ديوان	diwān
ذ	Dh	مذهب	madhhab
ر	R	رحمن / رحمان	Rahmān
ز	Z	زمزم	zamzam
س	S	سراب	sarāb
ش	Sh	شمس	shams
ص	Ṣ	صبر	sabr
ض	Ḍ	ضمير	damir
ط	Ṭ	طاهر	tahir
ظ	Z	ظهر	zuhr
ع	'	عبد	ʿabd
غ	Gh	غيب	ghayb
ف	F	فقه	fiqh
ق	Q	قاضى	qādi
ك	K	كأس	ka's
ل	L	لبن	laban
م	M	مزمارة	mizmār
ن	N	نوم	nawm
هـ	H	هبط	haba'a

و
ي

W
Y

وصل
يسار

wasala
yasār



UUM
Universiti Utara Malaysia

VOKAL

VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا	A	فَاعِل	fa ^c ala
اِ	I	حَسَب	hasiba
و	U	كُتِبَ	kutiba

VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
اَ ، اِ ، اُ	ā	كاتب قضا	kātib, qadā
ي	i	كارم	karīm
و	ū	حروف	hurūf

DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
او	aw	قاول	qawl
اي	ay	سيف	sayf
اي	iyy / i	راجي	raj ^c iyy / raj ^c i
او	uww / u	عادو	^c aduww / ^c adū

PENGECUALIAN

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada 'a' bukan kepada 'a'.
Contoh: أكبر , transliterasi: *akbar* bukan '*akbar*'.
2. Huruf Arab ة, ة (ta' marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 't'.

Contoh: وزارة التعليم , transliterasi: *wizarat al-taclim*, bukannya *wizarah al-taclim*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, ta' marbutah ditransliterasikan kepada 'h'.

Contoh:

Transliterasi:

المكتبة الأهلية

al-maktabah al-ahliyyah



دار وهبة


qal'ah

Dār Wahbah

UUM
Universiti Utara Malaysia

SENARAI SINGKATAN

GPI	:	Guru Pendidikan Islam
KPM	:	Kemementerianian Muridan Malaysia
FPK	:	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPI	:	Falsafah Pendidikan Islam
AKBQ	:	Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran
IPG	:	Institut Pendidikan Guru
IAKBQ	:	Instrumen Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran
IPAM	:	Instrumen Penghayatan Akhlak Murid
MoPAM:		Model Penghayatan Akhlak Murid
MAKBQ:		Model Kesantunan Berbahasa al-Quran



UUM
Universiti Utara Malaysia

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Amalan kesantunan berbahasa adalah nilai sejagat yang menjamin kelangsungan kesejahteraan sesebuah masyarakat (Hamka, 2003). Kesantunan berbahasa sudah menjadi amalan murni masyarakat di Barat dan Timur. Bahasa merupakan alat komunikasi dan ciri asas sesebuah tamadun (Wan dan Suhaila, 2019). Bahasa yang halus, sopan dan santun me melambangkan kandungan pemikiran, sikap dan tingkah laku penutur dalam masyarakat yang bertamadun (Munirah, Norazilah dan Nor Azlili 2019). Bahasa memainkan peranan penting untuk membina konsep diri seseorang penutur. Bahasa juga menjadi salah satu unsur penting dalam pertumbuhan dan perkembangan tamadun manusia sebagai pandangan semesta masyarakat, sebagai pengungkap falsafah, ilmu dan pemikiran serta alat kreativiti manusia dalam pelbagai bidang kehidupan (Zuraini, Husna, Dahlia & Khairul Azam, 2019). Pelbagai teori, pendekatan dan strategi dikemukakan oleh para ilmuan bagi menilai tahap amalan kesantunan berbahasa dan kesannya terhadap masyarakat. Umat Islam dididik dengan amalan kesantunan dalam berinteraksi sesama manusia (Nafron, 2013, Wan dan Suhaila, 2019). Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 83:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا
قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُّعْرِضُونَ

Dan ingatlah wahai Muhammad, ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil dengan berfirman: "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak

yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan perjanjian setia kamu itu kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Dalam ayat di atas, Allah SWT menjelaskan ketika perjanjian dibuat terhadap Bani Israil, terdapat beberapa perkara yang ditekankan supaya diambil perhatian. Pertama, larangan menyengutukan Allah. Kedua, anjuran berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim dan orang-orang miskin. Ketiga, perintah supaya berkata baik sesama manusia. Keempat, perintah mendirikan solat dan kelima, perintah mengeluarkan zakat. Justeru, perintah supaya mengamalkan pengucapan yang baik atau santun menjadi antara perkara utama yang disebutkan oleh Allah SWT. Ini menunjukkan bahawa Islam dari awal kisah Nabi Musa dan Bani Israil lagi telah menganjurkan kesopanan dan kesantunan ketika berbicara.

Amalan kesantunan berbahasa dalam Islam adalah akhlak yang baik, lahir daripada keimanan kepada Allah SWT. Dengan kata lain, amalan ini menjadi penanda aras keimanan seseorang (Munif, 2012, Wan dan Suhaila, 2019). Seperti mana sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang bermaksud (Al-Bukhariy, 2002).

Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata baik atau dia diam. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan jiran tetangganya. Barangsiapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia memuliakan tetamunya. (Hadis riwayat al-Imam al-Bukhari dan Muslim).

Ibnu Rajab (2001) dalam menghuraikan hadis tersebut membahagikan hak dan tanggungjawab manusia kepada dua bahagian. Pertama, hak terhadap Allah dan yang kedua hak sesama manusia. Hak terhadap Allah ialah membuat apa yang

diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang. Hak terhadap manusia pula ialah memelihara percakapan agar tidak menyakiti. Berkata baik atau memilih untuk diam ialah contoh perkara yang disuruh oleh Allah. Rasulullah SAW mengaitkan amalan berkata baik dengan keimanan. Seorang individu yang beriman kepada Allah SWT akan mengamalkan kata-kata yang baik dalam pertuturannya. Justeru antara tanda seseorang beriman ialah mengamalkan penggunaan kata-kata yang baik dalam pergaulannya. Hadis di atas menunjukkan kepentingan menjaga tutur kata melambangkan hati dan iman. Seseorang tidak akan benar-benar beriman jika tidak dapat menjaga hati dan hati pula tidak akan baik jika tidak dapat menjaga tutur kata (Wan Siti & Suhaila, 2019). Islam sebagai agama yang syumul telah menyediakan garis panduan dalam mempraktikkan amalan kesantunan berbahasa seperti matlamat, bentuk dan cara (Munif, 2012). Garis panduan ini penting diaplikasikan dalam metodologi dakwah. Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran, ayat 159:

فَمَا رَحِمَهُ مِنَ اللَّهِ لَئِنَّهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maka dengan sebab rahmat yang melimpah-limpah dari Allah kepadamu wahai Muhammad, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka sahabat-sahabat dan pengikutmu, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu, dan pohonlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan hal-hal keduniaan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.

Ayat di atas menerangkan kepentingan amalan kesantunan berbahasa dalam metodologi dakwah. Terdapat dua nilai amalan kesantunan berbahasa dalam ayat di atas, iaitu kelembutan dan perbincangan. Kelembutan dan perbincangan dalam

kesantunan berbahasa bermaksud pendengar merasa senang, aman dan dihargai. Ini bertepatan dengan metodologi dakwah yang menekankan sifat lembut dan bertoleransi ketika menyampaikan ajaran Islam (Dayang Fatimah & Siti, 2014 dan Wan Siti & Suhaila, 2019). Secara amnya amalan kesantunan berbahasa amat dititikberatkan dalam Islam dari aspek keimanan kepada Allah menerusi dakwah dan tarbiyyah dalam masyarakat Islam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Amalan kesantunan dan kesopanan dalam berbahasa menjadi nilai yang amat dititikberatkan dalam masyarakat di Malaysia (Dayang Fatimah & Siti, 2014, Bahariah, Azmil, & Hamdi, 2021). Kedudukan dan fungsi amalan kesantunan berbahasa sangat penting bagi menjamin kestabilan, keharmonian dan kesejahteraan masyarakat (Munirah, Norazilah & Nor Azili, 2019). Kepentingan nilai murni diakui sebagaimana yang termaktub dalam Prinsip Rukun Negara yang kelima iaitu Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip yang kelima menuntut setiap individu mengamalkan kesantunan dan kesopanan dalam masyarakat bagi memelihara hubungan yang harmonis dan aman sejahtera. Dalam masyarakat Melayu, kedudukan nilai kesantunan berbahasa sangat tinggi (Munirah et.al, 2019). Berbudi bahasa adalah puncak segala kebaikan dan keindahan dalam kehidupan (Wan Siti & Suhaila, 2019). Budi bahasa juga adalah amalan yang mengukur kemajuan dan ketamadunan bangsa. Bangsa yang mengamalkan budi bahasa menunjukkan bangsa yang maju dan bertamadun (Dayang Fatimah & Siti, 2014).

Menurut Salinah (2019), kesantunan berbahasa adalah peribadi yang mempunyai akhlak yang mulia. Individu yang berakhlak mulia dan murni sentiasa mengamalkan

kesopanan dan kesantunan yang merangkumi kesantunan perbuatan dan perkataan. Penerapan, pembentukan dan penghayatan terhadap akhlak menjadi agenda pendidikan yang sangat penting (Mardzelah, Nor Hasimah, Sawan, Hasanah & Mohamad Fadhli, 2021). Ini jelas berdasarkan hasrat pendidikan negara yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Mardzelah et.al, 2021)

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021).

Usaha ini juga selari dengan Falsafah Pendidikan Islam, iaitu:

Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan As-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat. (Supyan, 2014)

Individu masyarakat yang mampu memberi sumbangan untuk pembangunan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara adalah individu yang dapat menghayati tuntutan akhlak yang mulia (Khairi dan Asmawati, 2010, Saidatul Nadhirah & Mohd Isa, 2020). Oleh itu, amalan kesantunan dan kesopanan berbahasa ketika berinteraksi dengan pihak lain merupakan hasil penghayatan akhlak. Nilai murni boleh dijadikan amalan dan budaya masyarakat bermula daripada pendidikan di sekolah. Membudayakan masyarakat dengan nilai murni melalui kesantunan berbahasa perlu dijadikan aspek penting dalam pendidikan akhlak. Agen sosialisasi di sekolah harus menyediakan suasana yang sesuai bagi menerapkan amalan murni dalam kalangan

murid (Zaitul Azma, 2012). Isu ketidaksantunan dan ketidaksopanan dalam masyarakat melahirkan kebimbangan ramai pihak (Siti Nor Azhani, 2021). Isu amalan kesantunan berbahasa yang dipolimikkan dalam media menggambarkan tahap dan kedudukan akhlak masyarakat. Masyarakat yang maju seharusnya dapat melazimi amalan kesantunan dalam berbahasa (Nawi, 2021). Untuk melahirkan masyarakat yang mempunyai nilai-nilai kesantunan ketika berbahasa, sekolah merupakan medan yang boleh memulakan pembentukannya selain di rumah.

Matlamat utama pendidikan negara bagi melahirkan warganegara yang berakhlak mulia boleh direalisasikan melalui peranan yang dimainkan oleh guru. Guru berperanan dalam menerapkan pembentukan dan penghayatan akhlak murid (Mardzelah, Syawal, Nor Hasimah & Nor Hafizahm 2020). Guru juga berperanan menerapkan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan murid (Zaitul Azma, 2012, Siti Rashidah, Haslina & Zetty, 2016). Kepentingan peranan guru jelas dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Guru:

Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000).

Falsafah Pendidikan Guru menyimpulkan bahawa pembentukan akhlak generasi muda adalah menjadi tanggungjawab para pendidik terutamanya guru Pendidikan Islam (Zaharah, 2005, Zarkhuan, Azmil & Mohamad, 2021). Guru Pendidikan Islam yang berkualiti ialah guru yang memiliki ilmu kandungan, ilmu kaedah dan memiliki penampilan yang baik dari aspek kesantunan berbahasa (Siti Rashidah, et all. 2016).

Amalan kesantunan berbahasa yang diamalkan ketika berinteraksi merupakan antara faktor yang menyumbang kepada kemenjadian murid (Wan Siti & Suhaila, 2019).

1.3 Pernyataan Masalah Kajian

Amalan kesantunan berbahasa mempunyai nilai yang tinggi dalam sesebuah masyarakat. Ia melambangkan keharmonian dan kesejahteraan dalam perhubungan sesama ahli masyarakat (Ahmad Fuad, Khairul Faiz, Hishamudin dan Mashetoh, 2019). Kajian berkaitan amalan kesantunan berbahasa telah lama dijalankan sama ada di Barat atau Timur. Para sarjana di Barat seperti Goffman, 1955, Grice 1967, Leech, 1983 dan Brown dan Levinson, 1987 mempelopori kajian amalan kesantunan berbahasa (Arina dan Indirawati, 2016). Mereka mengetengahkan konsep, pendekatan dan strategi tertentu bagi mengukur corak amalan kesantunan berbahasa dalam masyarakat di Barat. Konsep, pendekatan dan strategi yang dikemukakan dijadikan asas pengukuran dalam kajian kesantunan berbahasa di seluruh dunia sama ada di Barat mahupun di Timur, termasuk kajian-kajian kesantunan berbahasa yang dijalankan dalam masyarakat Islam.

Pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana Barat diadaptasikan dalam kajian yang meninjau bentuk dan tahap amalan kesantunan berbahasa masyarakat di negara Islam. Beberapa pendekatan yang dikemukakan oleh sarjana Barat adalah sesuai dengan masyarakat Islam, namun terdapat juga pendekatan yang kurang sesuai. Islam sebagai agama yang lengkap menyediakan panduan bagi amalan kesantunan berbahasa. Kedudukannya sangat tinggi di sisi Islam. Allah SWT memerintahkan manusia supaya bercakap dengan baik selepas perintah mentauhidkanNya dan perintah berbuat

baik kepada ibubapa, ahli keluarga anak-anak yatim dan orang-orang miskin. Firman Allah SWT dalam ayat 83, surah al-Baqarah:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ
وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا
قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنْتُمْ مُّعْرِضُونَ

Dan ingatlah wahai Muhammad, ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil dengan berfirman: "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan perjanjian setia kamu itu kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Islam sebagai agama yang lengkap menyediakan pendekatan tertentu terhadap amalan kesantunan berbahasa yang meliputi tatacara sebutan, nada, pemilihan perkataan dan sebagainya (Wilda, Dwi Purnanto Djatmika, 2019 dan Wan Siti & Suhaila, 2019). Sehingga kajian ini ditulis, kebanyakan kajian yang dijalankan untuk meninjau amalan kesantunan berbahasa dalam masyarakat Islam masih menggunakan pendekatan yang diketengahkan oleh sarjana Barat.

Contohnya kajian yang dilakukan oleh Mahmoud (2012), pensyarah di Universiti Sains dan Teknologi Jordan, walaupun membuat analisis dokumen ayat-ayat al-Quran untuk mengenalpasti strategi-strategi kesantunan berbahasa yang terdapat dalam al-Quran, beliau menggunakan Model Kesantunan Brown dan Levinson dan Pendekatan Kesantunan Leech. Demikian dengan kajian yang dilakukan oleh Dehghan, M., Soltani dan S., Moqaddasinia (2019). Mereka menjalankan penelitian terhadap dialog yang berlaku antara Nabi Musa AS dan juga Firaun menerusi ayat-ayat al-Quran,

namun strategi yang digunakan sebagai dasar kajian ialah Model Kesantunan Brown and Levinson 1987 dan Model Ketidaksantunan Bahasa Culpeper 1996.

Demikian juga kajian yang dijalankan oleh Hamid et al. (2020) yang meneliti strategi kesantunan berbahasa yang terdapat dalam Surah Yusuf dan al-Kahfi. Kajian ini sangat menarik. Ayat-ayat al-Quran yang berkisar tentang kisah Nabi Yusuf dan pemuda *Ashabul Kahfi* dianalisis untuk mencari strategi kesantunan berbahasa. Namun Hamid et al. (2020) menggunakan Model Pendekatan Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Maksim Kesantunan Leech (1983) sebagai dasar teori bagi mengeluarkan strategi kesantunan berbahasa.

Kajian sarjana yang meneliti pendekatan amalan kesantunan berbahasa menerusi ayat-ayat al-Quran dan Hadis Nabi masih kurang diketengahkan. Justeru penulisan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut perspektif Islam adalah menjadi satu tuntutan dan keperluan sebagaimana saranan Syed Naquib al-Attas dalam gagasan Islamisasi Ilmu pada tahun 1983 (Adam dan Mohamad Firdaus, 2017). Kekurangan dokumentasi ilmiah terhadap konsep, prinsip, strategi dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dalam Islam mungkin mendorong sarjana menggunakan strategi dan pendekatan yang diperkenalkan oleh sarjana Barat sebagai dasar kajian, sedangkan Islam sebagai agama yang lengkap telah menyediakan pendekatan yang relevan sebagai dasar kajian.

Islam menyarankan amalan kesantunan berbahasa diterapkan melalui pendidikan awal oleh ibu bapa (Kisno Umbar, 2019, Hasbullah, Ahmad Yussuf & Fakhrol Adabi, 2020)). Selain ibu bapa, guru berperanan menjadi contoh teladan kepada murid

(Yakcob dan Chua, 2017, Yong, Ku Hasnita, Zatul Himmah, Mohd Daud & Adlina, 2018). Kesantunan berbahasa yang diamalkan oleh guru dalam komunikasi dengan murid bukan sahaja memberikan kesan kepada pengajaran dan pembelajaran malah mempengaruhi penghayatan akhlak murid (Husna, Mohamed Redzwan, Khairul Azam, Anida dan Zulkifli, 2020). Guru yang bercakap dengan lemah lembut dan mesra lebih disukai murid berbanding guru yang bercakap kasar dan garang. Guru yang baik mengamalkan konsep amalan kesantunan berbahasa dalam komunikasi harian dengan murid sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas. Kesantunan berbahasa menjadikan seseorang guru dipandang mulia dan dihormati murid (Saidatul dan Mohd Isa, 2020). Akhlak murid lebih mudah dibentuk jika guru mengamalkan konsep kesantunan berbahasa dalam pengajaran dan pembelajaran. Isu keruntuhan akhlak remaja sekolah dapat diatasi dengan pembentukan akhlak yang baik. Guru Pendidikan Islam (GPI) memainkan peranan yang sangat penting dalam pembentukan dan penghayatan akhlak murid dengan menggunakan kaedah bicara yang berhikmah (Abd. Halim. et all, 2012).

Statistik Jenayah tahun 2021(Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021) melaporkan bahawa remaja lelaki yang terlibat dengan jenayah adalah 90.5 peratus. Menurut laporan Statistik Jenayah, aduan jenayah siber yang diterima oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada 2020 meningkat 99.5 peratus kepada 20,805 aduan (2019: 10,426) termasuk elemen lucah, palsu, jelik, sumbang dan mengancam. Berita Harian pada 20 Mac 2022 melaporkan bahawa berlaku peningkatan jenayah dalam kalangan remaja yang berusia 10 hingga 18 tahun di Kelantan pada tahun 2022. 100 remaja ditangkap kerana kes rogol dan sumbang mahram, manakala 97 orang ditangkap atas kesalahan penyalahgunaan dadah (Berita

Harian, 20 Mac 2022). Utusan Malaysia (29 Mei 2022) melaporkan kejadian jenayah curi, curi kenderaan, mencederakan orang, samun, pecah rumah dan rogol di negeri Johor membabitkan hampir 99 peratus murid remaja. GPI perlu memainkan peranan yang penting untuk membentuk penghayatan akhlak dalam kalangan murid sekolah. Murid yang mengamalkan penghayatan akhlak terhadap Allah, Rasul, diri sendiri, keluarga dan masyarakat terpelihara dari terjebak dalam masalah keruntuhan akhlak. Penerapan akhlak yang baik oleh GPI dilakukan dengan kesantunan bahasa yang menjurus kepada dakwah dan tarbiyyah.

Ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan GPI memberikan kesan negatif terhadap pembentukan akhlak murid. Praptomo Baryadi (2014) memperincikan kesan ketidaksantunan berbahasa terhadap penghayatan akhlak murid. Beliau berpendapat ketidaksantunan dalam berbahasa menjadi halangan kepada pembentukan dan penghayatan akhlak. Beliau membahagikan kesan-kesan negatif tersebut kepada tiga bahagian. Pertama; kesan ke atas psikologi murid. Kedua; kesan kehilangan contoh teladan terhadap guru. Ketiga; kebiasaan murid dengan akhlak yang buruk. Beliau menegaskan ketidaksantunan dalam berbahasa jika sudah menjadi amalan ibu bapa atau guru akan memberikan kesan negatif yang teruk kepada psikologi murid. Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dijalankan bagi meninjau hubungan dan perkaitan amalan kesantunan berbahasa GPI dan penghayatan akhlak murid.

1.4 Objektif Kajian

Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (AKBQ) dijalankan adalah berdasarkan kepada objektif-objektif berikut:

- a) Menganalisis konsep amalan kesantunan berbahasa yang merangkumi kedudukan, tujuan, kandungan dan kaedah menurut al-Quran.
- b) Mengenal pasti pendekatan amalan kesantunan berbahasa menggunakan kaedah *Tafsir Mawdu'iy*.
- c) Mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam.
- d) Mengenal pasti tahap penghayatan akhlak murid yang merangkumi akhlak terhadap Allah, Rasul, diri, keluarga dan masyarakat.
- e) Mengenal pasti hubungan antara amalan kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam dan elemen penghayatan akhlak murid.
- f) Mengenal pasti sumbangan amalan kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam terhadap penghayatan akhlak murid.

1.5 Soalan Kajian

Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (AKBQ) dijalankan bagi menjawab soalan-soalan berikut:

- a) Apakah konsep amalan kesantunan berbahasa yang merangkumi kedudukan, tujuan, kandungan dan kaedah menurut al-Quran?
- b) Apakah pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran?
- c) Apakah tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam?
- d) Apakah tahap penghayatan akhlak murid yang merangkumi akhlak terhadap Allah, Rasul, diri, keluarga dan masyarakat?
- e) Adakah terdapat hubungan antara amalan kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam dan elemen penghayatan akhlak murid?

f) Adakah amalan kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam memberi sumbangan terhadap penghayatan akhlak murid?

1.6 Hipotesis Kajian

Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (AKBQ) mengandungi dua hipotesis iaitu :

H₀₁: Tidak terdapat hubungan signifikan antara amalan kesantunan berbahasa guru dengan penghayatan akhlak murid

H₀₂: Tidak terdapat sumbangan dimensi amalan kesantunan berbahasa guru sebagai peramal terhadap penghayatan akhlak murid

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (AKBQ) merupakan penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran bagi mengetengahkan konsep dan strategi amalan kesantunan berbahasa. Selain itu kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran menganalisis tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam dari perspektif murid. Kajian ini juga mengenalpasti tahap penghayatan akhlak murid di samping mengenalpasti hubungan signifikan yang ada antara amalan kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam (GPI) dan penghayatan akhlak murid. Justeru, kajian AKBQ menyumbang beberapa impak penting kepada pelbagai pihak.

1.7.1 Kepentingan kepada Bidang Ilmu Islam

Kajian-kajian kesantunan berbahasa di Timur dan Barat dijalankan berdasarkan teori dan strategi yang dipelopori oleh sarjana di Barat seperti Brown and Levinson (1980) dan Lakorf (1982). Amalan kesantunan berbahasa juga dianjurkan dalam Islam dengan menyediakan konsep dan strategi tertentu. Namun penulisan ilmiah tentang konsep dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut perspektif Islam tidak banyak didokumentasikan menurut disiplin ilmu. Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (AKBQ) mengetengahkan konsep dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut pandangan Islam. Justeru kajian AKBQ dapat menambah bahan ilmiah dalam bidang ilmu Islam secara umumnya dan dalam kajian amalan kesantunan berbahasa menurut Islam secara khususnya. Kajian AKBQ dapat mengetengahkan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dari perspektif Islam. Konsep AKBQ menekankan kedudukan, tujuan, kandungan dan kaedah amalan dilakukan dalam Islam. Dapatan kajian AKBQ menunjukkan perbezaan dengan konsep yang dikemukakan oleh sarjana Barat yang jelasnya tidak berkaitan dengan empat elemen utama AKBQ. Dapatan juga menunjukkan perbezaan yang jelas dari segi tuntutan amalan ini dilakukan dalam Islam. Islam menuntut diamalkan kesantunan kerana ia adalah perintah Allah, diberi pahala dan dikira berdosa jika menyalahi adabnya. Dalam Islam, amalan kesantunan berbahasa adalah akhlak terpuji yang dianjurkan dengan jelas bukan kerana sebagai amalan murni yang dilakukan kerana naluri kemanusiaan.

1.7.2 Kepentingan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)

Penerapan nilai murni adalah perkara utama yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Antara nilai

murni tersebut ialah amalan kesantunan berbahasa. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sangat menitikberatkan penerapan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidikan. Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dapat membantu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam usaha menerapkan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidikan.

Kajian AKBQ dapat membantu KPM menambah pengetahuan warga pendidikan iaitu pegawai, guru dan murid tentang konsep dan strategi AKBQ. Konsep dan strategi AKBQ yang diketengahkan dapat menjelaskan konsep dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut pandangan Islam dalam kalangan warga pendidikan. Hasil dapatan daripada tinjauan terhadap tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam memberi maklumat kepada pihak KPM keadaan semasa amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru. Ia dijadikan permulaan dan pencetus kepada tinjauan tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru-guru akademik, kepimpinan jabatan-jabatan pendidikan, kepimpinan di KPM seterusnya murid-murid. Hasil dapatan dari kajian AKBQ boleh menjadi rujukan kepada penerapan strategi amalan kesantunan berbahasa di pelbagai peringkat warga pendidikan.

Hasil dapatan daripada tinjauan tahap penghayatan akhlak murid dalam kajian AKBQ boleh memberi maklumat dan gambaran semasa terhadap prestasi penghayatan akhlak murid. Ia membantu KPM meneruskan usaha menerapkan penghayatan akhlak dalam kalangan murid. Dapatan kajian AKBQ yang merumuskan tentang hubungan amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid dapat membantu KPM

membuktikan kepentingan penerapan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru terhadap penghayatan akhlak murid.

Instrumen penghayatan akhlak yang dihasilkan daripada adaptasi beberapa instrumen penghayatan akhlak dalam kajian AKBQ dapat membantu KPM menambah pilihan instrumen untuk meninjau tahap penghayatan akhlak murid.

1.7.3 Kepentingan kepada Institusi Pendidikan

Konsep dan strategi AKBQ yang diketengahkan dapat membantu institusi pendidikan seperti Institut Pendidikan Guru (IPG), universiti, kolej dan sekolah menambah pengetahuan tentang konsep dan strategi amalan kesantunan berbahasa yang dianjurkan dalam Islam. Ia dapat membantu pihak institusi pendidikan membina rujukan sebagai mekanisme yang mengukur tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidikan.

Dapatan tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kajian AKBQ memberi maklumat awal kepada pihak institusi pendidikan tentang situasi semasa amalan kesantunan berbahasa guru. Ia boleh menjadi dorongan kepada pelaksanaan kajian yang sama untuk mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga institusi pendidikan. Dapatan tahap penghayatan akhlak murid dalam kajian AKBQ boleh mendorong institusi pendidikan membuat kajian yang sama bagi mengenal pasti tahap penghayatan akhlak murid di institusi pendidikan lain.

Dapatan kajian AKBQ yang mengenalpasti kewujudan hubungan signifikan antara amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid membantu institusi

pendidikan memperkasakan lagi usaha penerapan amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru bagi mengoptimumkan tahap penghayatan akhlak murid.

1.7.4 Kepentingan kepada Guru

Kajian ini dapat membantu para guru dalam menambah ilmu pengetahuan tentang konsep dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut ayat-ayat al-Quran. Guru boleh menggunakan strategi amalan kesantunan berbahasa yang diketengahkan dalam kajian AKBQ dan mengaplikasikan instrumen yang dibina ketika berinteraksi dengan murid. Dapatan kajian AKBQ tentang tahap amalan kesantunan berbahasa guru dapat memberi gambaran semasa kepada para guru dan menjadi dorongan untuk mengamalkan kesantunan berbahasa. Dapatan kajian AKBQ juga memberi maklumat kepada guru tentang hubungan antara amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid. Ini mendorong guru supaya terus beramal dengan kesantunan berbahasa kerana ianya mempengaruhi penghayatan akhlak murid.

1.7.5 Kepentingan kepada Murid

Kajian AKBQ dapat membantu murid memahami kepentingan amalan kesantunan berbahasa dalam perhubungan. Kajian AKBQ juga menambah pengetahuan murid tentang konsep dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Strategi amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran yang diketengahkan dalam kajian AKBQ membantu murid mengamalkan amalan kesantunan berbahasa terutamanya ketika berkomunikasi dengan guru, rakan, ibubapa dan masyarakat. Dapatan kajian AKBQ membantu murid memahami peranan amalan kesantunan berbahasa terhadap penghayatan akhlak. Instrumen Penghayatan Akhlak Murid (IPAM) yang dihasilkan

dalam kajian AKBQ membantu murid menilai tahap penghayatan akhlak terhadap Allah, Rasul, keluarga, diri dan masyarakat. Ia dapat membantu murid memperbaiki diri dan akhlak.

1.7.6 Kepentingan kepada Masyarakat

Kajian AKBQ dapat memberi nilai tambah ilmu kepada masyarakat. Konsep AKBQ yang diketengahkan menambah pengetahuan masyarakat terhadap penganjuran amalan kesantunan berbahasa dalam Islam. Pendekatan AKBQ menambah pengetahuan masyarakat tentang pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam ajaran Islam. Masyarakat boleh menggunakannya sebagai rujukan dan mengaplikasikannya untuk mengukur tahap amalan kesantunan berbahasa diri dan organisasi. Contohnya, Kementerian Kesihatan Malaysia boleh menggunakan pendekatan AKBQ sebagai alternatif kaedah untuk mengukur tahap amalan kesantunan berbahasa jururawat atau doktor ketika berkomunikasi dengan pesakit.

1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian amalan kesantunan berbahasa ini adalah gambaran tentang hubungan antara beberapa pendekatan dan teori yang dijadikan asas kepada kajian. Rajah 1.1 menunjukkan beberapa pendekatan teori yang digunakan sebagai sandaran kepada metodologi kajian. Kajian ini adalah untuk mengetengahkan interpretasi ayat-ayat al-Quran bagi mengeluarkan pandangan Islam terhadap konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Penginterpretasian ini adalah berdasarkan kaedah *Tafsir Mawdu'iy* yang dimasyhurkan oleh al-Ma'iy (1983), al-Farmawiy (1977, 1991), al-Zayn (1994) dan al-Khalidiy (2001). Penelitian ayat-ayat al-Quran yang

berkaitan dengan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dipilih berdasarkan kepada kajian-kajian terdahulu. Al-Qahtani (2005) menyandarkan perkataan kesantunan kepada perkataan *halim*, perkataan yang terdapat dalam ayat 114, surah al-Taubah, dalam ayat 155 surah Ali-‘Imran dan ayat 59. Surah al-Hajj. Mahmud al-Mishri (2009) memberi erti kesantunan sebagai *al-rifq*.

Huraian tafsir dirujuk kepada buku-buku tafsir ulama` *mufassirin* yang terkenal seperti Tafsir Jami’ul Bayan (Al-Tabariy, 2008), Tafsir al-Qurtubiy (1967), Tafsir Ibnu ‘Arabiyy (1978), Tafsir Ibnu ‘Asyur (1984), Tafsir al-Şabuniy (1990), Tafsir Jalalain (Al-Suyuti, 1990), Tafsir al-Munir (al-Zuhailiy, 1991), Jadual fi ‘I’rab al-Quran (Muhammad Sofiy (1991), Al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaz al-Karim (Muhammad Fuad, 1992), Tafsir al-Baḥru al-Muḥiṭ (Al-Andalusiy, 1993), Asbab al-Nuzul (Al-Niysaburiy, 1994), Tafsir Ṭantawiy (Al-Tantawiy, 1998), Tafsir Ibnu Kathir (1999), Tafsir Fi Zilalil Quran (Sayyid Qutb, 2000), Tafsir al-Maraghiy (2008), Tafsir al-Kassiyaf (2013) , Tafsir Al-Sa’adiy (2013) dan Tafsir Al-Sya’rawiy (2013).


Pandangan ulama` *mufassirin* ini digunakan untuk menjelaskan tafsiran ayat-ayat al-Quran tentang konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa.

Selain meneroka konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dalam al-Quran seterusnya membentuk konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa untuk diaplikasikan sebagai instrumen pengukuran dalam kalangan guru pendidikan Islam, penyelidik seterusnya meninjau pandangan-pandangan sarjana terdahulu yang muktabar terhadap komponen penghayatan akhlak dalam Islam. Kajian ini merujuk kepada komponen penghayatan akhlak yang dikemukakan oleh Darraz, seorang pakar falsafah akhlak dalam Islam yang telah membuat kajian Doktor Falsafah keduanya

selepas Kajian al-Quran. Darraz menerusi kajiannya pada tahun 1973 iaitu *Dustur al-Akhlak fi Al-Quran: Dirasah Muqaranah li al-Akhlak fi al-Quran*, telah mengemukakan kefahamannya terhadap komponen penghayatan akhlak. Kajiannya yang tersebut telah dibukukan dengan tajuk *Dustur al-Akhlak fi al-Quran* dan diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia oleh Mohd. Sulaiman Yasin pada tahun 1987. Buku ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Darraz (1987) mengetengahkan komponen akhlak menurut al-Quran. Darraz mengemukakan lima pendekatan akhlak iaitu akhlak terhadap diri sendiri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat, akhlak terhadap alam dan akhlak terhadap Allah SWT. Pendekatan akhlak Darraz telah menjadi panduan dan rujukan utama dalam pembelajaran akhlak al-Qaradhawi (1985), buku Asas-asas dalam pendidikan Islam oleh Hassan Langgulung (1991) dan buku Falsafah Akhlak yang ditulis oleh Mohd Nasir (2010). Pemikiran falsafah akhlak Darraz juga menjadi asas rujukan ramai sarjana yang membuat kajian berkaitan akhlak seperti kajian Azhar (2006), Azma (2006), Ahmad Munawar (2009), Asmawati (2009), Khairi (2011,2016), Mardzelah (2012, 2013, 2014,2021), Jimain (2012), Fahmi (2019), Huzili (2020) dan lain-lain. Perbincangan tentang penghayatan akhlak juga merujuk kepada pandangan Said Hawa (1987), al-Ghazali (1997), Abu Ghuddah (2001), Hamka (2003), al-Jaza'iriy (2008) dan Mahmud al-Mishriy (2008) dalam menginterpretasi pendekatan akhlak dalam Islam. Pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang dibina dihubungkan dengan penghayatan akhlak untuk melihat sumbangan dan kesan amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid. Rajah 1.1 menjelaskan kerangka teori kajian yang menjadi dasar teori kajian.

Rajah 1.1

Kerangka Teori Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran



1.9 Kerangka Konsep Kajian

Kajian amalan kesantunan berbahasa ini adalah satu kajian Analisis dokumen al-Quran yang menggunakan kaedah *Tafsir Mawḍu'iy* Penelitian terhadap ayat-ayat dilakukan dengan merujuk kepada huraian dan tafsiran perkataan, frasa dan ayat yang dikemukakan oleh barisan ulamak tafsir yang masyhur seperti Tafsir Jami'ul Bayan (Al-Tabariy, 2008), Tafsir al-Qurtubiy (1967), Tafsir Ibnu 'Arabiy (1978), Tafsir Ibnu 'Asyur (1984), Tafsir al-Ṣabuniy (1990), Tafsir Jalalain (Al-Suyuti, 1990), Tafsir al-Munir (al-Zuhailiy, 1991), Jadual fi 'I'rab al-Quran (Muhammad Sofiy (1991), Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Karim (Muhammad Fuad, 1992), Tafsir al-Baḥru al-Muḥit (Al-Andalusiy, 1993), Asbab al-Nuzul (Al-Niysaburiy, 1994), Tafsir Ṭanṭawiy (Al-Tantawiy, 1998), Tafsir Ibnu Kathir (1999), Tafsir Fi Zilalil Quran (Sayyid Qutb, 2000), Tafsir al-Maraghiy (2008), Tafsir al-Kassyaf (2013), Tafsir Al-Sa'adiy (2013) dan Tafsir Al-Sya'rawiy (2013).

Penelitian pertama dilakukan untuk mengeluarkan konsep amalan kesantunan berbahasa menurut ayat-ayat al-Quran menerusi kaedah *Tafsir Mawḍu'iy*. Penelitian kedua dilakukan terhadap ayat-ayat al-Quran untuk mengenal pasti pendekatan amalan kesantunan berbahasa secara lebih khusus. Agama Islam yang lengkap telah

menyediakan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang relevan untuk semua masyarakat di semua tempat dan sesuai untuk setiap zaman. Konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang ditemukan dari ayat-ayat al-Quran dirujuk terlebih dahulu kepada panel pengesahan yang berkenaan.


Berdasarkan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang telah melalui proses pengesahan, instrumen amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dibina untuk diaplikasikan dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). Instrumen yang dibina adalah melalui proses pengesahan konstruk, subkonstruk dan item oleh sebilangan panel pengesahan. Seterusnya instrument amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran ditadbir kepada sejumlah respon yang terdiri daripada murid-murid tingkatan empat di beberapa buah sekolah menengah agama di negeri Kedah. Sekolah yang terlibat adalah Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) dan Sekolah Menengah Agama Swasta (SMAS). Instrumen amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran ditadbir kepada murid untuk mengenalpasti tahap amalan kesantunan berbahasa GPI menurut perspektif murid.

Selain membina instrumen amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran, kajian ini dilanjutkan dengan membina instrumen penghayatan akhlak murid (IPAM). Sebelum Instrumen (IPAM) dibina, pandangan sarjana berkaitan dengan akhlak dirujuk terlebih dahulu seperti pandangan Darraz (1973), al-Qaradhawi (1985), Sa'id Hawa (1987), al-Ghazaliy (1997), Abu Ghuddah (2001), Hamka (2003), al-Jaza'iriy (2008), Mahmud al-Mishriy (2008) dan Mohd Nasir (2010). Selain itu, kajian-kajian

penghayatan akhlak yang telah dilakukan oleh sarjana lain juga dirujuk sebagai panduan membina instrumen (IPAM) seperti kajian Asmawati (2007, 2009, 2015, 2017), Ahmad Munawwar (2008), Mohd Zailani (2009), Rosnaaini (2010), Mardzelah (2012, 2014, 2016, 2019, 2021) dan lain-lain. Instrumen yang terbentuk dilakukan proses pengesahan pakar sebelum dilakukan proses pengesahan kebolehbacaan. Seterusnya IPAM ditadbir kepada sebilangan jumlah respon yang terdiri daripada murid- murid tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah agama yang terpilih di negeri Kedah. Tujuan instrumen (IPAM) ditadbir kepada mereka adalah untuk mengenal pasti tahap penghayatan akhlak murid.

Setelah kedua-dua instrumen soal selidik dijalankan kepada murid dan dapatan kajian diperolehi, kajian diteruskan untuk mengenalpasti adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan kesantunan berbahasa dan penghayatan akhlak murid. Hubungan signifikan di antara amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid perlu dikenalpasti bagi membuktikan kesahan hipotesis kajian yang menafikan terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan kesantunan berbahasa dan penghayatan akhlak pelajar. Seterusnya dapatan kajian akan membuktikan adakah amalan kesantunan berbahasa mempunyai kesan dan mempengaruhi penghayatan akhlak murid. Dapatan kajian ini akan membantu bidang pendidikan bagi memperkasakan pelaziman amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidikan bahkan menjadi satu dokongan dan sokongan kepada pemerkasaan nilai murni ini dalam kalangan masyarakat. Rajah 1.2 menjelaskan kerangka konsep kajian.

Rajah 1.2
Konsep Kajian



1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional dalam kajian ini merangkumi amalan kesantunan berbahasa, Analisis dokumen al-Quran, *Tafsir Mawdu'iy*, Guru Pendidikan Islam (GPI) dan penghayatan akhlak.

1.10.1 Amalan Kesantunan Berbahasa

Kesantunan berbahasa adalah merujuk kepada penggunaan bahasa sehari-hari yang tidak menimbulkan kegusaran, kemarahan dan rasa tersinggung (Asmah, 2000). Awang Sariyan (2007) menjelaskan bahawa kesantunan berbahasa adalah merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, dan beradab. Amalan kesantunan

berbahasa dalam kajian ini adalah meliputi konsep dan pendekatan yang dibincangkan oleh sarjana-sarjana dari Timur dan Barat, namun konsep dan pendekatan yang dijadikan dasar kepada kajian ini adalah berdasarkan al-Quran. Ia juga melibatkan amalan kesantunan berbahasa dan komunikasi guru.

1.10.2 Analisis Dokumen al-Quran

Analisis dokumen ialah salah satu kaedah yang digunakan dalam bidang kajian dokumentasi terhadap al-Quran. Analisis dokumen al-Quran merupakan kajian terhadap ayat-ayat al-Quran dengan pelbagai. Analisis dokumen al-Quran dalam kajian ini adalah analisis terhadap ayat-ayat terpilih yang berkaitan dengan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dengan menggunakan kaedah *Tafsir Mawdu'iy*.

1.10.3 Analisis *Tafsir Mawdu'iy*

Muslim (1997) mendefinisikan *Tafsir Mawdu'iy* sebagai satu ilmu yang mengkaji sesuatu permasalahan atau isu berdasarkan tujuan-tujuan al-Quran dengan mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan tema permasalahan tersebut. Definisi ini hampir sama dengan definisi yang dikemukakan oleh Sa'id, (1991) iaitu ilmu yang mengkaji tentang sesuatu tema berdasarkan al-Quran dengan kaedah mengumpulkan ayat-ayat atau tema yang berkaitan, seterusnya memahami ayat-ayat tersebut secara mendalam sebelum mengeluarkan hasil yang berupa pandangan al-Quran terhadap tema tersebut. Definisi *Tafsir Mawdu'iy* diperincikan oleh sarjana yang lain seperti al-Farmawiy (1977), al-Alma'iy (1983) dan al-Khalidiy, 1991). Mereka berpendapat bahawa *Tafsir Mawdu'iy* merupakan kaedah pentafsiran al-

Quran dengan mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan sesuatu tema, disusun mengikut urutan penurunannya dan meneliti *asbab al-nuzul* dan kesesuaiannya, hubungan dan keserasian ayat dengan ayat yang lain. *Tafsir Mawdu'iy* dalam kajian ini digunakan sebagai kaedah untuk mengenal pasti konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa.

1.10.4 Guru-guru Pendidikan Islam (GPI)

Guru-guru Pendidikan Islam (GPI) dalam kajian ini ialah guru-guru yang mengajar mata pelajaran bahasa Arab atau Pendidikan Islam atau Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah atau Pendidikan Syariah di sekolah menengah agama termasuk sekolah menengah kebangsaan agama, sekolah menengah agama bantuan kerajaan, sekolah menengah agama rakyat dan sekolah menengah agama swasta. Guru Pendidikan Islam ialah guru yang memperolehi ikhtisas perguruan samada di peringkat diploma atau sarjana muda atau kursus perguruan lepas ijazah atau kursus perguruan lepasan diploma dan lain- lain yang setaraf bagi mengajar mata muridan Pengajian Islam dalam bidang yang pelbagai. Antara bidang yang termasuk dalam Pengajian Islam termasuklah Tilawah al- Qur'an, Hafazan, Tajwid, Sirah, Tauhid, Akhlak dan Fekah.

1.10.5 Penghayatan Akhlak.

Akhlak membawa maksud gambaran dalaman seseorang individu yang diterjemahkan secara zahir dan akan melahirkan perkiraan dosa serta pahala (Ibn Manzur, 1956). Akhlak yang terdapat dalam jiwa seseorang akan mendorong pemiliknya melakukan sesuatu tanpa melihat kepada persekitarannya dan dilakukan dengan mudah (Miskawaih 1961). Kebaikan yang dilakukan kepada pihak lain adalah hasil

penghayatan akhlak yang disandarkan kepada keimanan (Al-Ghazali, 1997). Akhlak ialah satu set kepercayaan, peraturan dan sistem berkaitan tingkah laku dan moral manusia yang menentukan tindakan seseorang itu sama ada baik atau buruk, benar atau salah, diterima atau tidak dalam Islam (Ab. Halim, 2000). Kepercayaan tersebut adalah bersumberkan sifat-sifat dalaman atau rohani yang menjadi penggerak kepada tingkah laku luaran (Zaharah, 2008). Penghayatan akhlak ialah satu bentuk tindakan sama ada perbuatan atau perkataan yang dinilai baik dalam Islam hasil daripada keimanan kepada Allah SWT yang dikaitkan dengan pihak lain dalam bentuk sumbangan. Penghayatan akhlak dalam kajian ini ialah merujuk kepada kebaikan yang dilakukan kepada pihak lain yang merangkumi rakan, keluarga, masyarakat, negara dan alam sekitar.

1.11 Batasan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti empat perkara utama. Pertama, analisis dokumen al-Quran melalui *Tafsir Mawdu'iy* digunakan terhadap ayat-ayat al-Quran bagi mengenal pasti tema-tema pembentukan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Sebelum ini, kajian mengenal pasti konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang dilakukan oleh sarjana lain, tidak menggunakan kaedah analisis *Tafsir Mawdu'iy*. Justeru agak sukar bagi pengkaji untuk pertama kalinya menggunakan analisis *Tafsir Mawdu'iy* bagi mengenal pasti konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Namun, terdapat kajian-kajian tasawwur Islam yang lain yang telah menggunakan kaedah analisis *Tafsir Mawdu'iy* seperti kajian Syukri (2012). Pengkaji merujuk kepada kaedah yang digunakan ini. Analisis *Tafsir Mawdu'iy* menggunakan kitab-kitab tafsir yang muktabar dan kitab-kitab rujukan akhlak yang relevan. Rujukan kepada kitab-

kitab tafsir yang pelbagai kaedah persembahan memberikan maklumat yang berbeza. Namun kebanyakan kitab tafsir menghuraikan perkara yang sama terutamanya apabila menafsirkan fungsi dan peranan sesuatu perkataan dalam al-Quran. Ini kerana penulis kitab-kitab tafsir selain memberikan pandangan, mereka juga saling merujuk kepada penulis-penulis yang lain. Ini adalah kelebihan mereka, ulama` *mufassirin* yang terkenal warak dan merendah diri. Justeru kadang-kadang pengkaji akan mendatangkan kupasan yang sama walaupun merujuk lebih dari sepuluh buah kitab tafsir yang berbeza. Selain dari merujuk tafsiran ayat kepada koleksi kitab tafsir yang dimiliki, pengkaji turut menggunakan perkhidmatan 'maktabah online' seperti 'maktabah syamilah'. Pengkaji turut menggunakan kitab-kitab hadis sebagai rujukan tambahan huraian sesuatu ayat dan rujukan komponen akhlak. Pengkaji juga merujuk kepada senarai pandangan ulama` tentang komponen akhlak melalui kitab-kitab akhlak yang terkenal.

Kedua, kajian lapangan dilakukan untuk mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) sekolah menengah agama di negeri Kedah dari persepsi murid. Pemilihan GPI sahaja sebagai item kajian adalah berdasarkan pandangan penyelia dan pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Kekangan yang dihadapi ialah ketika memilih sekolah-sekolah agama yang terlibat untuk dijadikan tempat kajian. Di Kedah, terdapat enam kategori sekolah menengah agama, iaitu SMKA, SABK, SBPI, SMAN, SMAS dan SMAR. Melalui perbincangan dengan pegawai di JPN Kedah, pengkaji memilih beberapa sekolah mengikut kategori yang difikirkan sesuai sebagai tempat kajian. Murid-murid tingkatan empat dari sekolah-sekolah menengah agama yang berbeza di seluruh negeri Kedah diambil sebagai sampel kajian. Pemilihan murid di tingkatan empat berbanding murid lain di

sekolah menengah adalah kerana tahap mereka yang sedang menuju kedewasaan dengan merujuk pandangan ulama`. Ini membantu mengesahkan validiti kajian yang dilakukan, kerana pengkaji bukan memilih sampel dan populasi mengikut paadangan sendiri, sebaliknya merujuk kepada pandangan pihak yang berkaitan. Instrumen yang digunakan adalah dibina dari dapatan objektif pertama dan kedua iaitu konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Dapatan analisis *Tafsir Mawdu'iy* konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran adalah umum yang lebih menjurus kepada bahasa, sedangkan instrumen yang dibina adalah melibatkan guru dan pendidikan. Ini adalah kekangan yang dihadapi oleh pengkaji. Justeru pembinaan instrumen AKBQ dilakukan dengan melalui pelbagai tahap yang berbeza bermula dari pengumpulan indikator sehinggalah pemurnian dan pengesahan item dalam instrumen oleh barisan pakar yang dipilih mengikut bidang. Kekangan yang dihadapi oleh pengkaji juga adalah apabila tidak dapat bertemu muka dengan sebilangan pakar pengesahan pembinaan item yang tinggal jauh. Hanya dengan penghantaran bahan melalui email dan perbincangan di telefon. Pengkaji memang bertemu sendiri dan berbincang dengan panel pakar pengesahan pembinaan item yang berdekatan. Selain itu, pengkaji juga melakukan ujian normaliti, kajian rintis, KMO dan CFA bagi tujuan pengesahan, ketekalan dalaman dan kebolehpercayaan instrumen.

Ketiga, kajian lapangan yang dilakukan adalah untuk mengenal pasti tahap penghayatan akhlak murid-murid tingkatan empat di sekolah yang sama. Instrumen penghayatan akhlak murid (IPAM) diadaptasi dari lima buah instrumen penghayatan akhlak yang telah dibina oleh sarjana lain. Pengkaji membuat ujian normaliti, kajian rintis, KMO dan CFA bagi tujuan pengesahan, ketekalan dalaman dan

kebolehpercayaan instrumen. Keempat, kajian dilakukan bagi mengenal pasti hubungan dan sumbangan amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid. Ujian regresi berganda digunakan untuk mencapai objektif ini.

Secara umumnya, asal kajian yang dilakukan ini adalah lebih kepada kaedah kualitatif iaitu ingin mencapai objektif pertama dan kedua. Namun kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif apabila instrumen yang dibina perlu ditadbir kepada populasi kajian bagi mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa GPI dan tahap penghayatan akhlak murid. Batasan kajian ini juga telah melebar kepada objektif kelima dan keenam iaitu mengenal pasti hubungan dan kesan amalan kesantunan bahasa GPI terhadap penghayatan akhlak murid.

1.12 Penutup

Kesantunan berbahasa ialah nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat sama ada di Barat mahupun di Timur. Semua masyarakat menyanankan kesantunan berbahasa diamalkan bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian. Pelbagai kaedah dan strategi diketengahkan sebagai pengukuran corak dan amalan kesantunan berbahasa. Islam sebagai agama yang lengkap menyediakan konsep dan pendekatan tertentu sebagai panduan amalan kesantunan berbahasa. Al-Quran menerusi ayat-ayat tertentu menganjurkan amalan kesantunan berbahasa. Menerusi analisis *Tafsir Mawḍu'iy* konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut perspektif al-Quran diketengahkan. Konsep dan pendekatan yang diketengahkan dijadikan panduan dalam amalan.

Amalan kesantunan berbahasa perlu terus diterapkan dalam masyarakat bagi menjamin kelangsungan keharmonian dan kesejahteraan. Penerapannya perlu dilakukan menerusi pendidikan. Selain ibubapa sekolah memainkan peranan yang penting bagi memastikan penerapannya. Guru adalah individu yang menjadi contoh teladan amalan kesantunan berbahasa. Amalan kesantunan berbahasa guru mempengaruhi penghayatan akhlak murid. Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dalam bab berikutnya akan menyelusuri pendekatan dan strategi yang dikemukakan oleh sarjana-sarjana di Barat dan Timur sebelum mengupas pendekatan yang disediakan dalam al-Quran.



BAB DUA

ULASAN KEPUSTAKAAN

2.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang konsep dan pendekatan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Sebelum itu, pandangan sarjana-sarjana di Barat dan Timur terhadap konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa turut dibincangkan. Pendedahan konsep kesantunan berbahasa berikutnya dibuat lebih khusus dan mendalam dengan menganalisis ayat-ayat al-Quran. Seterusnya perbincangan secara terperinci dilakukan bagi mendedahkan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang terkandung dalam al-Quran. Ini diikuti dengan perbincangan tentang kajian-kajian yang berkaitan yang pernah dilakukan tentang amalan kesantunan berbahasa yang lebih bersifat aplikasi kepada teori dan pendekatan yang disandarkan. Bab ini juga membincangkan konsep penghayatan akhlak dalam kalangan murid di samping kupasan terhadap hubungan dan kesan amalan kesantunan berbahasa terhadap penghayatan akhlak murid.

2.2 Analisis dokumen al-Quran

Kajian dokumentasi al-Quran, hadis, kitab-kitab agama boleh dilakukan sama ada menggunakan kaedah Analisis dokumen, perbandingan, kajian persejarahan terhadap isi dan tafsiran al-Quran dan pelbagai kitab tafsir (Ahmad Sunawari 2015).

Al-Khalidiy (2001) mengetengahkan lima peringkat Analisis dokumen ayat-ayat al-Quran. Al-Khalidiy (2001) menganjurkan tujuh peringkat untuk memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran. Peringkat pertama ialah *mulahazah adab tilawah* yang menganjurkan pemahaman terhadap ayat al-Quran dimulai dengan memahami


dan meraikan adab dan peraturan membaca ayat-ayat al-Quran. Peringkat kedua ialah *tilawah surah* iaitu membaca ayat atau surah bertujuan memahami dan menghayati tanpa mendahulukan kuantiti ayat yang dibaca. Peringkat kedua menuntut kualiti bacaan dan pemahaman terhadap ayat. Peringkat ketiga ialah *wuquf tadabbur* iaitu pemerhatian yang dilakukan ketika meneliti ayat-ayat bacaan. Tadabbur memerlukan pemerhatian secara mendalam terhadap mesej yang terdapat dalam ayat-ayat yang dibaca sehingga bacaan diulang-ulang bagi memahami dan menghayati serta menjiwai keseluruhan ayat.

Peringkat keempat ialah *nazrah tafsiliyyah*. Pada peringkat ini, penelitian dibuat terhadap ayat, susunan ayat, struktur ayat dan kesinambungan antara ayat. Di samping itu *nazrah tafsiliyyah* memerlukan penelitian kepada sebab penurunan ayat, derivasi (*i'rab*) ayat, *mulahazah* makna ayat dan tafsiran secara mendalam. Peringkat kelima ialah *mulahazah al-bu'du al-waqi'iy*. Peringkat ini menganjurkan penghayatan terhadap kefahaman ayat-ayat al-Quran dilakukan dengan mempraktikkan pengajaran yang diperolehi dalam situasi kehidupan semasa. Seluruh penghayatan terhadap ayat-ayat yang dibaca dijadikan panduan praktikal dalam kehidupan harian. Peringkat keenam ialah *'audah fahmi salaf* iaitu pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran dilakukan dengan mengkaji penghayatan para *salafussoleh* terutamanya para sahabat Rasulullah SAW dalam kehidupan mereka. Peringkat ini menuntut pemerhatian dilakukan kepada kisah-kisah para *salafussoleh* mempraktikkan kefahaman mereka terhadap sesuatu ayat al-Quran. Peringkat ketujuh ialah *'itla' ara' mufasirin* iaitu meneliti pandangan para *mufasirin* terhadap huraian dan syarahan sesuatu ayat. Huraian dan syarahan mereka melibatkan sebab penurunan ayat, tafsiran makna

perkataan, frasa, ayat, surah dan sebagainya yang melibatkan *'ulum al-Quran*. Rajah 2.1 menjelaskan Pendekatan Al-Khalidiy.

Rajah 2.1

Analisis Dokumen Ayat al-Quran (al-Khalidiy, 2001)



Kesimpulannya, terdapat lima peringkat dalam analisis dokumen al-Quran menurut Al-Khalidiy. Pertama, tilawah. Analisis dokumen al-Quran dimulakan dengan membaca keseluruhan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan amalan kesantunan berbahasa yang diperolehi daripada kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan merangkumi karya-karya lepas yang ditulis oleh sarjana-sarjana yang terlibat seperti sarjana bahasa al-Quran, sarjana tafsir, ulum al-Quran dan lain-lain. Ayat-ayat berkaitan amalan kesantunan berbahasa juga diperolehi daripada rujukan terhadap ensiklopedia mufradat al-Quran, ensiklopedia akhlak dan sebagainya.

Peringkat kedua Analisis dokumen al-Quran tentang amalan kesantunan berbahasa ialah tadabbur. Pemahaman terhadap ayat-ayat al-Quran perlu melalui proses tadabbur. Tadabbur bermaksud meneliti setiap perkataan dan maknanya di samping

memikirkan dengan hati supaya dapat memahami kandungan mesej yang berbentuk suruhan dan larangan (al-Suyuti, 1999). Di dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang menyebut tentang tadabbur antaranya ialah ayat 29, surah Şad, iaitu:

كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُوا الْأَلْبَابِ

Al-Quran ini sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu, Kitab yang banyak faedah dan manfaat untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna.


Dalam ayat tersebut, Allah SWT menjelaskan bahawa al-Quran ialah sebuah kitab yang mengandungi panduan, manhaj dan keberkatan. Kandungan ayat-ayat al-Quran akan menjadi panduan kepada orang-orang yang berakal iaitu orang-orang yang mampu memikirkan mesej dan makna yang hendak disampaikan oleh Allah SWT (Ibnu Kathir, 1999).

Peringkat ketiga proses menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan amalan kesantunan berbahasa ialah *tarkib*. *Tarkib* ialah kalimah yang merujuk kepada usaha mengkategorikan ayat-ayat al-Quran kepada tema-tema terpilih yang dapat disesuaikan dengan sesuatu tujuan kajian.

Peringkat keempat Analisis dokumen ayat-ayat al-Quran ialah tafsir iaitu melibatkan usaha pentafsiran makna dan mesej ayat-ayat terpilih. Usaha memahami maksud dan mesej ayat-ayat al-Quran dilakukan dengan merujuk kitab-kitab tafsir yang menggunakan metodologi Tafsir *Bil Ma`thur* dan Tafsir *Bil Ra`yi*. Kesemua lima peringkat memahami al-Quran dapat dihuraikan melalui Rajah 2.2 di bawah:

Rajah 2.2

Analisis Dokumen Ayat Al-Quran (Adaptasi Al-Khalidiy, 1985)



2.3 Tafsir Mawḍu'iy

Tafsir Mawḍu'iy ialah istilah yang terbina daripada dua perkataan iaitu perkataan tafsir dan perkataan Mawḍu'iy (al-Alma'iy, 1983, al-Khalidiy, 2001). Sebahagian besar sarjana bahasa Arab menyatakan bahawa perkataan “tafsir” adalah berasal dari perkataan “fasara”, yang kemudiannya menjadi “fassara” (Ibn ‘Asyur, 1984). Perkataan “fassara” mempunyai pelbagai makna. Antaranya ialah menjelaskan, penerangan, menerangkan, menyatakan dan membukakan (al-Sabuniy, 1981, al-Alma'iy, 1983, al-Qattan, 1993). Ia juga bermakna “mendedahkan sesuatu yang tersembunyi dan sukar difahami (al-Qattan, 2000).

Al-Suyuti (1990) berpendapat bahawa perkataan “*tafsir*” berasal daripada kata kerja “*fasara*” yang diterbalikkan menjadi “*safara*” yang membawa makna “membuka, menyingkap, menerangkan dan menjelaskan (Ibn Manzur, 1956). Al-Andalusiy (1993), mentakrifkan perkataan “*tafsir*” sebagai ilmu yang membahaskan tentang

kaedah penyebutan lafaz-lafaz al-Quran, pengertian (*dilalat*) lafaz-lafaz, hukum-hukum dan makna-makna, *asbab nuzul*, *nasakh* dan *mansukh* dan sebagainya. Tafsir juga didefinisikan sebagai ilmu yang membantu bagi memahami kandungan ayat-ayat al-Quran dengan menjelaskan makna-maknanya, hikmah-hikmahnya dan hukum-hakamnya (al-Suyuti, 1985, Ibn 'Asyur, 1984, al-Khalidiy, 2000). Al-Zarqaniy (2018) mendefinisikan perkataan tafsir sebagai ilmu yang membicarakan tentang al-Quran dari segi *dilalat* kepada yang dikehendaki oleh Allah sekadar kemampuan manusia. Al-Zamakhshariy (2013) pula mentakrifkan perkataan tafsir sebagai memahami kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, menerangkan maknanya dan mengeluarkan hukum-hakamnya serta hikmah-hikmahnya.

Daripada pelbagai definisi tentang tafsir dapat dirumuskan bahawa tafsir adalah satu ilmu yang digunakan bagi mengkaji kandungan ayat-ayat al-Quran seterusnya memahami makna dan panduan yang dinyatakan. Seorang pentafsir adalah berusaha untuk memahami panduan yang ada dalam al-Quran dan cuba mencari kebenaran. Hasil pencarian kebenaran daripada terhadap ayat-ayat al-Quran merupakan intepretasi pentafsir sendiri dan bukanlah penentu kebenaran (Syukri, 2013). Intepretasi yang diperolehi di antara pentafsir mungkin berbeza berdasarkan situasi atau latar belakang budaya, keilmuan masing-masing. Hasil intepretasi yang diperolehi bukanlah sesuatu yang muktamad.

Aktiviti pentafsiran ayat al-Quran telah berlaku seawal zaman Rasulullah SAW. Rasulullah SAW apabila mendapat wahyu daripada Allah SWT, baginda akan terus menyampaikannya kepada para sahabat di samping menghuraikan dan menjelaskan makna ayat-ayat tersebut. Baginda menafsirkan ayat berpandukan wahyu dan ilham

yang diperolehi. Seterusnya para sahabat menyampaikan pentafsiran ayat yang diperolehi daripada Rasulullah SAW kepada orang lain melalui *musyafahah* iaitu dari mulut ke mulut (Al-Qattan, 2000). Setelah para sahabat menghafaz tafsiran ayat, barulah baginda Rasulullah SAW mengizinkan mereka mencatat hadis-hadis tafsir. Demikian juga aktiviti pentafsiran ayat al-Quran yang berlaku dalam kalangan para sahabat. Mereka berusaha memahami tafsiran yang diperolehi dari Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun tidak semua sahabat sanggup dan mampu untuk memperolehi hadis tafsir. Al-Suyuti (1988) menyenaraikan sepuluh orang sahabat yang terkemuka dalam bidang tafsir. Mereka ialah Sayyidina Abu Bakar al-Şiddiq, Sayyida ‘Umar al-Khattab, Sayyidina ‘Usman bin ‘Affan, Sayyidina ‘Ali bin Abi Ṭalib, Sayyidina ‘Abdullah bin Mas’ud, Sayyidina ‘Abdullah bin ‘Abbas, Sayyidina ‘Ubay bin Ka’ab, Sayyidina Zaid bin Thabit, Sayyidina Abu Musa al-‘Asy’ariy dan Sayyidina Abdullah bin Zubair.

Aktiviti pentafsiran ayat-ayat al-Quran berterusan ke zaman para Tabi’in. Mereka berpegang kepada riwayat dari para sahabat selain berijtihad. Al-Farmawiy (1977) menjelaskan terdapat lima sumber pentafsiran ayat yang digunakan oleh para mufassirin di zaman tabi’in. Sumber pertama ialah al-Quran. Kedua ialah hadis Rasulullah SAW. Ketiga ialah riwayat pentafsiran daripada para sahabat. Keempat ialah merujuk kepada ahli kitab berdasarkan kandungan dalam Kitab tersebut. Kelima ialah ijtihad atau kefahaman yang dianugerahkan oleh Allah kepada para tabi’in. Aktiviti pentafsiran ayat terus berlaku sehingga sekarang berdasarkan situasi dan keadaan semasa. Gabungan perkataan tafsir dan *Mawḍu’iy* menjadikan ia satu bentuk tafsir iaitu *Tafsir Mawḍu’iy*. Al-Farmawiy (1977) mendefinisikan *Tafsir Mawḍu’iy* sebagai satu ilmu yang mengkaji sesuatu permasalahan atau isu berdasarkan tujuan-

tujuan al-Quran dengan mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan tema permasalahan tersebut. Definisi ini hampir sama dengan definisi yang dikemukakan oleh Al-Ma`iy (1983) iaitu ilmu yang mengkaji tentang sesuatu tema berdasarkan al-Quran dengan kaedah mengumpulkan ayat-ayat atau tema yang berkaitan, seterusnya memahami ayat-ayat tersebut secara mendalam sebelum mengeluarkan hasil yang berupa pandangan al-Quran terhadap tema tersebut. *Tafsir Mawdu'iy* merupakan kaedah pentafsiran al-Quran dengan mengumpulkan ayat-ayat yang berkaitan dengan sesuatu tema, disusun mengikut urutan penurunannya dan meneliti *asbab al-nuzul* dan kesesuaiann, hubungan dan keserasian ayat dengan ayat yang lain. Kemudian ditafsirkan dengan ilmu-ilmu tafsir.

2.3.1 Bentuk-bentuk *Tafsir Mawdu'iy*

Secara umumnya, sarjana membahagikan bentuk-bentuk tafsir *mawdu;iy* kepada tiga. Walaupun pada asalnya ada yang membahagikan tafsir *mawdu;iy* kepada dua bentuk, namun sarjana yang membahagikannya kepada tiga hanyalah sebagai pecahan atau huraian sahaja. Al-Farmawiy (1977), Al-Ma`iy (1983), Al-Qaraḍawiy (1994) dan Shihab (2000) membahagikan tafsir *mawdu;iy* kepada dua bentuk. Manakala Muslim (1987) dan al-Khalidiy (2001), membahagikan tafsir *mawdu;iy* kepada tiga bahagian. Bentuk yang pertama ialah tafsir *mawdu;iy* yang berasaskan kepada perkataan-perkataan yang mempunyai persamaan. Bentuk yang kedua ialah tafsir *mawdu;iy* yang berdasarkan kepada tema atau topik. Bentuk yang ketiga ialah tafsir *mawdu;iy* yang berdasarkan objektif atau tema sesebuah surah. Bentuk tafsir *mawdu;iy* perkataan lebih menekankan kepada perkataan-perkataan tertentu yang mempunyai persamaan dalam al-Quran, manakala bentuk tafsir *mawdu;iy* sesuatu tema lebih menekankan kepada ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan dari segi makna

sahaja (Shukri, 2013). Bentuk yang kedua iaitu berdasarkan tema lebih dikenali dan lebih diguna pakai dalam tafsir *mawḍu'iy* (Shukri, 2013).

Walau bagaimanapun, Al-Farmawiy (1977) membahagikan tafsir *mawḍu'iy* kepada tafsir *mawḍu'iy al-'am* dan tafsir *mawḍu'iy al-khas*. Tafsir *mawḍu'iy al-'am* ialah tafsir yang menganalisis ayat-ayat al-Quran yang sama tema dari sudut objektif iaitu tema utama. Manakala tafsir *mawḍu'iy al-khas* pula menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mempunyai persamaan tema dan dari segi makna dan matlamatnya. Kesimpulannya, tafsir *mawḍu'iy* dapat dibahagikan kepada dua bentuk. Bentuk yang pertama ialah tafsir *mawḍu'iy* yang berdasarkan kepada persamaan perkataan-perkataan sama ada secara umum atau khusus. Bentuk yang kedua ialah tafsir *mawḍu'iy* yang berdasarkan kepada persamaan tema sama ada secara umum atau khusus, sama ada dalam surah tertentu atau dalam seluruh al-Quran. Dalam kajian AKBQ kedua-dua bentuk digunakan iaitu berdasarkan tema dan perkataan.

2.3.2 Kepentingan Tafsir Mawḍu'iy

Pada zaman permulaan Islam iaitu zaman Rasulullah SAW, para sahabat dan para tabi'in, al-Quran ditafsirkan secara *tahḥilīy*. Namun perkembangan dan perubahan yang berlaku pada umat Islam pada zaman-zaman selepas itu menuntut huraian dan penjelasan mengikut situasi semasa. Pada waktu ini, tafsir secara *tahḥilīy* sudah semakin sukar difahami (Hanapi, 2012). Walaupun memang jelas tafsir *tahḥilīy* merupakan tafsir yang menghuraikan ayat al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain atau hadis-hadis Nabi, namun tafsir ini membataskan huraian dan penjelasan hanya kepada ayat-ayat tertentu. Permasalahan yang berlaku dalam masyarakat semasa memerlukan pandangan dan penjelasan al-Quran dengan lebih mendalam. Keadaan

inilah yang mendorong para sarjana tafsir menafsirkan ayat-ayat al-Quran secara *Mawdu'iy*. Justeru terdapat beberapa kepentingan dan keistimewaan tafsir *Mawdu'iy*.

Tafsir *Mawdu'iy* merupakan tafsir al-Quran yang berbentuk moden dan sesuai dengan perkembangan semasa dan amat diperlukan oleh umat Islam hari ini (al-Khalidiy, 1991). Oleh kerana Tafsir *Mawdu'iy* ini masih baru, maka penyelidikan yang berbentuk Tafsir *Mawdu'iy* masih belum banyak dan penyelidikan menggunakan bentuk ini sangat penting dilakukan oleh para sarjana. Pentafsiran ayat-ayat al-Quran menggunakan bentuk Tafsir *Mawdu'iy* memerlukan penelitian yang mendalam dan melibatkan pelbagai bidang ilmu pengetahuan yang kontemporari. Justeru, ia mendorong perkembangan ilmu pengetahuan dan pada masa yang sama dapat mengetengahkan kesyumulan al-Quran dan kehebatannya (Shukri, 2013).

Penyelidikan yang menggunakan Tafsir *Mawdu'iy* secara tidak langsung dapat mengumpulkan ayat-ayat yang mempunyai persamaan tema walaupun berada dalam surah yang berlainan. Penyelidikan begini yang melibatkan *asbab al-nuzul* akan menzahirkan hikmah-hikmah tertentu yang menjawab persoalan-persoalan di sebalik perbezaan surah (al-Khalidiy, 1991). Seterusnya, penyelidikan yang berbentuk Tafsir *Mawdu'iy* dapat membentuk kerangka sesuatu konsep berdasarkan perspektif al-Quran. Ini memudahkan jalan penyelesaian bagi permasalahan semasa yang timbul dalam kalangan umat Islam (al-Farmawiy, 1977). Hasil yang diperolehi daripada penyelidikan menggunakan Tafsir *Mawdu'iy* akan menzahirkan kehebatan al-Quran yang mempunyai panduan yang lengkap dan relevan sepanjang zaman merentasi semapadan masa dan tempat.

2.4 Konsep Kesantunan Berbahasa

Konsep dan amalan kesantunan berbahasa dalam perhubungan dikaitkan dengan budaya sesebuah masyarakat. Perbezaan budaya menyumbang kepada perbezaan dalam pembinaan konsep dan amalan kesantunan berbahasa antara masyarakat yang berbeza. Justeru konsep kesantunan berbahasa menurut masyarakat di Timur mungkin berbeza dengan konsep kesantunan berbahasa menurut masyarakat di Barat. Perbincangan tentang konsep kesantunan berbahasa dalam bab ini dilakukan berdasarkan kepada dua bahagian iaitu kesantunan berbahasa secara umum dan kesantunan berbahasa menurut Islam. Dalam bahasa Melayu, perkataan kesantunan sering digandingkan dengan perkataan sopan. Ungkapan sopan santun biasa digunakan dalam masyarakat Melayu. Ungkapan ini merupakan ungkapan sinonim hibrid, iaitu ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan yang sama makna tetapi mempunyai asal usul yang berbeza (Asmah, 2007).

Ungkapan sopan santun merupakan gabungan dua bahasa iaitu bahasa Arab dan bahasa Melayu. Menurut Asmah (2007), perkataan sopan adalah berasal daripada bahasa Arab iaitu soffan (صفا) yang bermaksud halus dari sudut tingkah laku. Perkataan santun pula ialah berasal daripada bahasa Melayu yang difahami maksudnya sebagai 'lembut'. Menurut *Mu'jam 'Arabi* (almaany.com, 2022) perkataan soffan (صفا) bermakna suci, lembut dan bersih dari kelakuan yang tidak baik. Perkataan soffan juga turut diterjemahkan sebagai suci, lembut dan bagus dalam *Ma'ajim*. Justeru pandangan Asmah (2007) yang memberi maksud soffan (صفا) sesuai dan tepat dalam konteks amalan kesantunan berbahasa masyarakat Melayu.

Ungkapan sopan santun ini telah lama digunakan di alam Melayu (Asmah, 2007, Noor Fadilah dan Asiah, 2020) bagi menunjukkan tingkah laku yang beradab dan baik. Ungkapan sopan santun ini merangkumi sopan santun dalam tingkah laku dan sopan santun dalam berbahasa. Sikap bersopan santun merupakan sikap yang lemah lembut yang antonimya ialah kasar. Lemah lembut ini tidaklah bermakna lembek, tidak bertenaga atau tidak bermaya. Sebaliknya lemah lembut di sini memberi makna sejuk mata memandang dan sejuk telinga mendengar. Ungkapan sopan santun dalam masyarakat Melayu lazimnya dikaitkan dengan berbudi bahasa (Ahmad Fuad, Khairul, Hishamudin & Mashetoh, 2020).

Perkataan budi adalah timbal balik kepada bahasa. Orang yang berbudi biasanya pandai berbahasa. Orang yang santun berbahasa sudah pastinya berbudi. Ini bermakna ungkapan yang penuh kesantunan adalah datang dari pertuturan orang yang punya budi pekerti yang baik. Ungkapan berbudi bahasa juga menuntut kita berbahasa dengan baik kepada orang yang tahu berbudi. Orang yang baik budinya harus dibalas dengan bahasa yang baik. Kesantunan berbahasa adalah merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan dan beradab (Awang Sariyan, 2007). Rata-rata sarjana linguistik bila menulis tentang definisi dan konsep kesantunan berbahasa, masing-masing memberikan idea dan pendapat masing-masing yang direlasikan dengan kebudayaan masyarakat masing-masing, namun semua konsep yang diberikan dapat diterima pakai oleh masyarakat setempat.

Masyarakat Melayu sangat memandang tinggi nilai kesantunan berbahasa. Kesantunan berbahasa mencerminkan keperibadian yang mulia dan merupakan penghormatan yang diberikan kepada pendengar (Ahmad Fuad et.al, 2020). Amalan

kesantunan berbahasa merupakan salah satu ciri-ciri bangsa yang bertamadun. Kepatuhan pengguna bahasa terhadap peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat menjadi kayu pengukur kesantunannya (Awang Sariyan, 2007). Setiap bangsa atau masyarakat mempunyai sistem atau peraturan bahasa yang berbeza. Walau bagaimanapun, terdapat tiga bentuk peraturan bahasa yang menjadi pengukur kesantunan berbahasa (Asmah, 2002).

Pertama, peraturan linguistik. Kedua, peraturan sociolinguistik. Ketiga, peraturan pragmatik. Kepatuhan kepada ketiga-tiga peraturan tersebut menjadi asas kepada kesantunan berbahasa (Asmah 2002). Peraturan linguistik berkait rapat dengan bentuk dan binaan bahasa seperti sebutan, intonasi dan tatabahasa. Kepatuhan kepada peraturan linguistik akan membantu pengguna menggunakan bahasa yang tepat dengan masyarakat dan situasi. Contohnya penggunaan bahasa dalam majlis rasmi yang memerlukan ketepatan bahasa agar mesej yang disampaikan oleh penganjur dapat difahami oleh peserta. Peraturan sociolinguistik pula lebih menekankan penggunaan bahasa bagi mengimbangi hubungan sosial yang terjalin antara penutur dan pendengar atau pasangan tutur. Contohnya majlis rasmi yang dihadiri oleh orang-orang kenamaan perlu dijaga panggilan hormat dan gelaran serta kedudukan jawatan (Awang Sariyan, 2007). Peraturan pragmatik pula menitikberatkan penggunaan bahasa yang disesuaikan dengan tujuan komunikasi antara pasangan tutur. Tujuan komunikasi membantu pembicara menggunakan bahasa yang sopan, beradab dan penuh santun. Contohnya seorang perunding kewangan tentunya menggunakan bahasa yang sesuai dan menarik agar dapat memujuk pelanggan supaya bersetuju dengan pelan yang ditawarkan.

Ramai sarjana barat turut mendefinisikan kesantunan berbahasa sebagai satu bentuk amalan yang baik yang dilakukan dalam sesebuah masyarakat. Lakorf (1982) mendefinisikannya sebagai “to be polite is saying the socially correct thing”. Begitu juga Brown (1980) yang menyebut sebagai “saying and doing things in such a way as to take into account the other person’s feeling”. Dalam konteks kesantunan berbahasa, konsep muka atau *face* antara teori yang menjadi perbincangan para sarjana barat dan timur. Namun konsep muka tersebut memberi pengertian yang berbeza bagi setiap budaya masyarakat yang berbeza.

Dalam masyarakat Barat, konsep muka digunakan bagi merujuk kepada komunikasi yang sedang berlaku. Mereka membahagikannya kepada muka positif dan muka negatif. Muka positif dikaitkan dengan komunikasi yang lancar, berlaku tanpa sebarang kendala atau halangan. Kedua-dua pihak dapat bertutur dengan bebas dan dapat memberi tindak balas yang baik. Sebaliknya, jika salah seorang dari pasangan yang bertutur itu tidak dapat menyatakan tuturannya dengan baik dan terhalang, maka disebut sebagai muka negatif. Muka negatif ini memberi makna komunikasi yang dilakukan itu tidak berjaya. Berbeza dengan Barat, konsep air muka bagi masyarakat Melayu mempunyai peranan yang lebih. Air muka bagi masyarakat Barat hanya dijaga bagi orang yang terlibat dalam komunikasi yang sedang berlaku, tetapi air muka bagi masyarakat Melayu bukan hanya menjaga air muka orang bertutur tetapi turut melibatkan air muka orang-orang lain yang bersangkutan paut seperti ibu bapa, adik-beradik, guru dan sebagainya (Asmah, 2007).

Zaitul Azma (2012) mengemukakan lima strategi yang perlu diamalkan oleh masyarakat Melayu di Malaysia bagi meningkatkan kualiti kesantunan berbahasa.

Pertama; meningkatkan penguasaan kecekapan pragmatik. Beliau mencadangkan agar penutur menuturkan bicara dengan santun dan berbudi bahasa. Penutur diminta supaya menjauhkan unsur-unsur menyindir, marah, dengki dan lain-lain unsur negatif yang dapat merosakkan sesuatu hubungan dalam komunikasi. Kecekapan pragmatik dapat ditingkatkan melalui pendidikan bahasa di sekolah. Murid perlu diajar menggunakan bahasa yang menyerlahkan kehidupan masyarakat yang harmoni. Masyarakat juga perlu dibiasakan dengan penggunaan bahasa yang halus dan lembut kerana “bahasa adalah indeks bangsanya”. Strategi yang kedua ialah mempamerkan perilaku berbahasa yang santun. Setiap orang penutur perlu mempamerkan etika yang bersesuaian ketika bertutur. Segala aksi yang mendorong kepada pengucapan yang kasar, kesat dan berunsur kebencian perlu dielakkan. Ini kerana tutur bicara yang kasar, kesat dan berunsur menyindir akan menyebabkan pergaduhan dan pertengkaran. Strategi yang ketiga ialah menghormati budaya sendiri. Sesuatu ujaran atau percakapan hendaklah disampaikan mengikut kesesuaian dengan konteks masyarakat.

Zaitul Azma (2012) mengusulkan empat perkara bagi mencapai sesuatu komunikasi yang efektif yang bertepatan dengan konteks semasa. Pertama; mendengar dengan teliti. Setiap penutur perlu berusaha menjadi pendengar yang baik supaya dapat menghargai dan menghormati pasangan tutur. Kedua; memberi maklum balas dengan bahasa yang santun. Ini bertujuan supaya dapat memberikan tindak balas tuturan yang tepat seperti yang dikehendaki oleh pasangan tutur. Ketiga; Memahami perkataan yang diujarkan dan makna yang terselindung di sebalik kata-kata tersebut. Setiap penutur perlu memahami butir bicara pasangan tuturnya dan berusaha memahami makna yang tersirat. Keempat; Setiap penutur perlu memahami perbezaan bentuk

bahasa yang digunakan di samping mengetahui minat pasangan tutur. Penutur juga perlu memahami bentuk komunikasi yang meliputi pemikiran, sikap dan tingkah laku pasangan tutur.

Biar pun para sarjana timur dan barat cuba mengetengahkan konsep dan strategi kesantunan yang berbeza mengikut kebudayaan masyarakat masing-masing, namun mereka mempunyai tujuan yang sama (Zahid & Johari, 2018). Masing-masing bertujuan ingin menjaga citra diri sama ada citra diri penutur atau pasangan tutur (Noriati, 2012, Noor Fadilah & Asiah, 2020). Inilah yang disebutkan sebagai suatu nilai silang budaya. Terdapat perbezaan strategi, namun wujud persamaan tujuan. Ini membolehkan wujudnya persCFAhaman dan perpaduan.

Menurut Noriati (2012), konsep air muka yang dikemukakan oleh beberapa orang sarjana seperti Asmah, Goffman, Brown dan Levinson adalah bermula daripada wujudnya sifat malu dalam diri manusia. Malu merupakan sifat murni yang ada dalam diri manusia yang berakal. Manusia yang mempunyai sifat malu akan sentiasa menjaga tingkah lakunya agar tidak melanggar dengan norma-norma masyarakat Wan & Suhaila, 2019). Manusia akan berhati-hati melakukan sesuatu agar dapat menjaga 'air muka'nya dan 'air muka' orang lain. Ini kerana setiap orang berhak mendapat penghormatan dan penghargaan daripada pihak lain. Menjaga 'air muka' menjadi perkara utama dalam konteks kesantunan berbahasa. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu sangat sinonim dengan ungkapan 'menconteng arang ke muka'. Menurut Goffman (1967), muka ialah suatu nilai sosial yang positif yang dijaga dalam sesuatu interaksi. Menjaga 'air muka' menjadi satu peraturan dalam interaksi sosial.

Peraturan sosial dapat dikatakan baik apabila masyarakat saling menghormati antara satu sama lain ketika berinteraksi.

The term face may be defined as the positive social value a person effectively claims for himself by the line others assume he has taken during a particular contact. face is an image of self delineated in terms of approved social attributes albeit an image that other may share, as when a person makes a good showing for his professions or religion by making a good showing for himself.

Brown dan Levinson (1987) juga membincangkan soal menjaga 'muka' dalam mengetengahkan konsep kesantunan. Mereka berpendapat setiap manusia berusaha menjaga muka sendiri ketika berinteraksi dengan orang lain, seperti kata mereka:

Instead, we treat the aspects of face as basic wants, which every members knows every other member desires and which in general is I the interest of very member to partially satisfy.

Walau bagaimanapun, konsep menjaga air muka sendiri yang dikemukakan oleh Brown dan Levinson kurang dipersetujui oleh sarjana di sebelah Timur. Sarjana pragmatik di Jepun, misalnya merasakan konsep ini kurang sesuai bagi masyarakat mereka. Ini disebabkan pandangan masyarakat di Jepun yang lebih mengutamakan kedudukan masyarakat. Bagi mereka kesantunan adalah nilai masyarakat bukan sekadar nilai individu. Amalan kesantunan individu menjadi identiti masyarakat tersebut. Gu, Matsumoto, Idea dan Moa dalam Marlyna (2012) merupakan sarjana pragmatik yang turut membincangkan konsep air muka. Matsumoto berpendapat konsep universal dalam penjagaan air muka yang dikemukakan oleh Brown dan Levinson tidak sesuai digunakan dalam masyarakat Jepun. Hubungan sosial sesama individu dalam masyarakat Jepun lebih dipertahankan berbanding individu. Pandangan Matsumoto ini dipersetujui oleh Asmah (2000). Asmah turut berpendapat konsep penjagaan air muka dalam kalangan masyarakat Melayu tidaklah hanya menumpukan kepada penjagaan kehormatan individu, malahan masyarakat Melayu

sangat menitikberatkan penjagaan kehormatan dan maruah masyarakat. Setiap tutur bicara seseorang individu bukan sahaja memberikan kesan kepada diri sendiri, bahkan juga memberi kesan kepada orang lain yang bersangkutan paut dengannya seperti ibu bapa, adik-beradik, kawan-kawan dan sanak saudara hatta komuniti setempat (Ahmad Fuad et.all, 2020).

Kesantunan berbahasa juga diklasifikasikan sebagai suatu yang asas dalam perhubungan sesebuah masyarakat yang mengutamakan keharmonian dan kesejahteraan (Zaitul Azma, 2012, Zahid & Johari, 2018). Amalan kesantunan berbahasa yang terdiri daripada percakapan yang lemah lembut, berbudi bahasa, tidak mengecilkan hati dan menunjukkan keramahan dan kemesraan sebenarnya mencerminkan ketinggian budi pekerti pemiliknya. Individu yang dapat berinteraksi dengan baik dan sopan serta menggunakan bahasa yang halus adalah melambangkan hati murninya (Zaitul Azma, 2012, Wan & Suhaila, 2019).

Amalan kesantunan berbahasa meliputi bahasa bukan verbal, seperti bahasa muka, bahasa badan dan lain-lain (Zaitul Azma, 2012, Ahmad Fuad et.all,2020). Awang Sariyan (2007) meletakkan beberapa peraturan bahasa sebagai asas kesantunan bahasa. Pertama; peraturan linguistik, kedua; peraturan sociolinguistik dan ketiga peraturan pragmatik. Menurut beliau bahasa adalah alat untuk mendapatkan ilmu dan mengembangkannya. Bahasa juga menjadi alat pendidikan dan pemasyarakatan. Bahasa berperanan mengikat perpaduan dan persCFAhaman. Oleh kerana bahasa memainkan peranan utama dalam memartabatkan ketamadunan manusia, maka kesantunan menjadi perkara yang sangat penting untuk difahami dan diamalkan. Grice pada tahun 1967 telah pun memperkenalkan Model Pendekatan Kerjasama

Dalam Perbualan. Pendekatan Kerjasama ini adalah berasaskan penggunaan implikatur perbualan untuk memahami maksud sesuatu ujaran (Abd.Ganing, 2010, Dehghan,2019). Beliau telah mengemukakan empat maksim melalui model ini, iaitu Maksim Kuantiti, Maksim Kualiti, Maksim Pertalian dan Maksim Cara. Kesimpulannya Grice meletakkan kerjasama sebagai pengawal yang dapat memastikan penerusan sesuatu perbualan. Goffman (1967) memperkenalkan Konsep Muka dalam membicarakan tentang kesantunan bahasa. Beliau percaya bahawa setiap anggota masyarakat berfungsi dan memainkan peranan masing-masing untuk menjayakan sesuatu perbualan.

Leech pada tahun 1983 telah membina model kesantunan apabila melihat ada kekurangan dalam model Grice. Beliau melihat bahawa maksim kualiti dan kuantiti tidak sesuai digunakan apabila penutur cuba bertindak santun terhadap pendengar (Abd. Ganing, 2010). Leech membina beberapa maksim lain iaitu Maksim Berhemah, Maksim Budiman, Maksim Berkenan, Maksim Merendah Diri, Maksim Persetujuan dan Maksim Simpati. Selain penampilan-penampilan teori dan model berkenaan kesantunan bahasa tersebut, terdapat ramai lagi sarjana barat yang melahirkan idea dan buah fikiran tentang konsep-konsep kesantunan bahasa. Fraser dengan modelnya Kontrak Perbualan Fraser, 1990, Brown dan Levinson, 1978 & 1987 dengan model mereka, TAM, Jarney dan Arndt, 1992 dengan Model Perlakuan Politik Verbal (Marlyna, 2012, Kartika, 2018). Asmah Hj Omar (1990) turut mengemukakan pandangan tentang konsep kesantunan bahasa. Menurut beliau terdapat dua bahagian konsep kesantunan bahasa. Pertama disebut sebagai Kesantunan Asas dan kedua disebut sebagai Kesantunan Berkendala. Awang Sariyan (2012) meletakkan beberapa peraturan bahasa sebagai asas kesantunan bahasa. Pertama; peraturan linguistik,

kedua; peraturan sociolinguistik dan ketiga peraturan pragmatik. Menurut beliau bahasa adalah alat untuk mendapatkan ilmu dan mengembangkannya. Bahasa juga menjadi alat pendidikan dan pemasyarakatan. Bahasa berperanan mengikat perpaduan dan persefahaman.

2.5 Pendekatan dan Model Kesantunan Berbahasa

Berikut ialah beberapa Pendekatan dan Model Kesantunan yang dibina oleh beberapa sarjana yang terlibat dalam kajian kesantunan berbahasa.

2.5.1 Pendekatan Kerjasama Grice

Antara Model Kesantunan Berbahasa yang terkenal ialah Pendekatan Kerjasama Grice. Grice pada tahun 1967 telah pun memperkenalkan Model Pendekatan Kerjasama Dalam Perbualan. Pendekatan Kerjasama ini adalah berasaskan penggunaan implikatur perbualan untuk memahami maksud sesuatu ujaran (Abd. Ganing, 2010). Beliau telah mengemukakan empat maksim melalui model ini. Maksim yang pertama ialah Maksim Kuantiti yang menganjurkan penutur memberi maklumat yang sempurna dan inovatif serta mengelakkan dari memberi maklumat yang melebihi daripada apa yang ada. Maksim yang kedua ialah maksim kualiti iaitu memberikan maklumat yang betul. Maksim ini menghalang penutur dari menyebut sesuatu yang dirasakan tidak betul dan tidak menyebut sesuatu yang tidak cukup dalil atau bukti. Maksim yang ketiga ialah Maksim Pertalian iaitu menyampaikan maklumat yang relevan. Maksim yang keempat ialah Maksim Cara iaitu menyatakan sesuatu dengan cara yang betul dan mudah difahami. Kesimpulannya Grice

meletakkan kerjasama sebagai pengawal yang dapat memastikan penerusan sesuatu perbualan di antara dua penutur.

2.5.2 Model Kesantunan Leech

Selain Model Pendekatan Kerjasama Grice, Leech juga mengetengahkan Model Kesantunan Bahasa, iaitu Model Kesantunan Leech. Leech pada tahun 1983 telah membina model kesantunan apabila melihat ada kekurangan dalam model Grice. Beliau melihat bahawa maksim kualiti dan kuantiti tidak sesuai digunakan apabila penutur cuba bertindak santun terhadap pendengar (Abd. Ganing, 2010). Leech membina enam maksim lain. Maksim yang pertama ialah Maksim Berhemah, iaitu pengurangan kos dan penambahan faedah kepada orang lain. Maksim yang kedua Maksim Budiman, iaitu pengurangan faedah dan penambahan kos ke atas diri sendiri. Maksim yang ketiga ialah Maksim Berkenan, iaitu pengurangan cacian dan penambahan pujian ke atas orang lain. Maksim yang keempat ialah Maksim Merendah Diri, iaitu pengurangan pujian dan penambahan kata-kata kurang memuji (cacian) ke atas diri sendiri. Maksim yang kelima ialah Maksim Persetujuan, iaitu pengurangan perselisihan faham dan penambahan persepakatan Antara diri dengan orang lain. Maksim yang keenam ialah Maksim Simpati, iaitu pengurangan antipati dan penambahan simpati kepada orang lain.

2.5.3 Model Kesantunan Brown dan Levinson

Brown dan Levinson (1987) mengemukakan teori kesantunan berdasarkan konsep wajah (*the concept of face*) iaitu air muka ialah cerminan perasaan terhadap sesuatu perkara. Seseorang individu berkemungkinan mempunyai dua riak wajah. Pertama

riak wajah positif dan kedua riak wajah negatif. Kedua-dua riak wajah ini terhasil dalam sesuatu interaksi. Brown dan Levinson mengetengahkan beberapa strategi kesantunan. Strategi yang pertama ialah Lakuan Tindakan Ancaman Muka Ujaran Berekod. Dalam sesuatu interaksi terdapat ujaran yang ditujukan kepada pendengar sama ada melalui kenyataan atau pertanyaan secara langsung. Kesopanan ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu kesopanan muka positif dan kesopanan muka negatif. Kesopanan muka positif ialah keinginan seseorang agar disukai dan dihormati oleh pendengar sementara kesopanan muka negatif pula ialah seseorang wajar mempertahankan hak dan tidak membenarkan haknya dilanggar. Strategi yang kedua ialah Lakuan Tindakan Ancaman Muka Tanpa Rekod. Lakuan tindakan ancaman muka tanpa rekod ialah sesuatu ujaran tidak ditujukan terus kepada seseorang atau disebut juga sebagai pernyataan secara tidak langsung. Strategi yang ketiga ialah Tidak Lakukan Ancaman Muka. Dalam situasi tertentu, penutur akan memilih untuk tidak melakukan ancaman muka supaya unsur kesopanan terjaga seperti ketika mendapat kritikan daripada orang lebih berkuasa ke atasnya.

2.3.4 Model Kesantunan Asmah

Asmah (2000) membahagikan pengukuran kesantunan kepada dua aspek penting. Pertama tingkahlaku bukan bahasa seperti gerak-geri dan lakuan perbuatan. Kedua lakuan bahasa. Menurut beliau kesantunan dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama kesopanan asas yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat yang digunakan sebagai panduan umum. Kedua, kesantunan berkendala iaitu nilai-nilai kesantunan yang diwujudkan oleh ahli-ahli masyarakat dalam interaksi sesama mereka. Menurut Asmah (2007), kesantunan berkendala harus merangkumi beberapa aspek penting iaitu taraf dan peranan orang yang bercakap, tempat atau situasi percakapan,

kandungan percakapan, tujuan percakapan dan kaedah percakapan. Asmah (2007), menyimpulkan bahawa kesantunan bukan strategi komunikasi tetapi kesantunan adalah antara nilai-nilai budaya masyarakat yang diperlukan bagi menjamin keharmonian sesuatu perhubungan. Kesantunan berkendala terhasil apabila berlaku gabungan antara kesantunan asas dan strategi komunikasi.

2.6 Konsep Kesantunan Berbahasa Dalam Islam.

Istilah kesantunan berbahasa atau ‘politeness’ dalam bahasa Inggeris belum ditemukan sinonimnya secara tepat dalam bahasa Arab (sehingga kajian ini ditulis). Ini mungkin disebabkan kajian berkenaan kesantunan berbahasa dalam versi moden belum diketengahkan walaupun hakikat sebenarnya konsep dan kesantunan berbahasa telah lama dibincangkan dalam Islam seawal usia penurunan wahyu dan perutusan Nabi Muhammad SAW. Firman Allah SWT dalam ayat 83, surah al-Baqarah :

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ

Dan (ingatlah), ketika Kami mengambil janji dari Bani Israel (yaitu): Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat baiklah kepada ibu bapak, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah salat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling.

Dalam ayat di atas, terdapat beberapa perkara yang disebut oleh Allah SWT sebagai syarat perjanjian kepada Bani Israil iaitu kaum Nabi Musa. Antaranya ialah perintah supaya mengucapkan kata-kata yang baik apabila berbicara sesama manusia. Ini menunjukkan anjuran supaya bersikap sopan santun ketika berurusan sesama manusia

telah lama dianjurkan oleh Islam iaitu pada zaman Nabi Musa a.s lagi. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl, ayat 125:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ بِأَلَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu Wahai Muhammad dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka yang engkau serukan itu dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Dewasa ini, terdapat beberapa orang sarjana Islam yang telah mengemukakan tulisan mereka tentang kesantunan berbahasa menurut kaca mata Islam. Al-Qahtani (2005) dalam bukunya Daei yang Sukses menjelaskan bahawa definisi kesantunan disandarkan kepada penggunaan kalimah ‘halim’ yang terdapat dalam Al-Quran. Beliau menyamakan makna kesantunan dengan kearifan yang merujuk kepada kalimah ‘halim’. Kalimah ‘halim’ dirujuk dalam kamus Arab memberi makna tenang, perlahan ketika marah atau ketika menghadapi suasana yang tidak menyenangkan. Situasi marah ini diatasi dengan memaksimumkan sifat sabar dan memaafkan. Pendapat ini disokong oleh Nafron Hasjim (2013) dalam tulisannya Kesantunan Berbahasa Dalam Islam. Kalimah ‘halim’ tersebut digunakan di beberapa tempat dalam Al-Quran, antaranya ialah dalam ayat 114, surah al-Taubah:

إِنَّ اللَّهَ اشْتَرَى مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفُسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنْ هُمْ الْجَنَّةَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ وَعَدًا عَلَيْهِ حَقٌّ فِي التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَالْفُرْقَانِ وَمَنْ أَوْفَى بِعَهْدِهِ مِنَ اللَّهِ فَاسْتَبْشِرُوا بِبَيْعِكُمُ الَّذِي بَايَعْتُمْ بِهِ وَذَلِكَ هُوَ الْفَوْزُ الْعَظِيمُ

Dan bukanlah istighfar Nabi Ibrahim bagi bapanya (dibuat) melainkan kerana adanya janji yang dijanjikan kepadanya; dan apabila ternyata kepada Nabi Ibrahim bahawa bapanya musuh bagi Allah, ia pun berlepas diri daripadanya. Sesungguhnya Nabi Ibrahim itu lembut hati lagi penyabar.

Firman Allah dalam surah Ali-Imran ayat 155:

إِنَّ الَّذِينَ تَوَلَّوْا مِنْكُمْ يَوْمَ الْتَقَى الْجَمْعَانِ إِنَّمَا اسْتَزَلَّهُمُ الشَّيْطَانُ بِبَعْضِ مَا كَسَبُوا وَلَقَدْ عَفَا اللَّهُ عَنْهُمْ إِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ حَلِيمٌ

Bahawasanya orang-orang yang telah berpaling (melarikan diri) di antara kamu pada hari bertemu dua angkatan tentera (Islam dan kafir dalam perang Uhud) itu, Sesungguhnya mereka telah digelincirkan oleh syaitan dengan sebab sebahagian dari perbuatan-perbuatan (yang salah) yng mereka telah lakukan (pada masa yang lalu); dan demi sesungguhnya Allah telah memaafkan mereka, kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Penyabar.

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj, ayat 59:

لِيَدْخِلْنَهُمْ مُدْخَلَ رِضْوَانِهِ إِنَّ اللَّهَ لَعَلِيمٌ حَلِيمٌ

Sudah tentu Allah akan memasukkan mereka (yang tersebut itu) ke tempat yang mereka sukai (syurga), dan Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Penyabar.

Imam Ghazali memberi erti perkataan *al-ḥalim* yang merupakan salah satu nama Allah Al-Husna sebagai Yang Maha Murah Hati. Sifat kemurahan hati ini dibuktikan dengan sifat pengasih Allah pada semua hambanya. Walaupun seorang hamba melakukan maksiat, namun Allah tidak terus menghukumnya sehingga diberi peluang untuk dia bertaubat (Mahmud, 2009). Imam Ghazali dalam Ihya' Ulumiddin (1996) menyatakan bahawa lemah lembut adalah sifat terpuji dan bertentangan dengan kekerasan dan kekejaman yang lahir daripada kemarahan dan ketidaksopanan. Lembut lembut adalah hasil dari akhlak yang baik yang menunjukkan kedamaian dan ketenteraman. Nafron Hasjim (2013) berpendapat jika perkataan santun itu diertikan dengan makna lembut, maka terdapat beberapa hadis yang menggunakan perkataan tersebut, iaitu الرفق. Perkataan ini banyak digunakan dalam hadis yang diterjemahkan sebagai kelembutan atau kesantunan. Aisyah r.a. berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الرِّفْقَ فِي الْأَمْرِ كُلِّهِ (رواه البخاري)

“Sesungguhnya Allah itu Maha lembut dan menyukai kelembutan dalam segala hal.”

Namun Mahmud (2009) memberi erti perkataan الرفق sebagai kesepakatan dan pendekatan tanpa menggunakan kekerasan. Beliau menyandarkan pendapat kepada pandangan Ibnu Faris yang menyebut bahawa secara etimologi, perkataan lemah lembut ialah lawan kepada perkataan kasar, namun secara terminologi, perkataan الرفق membawa makna kelemahlembutan dalam tutur kata dan perbuatan serta membalas perbuatan orang lain dengan balasan yang paling ringan. Kesantunan adalah meletakkan semua perkara pada tempatnya, iaitu berkasar pada tempat dan situasinya serta besopan santun pada tempat dan situasinya (Mahmud, 2009).

Al-Sa’adiy (2013) menyatakan bahawa perkataan *al-Rafiq* adalah salah satu nama Allah SWT yang bererti Maha Santun dalam perbuatan dan syariatnya. Allah SWT sangat mencintai hambanya yang mengamalkan kesantunan. Allah SWT mentadbir seluruh alam ini dengan sifatnya yang Maha Santun (Mahmud, 2009). Aisyah r.a. berkata bahwa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الرَّفْقَ لَا يَكُونُ فِي شَيْءٍ إِلَّا زَانَهُ وَلَا يَنْزَعُ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا شَانَهُ (رواه مسلم)

Sesungguhnya, sifat lemah lembut itu, bila berada pada sesuatu, pasti menghiasinya, dan lepas dari sesuatu, pasti memperburuknya. (Riwayat Imam Muslim)

Rasulullah SAW juga bersabda:

الْمُؤْمِنُ كَالنَّحْلَةِ تَأْكُلُ طَيِّبًا وَتَضَعُ طَيِّبًا وَإِذَا وَقَعَتْ عَلَى عَوْدٍ لَمْ تَكْسِرْ (رواه البيهقي)

seorang mukmin itu seperti seekor lebah yang memakan makanan yang baik dan menghasilkan produk yang baik, jika dia hingga pada satu ranting, dia tidak akan mematahkannya (Riwayat Imam Baihaqi).

Sabda Rasulullah SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Sayyidatina Aishah r.a:

إِنَّ اللَّهَ رَفِيقٌ يُحِبُّ الرَّفْقَ وَيُعْطِي عَلَى الرَّفْقِ مَا لَا يُعْطِي عَلَى الْعِنْفِ وَمَا لَا يُعْطِي عَلَى مَا سِوَاهُ (رواه مسلم)

Sesungguhnya Allah SWT itu Maha Santun, menyukai kesantunan. Dia memberi pada kesantunan sesuatu yang tidak diberikan pada kekerasan dan tidak pula pada yang lainnya. (Riwayat Imam Muslim)

Sayyidatina Aishah juga meriwayatkan bahwa Rasulullah SAW pernah bersabda:

مَنْ يُحَرِّمِ الرَّفْقَ يُحَرِّمِ الْخَيْرَ كُلَّهُ (رواه مسلم)

Sesiapa yang menjauhkan dirinya dari kesantunan, maka ia seperti menjauhkan dirinya dari kebaikan.

Rasulullah SAW juga pernah berkata kepada Sayyidatina Aishah r.a:

يَا عَائِشَةُ ارْفِقِي فَإِنَّ اللَّهَ إِذَا أَرَادَ بِأَهْلِ بَيْتٍ خَيْرًا أَذْخَلَ عَلَيْهِمُ الرِّفْقَ (رواه البخاري)

Wahai Aishah! Bersopan santunlah, sesungguhnya apabila Allah menghendaki kebaikan dalam sebuah keluarga, Dia memasukkan kesantunan kepada mereka. (Riwayat Imam Bukhari)

Sofyan Sauri (2003) menyebut bahawa perkataan santun adalah berkaitan dengan akhlak. Akhlak dari segi bahasa sebagai adalah ciptaan atau apa yang tercipta, lahir dan terhasil dari perilaku manusia. Sumber kepada akhlak ini adalah datang dari Pencipta, Allah tetapi kesantunan itu perilaku manusia. Santun merupakan sesuatu yang dipandang baik oleh manusia tetapi belum tentu dipandang baik oleh Allah. Namun akhlak dipandang baik oleh manusia dan dipandang baik oleh Allah. Beliau mengaitkan keadaan ini dengan istilah 'urf yang melambangkan suatu perkara baik yang telah menjadi budaya dalam sesuatu masyarakat. Contohnya amalan kesantunan ketika berkomunikasi. Perbincangan-perbincangan sarjana tentang kesantunan berbahasa sama ada sarjana dari Barat mahupun Timur menunjukkan seolah-olah perkara ini adalah isu yang baru diketengahkan (walaupun dikatakan sebelum abad ke lima Masihi), namun hakikatnya Islam telah lama, iaitu sekitar lebih daripada 1400 tahun yang lalu telah pun membicarakan perkara ini.

2.6.1 Kedudukan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Islam

Islam sebagai agama yang lengkap telah meletakkan amalan kesantunan berbahasa ini sebagai suatu amalan murni bahkan umat Islam digalakkan mengamalkannya. Panduan yang lengkap tentang amalan kesantunan berbahasa ini dimuatkan di dalam al-Quran dan diiringi dengan penerangan daripada hadis-hadis Nabi SAW. Bahkan Rasulullah SAW merupakan model yang melazimi amalan kesantunan berbahasa ini. Amalan kesantunan berbahasa ini merupakan antara amal soleh yang diberi ganjaran pahala (Munif 2012). Setiap muslim yang mengamalkan kesantunan berbahasa dalam muamalah akan diganjar pahala. Demikian sebaliknya, seorang muslim yang bermuamalah dengan bahasa yang kasar dan biadap dikira berdosa.

Melalui konsep tadabbur, Nafron Hasjim (2013) menjelaskan bahawa kemampuan manusia menggunakan bahasa dalam pertuturan telah mengangkat kedudukan manusia berbanding para malaikat. Hal ini disandarkan kepada ayat 31 hingga 34 surah al-Baqarah yang menerangkan kelebihan berbahasa nabi Adam apabila Allah SWT mengajarkan baginda nama-nama benda. Ayat tersebut juga menjelaskan ketidakmampuan para malaikat untuk menyebutnya.

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ قَالُوا سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ قَالَ يَادُمْ أَنْبِئْهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ فَلَمَّا أَنْبَأَهُمْ بِأَسْمَائِهِمْ قَالَ أَلَمْ أَقُلْ لَكُمْ إِنِّي أَعْلَمُ الْغَيْبِ وَالسَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَأَعْلَمُ مَا تُبْدُونَ وَمَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ وَإِذْ قُلْنَا لِلْمَلَائِكَةِ اسْجُدُوا لِآدَمَ فَسَجَدُوا إِلَّا إِبْلِيسَ أَبَى وَاسْتَكْبَرَ وَكَانَ مِنَ الْكَافِرِينَ

Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda-benda) seluruhnya, kemudian mengemukakannya kepada para Malaikat lalu berfirman: "Sebutkanlah kepada-Ku nama benda-benda itu jika kamu mamang benar orang-orang yang benar. Malaikat itu menjawab: "Maha suci Engkau (Ya Allah), Kami tidak mempunyai pengetahuan selain dari apa yang Engkau ajarkan kepada kami; Sesungguhnya Engkau jualah Yang Maha Mengetahui,

lagi Maha Bijaksana. Allah berfirman: "Wahai Adam! Terangkanlah nama benda-benda ini semua kepada mereka". Maka setelah Nabi Adam menerangkan nama benda-benda itu kepada mereka, Allah berfirman: "Bukankah Aku telah katakan kepada kamu, bahawasanya Aku mengetahui Segala rahsia langit dan bumi, dan Aku mengetahui apa yang kamu nyatakan dan apa yang kamu sembunyikan? Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada malaikat: Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam". Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat melainkan Iblis. Dia enggan dan takbur dan jadilah dia dari golongan yang kafir.

Ayat-ayat di atas secara simboliknya telah mengiktiraf kemampuan manusia yang boleh berbahasa. Pengiktirafan ini lebih tinggi jika manusia yang mampu berbahasa mampu juga mengamalkan kesantunan dalam berbahasa. Hal ini dapat dilihat dalam tafsiran ayat 33 hingga 35 surah al- Qasas.

قَالَ رَبِّ إِنِّي قَتَلْتُ مِنْهُمْ نَفْسًا فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ

Nabi Musa merayu dengan berkata: "Wahai Tuhanku, bahawa aku telah membunuh seorang dari kalangan mereka, oleh itu aku takut mereka akan membunuhku "

وَأَخِي هَارُونُ هُوَ أَفْصَحُ مِنِّي لِسَانًا فَأَرْسَلْهُ مَعِيَ رِدْءًا يُصَدِّقُنِي ۚ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ

"Dan saudaraku - Harun, ia lebih fasih lidahnya daripadaku, maka utuslah dia bersama-samaku sebagai penyokong yang mengakui kebenaranku, sesungguhnya aku bimbang mereka akan mendustakan daku"

قَالَ سَنَشُدُّ عَضُدَكَ بِأَخِيكَ وَجَجْعَلُ لَكُمَا سُلْطَانًا فَلَا يَصِلُونَ إِلَيْكُمَا ۚ بِآيَاتِنَا أَنْتُمَا وَمَنِ اتَّبَعُكُمَا الْعَالِيُونَ

Allah berfirman: "Kami akan menguatkan tenaga dan daya usahamu dengan saudaramu (Harun), dan Kami akan memberikan kuasa kemenangan kepada kamu berdua oleh itu mereka tidak akan sampai kepada maksud membahayakan atau mengalahkan kamu. Dengan membawa ayat-ayat keterangan Kami itu, kamu berdua serta pengikut-pengikut kamu akan menang".

Kisah Nabi Harun dan Nabi Musa di atas menunjukkan pengiktirafan yang diberikan kepada Nabi Harun yang lebih fasih berbicara untuk bertemu dengan Firaun. Kemampuan untuk fasih dalam pertuturan menunjukkan wujudnya amalan

kesantunan dalam kalangan para nabi terdahulu dan ini menjelaskan bahawa amalan kesantunan dalam berbahasa sangat diperlukan dalam menyampaikan dakwah Islam. Awang Sariyan (2007) juga memandang kesantunan berbahasa sebagai tanda kemuliaan akhlak. Manusia yang diberi akal dan kemampuan untuk berkata-kata merupakan makhluk istimewa yang diciptakan Allah. Keistimewaan ini berbanding makhluk lain perlu dijaga dan dihargai dengan mengamalkan kesantunan berbahasa ketika berhubung sesama manusia. Menurut beliau, bahasa menjadi wahana akal sebagai alat untuk berfikir dalam dua fungsi. Pertama, bahasa menjadi wahana untuk menyatakan idea, fikiran dan perasaan seseorang kepada pasangan tutur. Kedua, bahasa juga menjadi wahana akal untuk menerima dan menghuraikan mesej yang disampaikan untuk difahami. Bahasa memainkan peranan untuk membentuk kebudayaan dan tamadun manusia. Terdapat beberapa peranan bahasa terhadap kemajuan dan tamadun kehidupan manusia yang disebutkan di dalam al-Quran. Antaranya, ayat 31 surah al-Baqarah yang berbunyi:

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئِي بِأَسْمَاءِ هَؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Dan Dia telah mengajarkan Nabi Adam, akan segala nama benda-benda dan gunanya, kemudian ditunjukkannya kepada malaikat lalu Dia berfirman: Terangkanlah kepadaKu nama benda-benda ini semuanya jika kamu golongan yang benar.

Ini membuktikan pemerolehan dan pengembangan ilmu memerlukan bahasa sebagai perantaraan atau alat. Dalam ayat 13, surah al-Hujurat, Allah SWT menjelaskan bahawa peranan bahasa sangat besar bagi membentuk persefahaman dan perpaduan dalam kalangan manusia yang meliputi bangsa. Tidak mungkin berlaku perpaduan dan persefahaman tanpa peranan bahasa sebagai alat perantaraan. Justeru, dilihat kepada besarnya peranan bahasa dalam memakmurkan kehidupan manusia, maka semua

pihak perlu menitikberatkan kefahaman terhadap fungsi dan peranan kesantunan berbahasa seterusnya dilazimi sebagai amalan.

2.6.2 Tujuan Amalan Kesantunan Berbahasa Dianjurkan Dalam Islam

Anjuran amalan kesantunan berbahasa dalam Islam mempunyai tujuan dan matlamat tersendiri. Terdapat dua peranan utama dan tujuan penciptaan manusia di muka bumi ini (Awang Sariyan, 2007). Pertama, menyeru kepada kebaikan dan kedua, mencegah kemungkaran (Watsiqatul, Sunardi & Leo, 2018). Dua peranan utama penciptaan manusia menjelaskan dua pendekatan utama kesantunan berbahasa menurut Islam. Maksudnya di sini ialah pendekatan kesantunan berbahasa menurut Islam adalah berkait rapat dengan dua tujuan utama penciptaan manusia di muka bumi ini iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan. Jelasnya dalam mempraktikkan kedua-dua peranan ini, sudah tentulah diperlukan kesantunan berbahasa agar nasihat, teguran, suruhan dan larangan yang disampaikan dapat diterima dengan baik dan meninggalkan kesan yang diinginkan. Awang Sariyan (2007) berpendapat terdapat dua ayat yang menjadi asas kepada pendekatan kesantunan berbahasa iaitu:

Pertama; Ayat 44, surah Taha yang berbunyi:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, semoga ia beringat.

Kedua; Ayat 148, surah al-Nisa` yang berbunyi:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوْءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang); kecuali

oleh orang yang dianiayakan. Dan Allah sentiasa Mendengar, lagi Mengetahui.

Amalan kesantunan berbahasa yang patut dilazimi perlu meliputi keperluan memelihara hubungan manusia dengan Penciptanya (*hablun minallah*) dan hubungan manusia sesama manusia (*hablum minannas*). Manusia yang baik akan sentiasa menjaga hubungannya dengan Penciptanya meliputi ketaatan mengerjakan perintah dan suruhan dan ketaatan meninggalkan larangan dan tegahan (Awang Sariyan, 2007, Watsiqatul et.all, 2018).

Manusia yang baik juga sentiasa berusaha memelihara hubungan baiknya dengan sesama manusia terutama dalam berkomunikasi dan berbicara. Majoriti masyarakat Melayu yang beragama Islam, bukan sahaja berpegang kepada konsep menjaga air muka kerana menghormati kedudukan masyarakat, bahkan lebih daripada itu. Orang Islam lebih mementingkan penjagaan air muka dengan Allah SWT. Sesuatu perlakuan dan tutur bicara dijaga agar tidak menyalahi peraturan yang ditetapkan oleh Allah SWT (Noriati, 2005). Setiap perlakuan yang memenuhi mekanisme kesantunan adalah mematuhi peraturan Islam dan setiap perlakuan dalam Islam menunjukkan wujudnya anjuran supaya berlaku amalan kesantunan. Setiap amalan kesantunan hakikatnya adalah manifestasi ketaqwaan kepada Allah SWT. Menurut Noriati (2012, Wan dan Suhaila, 2019), pegangan kepada ajaran Islam mampu membina strategi kesantunan yang hampir sama walaupun berbeza tempat dan masyarakat.

2.6.3 Kandungan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Islam

Islam bukan sahaja meletakkan kedudukan amalan kesantunan berbahasa di tempat yang tinggi dan menyatakan tujuan amalan ini di sisi Allah SWT, namun Islam juga

menyediakan kandungan percakapan yang dikatakan santun menurut al-Quran. Pertuturan yang bagaimanakah yang dikatakan santun dan baik dalam Islam? Sebagaimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam ayat 125 surah an-Nahl yang bermaksud:

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah dan nasihat yang baik dan berbasalah dengan mereka menggunakan bahasa yang paling baik.

Maka, apakah kandungan perkataan yang dikatakan santun menurut al-Quran? Munif (2012) menyatakan bahawa kandungan ucapan kesantunan berbahasa dalam Islam adalah yang mengandungi leksikal atau perkataan dan wacana yang baik. Penggunaan perkataan yang baik adalah lambang keimanan dan diberi pahala yang sewajarnya. Dalam ayat 71 surah al-Taubah, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh perkara yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Awang Sariyan (2000) Mohd Nazeli Ahmad (2009) dan Wan Siti dan Suhaila (2019) menyatakan kandungan utama amalan kesantunan berbahasa menurut Islam ialah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Pandangan mereka disokong oleh Watsiqatul, Sunardi & Leo (2018). Justeru kandungan utama amalan kesantunan berbahasa menurut Islam ialah mesti mempunyai unsur-unsur yang menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan. Jelasnya dalam mempraktikkan kedua-dua peranan ini, sudah tentulah diperlukan kesantunan berbahasa agar nasihat, teguran, suruhan dan larangan yang disampaikan dapat diterima dengan baik dan meninggalkan kesan yang diinginkan.

Selain itu, antara kandungan utama dalam ucapan yang dikatakan santun dalam Islam ialah ucapan itu mestilah mempunyai istighfar atau memohon ampun. Ucapan yang

baik ialah apabila adanya dalam ucapan itu permohonan ampun sama ada untuk diri sendiri mahupun orang lain. Firman Allah SWT dalam Surah Nuh ayat 10-12:

Maka aku berkata (kepada mereka): “Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun.” “(Jika kamu berbuat demikian), nescaya Dia akan mencurahkan hujan yang lebat kepada kamu.” “Dan Dia membanyakkan harta dan anak-anak kamu dan Dia akan mengadakan untuk kamu kawan-kawan serta mengadakan untuk kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya).

Firman Allah Subhanahu Wata'ala surah Az-Zumar ayat 53-54 yang bermaksud:

Katakanlah (sampaikanlah firmanku ini wahai Nabi Muhammad): Wahai hamba-hambaKu yang melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa semuanya. Sesungguhnya Dialah yang Maha Pengampun Lagi Maha Pengasih. Dan kembalilah (bertaubat) kepada Tuhan kamu serta berserah dirilah kepadaNya sebelum datang azab ke atas kamu, kemudian kamu tidak dapat akan diberi pertolongan.

Melazimi istighfar sebagai amalan dalam pertuturan menjadi lambang keimanan. Istighfar mendidik manusia agar berkata baik dan sentiasa menyedari akan kesalahan perbuatan mahupun perkataan yang dilakukan. Memohon ampun untuk orang lain menunjukkan ketinggian budi seseorang dan keindahan tutur bicara.

Firman Allah SWT dalam 159, surah Ali 'Imran yang bermaksud:

Maka berkat rahmat Allah engkau (Muhammad) berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau bersikap keras dan berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekitarmu. Karena itu maafkanlah mereka dan mohonkanlah ampunan untuk mereka, dan bermusyawarahlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian, apabila engkau telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sungguh, Allah mencintai orang yang bertawakal.

Melazimi permulaan perjumpaan dan perbicaraan dengan memberi salam adalah satu amalan kesantunan berbahasa. Islam sebagai agama yang santun sangat menggalakkan amalan memberi salam dan menyebarkan kerana pengucapan salam menimbulkan rasa hormat-menghormati dan berkasih sayang. Selain

bermaksud berdoa untuk kesejahteraan, mengucapkan salam menunjukkan peribadi yang baik perilakunya. Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya seutama-utama manusia pada Allah ialah orang yang terlebih dahulu memberikan salam dalam kalangan mereka. (Hadis riwayat Abu Dawud).

Rasulullah SAW pernah berpesan kepada Sayyidina Anas bin Malik agar sentiasa mengucapkan salam apabila hendak masuk ke rumah kerana ia membawa kebaikan dan keberkatan. Sabda baginda yang bermaksud:

Wahai anakku, jika kamu hendak masuk ke tempat keluargamu, maka ucapkanlah salam, nescaya akan berkat atas kamu dan seluruh keluarga rumahmu.” (Hadis riwayat al-Tirmizi)

Firman Allah SWT dalam ayat 54 surah al-An'am yang bermaksud:

Apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang kepadamu, maka katakanlah: "Salaamun alaikum. Tuhanmu telah menetapkan atas diriNya kasih sayang, (aitu) bahwasanya barang siapa yang berbuat kejahatan di antara kamu lantaran kejahilan, kemudian ia bertaubat setelah mengerjakannya dan mengadakan perbaikan, maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Selain itu, berdoa juga merupakan kandungan pengucapan yang santun dalam Islam. Amalan berdoa sama ada untuk diri sendiri ataupun orang lain, menunjukkan perilaku yang baik dan terhindar dari menggunakan perkataan yang tidak baik. Sentiasa berdoa untuk orang lain membuktikan keelokan budi pekerti penuturnya. Berdoa boleh mewujudkan hubungan yang baik antara sesama manusia. Firman Allah SWT dalam ayat 60 surah Ghafir yang bermaksud:

Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang Yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaku, akan masuk neraka jahannam dalam keadaan hina."

Allah SWT mengajarkan manusia agar sentiasa berdoa terutamanya kepada diri sendiri dan kedua ibuabapa dalam ayat 24 surah al-Isra` yang bermaksud:

Dan rendahkanlah dirimu terhadap keduanya dengan penuh kasih sayang dan ucapkanlah, “Wahai Tuhanku! Sayangilah keduanya sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku pada waktu kecil.”

Sabda Rasulullah SAW dalam sebuah hadis:

لَيْسَ شَيْءٌ أَكْرَمُ عَلَى اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ مِنْ الدُّعَاءِ

Tiada sesuatu yang lebih mulia di sisi Allah berbanding doa.”

(HR Ahmad, al-Bukhari)

2.6.4 Kaedah Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut Islam

Islam meletakkan garis panduan yang lengkap terhadap amalan kesantunan berbahasa yang turut meliputi kaedahnya. Firman Allah SWT dalam ayat 53 surah al-Isra` yang bermaksud:

Dan katakanlah wahai Muhammad kepada hamba-hambaKu yang beriman, supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik kepada orang-orang yang menentang kebenaran. Sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka yang mukmin dan yang menentang. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

Dalam ayat di atas, Allah SWT memerintahkan kepada orang-orang yang beriman supaya bertutur dengan kata-kata yang baik walaupun ketika bercakap dengan orang yang tidak beriman. Pertuturan yang baik itu melambangkan keteguhan iman kerana syaitan sentiasa menghasut supaya bercakap dengan perkara yang tidak baik.

Firman Allah SWT dalam ayat 83 surah al-Baqarah yang bermaksud:

Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janjidi dari Bani Israil, “Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat-baiklah kepada kedua orang tua, kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin. Dan bertuturkatalah yang baik kepada manusia, laksanakanlah salat dan tunaikanlah zakat.” Tetapi kemudian kamu berpaling (mengingkari), kecuali sebagian kecil dari kamu, dan kamu (masih menjadi) pembangkang.

Dalam ayat di atas, Allah SWT memerintahkan manusia agar sentiasa bertutur dengan bicara yang baik-baik. Perintah ini mendahului perintah kewajipan menunaikan solat dan zakat. Sayyid Qutb (2000) dalam tafsiran ayat tersebut menekankan kepentingan menggunakan perkataan yang baik dalam ucapan dalam kalangan orang mukmin pada

setiap tempat dan waktu. Orang-orang mukmin dianjurkan supaya memilih kata-kata yang hendak diucapkan agar mereka terhindar dari hasutan syaitan yang akan merosakkan hubungan harmoni dan kemesraan antara mereka. Hakikatnya, syaitan sentiasa menggoda dan menghasut manusia supaya menggunakan kata-kata yang kesat dan kasar yang boleh menyebabkan suasana kasih mesra dan harmoni berubah menjadi pertelingkahan dan pertengkaran sehingga menyebabkan berlakunya pergaduhan dan permusuhan. Perkataan-perkataan yang baik dapat melembutkan dan menjinakkan hati serta menyatukan hati-hati dengan kasih sayang.

Tuntutan amalan kesantunan berbahasa adalah tuntutan ketika berinteraksi dengan semua manusia, tidak kira miskin atau kaya, muslim atau kafir, jahat atau baik. Ini merujuk kepada perkataan *linnas* dalam ayat 83 surah al-Baqarah yang bermaksud "manusia". Ramai *mufasssirin* seperti al-Zuhailiy (1991), al-TanTanwiy (1998) dan al-Sa'adiy (2013) menjelaskan perkataan manusia ini merujuk kepada semua manusia tidak kira islam atau kafir. Namun kelembutan dan kesantunan ketika berbicara dengan orang kafir terbatas kepada perkara aqidah. Percakapan yang meliputi perkara aqidah dan ketuhanan perlu disertakan dengan ketegasan. Firman Allah dalam ayat 54 surah al-Mai`dah yang bermaksud:

Wahai orang-orang yang beriman, barangsiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan merekapun mencintaiNya, yang bersikap lemah lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad dijalan Allah, dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurniaan Allah, diberikanNya kepada siapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha luas (pemberianNya) lagi Maha mengetahui

Firman Allah SWT dalam ayat 88 surah al-Hijr yang bermaksud:

Janganlah sekali-kali kamu menunjukkan pandanganmu kepada kenikmatan hidup yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan di antara mereka

(orang-orang kafir itu), dan janganlah kamu bersedih hati terhadap mereka dan berendah dirilah kamu terhadap orang-orang yang beriman.

Ayat di atas menuntut supaya orang-orang yang beriman sentiasa merendah diri ketika bertemu dan bermuamalah sesama sendiri. Ayat ini juga menunjukkan bahawa bercakap sombong dan membanggakan diri adalah dilarang dalam agama.

2.7 Pendekatan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran

Kebelakangan ini, sudah ramai sarjana muslim mengetengahkan pendekatan-pendekatan amalan kesantunan berbahasa berdasarkan kefahaman terhadap analisis ayat-ayat al-Quran. Kebanyakan mereka membincangkan tentang prinsip, pendekatan atau strategi kesantunan dalam pertuturan secara langsung dan ada juga yang membincangkan pendekatan komunikasi menurut pandangan Islam. Perbincangan dan kupasan kajian antara kesantunan dalam pertuturan dan komunikasi berkesan dilihat tidak menampakkan perbezaan kandungan, malahan cakupan perbincangan adalah menyentuh persoalan perhubungan dalam bentuk lisan, cuma mungkin istilah antara komunikasi dan pertuturan dilihat agak berbeza konsep. Pertuturan adalah tema dalam komunikasi. Justeru kajian AKBQ meninjau kajian-kajian yang membincangkan konsep, prinsip, pendekatan dan strategi komunikasi dalam Islam.

Di Malaysia, Noriati (2005, 2012) dalam kajiannya cuba mengembangkan aplikasi kerangka kesantunan Islam. Beliau mengkategorikan beberapa strategi kesantunan masyarakat Melayu dalam majlis pertunangan berdasarkan pengaruh pegangan agama Islam. Munif (2012) menulis tentang analisis wacana pendekatan kesantunan berbahasa di dalam Islam. Beliau mengetengahkan beberapa pendekatan yang didasarkan kepada ayat-ayat al-Quran dan hadis. Tulisan beliau ini boleh dijadikan pencetus kepada analisis wacana kesantunan bahasa di dalam Islam. Beliau

mengetengahkan kaedah *Ahsan al-Qawl* sebagai teori menganalisis kesantunan bahasa.

Nafon Hasjim (2013), menulis tentang pendekatan-pendekatan kesantunan berbahasa di dalam Islam, namun beliau hanya menyenaraikan pendekatan-pendekatan tersebut dengan merujuk kepada ayat-ayat al-Quran. Beliau tidak menjadikan hadis-hadis Rasulullah SAW sebagai teks kajian. Beliau mengetengahkan pendekatan-pendekatan kesantunan berbahasa berdasarkan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Muhammad Jaeni (2013) juga menggambarkan kesantunan bahasa yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W dalam tulisannya. Namun beliau hanya mengulas beberapa hadis yang dijadikan contoh kesantunan bahasa Rasulullah S.A.W dengan berpandukan teori kesantunan Leech.

Nasruddin (2002) telah membincangkan konsep dan etika komunikasi menurut perspektif Islam. Beliau membahagikan etika komunikasi kepada dua bahagian iaitu dari sudut rohani dan jasmani. Beliau menyenaraikan lapan etika berkomunikasi dari sudut rohani iaitu ikhlas, amanah, benar, bernai, adil, rendah diri, sabar dan memelihara kesucian diri. Walau bagaimanapun, etika komunikasi dari sudut jasmani yang dicadangkan beliau agak kabur dan tidak jelas maksudnya. Beliau hanya menegaskan proses komunikasi yang berlaku perlu mematuhi kehendak aqidah, syariah dan akhlak. Nasruddin membahagikan pendekatan-pendekatan komunikasi kepada tujuh perkara. Pertama, komunikasi yang dilakukan mestilah dalam lingkungan kebaikan. Kedua, komunikasi mesti sesuatu yang tidak berkaitan dengan perkara batil. Ketiga, komunikasi yang dilakukan tidak berbentuk cacian atau kejian. Keempat tujuan komunikasi yang dibina adalah untuk manfaat umum. Kelima,

komunikasi yang dijalankan perlu denganberhikmah. Keenam, komunikator yang terlibat dalam komunikasi tidak berbantahan untuk kepentingan peribadi.Ketujuh, komunikasi yang dilangsungkan sesuai dengan tahap dan latar belakang penerima. Nasruddin turut menyenaraikan tujuh adab berkomunikasi dalam Islam, iaitu berkomunikasi dengan teratur, berkomunikasi dengan fasih, berkomunikasi mengenai perkara yang mudah difahami, berkomunikasi dengan kepanjangan sederhana, memberikan perhatian kepada penerima, melapangkan hati penerima dan memberikan perhatian kepada penyampai.

Perbincangan pendekatan komunikasi oleh Nasruddin dalam kajiannya telah mengetengahkan dapatan yang diperoleh daripada analisis ayat-ayat suci al-Quran. Beliau mengupas kepentingan komunikasi dan peranannya dalam pembinaan peradaban manusia. Ini merupakan penemuan baru dan penambahan pengetahuan. Walau bagaimanapun, sedikit kekeliruan berlaku apabila pembahagian dibuat terhadap etika dan pendekatan. Penyelidik berpandangan bahawa pendekatan merupakan dasar yang menghasilkan etika dan kedua perkara ini bukanlah perkara yang berasingan. Perbincangan tersebut mungkin menjadi lebih menarik jika hasil dapatannya diterjemahkan dalam bentuk model sebagai rujukan model komunikasi Islam.

Mohd Nazeli (2009) mengeluarkan sepuluh pendekatan utama kesantunan berbahasa hasil penelitian beliau terhadap ayat-ayat suci al-Quran. Pendekatan yang pertama ialah pendekatan yang dikaitkan dengan dua peranan utama penciptaan manusia iaitu menyeru kebaikan dan mencegah kemungkaran. Pendekatan ini sudah pasti menjelaskan perkara yang perlu dilakukan oleh manusia dalam berkomunikasi atau

berhubungan sesama manusia ialah mengajak orang lain melakukan perkara-perkara yang membawa kebaikan sejagat. Pada masa yang sama tujuan komunikasi itu juga mestilah meliputi larangan atau nasihat kepada orang lain supaya tidak melakukan kejahatan dan keburukan. Pendekatan kedua yang diketengahkan oleh Mohd Nazeli (2009) ialah pendekatan kebertanggungjawaban manusia menjaga lidah. Setiap manusia adalah bertanggungjawab menjaga lidahnya agar tidak menuturkan sesuatu yang tidak baik yang akan memberi kesan kepada dirinya dan orang lain. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 18, surah Qaf:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya (atau perbuatan yang dilakukannya) melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa sedia menerima dan menuliskannya.

Berdasarkan ayat di atas, Mohd Nazeli (2009) merumuskan bahawa asas utama kesopanan berkomunikasi ialah kebertanggungjawaban menjaga lidah. Seseorang yang menyedari bertanggungjawab menjaga tutur katanya akan sentiasa berjaga-jaga dari mengeluarkan kata-kata yang tidak sepatutnya dan dia menyedari setiap tutur katanya akan dikira sama ada pahala atau dosa. Pendekatan ketiga yang dikemukakan oleh Mohd Nazeli (2009) ialah berbicara dengan lembut. Ini didasarkan kepada kefahaman ayat 44, surah Taha:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga dia beringat atau takut.

Pendekatan yang diketengahkan ini adalah lebih kepada kaedah pertuturan. Ayat tersebut menuntut manusia supaya bertutur dengan lembut sekalipun yang mendengarnya adalah musuh atau orang yang mengingkari perintah Allah. Ini kerana

pertuturan yang lembut dapat menjinakkan hati orang lain, terutamanya ketika berdakwah. Pendekatan ini juga disandarkan kepada ayat 159, surah Ali `Imran:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat untuk membuat sesuatu) maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

Pendekatan keempat ialah larangan mengeluarkan perkataan yang buruk. Allah SWT melarang manusia daripada berbicara dengan tutur kata yang buruk seperti menghina, mencaci, mengejek, mencarut, mengeluarkan kata-kata yang kesat dan sebagainya. Ini kerana perkataan-perkataan yang buruk akan memberi kesan buruk seperti pergaduhan, pertengkaran, permusuhan dan sebagainya. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 148, surah al-Nisa`:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوْءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang (untuk mendedahkan kejahatan orang) kecuali oleh orang yang dianiayakan dan Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Pendekatan kelima yang dinyatakan oleh Mohd Nazeli (2009) ialah pendekatan memaafkan. Pendekatan memaafkan merupakan strategi komunikasi yang melambangkan peribadi luhur seseorang. Seseorang yang dapat memaafkan kesalahan orang lain dianggap seorang yang mempunyai jiwa yang besar dan tinggi budi pekertinya. Justeru memaafkan dipilih sebagai salah satu pendekatan kesantunan berbahasa kerana mempunyai sifat pemaaf akan menjernihkan hubungan antara

penutur dan pendengar serta dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa harmoni.

Pendekatan ini diambil daripada kefahaman ayat 149, surah al-Nisa`:

إِنْ تُبْدُوا خَيْرًا أَوْ تُخْفُوهُ أَوْ تَعْفُوا عَنْ سُوءٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ عَفُورًا قَدِيرًا

Jika kamu melahirkan sesuatu kebaikan, atau menyembunyikannya, atau kamu memaafkan kesalahan yang dilakukan terhadap kamu, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Pemaaf lagi Maha Berkuasa.

Pendekatan keenam ialah berhikmah. Berhikmah ketika bertutur adalah lambang kepada kebijaksanaan. Islam menuntut supaya umatnya bertutur dengan penuh kebijaksanaan. Orang yang bijak akan sentiasa menuturkan perkara-perkara yang mendatangkan kesan yang baik. Orang yang berhikmah akan sentiasa berhati-hati dalam menuturkan setiap perkara dan dapat memikirkan kesan kepada pertuturannya.

Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 125, surah al-Nahl:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ بِالنِّبَاتِ هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Pendekatan ketujuh ialah kecerahan dan kejelasan. Pendekatan ini menuntut penutur menjaga tutur bicara agar jelas dan nyata supaya pendengar dapat memahami maksud yang ingin disampaikan. Ketidakjelasan tutur kata akan menyebabkan berlakunya salah faham di antara penutur dan pendengar. Pendekatan ini jelasnya difahami dari ayat 35, surah al-Nahl:

وَقَالَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا لَوْ شَاءَ اللَّهُ مَا عَبَدْنَا مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ نَحْنُ وَلَا آبَاؤُنَا وَلَا حَرَمْنَا مِنْ دُونِهِ مِنْ شَيْءٍ ۚ كَذَلِكَ فَعَلَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَهَلْ عَلَى الرُّسُلِ إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ

Dan berkatalah orang-orang kafir musyrik: "Kalaulah Allah menghendaki, tentulah kami tidak menyembah selain daripadanya sesuatupun, (tidak) kami dan tidak juga datuk nenek kami dan tentulah kami tidak mengharamkan sesuatu pun dengan ketiadaan perintahnya". Demikianlah juga yang telah dilakukan oleh orang-orang yang terdahulu daripada mereka. (Apa yang mereka katakan itu adalah salah semata-mata) kerana bukannya rasul-rasul semuanya tidak bertanggungjawab selain daripada menyampaikan (kehendak dan hukum Allah) dengan cara yang jelas lagi nyata? Pendekatan kesantunan berbahasa yang kelapan menurut Nazeli ialah menggunakan

bahasa yang sesuai dan baik. Islam menganjurkan supaya umatnya menggunakan perkataan yang baik dan sesuai dalam percakapan dan penyelidikan. Islam menyuruh ibu bapa mendidik anak-anak menggunakan perkataan-perkataan yang baik dalam pertuturan semenjak mereka kecil. Kelaziman menggunakan bahasa yang baik akan melahirkan kesantunan ketika berbicara. Kesantunan ketika berbicara menunjukkan peribadi yang mulia. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 53, surah al-`Isra`:

قُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا

Dan katakanlah (Wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik (kepada orang-orang yang menentang kebenaran); Sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan yang menentang). Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

Pendekatan ini juga berdasarkan ayat 83, surah al-Baqarah:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ

Dan ingatlah Wahai Muhammad, ketika kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin. Dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat".Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu) kecuali sebahagian kecil dari kamu; dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Pendekatan ini juga berdasarkan kepada ayat 8, surah al-Nisa`:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَأَرْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka), dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

Pendekatan kesembilan ialah nada yang terkawal dan sesuai. Seseorang yang menjaga kesopanan ketika berbicara akan turut menjaga nada suaranya dan menyesuaikan dengan situasi dan tempat. Pertuturan yang diiringi dengan nada suara yang lunak dan lembut dapat memberi kesan yang positif kepada pendengar. Sebaliknya pertuturan yang menggunakan suara yang nyaring dan keras serta tidak sesuai akan meninggalkan kesan yang tidak baik. Pendekatan ini diambil daripada kefahaman ayat 19, surah Luqman:

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ

Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan, juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata). Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.

Pendekatan kesepuluh menurut Nazeli ialah pengucapan salam. Pengucapan salam merupakan strategi amalan kesantunan berbahasa. Memberi dan menjawab salam dapat melahirkan rasa bahagia dan mengeratkan hubungan sesama manusia.

Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 86, surah al-Nisa`:

وَإِذَا حُيِّتُمْ بِتَحِيَّةٍ فَحَيُّوا بِأَحْسَنَ مِنْهَا أَوْ رُدُّوهَا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبًا

Dan apabila kamu diberikan penghormatan dengan sesuatu ucapan hormat (seperti memberi salam), maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik daripadanya, atau balaslah dia (dengan cara yang sama). Sesungguhnya Allah sentiasa menghitung tiap-tiap sesuatu.

Pendekatan-pendekatan yang telah dikemukakan oleh Mohd Nazeli (2009) tersebut menjadi pencetus idea kepada sarjana-sarjana lain untuk terus menganalisis ayat-ayat al-Quran yang sinonim dengan pendekatan kesantunan berbahasa yang dibincangkan. Walau bagaimanapun penyelidik berpendapat terdapat beberapa pendekatan yang dipilih lebih sesuai jika dibincangkan di bawah konsep kesantunan berbahasa. Perbincangan beliau kelihatan seperti dua perbincangan dalam satu isu. Justeru perbincangan tersebut lebih tersusun jika dibahagikan kepada konsep dan pendekatan kesantunan berbahasa. Pengucapan salam pula adalah contoh praktikal amalan kesantunan berbahasa, bukan setakat strategi. Islam bukan hanya menyediakan pendekatan dan strategi bahkan Islam menganjurkan amalan memberi dan menjawab salam sebagai salah satu bentuk atau contoh praktikal kepada umat Islam.

Abdul Mua'ti (2011) menyenaraikan sebanyak tiga belas pendekatan komunikasi menurut Islam. Istilah komunikasi yang digunakan dalam tulisannya adalah sinonim dengan perhubungan yang menekankan aspek kesantunan ketika berinteraksi. Pendekatan yang pertama ialah merancang idea sebelum berkomunikasi. Pendekatan ini menuntut seorang mukmin membuat pemerhatian, pengamatan, penelitian dan perencanaan yang sistematik sebelum berlaku sesuatu komunikasi. Komunikasi yang terancang dan berstrategi melambangkan kebijaksanaan seseorang. Pendekatan ini didasarkan kepada ayat 125 Surah al-Nahl:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ يَأْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan carayang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat darijalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Pendekatan yang kedua ialah menganalisis pendengar. Seorang komunikator mukmin harus mengenali pendengar dan mengetahui tahap pengetahuan, sikap, sensitiviti dan mentaliti mereka. Pendekatan yang ketiga ialah memastikan isi percakapan adalah benar. Pendekatan ini penting supaya perkara yang hendak disampaikan dapat menyebarkan kebenaran. Sebaliknya pendengar akan menjadi kecewa jika isi komunikasi mempunyai unsur kebohongan. Pendekatan yang keempat ialah menggunakan gaya bahasa yang baik dan bersesuaian. Penggunaan bahasa yang baik dan bersesuaian memberi kesan kepada pembentukan dan penghayatan akhlak. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 53 surah al-Isra`:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا

Dan katakanlah wahai Muhammad kepada hamba-hambaKu yang beriman, supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik kepada orang-orang yang menentang kebenaran. Sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka yang mukmin dan yang menentang. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

Pendekatan yang kelima ialah mengawal nada percakapan supaya sesuai. Kelembutan bicara sangat penting bagi menjayakan sesuatu komunikasi. Suara yang lunak dan mesra dapat mempengaruhi jiwa pendengar. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 43-44 surah Taha:

أَذْهَبَا إِلَىٰ فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَىٰ فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لِّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Pergilah kamu berdua kepada Firaun, Sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya. Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya, dengan kata-kata Yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut.

Pendekatan keenam yang dikemukakan oleh Abdul Mua'ti (2011) ialah menyusun maklumat dengan jelas dan berstruktur. Mesej yang disampaikan dengan tersusun dan terancang lebih mudah difahami oleh pendengar dan tidak mengelirukan. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 54 surah al-Nur:

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ فَإِنْ تَوَلَّوْا فَإِنَّمَا عَلَيْهِ مَا حُمِّلَ وَعَلَيْكُمْ مَا حُمِّلْتُمْ وَإِنْ تُطِيعُوهُ تَهْتَدُوا وَمَا عَلَى الرَّسُولِ إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ

Dan sebenarnya Rasul Allah hanyalah bertanggungjawab menyampaikan perintah-perintah Allah Dengan penjelasan yang terang dan nyata.

Pendekatan ketujuh ialah bahasa badan perlu menyokong lisan. Semasa berkomunikasi, penghayatan dan semangat diperlukan bagi melambangkan keseriusan tujuan. Penghayatan ini tergambar melalui bahasa badan yang kerap kali digunakan untuk mengeluarkan makna lisan. Pendekatan ini disandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Muslim dan Ibnu Majah yang bermaksud:

Apabila Rasulullah SAW berkhotbah, kedua matanya merah, suaranya lantang dan semangatnya bangkit bagai seorang panglima perang yang memperingatkan tentang kedatangan musuh yang ingin memerangi umat Islam di ketika pagi atau petangnya.

Antara contoh bahasa badan yang dapat menyokong bahasa lisan ialah senyuman. Senyuman adalah bahasa badan yang memanifestasikan kejernihan hati dan jiwa. Pendekatan kelapan ialah berhujah dengan waras. Untuk memperoleh komunikasi yang berkesan, seorang komunikator perlu pada suatu ketika berhujah dengan waras dan rasional dan bukan emosional untuk menyerlahkan sesuatu kebenaran. Firman Allah SWT dalam surah al-Nahl ayat 125:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدْهُمْ يَأْتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah ke jalan Tuhanmu Wahai Muhammad dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka yang Engkau serukan itu dengan carayang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.

Pendekatan yang kesembilan ialah perlu mengambil kira pendapat orang lain. Dalam menjayakan suatu komunikasi yang berkesan, seorang komunikastor perlu meminta pendapat orang lain yang lebih berpengalaman dalam sesuatu aspek bagi merancang

komunikasi. Keputusan yang terhasil setelah perbincangan adalah lebih baik daripada keputusan yang dibuat secara bersendirian. Firman Allah SWT dalam ayat 159 surah Ali ‘Imran:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Oleh itu maafkanlah mereka mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu), dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan hal-hal keduniaan itu.

Pendekatan kesepuluh ialah melakukan apa yang dikatakan. Memberikan contoh teladan adalah cara menyampaikan nasihat yang paling berkesan. Seorang komunikator yang baik dapat melakukan apa yang dinasihatkan kepada orang lain.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Saff ayat 2-3:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَن تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apayang kamu tidak melakukannya. Amat besar kebenciannya di sisi Allah - kamu memperkatakan sesuatu yang kamu tidak melakukannya.

Pendekatan kesebelas ialah meninggalkan celaan dan mengumpat serta mengutuk orang lain kerana ia hanya akan menjatuhkan kredibiliti sendiri. Komunikasi yang mengandungi umpat keji tidak mendatangkan faedah. Firman Allah SWT dalam ayat 1 surah al-Humazah:

وَيْلٌ لِّكُلِّ هُمَزَةٍ لُّمَزَةٍ

Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci, pengeji

Pendekatan kedua belas ialah menjauhi tanggapan buruk terhadap orang lain. Seorang komunikator yang baik tidak menilai orang lain berdasarkan persepsi luaran. Persepsi negatif akan mendorong berlakunya prasangka buruk yang boleh membawa kepada

gejala negatif seperti mengumpat, gosip, mencela, sabotaj dan sebagainya. Firman Allah SWT dalam ayat 12 surah al-Hujurat:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ وَ لَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبِ بَعْضُكُم بَعْضًا أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah setengah kamu mengumpat setengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu jijik kepadanya dan bertaqwalah kamu kepada Allah. Sesungguhnya Allah Penerima taubat, lagi Maha Mengasihani.

Pendekatan ketiga belas menurut Abdul Mu'ati (2011) ialah mendengar dengan berkesan. Seorang komunikator yang baik juga akan menjadi pendengar yang baik iaitu peluang untuk bercakap diberikan kepada pendengar dan mengambil giliran sebagai pendengar yang baik. Firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 36:

إِنَّمَا يَسْتَجِيبُ الَّذِينَ يَسْمَعُونَ وَالْمَوْتَى يَبْعَثُهُمُ اللَّهُ ثُمَّ إِلَيْهِ يُرْجَعُونَ

Sesungguhnya orang-orang yang menyahut seruanmu itu ialah mereka yang mendengar sedang orang-orang yang mati Allah bangkitkan mereka semula (pada hari kiamat kelak), kemudian mereka dikembalikan kepadanya untuk menerima balasan.

Munif (2012) membahagikan pendekatan kesantunan berbahasa menurut al-Quran kepada tiga bahagian, iaitu matlamat, bentuk dan cara. Kesantunan berbahasa menurut Islam disandarkan kepada matlamat untuk mengajak orang lain berbuat baik. Ini bermaksud amalan kesantunan berbahasa mempunyai matlamat dan tujuan, tidak sekadar percakapan kosong yang tidak mempunyai makna. Sebaliknya tujuan setiap tutur bicara adalah ingin mengajar pasangan tutur berbuat baik. Justeru kesantunan

berbahasa ini menjadi amalan orang-orang yang beriman dan sebagai tanda keimanan kepada Allah SWT. Sabda Rasulullah SAW:

ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر، فليكرم ضيفه (رواه البخاري، ومسلم).

Siapa yang beriman dengan Allah dan hari akhirat, hendaklah dia bercakap baik atau diam.

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW menegaskan bahawa orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, pasti dia mengamalkan tutur kata yang baik atau jika tidak dia boleh berdiam diri. Ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang menyebut tentang konsep kesantunan berbahasa jelas meletakkan matlamat sebagai salah satu pendekatan. Konsep kesantunan berbahasa bukan sekadar merupakan praktis antara sesama manusia bahkan jauh lebih dari itu merupakan manifestasi keimanan seseorang terhadap Allah Yang Esa (Munif, 2012).

Amalan kesantunan berbahasa jelas mempunyai matlamat mengajak orang lain mendekatkan diri dengan Allah SWT. Dalam surah al-Isra', ayat 23, Allah SWT berfirman yang berbunyi:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عَنْكَ الْأَكْبَرُ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaan mu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan 'ha' dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia, yang bersantun.

Dalam ayat di atas, Allah SWT memerintahkan kita supaya tidak menyembah selain kepadaNya. Perintah mengesakan ini disusuli dengan perintah supaya berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa. Berbuat baik kepada ibu bapa termasuklah beradab sopan

dan santun berbahasa dengan kedua-duanya (Ibnu kathir, 1999). Allah SWT menyuruh kita agar tidak berlaku kasar kepada keduanya bahkan hendaklah sentiasa berkata baik dan tidak berbahasa kasar.

Jelas adab dan kesantunan yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada kita ketika bermu'asyarah dengan ibu bapa meliputi perbuatan dan tutur bicara (Al-Qurtubiy, 1967). Kita diminta agar beradab sopan dengan ibu bapa. Kita juga diminta agar bertutur dengan santun terhadap keduanya. Ayat ini juga menjelaskan bahawa amalan kesantunan adalah anjuran dari Allah SWT. Orang-orang yang mengamalkan kesantunan adalah orang-orang yang beriman dengan Allah SWT. Orang-orang yang mengamalkan kesantunan adalah orang yang mempunyai matlamat yang jelas dalam tindakannya iaitu kembali mengesakan Allah SWT (Awang Sariyan, 2007). Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesantunan berbahasa yang diamalkan merupakan kesan beriman dengan Allah SWT dan beriman dengan hari akhirat. Dua contoh anjuran kepada amalan kesantunan berbahasa di atas iaitu ayat Al-Quran dan hadis menunjukkan wujudnya matlamat yang jelas di sebalik amalan tersebut. Bagi orang yang benar-benar beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat, mengamalkan kesantunan berbahasa bukanlah bertujuan mendapat pujian, penghargaan dan kesukaan daripada manusia bahkan jauh lebih penting adalah mendapat keredhoan daripada Allah SWT (Wan Siti & Suhaila, 2019).

Kesantunan berbahasa yang diamalkan adalah manifestasi keimanan kepada Allah SWT. Dengan amalan kesantunan berbahasa, dakwah untuk mengajak manusia beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat dapat dilakukan. Inilah matlamat amalan kesantunan berbahasa. Perbincangan tentang matlamat inilah yang menjadi titik

perbezaan antara konsep dan teori kesantunan berbahasa dalam kalangan sarjana barat dan juga Islam. Islam jelas meletakkan tauhid sebagai matlamat kesantunan berbahasa, berbeza dengan konsep dan teori barat yang hanya menekankan kepada keselesaan dan penerimaan pasangan tutur.

Perkara kedua yang ditekankan oleh Munif (2012) ketika membicarakan tentang pendekatan kesantunan berbahasa menurut Al-Quran ialah bentuk leksikal atau perkataan dan amalan wacana. Leksikal yang dimaksudkan adalah penggunaan perkataan, ayat dan ungkapan ketika mempraktikkan kesantunan berbahasa. Setiap perkataan, ayat atau ungkapan yang digunakan ketika bertutur atau berinteraksi akan dikira sebagai amal baik jika dilakukan mengikut aturan Islam. Sebaliknya jika dilakukan dengan kasar, biadap dan tidak mengikut kehendak Islam, maka akan dikira sebagai amal buruk. Ini jelas disebutkan oleh Allah SWT dalam surah Qaf, ayat 18 yang berbunyi:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Tidak ada sebarang perkataan yang dilafazkannya melainkan ada di sisinya malaikat pengawas yang sentiasa bersedia menerima dan menuliskannya.

Selain matlamat dan bentuk, pendekatan kesantunan berbahasa juga merangkumi cara pelaksanaannya. Menurut Munif (2012), dalam Islam, pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa mestilah mengikut garis panduan yang disediakan. Cara pelaksanaan yang dimaksudkan meliputi hukum-hukum syariah seperti wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Ini menunjukkan pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa mestilah mematuhi peraturan dan batasan yang disediakan oleh agama.

Nafron Hasjim (2013) dalam tulisannya Kesantunan Berbahasa Dalam Islam, menemukan lapan pendekatan kesantunan berbahasa. Konklusi ini adalah hasil tadabbur beliau terhadap ayat-ayat al-Quran. Berikut ialah kelapan-lapan pendekatan tersebut: Pertama: Qaulan Sadida: Perkataan yang benar. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 70 surah Al-Ahzab:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar dalam segala perkara.

Kedua: Qaulan Layyina: Perkataan yang lembut. Pendekatan ini didasarkan kepada ayat 44 surah Taha:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى

Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut.

Ketiga: Qaulan Ma`rufa: Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 32, Surah al-Ahzab dan ayat 8 surah Al-Nisa`:

يُنِسَاءَ النَّبِيِّ لَسَنُنَّ كَاكِدٍ مِّنَ النِّسَاءِ إِنِ اتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَحْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا

Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja semasa bercakap dengan lelaki asing kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya menaruh tujuan buruk kepada kamu, dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُوا الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَّعْرُوفًا

Dan apabila kerabat yang tidak berhak mendapat pusaka, dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin hadir ketika pembahagian harta pusaka itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya, dan berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

Keempat: Qaulan Thaqila: Perkataan yang berat. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 5 surah Al-Muzzammil:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَأَرْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Sesungguhnya Kami akan menurunkan kepadamu wahyu Al-Quran yang mengandungi perintah-perintah yang berat kepada orang-orang yang tidak bersedia menyempurnakannya.

Kelima: *Lajwan wa la ta`thima*: Tidak mendengar perkataan yang sia-sia dan yang menimbulkan dosa. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 25 surah Al-Waqi`ah:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ۚ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

Mereka tidak akan mendengar Dalam syurga itu perkataan yang sia-sia dan tiada pula sesuatu yang menyebabkan dosa.

Pendekatan ini juga disandarkan kepada ayat 148 surah Al-Nisa`:

لَا يُحِبُّ اللَّهُ الْجَهْرَ بِالسُّوءِ مِنَ الْقَوْلِ إِلَّا مَنْ ظَلَمَ ۚ وَكَانَ اللَّهُ سَمِيعًا عَلِيمًا

Allah tidak suka kepada perkataan-perkataan buruk yang dikatakan dengan berterus-terang untuk mendedahkan kejahatan orang kecuali oleh orang yang dianiayakan dan (ingatlah) Allah sentiasa Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Keenam: Qaulan Karima : Ucapan yang mulia. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 23 surah Al-`Isra`:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عِنْدَكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا
أُفٍّ وَلَا تَنْهَرَهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadanya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka sebarang perkataan kasar sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia yang bersopan santun.

Ketujuh: *Yaqulullati hiya ahsan*. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 53 surah Al-`Isra`:

وَقُلْ لِّعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا

Dan katakanlah wahai Muhammad kepada hamba-hambaKu yang beriman, supaya mereka berkata dengan kata-kata yang amat baik kepada orang-orang yang menentang kebenaran. Sesungguhnya syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka yang mukmin dan yang menentang. Sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh yang amat nyata bagi manusia.

Kelapan: *Wa qulu linnasi husna*. Pendekatan ini disandarkan kepada ayat 83, surah al-Baqarah:

وَقُلْ لِّعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُّبِينًا

Dan ingatlah Wahai Muhammad, ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil dengan berfirman: Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan perjanjian setia kamu itu kecuali sebahagian kecil dari kamu dan sememangnya kamu orang-orang yang tidak menghiraukan perjanjian setianya.

Lapan pendekatan kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh Nafron Hasjim (2012) adalah hampir sama dengan penemuan Sofyan Sauri (2003), namun Sofyan Sauri mengetengahkan enam pendekatan tersebut, iaitu pendekatan yang diadaptasi dari ayat-ayat al-Quran. Keenam-enam pendekatan tersebut ialah *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma`rufa*, *Qaulan Layyina*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Baligha* dan *Qaulan Maysura*. Lima pendekatan yang dikeluarkan oleh Nafron dan Sauri adalah sama iaitu *sadida*, *karima*, *layyina*, *ma`rufa* dan *baligha*.

Rusydi Room (2013) mengemukakan empat panduan asas kesopanan dan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Pertama; *Qawlan Sadida* yang bermaksud

berkomunikasi dengan baik dengan menggunakan perkataan yang tepat dan benar. Kedua; *Qawlan ma'rūfa* iaitu berkomunikasi dengan menggunakan bahasa yang menyedapkan hati, tidak menyinggung atau menyakiti perasaan orang lain, jujur, tidak berbohong dan tidak berpura-pura. Ketiga; *Qawlan baligha* iaitu bertutur dengan menggunakan ungkapan yang jelas, tepat, terang dan efektif. Keempat; *Qawlan maysura* iaitu berkomunikasi dengan baik dan pantas, agar tidak mengecewakan pendengar.

Muslimah (2016) turut mengemukakan empat pendekatan komunikasi berkesan menurut al-Quran iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*. Muslimah (2016) menegaskan bahawa amalan kesantunan berbahasa memang dianjurkan dalam Islam, bahkan Islam menyediakan garis panduan bagi manusia tatacara berhubung dan berkomunikasi sesama manusia. Dapatan Muslimah (2016) sama seperti dapatan Rusdi Room (2013) dan membantu menambah maklumat bagi pembentukan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dalam kajian AKBQ.

Amal & Abd El Fattah (2016) dalam kajian *Perspektif Islam Terhadap Komunikasi Interpersonal* menegaskan bahawa Islam agama yang menganjurkan komunikasi yang efektif dan menyediakan panduan lengkap kaedah berkomunikasi sesama manusia. Amal & Abd El Fattah (2016) menyatakan bahawa berkomunikasi dengan baik dalam Islam adalah akhlak yang dituntut. Menurut Amal & Fatah (2016) terdapat sembilan prinsip komunikasi dalam Islam iaitu saling menghormati, menyebarkan rasa cinta, keadilan dan keseimbangan, sama rata, berpegang pada kebajikan, kebebasan, toleransi, menolong antara satu sama lain dan menepati janji. Dapatan Amal & Abd

El Fattah (2016) adalah selari dengan konsep amalan kesantunan berbahasa dan komunikasi.

Fifi (2017) mengemukakan sebelas pendekatan komunikasi Islam bagi meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan pendidikan di Medan, Indonesia. Sebelas pendekatan tersebut ialah memulakan perbincangan dengan ucapan salam, bercakap dengan nada yang lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, menyampaikan perkara yang baik kepada pendengar, berhikmah dan memberi nasihat yang baik, adil, menggunakan bahasa dan isi perbincangan yang sesuai dengan pendengar, berbincang dengan baik, mengenalpasti tema perbincangan, bertolak ansur dan menerima pandangan orang lain serta berdoa kepada Allah bila menghadapi kesukaran dalam komunikasi. Beliau berpendapat perancangan pendekatan komunikasi Islam dapat membaiki kualiti sistem perkhidmatan pendidikan. Dapatan Fifi (2017) menambah maklumat dalam pembentukan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa AKBQ.

Muhamad Fairuz, Che Radiah dan Mohd Sukki (2018) mengemukakan lima pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran iaitu penerapan unsur tauhid dalam pendidikan akhlak, kedua penerapan kefahaman sifat al-Rahman, ketiga penggunaan perkataan yang sesuai pada tempatnya, keempat gelaran seseorang dengan panggilan baik dan kelima menjawab pertanyaan dengan hikmah.

Muhamad Fairuz, et.all (2018) menjelaskan bahawa penerapan unsur ketauhidan dalam diri anak-anak sejak dari kecil lagi penting agar unsur-unsur negatif yang lain tidak mampu masuk dalam diri mereka kerana dilindungi oleh tauhid kepada Allah

semata-mata. Selain itu kefahaman terhadap sifat *al-Rahman* boleh diaplikasikan dalam kehidupan iaitu kasih sayang sesama manusia, hormat-menghormati, bertanggungjawab dan amanah berkongsi nikmat dengan orang lain. Perkataan yang digunakan oleh anak-anak dan ibu bapa perlu sesuai dan kena pada tempatnya. Perkataan negatif yang hanya akan meracuni minda para remaja perlu dijaui supaya mereka tidak terkesan dan terdorong untuk melakukan perbuatan negatif tersebut. Setiap individu mempunyai gelaran yang tersendiri dan anak-anak perlu diajarkan agar memanggil seseorang dengan gelaran yang baik. Hal ini dapat mewujudkan suasana keharmonian dan hormat menghormati dalam kalangan masyarakat. Kajian Muhamad Fairuz, et.al (2018) memberi nilai tambah kepada pembinaan instrumen kajian AKBQ. Husein (2018) menegaskan bahawa Islam telah menyediakan garis panduan dan pendekatan khusus dalam tatacara berkomunikasi. Panduan yang disediakan dalam al-Quran dan Hadis adalah panduan komunikasi yang lengkap memandu manusia untuk berkomunikasi dengan cara yang betul bagi menjamin kesejahteraan. Husein (2018) mengemukakan enam pendekatan komunikasi menurut Islam iaitu tauhid Islam, taqwa, ummah, adil, sabar dan *waa'd* iaitu menunaikan janji seseorang dan kebertanggungjawabannya. Dapatan Husein (2018) membantu pembentukan konseptualisasi kajian AKBQ.

Annisa (2018) dalam kajiannya mengenalpasti pendekatan komunikasi berkesan menrusi ayat-ayat al-Quran juga memilih dan mengemukakan enam pendekatan khusus panduan komunikasi dalam Islam iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*. Ini mengukuhkan lagi dapatan kajian sarjana lain dalam usaha mengetengahkan pendekatan amalan kesantunan berbahasa atau pendekatan komunikasi menurut

Islam. Dapatan Annisa (2018) mengukuhkan lagi maklumat sedia ada dalam kajian AKBQ.

Wan Siti dan Suhaila (2019) mengemukakan tiga strategi khusus amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dan Hadis. Pertama; strategi salam. Kedua; strategi doa dan ketiga; strategi syukur. Wan Siti Fatimatul Akmal dan Suhaila mencadangkan lima pendekatan dalam komunikasi yang santun iaitu merendahkan suara, mengucapkan perkataan yang baik, berbicara perlahan-lahan (tidak tergesa-gesa), tidak mempersingkat dan memanjangkan bicara dan memberi perhatian kepada orang yang bercakap. Dapatan kajian Wan Siti dan Suhaila (2019) memberi nilai tambah kepada sorotan karya kajian AKBQ sekaligus mendorong kajian dilakukan dengan yakin.

Isman (2019) mengeluarkan empat tema utama prinsip komunikasi dalam al-Quran iaitu dakwah, *tabligh*, *amar ma'ruf nahi munkar* dan akhlak. Isman (2019) juga mengemukakan lima prinsip komunikasi dalam al-Quran iaitu berkomunikasi dengan cara yang baik, jujur menyampaikan maklumat dan wajar, jelas dan bertanggungjawab, mengajak kepada Islam dengan berdebat cara yang baik dan mengelakkan gangguan dan pertentangan. Dapatan Isman (2019) mengukuhkan lagi maklumat untuk kajian AKBQ.

Erna (2019) mengemukakan lapan prinsip komunikasi menurut al-Quran. Enam yang pertama adalah selari dengan pandangan Sofyan, Mohd Nazeli, Nafron Hasjim, Muslimah dan lain-lain. Namun dua prinsip yang lain agak berbeza iaitu *Qaulan Syawira* dan *Qaula al-Zur*. Erna (2019) memetik penafsiran Sihab (2000, 2007)

terhadap frasa *Qaulan Syawira* yang membawa maksud permuafakatan dalam perbincangan yang akhirnya membuahkan dapatan yang baik. Frasa *Qaula al-Zur* pula membawa maksud kata-kata yang menyimpang dan menyeleweng. *Qaula al-Zur* dilarang dalam agama dan umat Islam diminta tidak mengamalkannya dalam komunikasi. Dapatan Erna (2019) menambah maklumat dalam kajian prinsip komunikasi Islam dan kajian AKBQ.

Saifulazry Mohd Nur Hidayat, Abang Mohd Razif, Irma, Mohd Sohaimi, Romzi & Siti Aida (2021) menyatakan bahawa dalam islam, telah tersedia panduan komunikasi yang lengkap bagi menjamin keharmonian hubungan sesama manusia. Saifulazry et.al (2021) menyenaraikan 19 corak komunikasi yang terdapat dalam al-Quran dan dibahagikan kepada dua bentuk yang utama iaitu komunikasi *bi al-lisan* dan komunikasi *bi al-hal*. Corak komunikasi tersebut ialah menggunakan bahasa dan perkataan yang baik, berdialog dengan cara yang baik, menggunakan hikmah dan nasihat yang baik, bercakap benar, bercakap dengan lemah lembut, tidak berbentuk cacian atau kejian, tidak berkaitan dengan sesuatu yang batil, kesesuaian nada percakapan, tidak berbantah untuk kepentingan peribadi, mempunyai tujuan yang baik, rancang idea sebelum berkomunikasi, susun maklumat perlu jelas dan berstruktur, fokus ketika mendengar, berkomunikasi dengan cara bersemuka, mengotakan apa yang dikata, jujur, ikhlas dan berhati mulia, berdoa dan bertawakkal kepada Allah, mengambil kira pandangan dan fikiran orang lain, bersifat rendah diri dan jauh dari tanggapan buruk terhadap orang lain. Dapatan Saifulazry et.al (2021) adalah sesuai dan selari dengan dapatan lain tentang konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dan komunikasi dalam al-Quran. Justeru ia membantu kepada

pembentukan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dalam kajian AKBQ.

2.8 Kajian-kajian Berkaitan Kesantunan Berbahasa Secara Umum

Sebelum menyoroti kajian-kajian amalan kesantunan berbahasa dalam Islam atau lebih khusus menurut al-Quran, kajian-kajian kesantunan berbahasa secara umum ditinjau terlebih dahulu bagi melihat sejarah penulisan tentangnya. Kajian tentang kesantunan berbahasa telah bermula sejak lima abad sebelum Masihi lagi (Awang Sariyan, 2012). Ahli-ahli falsafah Yunani telah mula mengkaji tentang fungsi bahasa dan keberkesanannya dalam pelbagai bidang pada waktu tersebut. Mereka mengkaji fungsi bahasa dalam mengembangkan ideologi pemerintahan, teologi dan perdebatan. Seawal tahun 1950-an, kajian tentang kesantunan telah dijalankan (Marlyna et.al, 2012).

Pada tahun 1944, Hu, seorang sarjana di Cina telah mengemukakan Konsep Wajah yang dikaitkan dengan nilai kemasyarakatan. Konsep Wajah ini dikatakan berasal dari konsep Kung-Fu-Tzu yang menekankan penghargaan diri melalui wajah dan sangat dititikberatkan dalam masyarakat Cina pada masa itu (Aziz, 2013). Pandangan Hu adalah selari dengan konsep amalan kesantunan berbahasa yang dianjurkan dalam Islam. Islam menekankan kepentingan menjaga maruah dan penampilan apabila berkomunikasi (Al-Ghazali, 1987).

Schuler, 1950 (dalam Nooriati, 2012) merupakan sarjana terawal menerbitkan tulisan tentang kesantunan di Jerman. Ini diikuti dengan tulisan Goffman pada tahun 1955 yang berkisar tentang *on face work*. Tulisan tentang kesantunan sebagai kajian dan

rujukan telah berkembang selepas itu dan mendapat sambutan hangat daripada para sarjana dari Barat, China, Arab, Jepun dan Nusantara. Berbeza dengan Malaysia, kajian tentang kesantunan baru mendapat tempat di hati para sarjana walaupun kesantunan sudah lama menjadi amalan yang sehati dengan masyarakat (Nooriati, 2012). Walau bagaimanapun terdapat banyak juga kajian tentang kesantunan yang dijalankan.

Za'ba sebenarnya pernah menyentuh isu perlakuan santun dalam masyarakat Melayu suatu ketika dahulu iaitu pada tahun 1950 (Marlyna, et.all, 2012). Namun kajian sebenar tentang kesantunan telah dilakukan pada tahun 1993, oleh Khadijah Ibrahim. Asmah Hj Omar juga pernah menulis tentang peraturan bahasa dalam kalangan masyarakat Melayu lebih awal dari itu. Kemudian pada tahun 1998, kajian dibuat oleh Abdullah Yaasin diikuti oleh Mohd Azmi Sidek pada tahun yang sama (Nooriati, 2012).

Noriati juga turut membuat kajian tentang kesantunan pada tahun 2004. Noriati (2012), menggunakan beberapa strategi kesantunan berbahasa yang difikirkan sesuai dalam kajiannya terhadap satu majlis peminangan masyarakat Islam di Malaysia. Beliau menggunakan Model Kerjasama Grice yang mengemukakan empat maksim utama. Beliau berpendapat masyarakat Melayu mempunyai sifat pemalu yang tinggi hingga tidak dapat memenuhi tuntutan pendengar untuk mendapatkan maklumat yang jelas dan mencukupi. Keadaan ini juga berlawanan dengan Maksim Kerjasama yang dikemukakan dalam Model Grice. Justeru beliau mencadangkan Strategi Hebahan sebagai satu strategi yang dapat digunakan dalam majlis peminangan supaya maklumat yang jelas dan mencukupi bagi pihak yang berkemahuan dapat dipenuhi.

Pandangan Noriati (2012) selari dengan cadangan komunikasi yang berkesan dalam Islam iaitu jelas dan sampai kepada pendengar. Kesimpulannya, Noriati berpendapat beberapa strategi kesantunan berbahasa sesuai digunakan dalam majlis peminangan yang dikaji. Strategi Grice, Model Lakorf dan Strategi Noriati menunjukkan wujudnya nilai kesantunan dalam setiap ujaran. Nilai kesantunan ini menunjukkan di sebalik ujaran yang dikemukakan mempunyai tujuan untuk mewujudkan suasana yang harmoni dan selesa. Kesantunan berbahasa sebenarnya adalah amalan orang yang berakal, berpelajaran dan dan bermaruah. Noriati bersetuju bahawa semua nilai ini berkait rapat dengan konsep air muka yang dikemukakan sebelum ini oleh sarjana-sarjana lain. Kesemua strategi yang dicadangkan oleh Noriati (2012) menyokong pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut Islam.

Nik Safiah (2012) berpendapat untuk menghasilkan sesuatu perhubungan yang baik dan berkesan, peranan penggunaan bahasa yang betul pada tempatnya sangat penting. Jika tidak, mesej yang hendak disampaikan dalam sesuatu komunikasi tidak akan sampai kepada sasarannya. Untuk memastikan bahasa digunakan dengan betul, peraturan-peraturan bahasa itu perlu dirujuk. Antara peraturan-peraturan bahasa ialah penggunaan kata ganti nama yang tepat. Menurut beliau terdapat contoh penggunaan kata ganti nama yang salah dan kurang tepat seperti penggunaan 'kita' dalam ucapan seorang ketua jabatan. Apabila bercakap dengan khalayak, kata ganti nama 'kami' lebih sesuai digunakan untuk menerangkan aktiviti yang dijalankan oleh jabatannya berbanding kata ganti nama 'kita'.

Walaupun Nik Safiah tidak mendatangkan contoh kesalahan lain seperti itu yang lazim dilakukan di sektor pekerjaan. Beliau hanya menganalisis beberapa aspek

penggunaan kata ganti nama dalam suasana pekerjaan seperti di sekolah, pejabat dan institusi perniagaan. Beliau membahagikan fungsi penggunaan kata ganti nama kepada dua bahagian. Pertama; kata ganti nama bentuk halus dan kedua; kata ganti nama bentuk kasar. Penyelidik berpendapat adalah lebih bermakna jika beliau mendatangkan contoh-contoh kesalahan penggunaan kata ganti nama yang biasa dilakukan di sektor-sektor tersebut berbanding hanya memberi contoh-contoh penggunaan kata ganti nama. Beliau juga memberi contoh-contoh penggunaan gelaran yang betul yang perlu digunakan di sektor-sektor tersebut. Walau bagaimanapun penyelidik mendatangkan contoh-contoh kesalahan penggunaan kata ganti nama di sekolah antara guru dan murid berdasarkan pengalaman lalu. Beliau mencadangkan kata ganti nama yang betul patut digunakan dalam suasana pekerjaan yang lebih rasmi berbanding dengan suasana tidak formal. Kesimpulannya, biarpun kata ganti nama hanya satu aspek penggunaan bahasa yang kecil, namun fungsi dan peranannya sangat besar dalam memastikan kejayaan suatu interaksi dan terbinanya hubungan sesama ahli masyarakat.

Masyarakat Melayu terkenal dengan amalan kesantunan berbahasa. Dalam interaksi yang dilakukan, kebanyakan penutur menggunakan bahasa yang berlapik untuk menyatakan sesuatu mesej (Awang, Sariyan, 2007) namun lakuan sindiran yang dianggap tidak santun juga kerap digunakan dalam interaksi. Apakah lakuan sindiran ini negatif pada pandangan masyarakat?

Marlyna (2012) mengupas isu sindiran dalam kajiannya yang sangat menarik. Beliau menggunakan kaedah kuantitatif kualitatif dan untuk melihat kedudukan dan fungsi lakuan sindiran dalam interaksi. Kaedah kuantitatif digunakan dalam mentadbir soal

selidik yang dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama mengandungi soalan berkaitan latar belakang responden sementara bahagian kedua pula mengandungi soalan terarah dan terbuka. Kaedah kualitatif digunakan dengan menjalankan wawancara separa-terancang melibatkan responden yang telah berumur bagi melihat pengalaman dan persepsi mereka terhadap fungsi lakuan sindiran. Kemudian perbandingan dibuat antara pandangan golongan muda dan tua terhadap fungsi lakuan sindiran. Dapatan kajian dari dua kaedah yang dijalankan menunjukkan bahawa lakuan bahasa yang digunakan dalam interaksi akan mempengaruhi kesan penjagaan air muka, sama ada positif atau negatif. Hasil analisis data menunjukkan 41 daripada 50 orang golongan muda jarang menggunakan lakuan sindiran. Data wawancara juga menunjukkan 4 daripada 6 golongan tua hanya menggunakan lakuan sindiran apabila perlu dan lebih gemar menggunakan ujaran langsung agar komunikasi lebih lancar dan berkesan.

Data kuantitatif dan kualitatif juga menunjukkan bahawa kedua-dua jantina mempunyai kecenderungan yang sama untuk menggunakan lakuan sindiran dan tidak hanya memihak kepada satu-satu jantina sahaja seperti yang dinyatakan dalam kajian sarjana Barat sebelum ini. Golongan tua menggunakan lakuan sindiran dalam interaksi harian dengan tujuan menasihati dan memberikan peringatan kepada anak-anak. Mereka berpendapat kadang-kadang penggunaan lakuan sindiran lebih berkesan berbanding ujaran berterus-terang. Kebanyakan responden daripada golongan tua biasa menggunakan perumpamaan, kiasan, cerita dan jenaka sebagai strategi sindiran. Bagi mereka sindiran merupakan salah satu bentuk pendidikan yang dapat membentuk peribadi generasi muda supaya bersantun dalam berbicara. Mereka berpendapat, terdapat perbezaan yang ketara antara lakuan sindiran yang digunakan

oleh golongan muda dan golongan tua. Lakuan sindiran yang digunakan oleh golongan muda lebih berunsur negatif dan boleh menjatuhkan 'air muka' pendengar. Berbeza dengan penggunaan lakuan sindir oleh golongan tua yang lebih berunsur pendidikan, digunakan dengan tujuan mendidik, menegur dengan cara yang lebih halus dan santun.

Marlyna (2012) juga mendapati majoriti responden muda tidak mengujarkan sindiran kepada orang yang lebih tua, manakala separuh daripada mereka tidak mengujarkan sindiran kepada rakan karib ditakuti menyinggung perasaan mereka. Golongan tua pula didapati hanya menggunakan ujaran sindiran apabila perlu terutamanya ketika ingin menghentikan sesuatu interaksi yang boleh menjatuhkan air muka seseorang. Ini bermakna kadang-kadang penutur ketiga yang menggunakan ujaran sindiran bagi mengelakkan sesuatu komunikasi negatif diteruskan sama ada disebabkan ujaran dari pihak pertama mahu pun pihak kedua.

Analisis terhadap perasaan responden apabila berhadapan dengan situasi interaksi yang mengandungi ujaran sindiran mendapati, golongan muda lebih sensitif apabila disindir. Majoriti mereka menyatakan berasa tersinggung dengan ujaran sindiran terutamanya dari kawan rapat. Segelintir responden dapat menerima sindiran sebagai jenaka apabila sindiran itu diujarkan oleh teman lelaki atau teman wanita. Namun respon yang agak berbeza diterima daripada responden yang sudah berumur.

Mereka kelihatan lebih matang dalam mengendalikan situasi interaksi yang mengandungi sindiran. Majoriti mereka dapat menerima sindiran sebagai suatu yang positif dan tidak mengendahkan sindiran jika dianggap tidak berkaitan ataupun tidak

berfaedah. Marlyna (2012) juga mendapati bahawa terdapat tiga fungsi sindiran menurut perspektif golongan tua. Pertamanya, sindiran digunakan sebagai humor ringan. Kedua, sindiran menunjukkan kesetiaan dalam hubungan. Ketiga, sindiran dianggap melucukan secara agresif. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kedua-dua golongan muda dan tua berpendapat penggunaan ujaran sindiran boleh menyebabkan keretakan dalam hubungan dan menjejaskan keharmonian persahabatan.

Marlyna (2012) berpendapat kajian awal ini sangat bermakna, namun dapatan kajian ini tidaklah dapat memberikan gambaran yang tepat tentang lakuan sindiran yang digunakan dalam masyarakat Malaysia. Skop kajian tentang lakuan sindiran juga boleh diperluaskan kepada perbincangan nilai yang mungkin boleh mengetengahkan kedudukan lakuan sindiran di dalam Islam. Adakah lakuan sindiran ini dibenarkan di dalam Islam? Jika dibenarkan, adakah terdapat contoh sindiran yang dibenarkan tersebut? Kajian Marlyna (2012) memberi nilai tambah dalam kajian AKBQ tentang kesan penggunaan bahasa sindiran dalam amalan kesantunan berbahasa.

Maslida (2012) telah meninjau perlakuan maaf dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Perlakuan maaf merupakan tindakan penutur untuk memulihkan keadaan atau hubungan dalam sesuatu interaksi. Penutur memohon maaf di atas kesalahan yang dilakukannya bagi menjernihkan suasana perhubungan dengan pendengar. Maslida menggunakan Model CCSARP (Cross-Cultural Study of Speech Act Realization Patterns) yang diperkenalkan oleh Blum-Kulka pada tahun 1989. Blum-Kulka mengusulkan satu set strategi bagi perlakuan memohon maaf. Antaranya ialah menggunakan istilah maaf, mengambil tanggungjawab, memberikan alasan,

menawarkan perbaikan, janji tidak mengulangi dan menunjukkan kebimbangan terhadap pendengar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa perlakuan memohon maaf adalah satu strategi kesantunan berbahasa dengan tujuan memulihkan keadaan sesuatu interaksi. Maslida mendapati kebanyakan murid di Universiti Kebangsaan Malaysia tahu menggunakan strategi memohon maaf apabila melakukan kesalahan sama ada disedari atau tidak. Perkataan ‘maaf’ merupakan satu item leksikal yang sering digunakan bertujuan memohon maaf atas kesalahan yang telah dilakukan. Kajian ini memberi input kepada kajian AKBQ tentang pentingnya perlakuan maaf dalam amalan kesantunan berbahasa.

Mohammad Fadzeli (2012) dalam tulisannya telah melihat bagaimana amalan kesantunan berbahasa yang berlaku dalam kalangan murid di pusat pengajian tinggi. Beliau mengkaji strategi permintaan yang digunakan oleh kebanyakan penuntut di IPT. Dalam kajiannya, beliau dapati kebanyakan murid mempunyai kecekapan pragmatik apabila mengamalkan strategi permintaan dengan penuh kesantunan. Contohnya mereka sering menggunakan pelbagai kata kerja bantu bagi menyokong strategi permintaan dan mereka tidak terus meminta dengan bahasa yang ringkas. Kebanyakan kata kerja bantu digunakan dalam strategi tidak langsung. Mohammad Fadzeli (2012) berpendapat penggunaan strategi langsung dalam permintaan adalah kurang santun berbanding dengan strategi tidak langsung yang lebih ‘berlapik’ ketika digunakan. Strategi permintaan yang digunakan menunjukkan responden yang terdiri daripada murid tergolong dalam kalangan orang-orang yang mengamalkan kesantunan berbahasa. Pandangan Mohammad Fadzeli (2012) adalah selari dengan amalan kesantunan berbahasa dalam Islam iaitu Islam menganjurkan kesantunan ketika menyampaikan hajat atas sesuatu permintaan.

Zaitul Azma, Ahmad Fuad dan Moh Nur Hafizudin (2012), telah meninjau isu ketidaksantunan bahasa dalam kalangan remaja sekolah menengah. Tujuan kajian dilakukan adalah untuk mengenal pasti serta menganalisis penggunaan kata dan ujaran santun oleh 154 orang remaja sekolah menengah. Kaedah pengumpulan data ialah temu bual dan dianalisis menggunakan Pendekatan Kesopanan Leech(1983).

Mereka mendapati remaja sekolah kerap mengamalkan maksim santun dan maksim kerendahan hati dalam perbualan mereka. Mereka mendapati amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan remaja sekolah adalah berada pada tahap sederhana. Justeru, remaja sekolah perlu didedahkan lagi dengan pelbagai strategi kesantunan berbahasa agar dapat menjadi amalan kebiasaan mereka.

Kajian Zaitul (2012) mendedahkan tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan remaja sekolah menjadi bukti bahawa perlunya ada usaha lain bagi meningkatkan tahap amalan tersebut. Jika kajian Zaitul et.al (2012) mendapati tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan murid adalah sederhana, kajian AKBQ akan mendedahkan tahap amalan kesantunan berbahasa guru.

2.9 Kajian-kajian Kesantunan Berbahasa Menurut Perspektif Islam

Terdapat beberapa kajian kesantunan berbahasa yang dilakukan melibatkan kajian terhadap masyarakat Islam. Ramlee (1999) boleh dianggap antara sarjana terawal dalam bidang bahasa Arab di Malaysia yang membuat kajian tentang kesantunan berbahasa. Beliau membincangkan aspek kesantunan berbahasa dalam disertasi sarjana yang bertajuk Implikatur Perbualan: Satu Analisis Konsep Kerjasama Dalam Pertuturan Bahasa Arab. Beliau mengkaji implikatur yang terdapat dalam perbualan

bahasa Arab. Pendekatan kerjasama yang disarankan oleh Paul Grice dijadikan sebagai teori yang mendasari kajian. Beliau menggunakan data yang dikutip daripada beberapa orang guru bahasa Arab yang mengajar di Maktab Pengajian Islam, Kota Baharu dan juga beberapa orang berbangsa Arab yang bekerja di tempat yang sama. Beliau menganalisis data perbualan dalam tiga kategori. Pertama: Perbualan yang menunjukkan adanya kerjasama secara langsung. Kedua, perbualan yang menunjukkan adanya kerjasama tetapi secara tidak langsung. Ketiga, perbualan yang tidak menunjukkan adanya kerjasama. Ramlee mendapati dalam perbualan bahasa Arab yang dianalisis, wujud kerjasama secara langsung di antara penutur dan pendengar. Mereka telah mematuhi pendekatan-pendekatan kerjasama Grice iaitu percakapan yang jelas, boleh difahami, benar dan berkaitan topik perbualan. Pendekatan Kerjasama Grice yang digunakan oleh Ramlee (1999) iaitu percakapan yang jelas, boleh difahami, benar dan berkaitan topik perbualan adalah selari dengan anjuran Islam.

Walau bagaimanapun terdapat juga situasi yang menunjukkan wujudnya kerjasama tidak langsung dalam perbualan tersebut. Keadaan ini terjadi apabila penutur-penutur melanggar salah satu daripada beberapa maksim, antaranya maksim cara dan maksim relevan. Ramlee (1999) juga mendapati terdapat segelintir penutur yang sengaja melanggar maksim-maksim kerjasama dengan tujuan berjenaka, menyindir atau bercerita. Ramlee mendapati tidak semua pendekatan kerjasama Grice sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian bahasa Arab. Ini kerana budaya dan situasi sosial masyarakat Arab adalah tidak sama seperti budaya masyarakat barat. Budaya pertuturan masyarakat Arab mempunyai unsur-unsur kesantunan yang lebih seperti penggunaan metafora, kiasan dan sebagainya, berbanding dengan masyarakat barat

yang lebih kepada '*straight to the point*'. Ramlee berpendapat, pendekatan kerjasama Grice hanya sesuai digunakan dalam situasi yang terdiri daripada penutur dan pendengar yang mempunyai pengalaman dan umur yang sama. Ramlee mencadangkan supaya dibuat kajian-kajian lain yang menggunakan pandangan sarjana Islam sebagai teori yang mendasari kajian. Kajian Ramlee tersebut menjadi permulaan kepada kajian-kajian bahasa Arab yang lain dalam bidang perbualan. Kajian tersebut akan nampak lebih realistik jika penyelidik dapat mengumpul data dalam kalangan penutur sumber, bukan penutur kedua. Ini bermaksud kajian akan lebih futuristik jika penyelidik boleh turun mendapatkan data dari masyarakat Arab di tanah Arab sebenar. Hasil dapatan akan lebih kukuh dalam mengisytiharkan bahawa teori sarjana Barat memang tidak sesuai diaplikasikan dengan masyarakat Arab yang lebih mengamalkan budaya Islam terutamanya dalam pertuturan. Kajian Ramlee ini juga akan jadi lebih realistik dan segar jika beliau dapat mencungkil pandangan para sarjana Islam dalam bidang yang dikaji. Lebih-lebih lagi jika beliau dapat mengetengahkan teori yang dibina berdasarkan tadabbur daripada ayat-ayat suci Al-Quran dan penelitian hadis-hadis Nabi SAW.

Nafron Hasjim (2013) antara sarjana Indonesia yang terawal mengetengahkan tulisan yang menyentuh pendekatan-pendekatan kesantunan berbahasa menurut Islam. Beliau mengemukakan lapan pendekatan utama yang terhasil daripada manhaj tadabbur yang dilakukan terhadap ayat-ayat suci al-Quran. Beliau turut mengeluarkan contoh-contoh amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam ayat-ayat al-Quran. Antaranya ialah dialog para nabi seperti dialog Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail dalam ayat 102 surah al-Saffat :

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يُبَيِّتُ لِيَّ أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَىٰ قَالَ يَاقَبْتُ أَفْعَلُ
مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Maka ketika anaknya itu sampai ke peringkat umur yang membolehkan diabrusa bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: "Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?". Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang-orang yang sabar".

Sofyan (2013) menulis perihal mengembangkan strategi berbahasa santun di sekolah. Sofyan (2013) mengetengahkan dua puluh enam strategi kesantunan daripada enam pendekatan kesantunan menurut al-Quran. Kajian ini ditulis hasil tinjauan yang dilakukan oleh beliau terhadap amalan kesantunan berbahasa yang semakin dipinggirkan dalam masyarakat. Sofyan (2013) berpendapat strategi-strategi alternatif perlu diketengahkan bagi memulihkan keadaan kesantunan dalam masyarakat. Strategi-strategi ini perlu dimulakan di sekolah. Hasil dapatan kajian, Sofyan (2013) menemui dua impak yang bermakna. Pertama beliau dapat mengetengahkan enam pendekatan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam al-Quran. Daripada pendekatan-pendekatan tersebut, beliau dapat menghasilkan dua puluh enam strategi kesantunan berbahasa. Enam pendekatan tersebut ialah *Qaulan Sadidan*, *Qaulan ma`rufan*, *qaulan balighan*, *qaulan maysuran*, *qaulan kariman* dan *qaulan layyinan*. Dua puluh enam strategi kesantunan pula adalah merangkumi kebenaran, kejujuran, keadilan, kebaikan, lurus, halus, sopan, pantas, penghargaan, khidmat, optimisme, indah menyenangkan, logis, fasih, terang, tepat, menyentuh hati, selaras, mengesankan, tenang, efektif, lunak, dermawan, lemah lembut, dan rendah hati. Pandangan Sofian (2013) adalah selari dengan anjuran kesantunan berbahasa dalam Islam dan selari dengan kajian AKBQ.

Sofyan (2013) juga mengetengahkan penemuan kedua dalam kajiannya iaitu strategi sekolah dalam mengembangkan pendidikan kesantunan berbahasa dan strategi pembelajaran bahasa santun. Sofyan (2013) mendapati terdapat lapan strategi yang sesuai diaplikasikan oleh pihak sekolah dalam usaha mengembangkan penggunaan bahasa yang santun. Pertama, sekolah perlu memasukkan etika kesantunan berbahasa dalam peraturan tatatertib sekolah. Kedua, individu yang terlibat dengan pendidikan di sekolah seperti guru, murid dan staf perlu membiasakan diri dengan amalan santun berbahasa. Ketiga, pihak sekolah perlu menganjurkan amalan kesantunan berbahasa melalui tampalan poster-poster, kain rentang dan sebagainya. Keempat, pihak sekolah boleh menjadikan kesantunan berbahasa sebagai satu kelebihan ketika menilai prestasi, akhlak dan ketokohan murid. Kelima, pihak sekolah boleh mengadakan hubungan diplomasi dengan pihak-pihak yang turut menyokong usaha mengembangkan kesantunan berbahasa seperti pihak ibu bapa, komuniti setempat dan sebagainya. Keenam, pihak sekolah juga dapat menganjurkan agar kesantunan berbahasa dijadikan nilai yang merentas setiap kurikulum yang diajar dan kokurikulum yang diceburi. Ketujuh, pihak sekolah harus menjadikan amalan kesantunan berbahasa sebagai salah satu syarat penerimaan kemasukan murid, guru dan sebagainya ke sekolah. Kelapan, pihak sekolah hendaklah menganjurkan budaya menegur amalan ketidaksantunan bahasa yang berlaku di sekolah.

Ainal, Maizatul Azura, Nasihah dan Noor Aida (2016) telah membuat kajian bertujuan meninjau penggunaan bahasa semasa berkomunikasi dalam kalangan netizen yang memberikan reaksi dan maklum balas terhadap penyiaran berita berkaitan kerajaan yang terdapat dilaman sosial. Medium komunikasi yang dipilih sebagai subjek kajian ini ialah laman sosial popular iaitu Facebook yang boleh diakses

oleh pengguna internet. Pendekatan kualitatif yang diaplikasi dalam kajian ini akan menganalisis komen-komen yang diberikan oleh netizen pada ruangan komen yang terdapat dalam laman sosial tersebut menggunakan Teori Kesantunan Asmah Haji Omar (2000). Hasil penelitian mendapati bahawa majoriti netizen akan menggunakan kata-kata kesat yang tidak santun apabila memberi komen terhadap sesuatu isu berkaitan kerajaan yang disiarkan dalam laman sosial. Dapatan kajian Ainal et al., (2016) mendorong kajian AKBQ dijalankan bagi mengenalpasti pula amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan GPI, adakah hasil dapatan sama atau sebaliknya.

Kajian yang sangat menarik dilakukan oleh Asrar (2016). Beliau menganalisis dialog yang berlaku antara Allah SWT dan para anbiya` iaitu Nabi Adam, Nabi Ibrahim dan Nabi Musa AS menerusi ayat-ayat al-Quran. Beliau mendapati terdapat strategi kesantunan bahasa yang berbeza yang digunakan Allah ketika berfirman kepada umum dan kepada para anbiya`. Beliau mendapati Allah SWT menggunakan bahasa yang sangat harmoni dan selesa kepada pendengar ketika berdialog secara umum dan secara khusus kepada para nabi. Strategi santun dan sopan yang digunakan Allah dalam dialog tersebut menghasilkan kemesraan dan ketenangan di samping penerangan yang jelas tentang syariat dan ajaran agama. Strategi kesantunan yang digunakan Allah SWT ketika berbicara dengan manusia tetap tidak sama sebagaimana kesantunan yang diamalkan oleh manusia apabila saling berbicara. Beliau menggesa supaya dijalankan kajian seterusnya untuk mengeluarkan gaya bahasa yang menarik yang digunakan dalam ayat-ayat al-Quran. Kajian Asrar (2016) memberi nilai tambah kepada kajian AKBQ dengan mengesahkan antara pendekatan amalan kesantunan berbahasa ialah berkomunikasi dengan santun dan mesra.

Riduan dan Abd Ganing (2016) telah membuat kajian terhadap amalan dan penilaian kesantunan bahasa dalam kalangan 75 orang murid pascasiswazah Melayu Muslim di empat buah universiti awam Malaysia. Kajian mereka menggunakan pendekatan diskursif untuk melihat amalan kesantunan bahasa dalam situasi mesyuarat. Terdapat tiga aspek utama yang menjadi tumpuan kajian ini, antaranya ialah faktor amalan kesantunan, penilaian diri sendiri dan penilaian terhadap ahli mesyuarat lain. Dapatan kajian mendapati tujuh faktor amalan kesantunan ketika bermesyuarat. Aspek penilaian diri pula menunjukkan penilaian sangat sopan (17%), sopan (68%), sederhana sopan (11%), dan kurang sopan (4%). Dari segi Penilaian Terhadap Orang Lain, penilaian sangat sopan (3%), sopan (70%), kebanyakan mereka bersopan (6%), sebahagian sahaja (19%) dan tidak sopan (2%). Secara keseluruhannya, berdasarkan ketiga-tiga aspek tersebut, kajian ini menyimpulkan bahawa amalan dan penilaian kesantunan berbahasa dalam kalangan murid pascasiswazah Melayu Muslim adalah sangat baik. Berbeza dengan kajian Riduan dan Abd Ganing (2016) yang meninjau tahap kesantunan berbahasa dalam kalangan murid university, kajian AKBQ pula akan mengenalpasti tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan GPI. Hasil dapatan akan dapat melihat di mana persamaan dan perbezaan.

Fatimah (2016) menjalankan kajian kesantunan untuk melihat pola amalan kesantunan dalam pembelajaran bahasa dari perspektif komunikatif-motivasi di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG). Beliau mendapati kesantunan dalam pembelajaran bahasa berada pada tahap yang berbeza. Terdapat tiga orang guru pelatih yang menguasai kesantunan dalam pembelajaran bahasa dengan baik dari segi strategi kesantunan, kecekapan komunikatif dan motivasi, manakala dua orang murid masih berada di tahap sederhana. Kajian ini memberi implikasi bahawa jangka masa

untuk mempelajari kesantunan bahasa secara formal perlu ditambah agar pelajar dapat mengaplikasi komunikasi lisan yang santun mengikut konteks. Kecekapan komunikatif yang santun bergantung kepada inisiatif dan motivasi murid sendiri di samping daya usaha daripada pensyarah untuk mengaplikasi pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan kesantunan dalam pembelajaran bahasa murid. Kajian Fatimah (2016) mendorong kajian AKBQ dijalankan untuk menunjukkan peranan guru atau pensyarah dalam menerapkan amalan kesantunan berbahasa secara khususnya dan penghayatan akhlak secara umumnya.

Saddam (2017) membuat kajian kesantunan bahasa yang meliputi masyarakat Jordan. Beliau meninjau bahasa pujukan yang digunakan oleh syarikat pencetak iklan untuk menarik perhatian masyarakat. Beliau menganalisis 200 iklan yang DIPAMarkan dalam surat khabar Jordan. Beliau mendapati syarikat pengiklanan banyak menggunakan bahasa pujukan dalam membuat iklan supaya dapat menarik perhatian para pembaca akhbar di Jordan. Dapatan kajian Saddam (2017) mendorong kajian AKBQ dijalankan bagi mengenalpasti fungsi dan kesan bahasa pujukan yang diamalkan oleh GPI dalam komunikasi dengan murid.

Kalthum dan Nor Faezah (2017) telah membuat kajian yang memberi tumpuan kepada aspek kesopanan yang diamalkan oleh pengacara rancangan dan mereka yang terlibat secara langsung dalam rancangan tersebut. Kaedah kajian adalah dengan menganalisis kesantunan yang terdapat dalam rancangan Bicara Meletop, menggunakan model kesantunan Noriati (2007). Analisis dibahagikan mengikut kategori ungkapan Rabbani, kategori penghargaan, kategori berhemah, kategori budiman dan kategori matlamat dalam menganalisis kesantunan realiti televisyen

berkenaan. Hasil kajian menunjukkan terdapat kategori kesantunan yang dilihat amat tinggi peratusannya iaitu kategori berhemah dan kategori penghargaan. Hal ini berlaku disebabkan kategori tersebut dapat menjadikan khalayak rasa dihargai dan akan sentiasa mengikuti rancangan tersebut. Lagi pula amalan kesantunan amat penting untuk melahirkan masyarakat yang dapat hidup harmoni terutama dalam masyarakat yang berbilang kaum seperti yang terdapat di Malaysia. Kategori berhemah dan penghargaan yang digunakan dalam program televisyen ini memberi kesan yang baik kepada respon penonton. Kajian AKBQ turut mengenalpasti kesan pendekatan berhemah dan sentiasa menghargai yang digunakan oleh GPI ketika berkomunikasi dengan murid.

Ayuni (2017) telah menjalankan kajian untuk mengenalpasti aspek kesantunan yang terdapat dalam drama Zahira. Beliau menggunakan pendekatan Kesantunan Leech (1983) dan Pendekatan Kerjasama Grice (1975) sebagai strategi kesantunan bagi mengukur unsur kesantunan yang terdapat dalam drama Zahira. Beliau mendapati Maksim kesopanan Leech paling dominan dalam drama tersebut. Beliau merumuskan bahawa amalan kesantunan berbahasa sangat memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan sesebuah masyarakat. Kajian AKBQ pula dijalankan bagi mengenalpasti peranan amalan kesantunan berbahasa GPI terhadap penghayatan akhlak murid.

Kawakib, Fathi, Migdadi dan Eman (2018) meninjau kesantunan bahasa yang terdapat dalam al-Quran melalui representasi terhadap wanita. Kawakib et al. (2018) menggunakan Pendekatan Kesantunan Brown dan Levinson (1987) untuk mengenalpasti strategi kesantunan yang terdapat dalam ayat-ayat gambaran tentang wanita.

Kawakib et al. (2018) mendapati al-Quran menggunakan strategi pujian, bahasa yang sopan, simpati, kebijaksanaan dan kebersamaan bagi merepresentasikan hal wanita. Strategi pujian, bahasa yang sopan, simpati, bijak dan ada unsur kebersamaan adalah pendekatan yang perlu ada dalam komunikasi terutamanya komunikasi guru dan murid. Dapatan kajian Kawakib et al. (2018) memberi nilai tambah kepada penulisan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa guru dalam kajian AKBQ.

Zuraini, Husna, Dahlia dan Khairulazambahari (2019), telah membuat kajian bertujuan mengenali bentuk dan amalan kesantunan berbahasa di sekolah. Kajian menggunakan enam strategi kesantunan Leech iaitu strategi kebijaksanaan, kedermawanan, penghargaan, kesederhanaan, permuafakatan dan simpati. Kesemua strategi yang digunakan sesuai diamalkan dalam amalan kesantunan berbahasa terutamanya dalam komunikasi guru dan murid. Sebanyak enam buah sekolah di sekitar negeri Perak dipilih untuk mendapatkan data yang berbentuk rakaman, pemerhatian, temu bual dan dokumen. Data-data yang dikutip melibatkan semua golongan yang berada di sekolah, iaitu murid, guru, pentadbir dan kakitangan. Dapatan kajian disenaraikan bentuk amalan kesantunan berbahasa yang menjadi amalan di sekolah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesantunan berbahasa masih menjadi amalan di sekolah namun berada di tahap yang sederhana dan masih boleh diperbaiki dari masa ke masa. Oleh itu, dicadangkan agar kajian susulan dilakukan untuk mencari atau membina strategi atau kaedah yang dapat mempertingkatkan amalan kesantunan berbahasa di sekolah. Jika kajian Zuraini et al. (2019) mendapati tahap kesantunan berbahasa di sekolah adalah sederhana, maka kajian AKBQ nanti sama ada menyokong dapatan kajian Zuraini atau sebaliknya.

Dehghan et all. (2019) menjalankan kajian yang sangat menarik. Mereka meninjau unsur kesantunan bahasa dan ketidaksantunan bahasa yang terdapat dalam dialog antara Nabi Musa AS dan Firaun yang dirakamkan dalam Surah al-A'raf. Dengan menggunakan Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Model Ketidaksantunan Bahasa Culpeper (1996), mereka menganalisis dialog tersebut. Hasil kajian mendapati Nabi Musa AS menggunakan strategi kesantunan yang sangat tinggi berbanding Firaun yang tidak mengamalkan kesantunan berbahasa. Kajian juga mendapati amalan kesantunan bahasa dan ketidaksantunan bahasa adalah berkait rapat dengan latarbelakang sosial ekonomi seseorang dan kepatuhan kepada agama. Kajian Deghan (2019) mendokong konsep kesantunan berbahasa menurut al-Quran yang dikaitkan dengan tujuan amalannya iaitu kerana beriman kepada Allah. Perbezaan amalan kesantunan berbahasa antara Firaun dan Nabi Musa AS menunjukkan kesan keimanan kepada Allah yang meletakkan aqidah sebagai pencetus amalan baik. Kajian Deghan mendorong kajian AKBQ dijalankan bagi membincangkan kedudukan dan tujuan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran secara lebih mendalam.

Kisno Umbar (2019) merupakan antara sarjana yang menjalankan kajian Analisis dokumen terhadap ayat-ayat al-Quran bagi mengetengahkan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Penelitian yang dilakukan oleh Kisno Umbar (2019) mengetengahkan enam pendekatan amalan kesantunan berbahasa iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Maysura*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Karima*. Namun Kisno Umbar (2019) tidak menjelaskan kaedah yang digunakan untuk mengeluarkan enam pendekatan tersebut sama ada menggunakan kaedah *Tafsir Mawduhu'iy* atau sebagainya. Kisno Umbar mentafsirkan *Qaulan Sadida* sebagai jujur, lemah lembut, berterus terang, adil, penuh kasih sayang dan jelas. Kisno

Umbar (2019) mentafsirkan *Qaulan Ma'rufa* sebagai sopan, lembut, hormat, ramah dan logik. *Qaulan Baligha* ditafsirkan sebagai komunikasi yang berkesan, sesuai dengan keadaan dan situasi semasa. *Qaulan Maysura* ditafsirkan sebagai kata-kata yang melegakan, melembutkan, mencantikkan, menyenangkan, memberi keyakinan dan tidak mengecewakan. Kisno Umbar mentafsirkan *Qaulan Layyina* sebagai kata-kata baik yang disampaikan dengan kelembutan sehingga dapat menyentuh hati. Kata-kata yang lembut datang dari hati yang ikhlas menyebabkan pendengar terkesan dan dapat memahami isi ucapan sehingga mempengaruhi perubahan pandangan, sikap dan tingkah laku orang lain. *Qaulan Karima* pula ditafsirkan sebagai kata-kata yang memuliakan, menggembirakan, menghormati, meraikan tidak menghina dan tidak mengaibkan.

Kisno Umbar (2019) menjelaskan terdapat 26 karakter kesantunan berbahasa yang diperolehi dari enam pendekatan tersebut iaitu kebenaran, kejujuran, keadilan, kebaikan, kejujuran, kelembutan, kesopanan, kesesuaian, kegembiraan, kesungguhan, optimisme, keindahan, kegembiraan, logik, kCFAsihan, kejelasan, ketepatan, kenangan, harmoni, daya tarikan, ketenangan, keberkesanan, kesederhanaan, kemurahan hati, kelembutan, dan kesopanan. Model pendidikan kesantunan bahasa adalah salah satu usaha untuk mengembangkan pembinaan karakter di Indonesia. Ia dapat diaplikasikan dalam proses pembelajaran melalui bahan pengajaran dan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan teliti kemas dan terancang. Selain itu, ia dapat diaplikasikan dalam proses komunikasi di antara murid dan juga antara guru dengan murid atau sebaliknya. Kajian Kisno Umbar (2019) memberi nilai tambah kepada kajian AKBQ bagi menjelaskan pendekatan yang digunakan oleh guru dalam komunikasi dengan murid.

Munirah, Norazilah dan Nor Azlili (2019) telah menjalankan kajian berkaitan amalan kesantunan berbahasa dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan bahasa dalam proses pembentukan tamadun Malaysia dan melihat hubungan kesantunan berbahasa dengan nilai sosiobudaya masyarakat di Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa masih terdapat penggunaan eufemisme yang wujud dalam masyarakat Malaysia. Eufemisme harus diamalkan untuk memastikan agar nilai kesantunan semasa berkomunikasi dapat dikekalkan. Hal ini sedemikian kerana masih terdapat belia yang masih tidak menggunakan eufemisme yang sesuai semasa berkomunikasi. Beliau juga mendapati dalam masyarakat Melayu pengetahuan dan pegangan terhadap nilai eufemisme sangat memberi kesan kepada tingkahlaku dan amalan kesantunan berbahasa dalam masyarakat. Kajian Munirah et al. (2019) menunjukkan nilai eufemisme yang diamalkan memberi kesan kepada tingkahlaku masyarakat. Kajian AKBQ pula mengenalpasti hubungan dan sumbangan amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid.

Wan dan Suhaila (2019) membuat kajian berkaitan strategi kesantunan berbahasa yang terdapat dalam Al-Quran dan Hadis. Kajian yang menggunakan kaedah Analisis dokumen sepenuhnya ini telah mengupas dalil-dalil daripada al-Quran dan Hadis bagi mengukuhkan isi perbincangan kajian kesantunan bahasa. Selain itu, maklumat yang diperoleh daripada buku, artikel, jurnal dan tesis yang mengupas tentang perbahasan para sarjana berkaitan aspek kesantunan bahasa turut dikenalpasti bagi mendapatkan data sokongan. Hasil analisa dapatan kajian mendapati terdapat empat strategi dikemukakan dalam al-Quran dan hadis dalam memupuk kesantunan berbahasa iaitu strategi salam, strategi komunikasi, strategi doa dan strategi syukur. Secara keseluruhannya, keempat-empat strategi yang dikemukakan ini membuktikan bahawa

nilai kesantunan berbahasa menjadi panduan asas masyarakat untuk menggalakkan komunikasi yang lebih berkesan dan harmoni selari dengan tuntutan agama. Kajian Wan dan Suhaila (2019) mengetengahkan empat strategi amalan kesantunan berbahasa yang diperolehi daripada analisis ayat-ayat al-Quran dan Hadis dan sangat sesuai diaplikasikan dalam komunikasi guru dan murid. Ini memberi nilai tambah kepada kajian AKBQ sebagai panduan awal analisis ayat-ayat al-Quran untuk mengeluarkan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa.

Ghaleb dan Nuseibah (2019) menjalankan kajian untuk melihat unsur ketidaksantunan pembaca ketika mengulas isu di laman web al-Jazeera. Mereka menggunakan Model Neurauter-Kessels, 2011 dan Model Ketidaksantunan Culpeper, 2011 dan 2016 untuk menganalisis bahasa yang digunakan oleh pembaca. Mereka mendapati majoriti pembaca dari kalangan warga Arab tidak mengamalkan kesopanan ketika mengulas berita yang dibaca. Walaupun kajian Ghaleb dan Nuseibah adalah kajian yang dijalankan di negara Arab yang mengamalkan ajaran Islam, namun mereka masih kurang mengamalkan kesantunan berbahasa dalam komunikasi formal. Kajian AKBQ pula melihat amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan GPI yang menyampaikan ajaran agama. Apakah tahap amalan kesantunan berbahasa GPI? Persoalan ini terjawab dengan pelaksanaan kajian AKBQ.

Wilda, Dwi Purnanto dan Djatmika (2019) membuat satu analisis kualitatif secara heuristik terhadap 34 buah hadis Nabi SAW dalam Sahih Bukhari untuk mengenalpasti strategi-strategi kesantunan bahasa yang terdapat dalam hadis-hadis tersebut. Mereka menghadkan kepada perbualan Rasulullah dengan orang bukan Islam. Hasil kajian, mereka mendapati terdapat tiga strategi kesantunan bahasa yang

digunakan oleh Rasulullah. Pertama strategi ucapan secara langsung terdapat dalam 16 buah hadis. Strategi ucapan secara tegas dalam 17 buah hadis dan sebuah hadis menggunakan strategi langsung menggunakan isyarat gerak badan. Wilda et al. (2019) berpendapat, Rasulullah SAW menggunakan strategi yang berbeza ketika berkomunikasi dengan orang bukan Islam kerana situasi dan perihal orang berbeza dan tidak sama. Menggunakan strategi yang berbeza mengikut perbezaan sasaran, situasi dan tempat perlu diamalkan dalam komunikasi guru dan murid. Dapatan kajian Wilda et.all (2019) membantu kajian AKBQ dijalankan untuk menganalisis pendekatan amalan kesantunan berbahasa menerusi ayat-ayat al-Quran. Dapatan kajian AKBQ boleh digabungkan dengan dapatan kajian Wilda et.all (2019) untuk mengetengahkan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dari perspektif Islam.

Hamid, Zargham & Mohamad Ghazanfari (2020) menganalisis strategi kesantunan berbahasa yang terdapat dalam surah Yusuf dan surah al-Kahfi. Dialog yang terdapat dalam kisah Nabi Yusuf AS dan kisah *Ashabul Kahfi* dianalisis menggunakan Model Kesantunan Brown dan Levinson (1987) dan Maksim Kesantunan Leech (1983). Kajian mendapati terdapat strategi kesantunan dalam kedua-dua surah. Dalam surah Yusuf, strategi kesantunan yang dikenalpasti ialah strategi hormat menghormati dan strategi kesopanan. Sementara dalam surah al-Kahfi, strategi tawaran dan janji digunakan. Kajian Hamid et al. (2020) lebih menarik jika menggunakan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dan Hadis. Walaubagaimanapun kajian Hamid et.all (2020) membuktikan strategi kesantunan berbahasa yang dikemukakan oleh Brown dan Levinson (1987) dan Leech (1983) memang terdapat dalam ayat al-Quran sejak penurunannya. Strategi hormat menghormati, kesopanan, tawaran dan janji adalah strategi yang perlu diamalkan oleh guru ketika

berkomunikasi dengan murid. Dapatan kajian yang diketengahkan dalam kajian Hamid et.all (2020) memberi nilai tambah dalam pelaksanaan kajian AKBQ.

Abdelaziz (2020) menjalankan kajian kesantunan bahasa terhadap masyarakat Arab di Morocco. Beliau meninjau bentuk amalan kesantunan bahasa yang diamalkan oleh masyarakat Arab Morocco. Beliau mendapati unsur kesantunan bahasa yang diamalkan oleh mereka adalah ucapan-ucapan yang diperolehi daripada al-Quran. Masyarakat Arab di Morocco cenderung mengucapkan ucapan kesantunan yang diadaptasi daripada ayat-ayat al-Quran sesama mereka apabila bertemu. Beliau berpendapat penggunaan ayat-ayat al-Quran dalam kehidupan harian, menjadikan penutur santun apabila bertutur. Amalan menggunakan ucapan yang diambil dari ayat-ayat al-Quran adalah lebih kepada ucapan doa dan harapan yang baik. Amalan ini perlu diterapkan dalam komunikasi harian terutamanya dalam keluarga, masyarakat, guru dan murid serta seluruh institusi pendidikan dan sebagainya. Ucapan doa dan harapan yang baik adalah antara kandungan amalan kesantunan berbahasa yang dianjurkan dalam al-Quran dan Hadis.

Ayu, Agus & Suparno (2020) menjalankan kajian untuk meninjau perspektif guru terhadap kesan strategik kesantunan bahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Inggeris di sekolah menengah di Indonesia. Mereka menggunakan kaedah pemerhatian dan analisis data yang diperolehi daripada dua orang guru sekolah menengah di Yogyakarta dan 5 orang murid. Data mendapati guru-guru berpandangan positif terhadap kesan strategik kesantunan bahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Inggeris terhadap para murid. Para murid pula berpandangan strategic kesantunan bahasa yang terdapat dalam buku teks bahasa Inggeris membantu mereka

cekap berkomunikasi dan menggunakan strategik kesantunan bahasa. Dapatan Ayu et al. (2020) menunjukkan bahawa strategi kesantunan berbahasa yang terdapat dalam buku teks murid boleh mempengaruhi amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidikan. Justeru, kandungan buku teks yang disediakan untuk murid, hendaklah mengandungi strategi kesantunan berbahasa kerana ia memberi impak yang positif kepada pembentukan akhlak yang baik.

Humaizi, Siti Hazazah, Sakhyan & Muhammad (2020) menjalankan kajian bagi meninjau strategi kesantunan yang digunakan oleh ahli dewan rakyat di Medan, Indonesia. Kajian ini menggunakan kaedah Analisis dokumen dengan menggunakan keluhan ahli parti Golongan Karya pada Julai 2019. Data menunjukkan strategi kesopanan positif mendominasi dengan jumlah 19 kejadian dan strategi kesopanan negatif hanya 13 kejadian. Fungsi strategi kesopanan positif adalah untuk mengekalkan penghormatan speaker dan memuaskan hati pembaca. Sebaliknya, pemakaian strategi kesopanan negatif adalah untuk menjaga dan mengusik penonton atau pendengar. Dalam komunikasi guru dan murid, strategi positif boleh digunakan untuk menghormati mereka dan memberikan peluang untuk mereka berkongsi pendapat, sementara strategi negatif pula boleh digunakan dalam situasi bergurau dan bermesra. Dapatan Humaizi et.al (2020) memberi nilai tambah kepada kajian AKBQ.

Alakrash dan Bustan (2020) menjalankan kajian bagi meninjau strategi kesantunan bahasa yang digunakan oleh tiga orang pelajar pascasiswazah Malaysia dan tiga orang pelajar pascasiswazah Arab yang belajar di Malaysia. Kajian ini mendapati terdapat perbezaan strategi yang digunakan oleh dua bangsa pelajar yang berlainan ini. Pelajar Malaysia menggunakan strategi kesantunan secara tidak langsung dalam percakapan.

Mereka banyak menggunakan isyarat dan lebih tidak berterus terang menyatakan keinginan. Manakala pelajar Arab pula menggunakan strategi berterus terang dan jelas tanpa menyembunyikan keinginan. Kajian mendapati penggunaan strategi kesantunan dipengaruhi oleh budaya masyarakat yang diamalkan. Dalam komunikasi guru dan murid, kedua-dua strategi perlu diamalkan mengikut kesesuaian situasi dan tempat.

Ezura dan Zamri (2020) menjalankan kajian untuk meninjau tahap kesantunan guru bahasa di sebuah sekolah agama di Selangor. Dengan menggunakan Pendekatan Kesopanan Leech (1983), kajian dijalankan bagi mengenalpasti komponen kesantunan yang diamalkan oleh guru bahasa. Kajian mendapati terdapat empat komponen utama dalam amalan kesantunan guru bahasa iaitu keprihatinan guru, komunikasi bukan lisan, komunikasi lisan dan sifat semulajadi. Dapatan kajian menjelaskan bahawa kebiasaan guru ketika berkomunikasi ialah prihatin, komunikasi lisan dan bukan lisan dan sifat natural seorang guru.

2.10 Konsep Akhlak Islam

Perkataan akhlak ialah kata *jama'* dari *khuluqun*, terbentuk dari kata *khalaqa* yang bererti budi pekerti, perangai, tingkah laku atau tabiat (Mohammad Amin, 2008). Khalqun bermaksud kejadian atau ciptaan, khaliq bermaksud pencipta, khalaqa bermaksud mencipta, khulqun bermaksud kelakuan dan makhluk bermaksud yang diciptakan (Ibrahim Anis, 1972). Perkataan akhlak adalah terbentuk dari kata *khuluq* yang merujuk kepada zahir atau *khalqu* yang merujuk kepada batin. Pengertian ini selari dengan ciptaan manusia yang terdiri daripada zahir dan batin. Akhlak adalah sifat yang tertanam dalam jiwa yang menimbulkan pelbagai perbuatan dengan mudah

tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan. Akhlak terpuji merupakan sumber ketaatan dan kedekatan kepada Allah SWT, sehingga mempelajari dan mengamalkannya merupakan kewajiban individual setiap muslim (Al-Ghazali, 1987). Akhlak ialah ilmu yang membincangkan nilai-nilai yang berkaitan dengan perbuatan manusia, dapat disifatkan dengan baik dan buruknya (Ibrahim Anis, 1972). Akhlak adalah tabiat atau sifat seseorang iaitu keadaan jiwa yang terlatih sehingga dalam jiwa tersebut benar-benar telah melekat sifat-sifat yang melahirkan perbuatan dengan mudah dan spontan tanpa dipikirkan (Hasanah, Tamarli, Irma & Helena, 2020).

Akhlak yang baik boleh dibentuk melalui kebiasaan. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi pembentukan akhlak iaitu naluri, kebiasaan, keturunan, lingkungan dan nilai. Naluri yang baik akan mendorong seseorang berkelakuan baik. Kebiasaan seseorang mengamalkan akhlak yang baik akan mendorongnya kekal berakhlak baik. Mempunyai ibubapa dan keturunan yang mengamalkan akhlak yang baik mendorong seseorang berkelakuan baik. Seseorang yang dilingkungi oleh orang-orang yang mengamalkan akhlak yang baik akan mendorongnya berkelakuan baik. Sesuatu nilai yang baik jika sering diamalkan akan mendorong seseorang terus berkelakuan baik (Hasanah et.al, 2020).

Ibnu Qayyim (1986) menjelaskan terdapat empat sendi utama akhlak dalam Islam iaitu sabar, iffah (kehormatan diri), keberanian dan keadilan. Ibnu Qayyim (1986) menjelaskan terdapat empat sendi akhlak yang buruk iaitu kejahilan, kezaliman, syahwat dan marah. Akhlak yang baik akan menghasilkan rangkaian akhlak baik yang lain. Demikian akhlak yang buruk akan melahirkan akhlak buruk yang lain. Contohnya akhlak baik guru yang ditunjukkan kepada murid-murid akan melahirkan

murid-murid yang berakhlak baik. Guru yang mengamalkan kesantunan ketika berkomunikasi akan melahirkan murid yang juga santun ketika berkomunikasi.

Akhlak merupakan sifat yang muncul dari jiwa yang melahirkan perbuatan dengan mudah tanpa perlu difikirkan mahupun diusahakan (Abd al-Latif, 1985). Akhlak adalah satu ilmu yang membahaskan tingkah laku manusia sama ada baik dan buruk. Islam menyeru kepada akhlak yang baik dan melarang berbuat keburukan (Sayyed Naim, 1996; Bugha, 1997). Menurut Asmawati Suhid (2009) akhlak mengandungi sifat yang dimiliki oleh individu sejak kelahirannya, yang menerusi latihan, rangsangan yang akhirnya menjadi tabiat, dan akhlak juga meliputi dua dimensi iaitu batin dan zahir dalam bentuk perlakuan.

Agama dan akhlak adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan di antara satu sama lain (Darraz, 1973; Al-Attas, 1978). Menurut Ibn Miskawayh (2017), akhlak adalah keadaan fikiran dalam jiwa setiap manusia dan mampu mempengaruhi seseorang terhadap kebaikan atau kekurangan. Akhlak ialah ilmu yang membincangkan nilai-nilai yang berkaitan dengan perbuatan manusia, dapat disifatkan dengan baik dan buruknya (Ibrahim Anis, 1972).

Akhlak adalah satu hal yang mantap dalam jiwa manusia dan dari hal itu segala perbuatan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan daya pemikiran. Jika hal tersebut menghasilkan perbuatan yang mulia menurut pertimbangan akal dan agama maka hal tersebut dinamakan akhlak yang baik tetapi jika ia merealisasikan perbuatan buruk menurut pertimbangan akal dan agama maka hal tersebut dinamakan akhlak yang buruk (Mohd Mustafa, Nor Nazimi & Basir, 2019).

Ibnu Taimiyyah dalam Mahmud (2009) mengaitkan akhlak yang baik dengan keimanan. Beliau menyatakan akhlak yang baik adalah hasil daripada keimanan yang mutlak kepada Allah SWT iaitu mengakui kerana kepercayaan dan keimanan kepada Allah, seseorang itu berakhlak dengan akhlak yang baik (Mahmud, 2009).

Mahmud (2009) membahagikan kategori akhlak kepada dua bahagian iaitu akhlak rabbani dan akhlak manusiawi. Akhlak rabbani merujuk kepada perlakuan dan tindakan yang dilakukan dengan menyandarkan tujuannya sebagai khidmat kepada Allah SWT dan mengikuti panduan al-Quran. Akhlak manusiawi pula merujuk kepada perlakuan dan tindakan yang dilakukan dengan tujuan mengekalkan kesejahteraan dan keharmonian sesama manusia. Hassan Basri mengatakan bahawa akhlak yang baik itu wajah yang berseri-seri, memberikan bantuan dan tidak mengganggu orang lain (Al-Jaza`iriy, 2008). Abdullah al-Mubarak pula mengatakan bahawa akhlak yang baik itu terletak pada tiga perkara, pertama; menjauhi perkara haram, kedua; mencari perkara halal dan ketiga; memperbanyak menanggung tanggungan (Al-Jaza`iriy, 2008).

Perbincangan tentang konsep akhlak dalam kalangan sarjana seperti Miskawaih (1961) dan al-Ghazali (1987) cenderung untuk menyimpulkan bahawa akhlak itu suatu keadaan yang ada dalam jiwa manusia secara batin yang dapat mendorong berlakunya tindakan, kelakuan dan sikap secara zahir dengan mudah dan tanpa perlu tapisan melalui pemikiran. Perbuatan atau perlakuan manusia yang dilakukan ketika berada dalam keadaan sedar atau tidak sedar adalah gambaran akhlaknya. Perlakuan baik boleh dijadikan amalan sehingga ia sebatikan dalam jiwa. Demikian dengan perbuatan atau perlakuan buruk juga boleh di elak sewaktu keadaan sedar menerusi

latihan-latihan. Orang yang mempunyai personaliti yang baik menunjukkan ia adalah individu yang berakhlak baik. Sebaliknya orang yang mempunyai personaliti yang buruk menunjukkan ia adalah individu yang berakhlak buruk. Sifat yang mulia dapat membawa kepada kebahagiaan dan kesempurnaan hidup. Sedangkan sifat yang buruk boleh membawa kepada kesengsaraan dan keseksaan hidup.

Akhlak ialah suatu yang lazim dilakukan dan telah menjadi kebiasaan dengan dorongan di dalam jiwa. Dorongan di dalam jiwa dapat dipengaruhi oleh unsur-unsur yang baik yang dapat melahirkan akhlak yang baik. Namun jika dorongan di dalam jiwa dipengaruhi unsur-unsur yang tidak baik, maka berkemungkinan menghasilkan akhlak yang tidak baik (al-Jaza`iriy, 2008). Justeru untuk memperoleh dorongan yang baik, jiwa perlu didedahkan dengan unsur-unsur keimanan dan ketaqwaan. Pada masa yang sama, penjagaan perlu dilakukan supaya jiwa tidak dipengaruhi oleh unsur-unsur yang tidak baik yang akhirnya menghasilkan akhlak yang tidak baik. Islam menyeru ummatnya supaya membina jiwa yang baik, mengembangkan unsur-unsur yang baik dalam jiwa dan memelihara daripada terpengaruh dengan unsur-unsur yang tidak baik (Al-Jaza`iriy, 2008).

Al-Ghazali (1987) menjelaskan bahawa proses pembentukan akhlak adalah melalui latihan dalaman diri manusia iaitu proses mendisiplinkan jiwa dengan *riyadatunnafs*, *tazkiyatunnafs*, *mujahadatunnafs*, *takhalliy* dan *tajalliy*. Untuk memperolehi akhlak yang baik, manusia perlu bersabar dan berusaha dengan bersungguh-sungguh. Proses pembentukan akhlak yang baik bukanlah suatu perkara yang mudah dilakukan melainkan hanya dengan tekad dan kesungguhan serta perlu dilakukan dalam tempoh yang panjang. Umat Islam dituntut supaya mengamalkan akhlak yang baik

sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW. Allah SWT menyatakan bahawa Rasulullah SAW mempunyai akhlak yang agung dalam surah al-Qalam ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Dan bahawa sesungguhnya Engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

Ayat di atas merupakan satu pernyataan bahawa Rasulullah SAW mempunyai akhlak yang diasaskan kepada Islam sebagai pegangan dan amalan serta disandarkan kepada Al-Quran sebagai sumber amalan (Ibnu Kathir, 1999). Para mufasirin seperti Mujahid, Abu Nalik, as-Suddi dan al-Rabi' bin Anas bersepakat menyatakan maksud akhlak yang agung dalam ayat di atas ialah di atas ajaran Islam yang agung (Ibnu Kathir, 1999).

Akhlak Rasulullah SAW merupakan keagungan Islam yang diterjemahkan daripada ajaran Al-Quran. Sayyidatina Aishah r.a ketika ditanya tentang akhlak Rasulullah SAW, beliau menjawab: “Akhlak baginda adalah al-Quran”. Ini bermaksud akhlak Rasulullah itu adalah percontohan al-Quran. Keagungan akhlak Rasulullah adalah kerana baginda mengamalkan seluruh perintah dan arahan Allah yang terdapat dalam al-Quran dan baginda meninggalkan seluruh larangan Allah yang terdapat dalam al-Quran (Ibnu Kathir, 1999).

Imam Mawardi r.a memperincikan makna ayat di atas kepada tiga bahagian. Makna yang pertama ialah adab yang diagungkan Al-Quran, makna yang kedua ialah agama Islam dan makna yang ketiga ialah budi luhur. Dalam ketiga-tiga makna ini, Imam Mawardi menyatakan makna yang ketiga merupakan makna yang lebih mendekati lahiriah makna ayat (Ibnu Kathir, 1999). Fairuzabadi dalam (Mahmud, 2009) menegaskan bahawa komponen utama agama Islam ialah akhlak. Orang yang

memiliki akhlak yang lebih baik adalah orang memiliki darjat yang lebih tinggi. Beliau membahagikan akhlak yang baik kepada empat bahagian iaitu kesabaran, keberanian, keadilan dan kesucian. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis Riwayat al-Bukhari:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Hadis di atas menjelaskan bahawa antara tujuan perutusan Rasulullah SAW yang utama adalah menyempurnakan akhlak yang mulia. Justeru pembinaan akhlak yang mulia menjadi agenda utama perutusan Rasulullah SAW. Rasulullah SAW sangat mementingkan pembinaan akhlak yang baik sehingga kepentingan dan kelebihan akhlak yang baik disebutkan dalam beberapa hadis, antaranya:

مَا مِنْ شَيْءٍ فِي الْمِيزَانِ أَثْقَلَ مِنْ حَسَنِ الْخَلْقِ

Tidak ada sesuatu yang lebih berat dalam timbangan dari akhlak yang baik.

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa besarnya kelebihan orang yang mempunyai akhlak yang baik sehingga perkara yang paling berat dikira di mizan ialah akhlak yang baik yang dapat menambah pahala seseorang. Sabda Rasulullah SAW dalam hadis lain:

أَكْمَلُ الْمُؤْمِنِينَ إِيمَانًا أَحْسَنُهُمْ أَخْلَاقًا

Orang mukmin yang paling sempurna iman ialah orang yang paling baik akhlaknya.

Dalam hadis di atas, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa kesempurnaan iman seseorang mukmin itu dikira apabila memiliki akhlak yang paling baik. Ini

menunjukkan seseorang mukmin yang beriman akan menghiasi dirinya dengan akhlak yang baik dan mempunyai akhlak yang baik membuktikan keimanan seseorang mukmin. Untuk memiliki akhlak yang baik, manusia perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh melazimi perbuatan yang baik dan menjauhkan diri dari melakukan perkara yang tidak baik. Setiap individu muslim haruslah menjaga keindahan budi pekertinya, keperibadian seseorang ditunjukkan oleh keindahan akhlak lahiriah bukan bentuk jasmaniah. Akhlak menunjukkan perangai dan tingkah laku individu sama ada baik atau buruk. Akhlak pula mencakupi semua aspek dan elemen dalam kehidupan kerana hal itu juga merupakan sebahagian dari ajaran dan suruhan Islam yang perlu dipelihara, agar sahshiah seseorang muslim dapat terjaga sebagaimana mestinya.

Akhlak mempunyai fungsi dan peranan yang sangat penting pada diri manusia. Akhlak boleh terbentuk dari kebiasaan manusia sejak lahir iaitu jika ia dibesarkan dalam suasana yang berakhlak baik, maka ia akan berakhlak baik. Jika sebaliknya maka ia akan membesar dengan akhlak yang tidak baik. Akhak juga boleh dibentuk dengan penghayatan terhadap ilmu akhlak. Dengan menuntut ilmu, seseorang boleh memperbaiki akhlaknya. Akhlak dapat mendorong seseorang untuk berbuat baik untuk dirinya, keluarga, masyarakat, negara dan alam persekitarannya. Seseorang yang berakhlak mulia, akan melaksanakan tanggungjawabnya terhadap Allah, tanggungjawabnya terhadap keluarga, diri, masyarakat, negara, masyarakat dan alam sekitarnya.

Secara umumnya ciri-ciri akhlak dalam Islam merangkumi akhlak rabbani, akhlak manusiawi, akhlak universal, akhlak keseimbangan dan akhlak realistik (Akilah,

2019). Akhlak rabbani memandu manusia memahami bahawa akhlak yang baik adalah tuntutan agama. Orang yang berakhlak baik adalah orang yang patuh pada agama dan tanda keimanannya kepada Allah. Akhlak manusiawi mendorong manusia kembali kepada fitrah sukakan kebaikan. Akhlak universal mendorong manusia melakukan amal kebaikan dalam semua aspek kehidupan. Ia memandu manusia supaya berlaku baik dengan semua makhluk di setiap masa dan ketika. Akhlak keseimbangan mendorong manusia supaya menyeimbangkan kebaikan antara rohani dan jasmani, antara dunia dan akhirat. Akhlak realistik mendorong manusia melakukan kebaikan tanpa paksaan dan memberikan peluang untuk memperbaiki diri jika melakukan kesalahan. Islam menghargai kelebihan dan kekurangan yang ada pada manusia (Akilah,2019).

2.11 Pembahagian Akhlak dalam Islam

Kebanyakan sarjana muslim membahagikan akhlak Islam kepada beberapa bahagian mengikut keperluan hubungan seperti hubungan dengan Allah, hubungan dengan keluarga, hubungan dengan masyarakat, hubungan dengan diri sendiri dan hubungan dengan alam sekitar. Yaljan (1973) membahagikan akhlak kepada dua kategori. Pertama ialah akhlak yang diperincikan oleh wahyu. Manusia berperanan untuk melaksanakan akhlak ini dengan hati rohani dan keikhlasan dalam bentuk tingkah laku. Kedua, akhlak yang disebut oleh wahyu secara umum dan manusia berperanan melaksanakannya mengikut kesesuaian bagi mendatangkan kebaikan kepada manusia. Darraz (1987) juga membahagikan akhlak kepada lima bahagian iaitu akhlak terhadap diri sendiri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat, akhlak terhadap alam dan akhlak terhadap Allah SWT.

Darraz (1973) telah membahagikan nilai akhlak kepada lima bahagian iaitu nilai akhlak peribadi, nilai akhlak kekeluargaan, nilai akhlak kemasyarakatan, nilai akhlak kenegaraan dan nilai akhlak keagamaan. Jalaluddin dan Usman Said (1994) membahagikan akhlak Islam kepada sembilan kategori utama iaitu akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap al-Quran, akhlak terhadap diri, akhlak terhadap kedua ibubapa, akhlak terhadap anak, akhlak dalam rumahtangga, akhlak terhadap sesama manusia dan akhlak terhadap persekitaran.

Al-Ghazali (1987) membahagikan akhlak kepada tiga bentuk iaitu akhlak yang berkaitan hubungan dengan Tuhan, akhlak yang berkaitan dengan hubungan manusia dan akhlak yang berkaitan hubungan dengan sesuatu yang tidak berakal dan tidak bernyawa. Mohd Nasir (2005) juga membahagikan akhlak kepada lima kategori iaitu akhlak terhadap diri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat, akhlak terhadap alam dan akhlak terhadap Allah. Azhar (2006) merangkumkan dimensi akhlak al-Quran dan al-Sunnah mengikut dimensi psikologi iaitu sikap, sifat, tingkahlaku dan amalan secara langsung. Contoh sikap ialah seperti keimanan kepada Allah dan Rasul, manakala sifat ialah redha dengan ujian Allah. Berdoa dengan penuh khusyuk dan pengharapan contoh bagi tingkahlaku. Sementara contoh bagi amalan secara langsung ialah mengerjakan solat lima waktu sehari semalam.

Al-Qaradawi (2019) membahagikan akhlak Islam kepada lima kategori iaitu akhlak terhadap diri sendiri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat, akhlak terhadap alam semesta dan akhlak terhadap Allah SWT. Agus (2020) membahagikan akhlak dalam Islam kepada enam bahagian iaitu akhlak terhadap Allah, akhlak

terhadap Rasul, akhlak terhadap diri, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat dan akhlak terhadap negara dan alam.

Dalam kajian AKBQ, pengkaji membataskan pembahagian akhlak yang dijadikan instrumen penghayatan akhlak murid kepada lima iaitu, akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap keluarga, akhlak terhadap masyarakat dan akhlak terhadap diri. Pemilihan lima elemen ini adalah kerana nilai penghayatan akhlak yang ingin dikaji itu melibatkan hubungan dengan Allah dan manusia sekeliling. Instrumen yang dibina tidak melibatkan amalan murni terhadap negara dan alam sekitar. Penilaian terhadap amalan dengan Allah dan manusia tidak merangkumi akhlak terhadap negara dan alam sekitar.

2.11.1 Akhlak Terhadap Allah

Akhlak terhadap Allah merupakan akhlak yang paling tinggi dan mengatasi kategori akhlak yang lain. Akhlak terhadap Allah meliputi ketaatan menjalankan segala perintahNya dan meninggalkan segala larangan-Nya (al-Qaradhawi, 1980). Darraz (1987) meletakkan akhlak terhadap Allah dalam kategori akhlak beragama yang merupakan kewajipan seorang hamba terhadap Allah. Kewajipan tersebut merangkumi keimanan dan ketaatan kepada Allah, bertadabbur dan bertafakkur terhadap ayat-ayat Allah, memikirkan kejadian ciptaan Allah, mensyukuri nikmat yang dikurniakan, berlapang dada dan redho dengan ujian dari Allah, berserah diri kepadaNya, sentiasa mengharapkan rahmat kasih sayang Allah, sentiasa kembali bertaubat kepada Allah serta menyetahkan segala urusan hidup dan mati hanya kepada Allah.

Akhlak terhadap Allah merangkumi taqwa, cinta dan redha, ikhlas, *khauf* dan *raja`*, tawakal, syukur, muraqabah dan taubat (Agus, 2020). Akhlak terhadap Allah menuntut ketaatan melakukan ibadat dengan ikhlas, tanpa *riya`* di samping menta'zimkan Allah dengan segera melakukan ibadat dan menjauhi maksiat serta bertawakal kepadaNya (Ismail, 2016). Bersyukur atas nikmat yang diberikan, merasa malu untuk melakukan maksiat, berserah diri, mengahrap rahmat, merasa takut akan azab siksaan serta sentiasa berbaik sangka dengan Allah juga merupakan akhlak terhadap Allah (Al-Jaza'iri, 2008). Insan muslim yang berakhlak terhadap Allah mesti meletakkan ketaatan total, meredhoi dengan apa yang ditakdirkan, sentiasa bertaubat kepada Allah, melakukan ibadat fardhu dan sunat dan banyak membaca Al-Quran (al-Hasyimi, 2007).

2.11.2 Akhlak Terhadap Rasul

Akhlak terhadap Rasul ialah kategori akhlak tertinggi selepas akhlak terhadap Allah. Individu muslim yang mempunyai akhlak terhadap Allah akan turut mempunyai akhlak terhadap Rasul. Akhlak terhadap Rasul meliputi kecintaan dan kemuliaan seseorang kepada Rasul dengan mentaati dan mengikuti baginda, sentiasa berselawat ke atas baginda, mengamalkan sunnah baginda di samping mendukung dan membenarkan segala ajaran yang dibawa baginda (Al-Jaza'iri, 2008, Ismail, 2016, Agus, 2020). Individu muslim yang beriman kepada Allah, mesti berusaha berakhlak terhadap Rasul dengan sebaik-baik akhlak.

2.11.3 Akhlak Terhadap Keluarga

Menurut al-Quran, akhlak terhadap keluarga merangkumi empat bahagian utama. Pertama, kewajipan terhadap ibu bapa dan anak-anak. Kedua, kewajipan terhadap suami dan isteri. Ketiga, kewajipan terhadap kaum keluarga yang terdekat. Keempat kewajipan terhadap hak-hak perwarisan (Darraz, 1987, Ismail, 2016). Kewajipan terhadap ibu bapa ialah menghormati mereka dan sentiasa berbuat baik kepada keduanya semasa hidup, semasa kematian dan selepas kematian mereka termasuk mendokan kesejahteraan kepada keduanya (al-Qaradhawi, 1985). Akhlak terhadap ibu bapa juga menuntut ketaatan seorang anak kepada arahan ibu bapa selagi mereka tidak melanggar hukum syarak (al-Qaradhawi, 1985).

Kewajipan terhadap suami dan isteri ialah saling hormat menghormati dengan penuh kasih dan sayang (Darraz, 1987). Akhlak seorang suami terhadap isteri menuntut penunaian hak dan tanggungjawab termasuk nafkah zahir dan batin selain pimpinan suami ke arah mencapai kerukunan rumahtangga seperti yang diredhoi Allah. Demikian juga akhlak seorang isteri terhadap suami ialah menunaikan hak dan tanggungjawab termasuk menguruskan rumahtangga dan anak-anak. Ketaatan seorang isteri menjadi jaminan kerukunan dan kebahagiaan rumah tangga (al-Qaradhawi, 1985, Mohd Nasir, 2005, al-Jaza'iriy, 2008).

Akhlak terhadap anak-anak ialah kewajipan ibu bapa terhadap penyempurnaan hak-hak mereka sebagai anak sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Ini merangkumi permulaan seorang suami ketika mencari bakal isteri diikuti dengan menamakan anak-anak dengan nama dan panggilan yang baik-baik. Seterusnya anak-anak berhak mendapat pendidikan yang baik sejak dikandungkan hingga dewasa. Melayani dan

menyantuni anak-anak mengikut tahap dan peringkat umur seperti yang diajarkan Rasulullah merupakan intepretasi akhlak ibu bapa yang baik (al- Qaradhawi, 1980).

Kewajipan ketiga ialah kewajipan terhadap ahli keluarga terdekat iaitu berbuat baik, berlaku ihsan, bertolak ansur, bekerjasama, memelihara hubungan dan berkasih sayang terhadap mereka (Darraz, 1987, al-Hasyimi, 2007). Kewajipan keempat dalam konteks berakhlak dengan ahli keluarga ialah menunaikan kewajipan terhadap pewarisan iaitu yang meliputi hak-hak ahli waris dan meematuhi hukum-hukum pembahagian harta pusaka mengikut apa yang digariskan oleh Islam. Bagi Darraz (1987), penunaian ahli keluarga yang bertanggungjawab terhadap peninggalan harta pusaka mengikut hokum faraid merupakan antara cirri-ciri akhlak kekeluargaan yang baik.



2.11.4 Akhlak Terhadap Masyarakat

Kebanyakan sarjana muslim seperti al-Qaradhawi (1980), Yunahar (1999) dan Mohd Nasir (2005) menulis tentang akhlak dari segi kemasyarakatan secara umum yang meliputi penjagaan hubungan dan kesantunan serta kesopanan. Walau bagaimanapun, Darraz (1987) telah membuat pembahagian akhlak terhadap masyarakat secara khusus dengan menyoroti ayat-ayat al-Quran. Pembahagian tersebut merangkumi tiga aspek utama iaitu perkara-perkara yang diperintahkan, perkara-perkara yang dilarang dan tatatertib kesopanan. Menurut Darraz (1987) perkara yang diperintah dalam berkakhlak terhadap masyarakat ialah menunaikan amanah, menepati janji, menulis perjanjian ketika berhutang, memberi persaksian yang betul, memperbaiki hubungan di antara sesama mukmin yang bergaduh, memberi kemaafan, menghulurkan kasih sayang, bertolak ansur, berbuat kebajikan, mengajak kepada kebaikan dan melarang

dari berbuat perkara kejahatan, menyampaikan ilmu pengetahuan, menghubungkan silaturrahim, bersedekah dan sebagainya.

Perkara-perkara yang termasuk dalam larangan ketika mengamalkan akhlak kemasyarakatan ialah larangan menipu, larangan menipu dalam sukatan dan timbangan, larangan mencuri, larangan membunuh, larangan mengambil hak milik tanpa izin, larangan memakan harta anak yatim, larangan bekerjasama dalam hal-hal kejahatan, larangan berdusta, larangan memandang rendah terhadap orang lain, larangan member dan menerima rasuah dan sebagainya (Darraz, 1987).

Aspek ketiga dalam akhlak kemasyarakatan menurut Darraz (1987) ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan tata tertib kesopanan. Aspek ini meliputi kesopanan dan kesantunan seperti meminta izin sebelum memasuki rumah, memberi salam ketika masuk dan bertemu, menjawab salam, merendahkan suara, bersopan di dalam majlis, bercakap dengan nada yang rendah dan lembut, bercakap perkara-perkara yang baik dan sebagainya.

2.11.5 Akhlak Terhadap Alam Sekitar

Allah SWT mengurniakan alam semesta yang sangat bermanfaat kepada manusia. Manusia dituntut menggunakan kurniaan Allah untuk manfaat bersama dengan penuh berakhlak iaitu tanpa merosakkan sistem keseimbangan ekologi alam sekitar. Individu yang beriman juga dituntut supaya berakhlak terhadap binatang dengan tidak menyakiti mereka dan berbelas kasihan terhadap mereka (al-Qaradhawi, 1980). Manusia yang berakhlak dituntut supaya menggunakan sumber alam yang ada dengan produktif, tidak membazir dan menganggap bahawa interaksi dengan alam sekitar

adalah suatu ibadah. Manusia juga tidak dibolehkan menggunakan sumber alam untuk tujuan keburukan dan kejahatan seperti merosakkan habitat hidupan lain (Mohd Nasir, 2005).

2.11.6 Akhlak Terhadap Negara

Darraz (1987) memperincikan akhlak terhadap Negara menurut perspektif al-Quran kepada dua aspek utama. Pertama kewajipan yang merangkumi hubungan di antara pemimpin dan rakyat dalam Negara. Kedua, aspek yang merangkumi hubungan dengan pihak luar Negara dan antarabangsa. Antara kewajipan pemimpin terhadap rakyat ialah berlaku adil dan tidak zalim, bermesyuarat dengan rakyat, menjaga ketenteraman, menjaga harta benda awam, memberikan hak kepada rakyat dengan sama rata, meraikan hak golongan minority dalam perundangan. Kewajipan rakyat terhadap pemimpin pula merangkumi kewajipan rakyat untuk taat kepada pemimpin selagi mana pemimpin tidak melakukan maksiat kepada Allah, bersatu padu, bermesyuarat dalam memutuskan kepentingan awam, tidak melakukan kerosakan pada harta awam, mempersiapkan diri untuk membela dan mendokong kedaulatan Negara, menghindarkan dari membantu musuh negara dan sebagainya. Akhlak dalam hubungan dengan pihak luar negara pula merangkumi memelihara persahabatan dan perdamaian, menghindari sebarang bentuk paksaan, provokasi, propaganda dan kebencian, membantu sesama negara Islam, berperang untuk membantu bangsa yang dizalimi dan lemah, berwaspada dengan tipu muslihat Negara orang-orang kafir, menghadapi pengkhianatan dengan tegas, mematuhi perjanjian yang dimeterai dan sebagainya.

2.11.7 Akhlak Terhadap Diri Sendiri

Akhlak terhadap diri sendiri ialah menjaga kesihatan diri sama ada jasmani atau rohani dengan berwuduk, berdisiplin, menambah ilmu, menanam sifat bersyukur, sabar, pemaaf, bersangka baik dan menjaga kerapian diri (al-Qaradhawi, 1980). Darraz (1987) dalam menyoroti ayat-ayat Al-Quran telah membahagikan akhlak terhadap diri sendiri kepada empat bahagian iaitu akhlak yang diperintahkan, akhlak yang dilarang, akhlak yang dibolehkan dan akhlak dalam keadaan darurat. Aspek-aspek ini secara umumnya meliputi penyucian rohani, istiqamah dalam kebaikan, menundukkan pandangan dan memelihara kehormatan diri, mengawal nafsu, menahan marah, bersabar, bercakap benar, berlemah lembur dan rendah hati, menjauhi buruk sangka, bersederhana, berlumba-lumba membuat kebajikan dan sebagainya.

Yunahar (1999) menyatakan akhlak terhadap diri sendiri itu ialah memiliki sifat *siddiq*, amanah, istiqamah, *iffah*, *mujahadah*, *syaja'ah*, tawadhuk, malu, sabar dan pemaaf. Al-Jaza'iriy (2008) menjelaskan bahawa akhlak terhadap diri sendiri juga termasuk sikap dan perilaku yang baik terhadap diri sendiri serta meninggalkan perkara yang merosakkan diri, berlaku adil pada diri sendiri, tidak melakukan perkara yang dilarang, sentiasa memelihara martabat diri dan berusaha tidak mengikut hawa nafsu. Berakhlak terhadap diri sendiri juga termasuklah berusaha membersihkan jiwa daripada akhlak yang buruk, melatih hati agar sentiasa berfikir, bersikap sederhana, mematuhi perauturan, bersabar dan sebagainya (Mohd Nasir, 2005). Seseorang muslim juga dikatakan berkahlak terhadap diri sendiri apabila beradab dan bersederhana dalam soal makan minum, menjaga kebersihan diri dan penampilan di

samping menjaga akal dengan menuntut ilmu dan mengamalkannya (al-Hasyimi, 2007).

2.12 Kajian-kajian Penghayatan Akhlak

Terdapat banyak kajian-kajian yang dijalankan berkaitan dengan akhlak yang merangkumi pembentukan akhlak, penghayatan akhlak, faktor kemerosotan akhlak, perbezaan tahap pengamalan akhlak dan sebagainya. Antara kajian tentang akhlak dalam pendidikan yang telah dijalankan ialah kajian Azma (2006), Asmawati (2007), Ahmad Munawwar (2009), Asmawati (2009, 2017), Mohd Zailani (2009), Rosnaaini (2010), Khairi (2011), Mardzelah (2012), Abd Rahman (2013), Abd Muhsien (2014), Jamilah (2014), Azmil (2016), Mohamad Khairi (2016), Fahmi Azril (2019), Hasbullah (2020), Huzili (2020), Mohd Said, Noor Azizah & Suziani (2020) dan lain-lain. Namun sehingga kajian ini ditulis, penyelidik belum menemui kajian penghayatan akhlak yang dikaitkan dengan pengaruh amalan kesantunan berbahasa guru.

Azma (2006) membuat kajian tinjauan terhadap penghayatan Pendidikan Islam dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia. Beliau mendapati elemen tasawwur, perasaan dan tingkah laku serta aspek aqidah, ibadah dan akhlak dapat mengukur penghayatan pe;ajar terhadap Pendidikan Islam. Analisis kajian beliau menunjukkan tahap penghayatan murid perempuan terhadap Pendidikan Islam lebih tinggi berbanding tahap penghayatan murid lelaki. Beliau juga mendapati bahawa tahap penghayatan murid sekolah agama lebih tinggi berbanding dengan murid sekolah menengah berasrama penuh, sekolah menengah teknik dan sekolah menengah kebangsaan.

Kajian Asmawati (2007) telah meninjau aspek kerohanian murid sekolah menengah dan murid institusi pengajian tinggi awam. Dapatan kajian menunjukkan interaksi antara kumpulan umur dan kecenderungan dalam sikap dan pegangan terhadap standat kelaziman sosial orang Melayu memberikan perbezaan yang signifikan terhadap kualiti taakulan akhlak murid Melayu. Analisis data menunjukkan terdapat empat jenis skema taakulan akhlak iaitu skema *istiqamah*, skema berpengetahuan *taqlid*, skema *bertaqlid* dan skema *taqlid dekaden*. Murid Melayu daripada kumpulan umur yang berbeza dan kualiti taakulan yang berbeza menunjukkan pengaktifan gabungan skema taakulan. Murid yang mempunyai skema pada skala yang tinggi mengaktifkan lebih banyak ciri akhlak Islam berbanding dengan kumpulan yang mempunyai skema skala rendah. Hasil kajian menjelaskan tema-tema yang mempengaruhi pembentukan skema akhlak murid Melayu. Kualiti taakulan akhlak murid ditentukan oleh kecenderungan dalam sikap dan pegangan terhadap standat kelaziman sosial mereka.

Ahmad Munawar (2008) menjalankan kajian untuk meninjau pengaruh aqidah terhadap penghayatan akhlak murid sekolah di Malaysia. Beliau mendapati bahawa tahap pengetahuan murid terhadap aqidah dan penghayatan akhlak adalah tinggi. Kajian beliau menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi tahap pengetahuan aqidah berdasarkan pencapaian PMR dan sekolah mengikut zon. Sebaliknya beliau mendapati tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan aliran kelas, lokasi dan tahap pendidikan ibu bapa. Dapatan beliau juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara aliran sekolah, pencapaian PMR dan zon bagi tahap penghayatan akhlak. Manakala aspek jantina, lokasi sekolah dan tahap pendidikan ibu bapa tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi tahap

penghayatan akhlak. Kajian ini juga mendapati bahawa hanya guru dan ibu bapa yang mempengaruhi tahap pengetahuan aqidah dan penghayatan akhlak murid. Manakala artis, masyarakat, rakan sebaya dan budaya sekolah tidak menyumbang kepada pengetahuan aqidah dan penghayatan akhlak murid.

Mohd Zailani (2009) membuat kajian yang melibatkan murid sekolah menengah di Kelantan untuk melihat perkaitan antara jantina, kategori sekolah dan pencapaian akademik (PMR) dengan pertimbangan moral. Kajian beliau juga mengenal pasti hubungan antara kecenderungan kerohanian Islam dan sikap serta pegangan terhadap standat kelaziman sosial dengan pertimbangan moral murid sekolah agama. Dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina, kategori sekolah dan pencapaian akademik dengan pertimbangan moral. Dapatan kajian beliau juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kecenderungan kerohanian Islam dan sikap serta pegangan terhadap standat kelaziman sosial dengan pertimbangan moral murid sekolah agama. Beliau juga mendapati bahawa dimensi kepercayaan dan keimanan, dimensi intrinsik dan ekstrinsik mempunyai pengaruh yang kuat dalam pertimbangan moral murid sekolah menengah agama. Dapatan kajian beliau merumuskan bahawa aspek kerohanian Islam memainkan peranan yang penting dalam menentukan kualiti pertimbangan moral murid sekolah menengah agama.

Jika kajian-kajian penghayatan akhlak sebelum ini membincangkan faktor-faktor luaran seperti persekitaran, individu utama dan sebagainya yang mempengaruhi tahap penghayatan akhlak murid, maka Rosnaaini (2010) muncul dengan kajiannya yang menyoroti pengaruh adab-adab suluk terhadap penghayatan akhlak. Beliau lebih

memfokuskan kepada peranan amalan suluk terhadap pembentukan sahsiah diri, hubungan dengan Allah, hubungan dengan manusia dan kepentingan bimbingan guru. Adab-adab suluk yang dimaksudkan beliau meliputi aspek kebersihan hati, pelaksanaan tanggungjawab harian, banyak mengingati mati, berbakti kepada kedua ibu bapa, muhasabah tentang dosa, pengambilan makanan yang halal dan mementingkan adab sopan. Adab suluk yang mengutamakan hubungan dengan Allah pula meliputi amaan bertaubat, mengekalkan wuduk, menjaga lidah, berzikir kepada Allah, bersih daripada semua cita-cita kecuali kerana Allah, bersolat jamaah, memelihara adab di tempat keramaian, memperbanyakkan doa, mempertingkatkan amal ibadat dan memelihara pemberian Allah SWT. Rosnaaini juga mendapati bimbingan berterusan dari guru yang berwibawa, zuhud dan baik memainkan peranan terhadap penghayatan akhlak murid. Walau bagaimanapun beliau berpendapat bahawa sahsiah diri yang dibina dari dalam hasil kekuatan hubungan dengan Allah dapat memaparkan akhlak yang baik dalam kalangan murid.

Sarimah et. al (2011) telah membuat kajian untuk mengenal pasti profil penghayatan akhlak Islam murid sekolah menengah di Selangor dari aspek jantina, lokasi sekolah (bandar dan luar bandar) dan kategori sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Teknik / Vokasional (SMT/V). Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan antaranya. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif ke atas 665 murid sekolah menengah di Selangor dengan menggunakan soal selidik 'Amalan Penghayatan Akhlak Islam' (IMAP) murid Sekolah Menengah yang telah dibina sendiri oleh penyelidik dengan persetujuan sepuluh orang pakar. Di dalam kajian ini,

statistik deskriptif dalam bentuk skor min digunakan. Bagi profil jantina menunjukkan murid perempuan dominan dalam ketiga-tiga domain iaitu domain sifat peribadi, domain amalan sosial dan domain amalan agama. Domain antara lokasi sekolah pula menunjukkan kumpulan murid dari bandar lebih baik penghayatan akhlak Islam dari murid luar bandar. Kedudukan kategori sekolah yang lebih tinggi dari segi penghayatan Akhlak Islam mengikut susunan bermula dari kategori sekolah SMKA, SBP, SABK, SMK dan SMT/V dalam dapatan kajian penyelidikan terhadap kesemua domain penghayatan akhlak Islam. Implikasi kajian ini menunjukkan guru dan pentadbir sekolah perlu peka terhadap penghayatan akhlak Islam yang berbeza bagi setiap individu murid. Guru seharusnya memberi perhatian serius untuk memaksimumkan penghayatan akhlak Islam murid bagi semua kategori sekolah.

Mardzelah (2012) juga telah menjalankan kajian tentang penghayatan akhlak. Beliau meninjau perkaitan antara peranan hisbah sendiri, hisbah sosial dan penghayatan akhlak murid. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perkaitan antara peranan hisbah sendiri dan peranan hisbah sosial dengan penghayatan akhlak murid. Selain itu, terdapat perbezaan yang signifikan antara hisbah sendiri, hisbah sosial dan penghayatan akhlak murid berdasarkan faktor demografi, pencapaian dan kemahiran serta penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara hisbah sendiri, hisbah sosial dan penghayatan akhlak. Mardzelah (2012) merumuskan bahawa hisbah mempengaruhi penghayatan akhlak murid dan dapat membentuk keperibadian dan kemenjadian murid.

Jamilah (2014) telah membuat kajian untuk mengenal pasti tahap pengetahuan akhlak dalam kalangan murid sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan. Beliau juga meninjau tahap sikap murid sekolah menengah terhadap mata pelajaran akhlak di sekolah di samping mengenal pasti tahap amalan akhlak. Kajian ini dijalankan di enam buah sekolah menengah di Seremban yang melibatkan seramai 360 murid tingkatan 1, 2 dan 3. Kajian beliau mendapati tahap pengetahuan murid terhadap ilmu akhlak adalah tinggi. Demikian juga sikap murid terhadap mata pelajaran akhlak juga baik. Namun amalan akhlak dalam kalangan murid berada di tahap rendah dan membimbangkan. Beliau mendapati silibus pendidikan akhlak KBSM bukanlah faktor terhadap kurangnya amalan akhlak dalam kalangan murid.

Rohana, Norhasni & Andi (2016) telah membuat kajian yang bertujuan menentukan sumbangan faktor psikososial melibatkan pendidikan keagamaan tidak formal bersama ibu bapa, pertautan ibu bapa dan pertautan rakan sebaya ke atas penghayatan akhlak Islam belia institusi pengajian tinggi awam (IPTA) terpilih di Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan pendidikan keagamaan menyumbang sebanyak 20.0 peratus terhadap penghayatan akhlak Islam, pertautan ibu bapa menyumbang sebanyak 4.3 peratus kepada penghayatan akhlak Islam, manakala pertautan rakan sebaya hanya menyumbang sebanyak 1.6 peratus kepada penghayatan akhlak Islam. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pendidikan keagamaan yang dijalankan oleh GPI mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar.

Mohd Khairi dan Khairi (2016), telah membuat kajian bertujuan untuk mengenalpasti tahap kefahaman dan pengamalan akhlak dalam kalangan murid, bagi menentukan perbezaan kefahaman dan pengamalan akhlak berdasarkan demografi jantina dan

tempat tinggal. Seramai 381 murid Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah dipilih sebagai responden untuk menjawab soal selidik. Dapatan kajian mendapati tahap kefahaman ajaran Islam meliputi akhlak dalam kalangan responden berada pada tahap yang tertinggi bagi setiap aspek yang dikaji. Manakala dapatan kajian mendapati tahap pengamalan ajaran Islam meliputi akhlak juga tinggi. Namun terdapat sebahagian kecil responden tidak mengamalkan apa yang mereka faham terutama perkara-perkara yang berkaitan akhlak. Oleh itu, implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penekanan aspek pengamalan ajaran Islam sangat penting agar murid menjadi seorang muslim yang mengamalkan akhlak yang baik dalam kehidupan harian berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah.

Mohd Zaki dan Husin (2016) telah membuat kajian bertujuan untuk melihat tahap kesedaran murid selepas memmuridi pendidikan Islam berdasarkan jantina murid, tempat tinggal murid. Disamping itu kajian ini juga melihat peranan guru dalam memupuk kesedaran akhlak murid. Kesedaran akhlak murid berdasarkan tempat tinggal menunjukkan terdapat perbezaan dengan murid lelaki lebih tinggi tahap kesedaran berbanding murid perempuan. Dapatan menunjukkan murid luar bandar lebih baik kesedaran mereka berbanding murid bandar. Daripada kajian ini juga menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara peranan guru semasa pengajaran Pendidikan Islam dengan kesedaran akhlak murid. Hasil dapatan kajian ini dapat disimpulkan bahawa tahap kesedaran akhlak murid masih berada pada tahap yang baik disamping peranan guru. Hal ini juga menunjukkan mata pelajaran Pendidikan Islam mampu membentuk murid yang berakhlak dan beradab dalam masyarakat.

Salbiah, Jamil, Mohd Aderi & Aminuddin (2018) berpandangan bahawa guru Pendidikan Islam (GPI) merupakan model akhlak terbaik untuk membentuk masyarakat yang bersahsiah terpuji. Tanggungjawab besar yang digalas oleh GPI memerlukan iltizam dan kesungguhan untuk beramal sebagaimana akhlak Rasulullah SAW. GPI yang berkualiti mampu menjadi tunjang untuk menjayakan falsafah pendidikan negara. Namun, beberapa isu yang mencalarakan imej serta keraguan masyarakat dengan peranan GPI mencetuskan satu persoalan tentang kredibiliti akhlak mereka. Hakikatnya, kajian tentang kompetensi akhlak GPI agak kurang dilaksanakan kerana kebanyakan kajian lalu berkisar tentang amalan pengajaran, motivasi dan keperluan latihan GPI. Salbiah et. all (2018) membuat kajian bertujuan meninjau tahap akhlak GPI serta memfokuskan amalan yang senang dan sukar dilakukan berdasarkan tahap keupayaan mereka. Secara keseluruhannya tahap akhlak GPI adalah baik dan analisis berdasarkan demografi menunjukkan GPI perempuan mempunyai tahap akhlak yang lebih baik berbanding GPI lelaki. GPI yang mengajar di sekolah rendah juga menunjukkan tahap akhlak yang lebih kompeten berbanding GPI yang mengajar di sekolah menengah. GPI yang mengajar di zon selatan juga lebih baik tahap akhlaknya jika dibuat perbandingan antara tahap akhlak GPI antara zon. Penggunaan Model Rasch merupakan satu bentuk analisis moden mampu menghasilkan satu visual profil akhlak yang menyeluruh.

Mohd Khairi dan Mohd Khairi (2016) menjalankan kajian penghayatan akhlak dalam kalangan 381 orang murid di Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah, Kedah. Tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan pengamalan akhlak murid. Kajian juga bertujuan untuk melihat perbezaan tahap kefahaman dan pengamalan akhlak berdasarkan demografi jantina dan tempat tinggal. Kajian

mendapati tahap kefahaman dan pengamalan murid adalah tinggi. Walaubagaimanapun sebahagian kecil murid tidak mengamalkan kefahaman Islam dan kurang menghayati akhlak Islam.

Azmil, Norhisham & Mohd Marzuqi (2016) membuat tinjauan terhadap peranan Qudwah sebagai faktor yang mempengaruhi penghayatan akhlak murid. Kajian yang dilakukan meninjau tahap penghayatan akhlak murid sekolah menengah kebangsaan agama ketika di luar sekolah dan asrama. Kajian ini melibatkan 6430 orang murid tingkatan empat di SMKA yang terdiri dari lima zon iaitu zon Timur, Selatan, Utara, Tengah dan Malaysia Timur. Beliau menggunakan 10 item yang berkaitan dengan strategi Qudwah dan 75 item berkaitan penghayatan akhlak. 96.4% bersetuju guru mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk dijadikan teladan. 93.4% bersetuju staf sokongan mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk dijadikan teladan. 94.2% bersetuju rakan sebaya mempamerkan sikap dan tingkah laku yang baik untuk dijadikan teladan. 92% murid menyatakan maklum balas yang diberikan oleh pengetua tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak mereka. 96% murid bersetuju maklum balas yang diberikan oleh guru tentang sikap dan tingkah laku mempengaruhi pembentukan akhlak mereka. 95.1% menyatakan maklumbalas yang diberikan oleh rakan sebaya mempengaruhi pembentukan akhlak mereka. 93.25% murid berpendapat budaya dan persekitaran sekolah menjadi panduan akhlak mereka. 92.9% murid menyatakan budaya dan persekitaran sekolah menjadi faktor pendorong yang kuat terhadap amalan akhlak yang baik. 93.5% murid berpendapat budaya dan persekitaran sekolah menjadi banteng dan teladan kepada mereka daripada melakukan perkara yang tidak berakhlak.

Kajian mendapati warga sekolah yang terdiri daripada pengetua, guru, staf sokongan dan rakan sebaya murid sendiri berperanan menunjukkan Qudwah kepada murid. Dalam erti kata lain, suasana dan persekitaran berperanan sebagai Qudwah kepada penghayatan akhlak murid. Analisis yang dijalankan oleh penyelidik mendapati tahap penghayatan adab dan akhlak murid di luar sekolah dan asrama berada pada tahap tinggi. Kajian ini juga mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara strategi Qudwah dengan penghayatan akhlak murid di luar sekolah dan asrama. Kajian ini merumuskan strategi Qudwah yang diamalkan dalam kawasan sekolah mempengaruhi penghayatan akhlak murid di luar sekolah dan asrama. Ini bermaksud strategi Qudwah yang diamalkan di SMKA memberi kesan yang baik terhadap penghayatan akhlak murid.

Mohamad Khairi, Mohd Zailani & Alis (2017) membuat kajian berkaitan masalah dan cabaran guru dalam membentuk nilai murid di sekolah menengah. Kajian ini dijalankan di salah sebuah negeri yang terdapat di Malaysia dengan menggunakan kaedah kualitatif. Empat orang guru dipilih sebagai responden kajian. Kajian mendapati masalah yang dihadapi oleh guru, antaranya ialah faktor hubungan guru dengan murid dan sikap murid yang sukar dibentuk. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu membuat suatu inovasi agar dapat membantu pihak sekolah dalam menyemai didikan agama dan juga moral terhadap para murid. Guru bimbingan dan kaunseling juga boleh merancang beberapa aktiviti yang bersesuaian dengan keadaan murid. Melalui dapatan kajian ini guru dan pihak sekolah perlu bekerjasama untuk membentuk nilai murid.

Mohd Zaki dan Husin (2017) menjalankan kajian untuk mengenal pasti tahap kesedaran murid terhadap Pendidikan Islam. Kajian juga bertujuan melihat perbezaan tahap kesedaran Pendidikan Islam berdasarkan jantina dan tempat tinggal murid. Selain itu, kajian juga bertujuan untuk melihat peranan guru memupuk kesedaran pembentukan akhlak murid. Kajian jga mendapati guru sangat mempengaruhi pembentukan akhlak murid. Watak dan akhlak guru sama ada perkataan atau perbuatan memberi kesan kepada tingkahlaku murid.

2.13 Hubungan antara Amalan Kesantunan Berbahasa GPI dan Penghayatan

Akhlag Murid.

Amalan kesantunan berbahasa mempunyai pertalian dan perkaitan yang kuat dengan penghayatan akhlak murid. Amalan kesantunan berbahasa boleh mempengaruhi akhlak seseorang dan akhlak seseorang boleh memberi kesan kepada amalan kesantunan berbahasa. Kesantunan berbahasa ialah amalan yang terzahir hasil dari pemilikan akhlak yang baik. Individu yang mempunyai akhlak yang baik, melazimi kesantunan dan kesopanan berbahasa dalam interaksi harian (Mahmud, 2009). Sumber akhlak yang baik ialah keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Seseorang yang mempunyai keimanan, menjaga tutur kata dan perawakan ketika berlakunya muamalah. Pelaziman terhadap amalan kesantunan berbahasa mampu mempengaruhi pembentukan watak dan penghayatan akhlak seseorang. Dalam konteks guru sebagai da'ei atau pendakwah terhadap murid, pelaziman amalan kesantunan berbahasa menjadi pemangkin kepada kejayaan dakwah supaya terbentuk akhlak dan penghayatannya dalam kalangan murid. Sirah Rasulullah SAW jelas menunjukkan amalan kesantunan bahasa Rasulullah SAW telah mempengaruhi kejayaan dakwah baginda sehingga dapat melahirkan golongan sahabat dan tabi'ain

yang mempunyai akhlak terpuji. Bahkan golongan musyrikin di Mekah pada awal-awal dakwah baginda turut terpengaruh dengan kebiasaan baginda Rasulullah jujur dalam tutur kata seperti yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a dalam sebuah hadis.

Baginda bersabda:

أَرَأَيْتُمْ إِنْ أَحْبَبْتُكُمْ أَنْ حَيْلاً تَخْرُجَ بِسَفْحِ هَذَا الْحَبْلِ أَكُنْتُمْ مُصَدِّقِي؟ قَالُوا نَعَمْ

Apa pandangan kalian jika saat ini aku beitahu bahawa ada musuh yang bersiap sedia untuk membinasakan kalian, apakah kalian akan mempercayaku? Mereka berkata: Ya.

Hadis di atas menunjukkan bahawa kejujuran Rasulullah SAW dalam tutur kata telah menyebabkan kaum musyrikin mempercayai baginda walaupun sebelumnya mereka menentang dakwah Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam ayat 159, surah `Ali 'Imran:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maka dengan sebab rahmat yang melimpah-limpah dari Allah kepadamu Wahai Muhammad, Engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka sahabat-sahabat dan pengikutmu, dan kalaulah Engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oeh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu, dan pohonkanlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan hal-hal keduniaan itu. Kemudian apabila Engkau telah berazam sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu maka bertawakkallah kepada Allah, Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.

Dalam ayat di atas, Allah SWT menegaskan kepentingan bersikap lemah lembut dan santun pendakwah terhadap mad'u. Pendekatan kesopanan dan kesantunan mampu mempengaruhi orang lain, sebaliknya ketidaksantunan dan kekasaran menyebabkan orang lain takut untuk menghampiri da'ei. Dalam ayat 42-44 surah Taha, Allah SWT berfirman:

أَذْهَبَ أَنْتَ وَأَخُوكَ بِأَيْتِي وَلَا تَنْيَا فِي ذِكْرِي أَدْهَبَا إِلَى فِرْعَوْنَ إِنَّهُ طَغَى فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لِّعَلَّهُ
يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى

"Pergilah, Engkau dan saudaramu, membawa mukjizat-mukjizat pengurniaanKu dan janganlah kamu berdua lemah dan cuai Dalam menyebut serta mengingati daku.

"Pergilah kamu berdua kepada Firaun, Sesungguhnya ia telah melampaui batas Dalam kekufurannya.

"Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya, Dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".

Abdul Muhsien (2014) membuat analisis terhadap pemikiran Abu Talib al-Makki (w.386H/996M) dalam kitab *Qut al-Qulub Fi Mu'amalat al-Mahbub Wa Wasf Tariq al-Murid Ila Maqam alTawhid* dan fokus penelitian ialah pada bab ke-44: *al-Fasl; al-Ukhuwwah fi Allah Wa al-Suhbah Wa al-Mahabbah* dalam kitab *Qut al-Qulub* berkaitan peranan guru dari aspek hubungan guru-murid menggunakan pendekatan analisis dokumen. Ia kemudiannya diadaptasi sebagai peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam usaha pembentukan akhlak murid. Beberapa bahan ilmiah lain telah digunakan bagi menyokong idea-idea al-Makki berkaitan peranan guru dalam *Qut al-Qulub* seperti kitab *Adab al-Suhbah wa al-Mu'asyarah* dan *Ihya' 'Ulum al-Din* karya Abu Hamid al-Ghazali (w.505H/1111M).

Selain teknik analisis dokumen, teknik temu bual separa formal (bentuk separuh struktur) dan pemerhatian diaplikasikan dalam kajian kualitatif ini. Temu bual separa formal dijalankan ke atas 4 orang guru Pendidikan Islam (GPI), 2 orang murid menengah atas dan 2 orang murid menengah rendah di sebuah sekolah terpilih. Dapatan utama kajian dari analisis peranan guru dari aspek hubungan guru-murid dalam fasal ke-44 ialah prihatin, menerapkan perasaan kasih sayang, menyemai sifat terpuji, membimbing dan mengekalkan keserasian.

Dapatan temu bual semua peserta kajian mendapati peranan-peranan ini adalah peranan lazim dalam proses pembentukan akhlak murid, namun ia perlu diperkasakan lagi. Faktor-faktor seperti ketidaksedaran pentadbir, kealpaan guru, orientasi pendidikan semasa dan kekangan masa menjadi penghalang utama daripada guru memainkan peranan sepatutnya dalam hubungannya dengan murid. Dapatan pemerhatian pula menunjukkan bahawa amalan hubungan guru murid dalam pembentukan akhlak berada pada tahap sederhana. Majoriti peserta kajian mendapati hubungan guru murid sudah sedia diamalkan, akan tetapi ia berlaku secara tidak formal berdasarkan keprihatinan seseorang GPI. Justeru, lebih bermakna jika usaha ke arah memperkasakan pembentukan akhlak di sekolah mengambil pendekatan yang lebih holistik dengan memperkukuhkan aspek peranan guru dan hubungan guru murid. Menurut Saunders dan Mills (1999), kemahiran komunikasi dapat ditakrifkan sebagai:

“Communication skills can be defined as the transmission of a message that that involves the shared understanding between the contexts in which the communication takes place”

Kemahiran berkomunikasi mempunyai potensi untuk mempengaruhi orang lain dan strategi komunikasi yang berkesan akan membawa kepada kejayaan. Kemahiran komunikasi dan motivasi kerja mempunyai pengaruh yang tinggi dalam aspek pengajaran. Gaya komunikasi guru boleh mempengaruhi minat dan sikap murid dalam mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan pembelajaran (Zaema, Noman dan Hira, 2018). Guru yang mesra dapat menarik minat murid untuk seronok ketika belajar berbanding dengan guru yang serius dan garang. Kemesraan seorang guru dengan murid sangat memainkan peranan dalam pengajaran dan pembelajaran (Abdullah ,1999). Murid lebih suka dan mudah terpengaruh dengan guru yang mesra

dan suka bergurau berbanding dengan guru yang serius. Murid akan lebih rasa selesa dan tidak terancam dengan guru yang mesra. Murid lebih mudah ditegur dan dinasihati oleh guru yang mesra dan bersahaja. Guru yang kreatif boleh mewujudkan suasana pembelajaran yang disukai (Hafizhah, Ab Halim & Nor Alniza, 2022).

Komunikasi ialah suatu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertukaran maklumat melalui pergerakan isyarat simbol atau pertuturan. Komunikasi dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu komunikasi lisan dan bukan lisan (Teven et al, 2004, Theresa, 2018). Komunikasi lisan merangkumi penggunaan bahasa, pertuturan dan suara manakala komunikasi bukan lisan melibatkan jenis-jenis interaksi seperti penggunaan bahasa badan, ekspresi muka, postur dan hubungan mata. Dalam komunikasi, guru perlu menggunakan bahasa yang jelas, tepat, mudah dan ringkas supaya dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada murid (Tunku Mohani, 2005, Christina, 2017). Guru juga tidak seharusnya menggunakan bahasa yang kasar, kesat dan lucah ketika berinteraksi dengan murid (Sungging Handoko, 2002, Theresa, 2018).

Ketika menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid, suara menjadi alat utama bagi memastikan pengetahuan dapat disampaikan kepada murid dengan baik dan berkesan. Justeru, guru perlu mempunyai teknik menggunakan suara dengan baik dan berkesan seperti teknik menekankan kata kunci perkataan dengan kepelbagaian nada dan teknik berhenti sejenak (Tunku Mohani, 2005, Amal, 2016). Guru yang boleh dan pandai berjenaka disukai murid kerana mereka merasa seronok dan tidak terancam (Mohd Salleh, 2002, Amir, Kartakusumah & Anwar, 2020). Guru yang mesra akan sentiasa ditunggu murid dan diberikan perhatian kepadanya (Abdul Rashid et.al, 2008,

Alamgir, Salahuddin, Syed & Manzoor, 2017). Guru yang mampu menceriakan kelas dan murid akan menjadi idola kepada mereka. Guru yang mampu membuat suasana kelas menjadi kecindan akan dapat mempertingkatkan proses penerimaan ilmu dengan lebih berkesan (Noraini, Mardzelah, Syuhaida, Basri & Nor Alifah, 2020).

Guru yang efektif adalah aset yang sangat berharga bagi agama, bangsa dan Negara. Selain ibubapa, guru adalah model terdekat dengan murid. Justeru guru perlu menyemai kualiti peribadi yang baik dan membina personaliti yang terpuji agar dapat menjadi contoh kepada para murid (Khairul Anuar, 2012, Bahariah, Azmil & Hamdi, 2021). Menurut Azwani, Hafizhah & Ab Halim (2022) terdapat lima elemen penting yang perlu ada pada seorang guru iaitu berkaitan personaliti, kemahiran, perhubungan sosial, pengetahuan dan kemahiran mengajar guru.

Guru yang berkesan ialah pendidik yang baik dan dapat memberikan kesan kepada muridnya daripada segi personaliti dan seterusnya mampu membawa perubahan tingkah laku kepada muridnya. Kekuatan personaliti dan keberkesanan komunikasi menjadi faktor penting yang perlu ada dalam diri seseorang. Selain mempunyai personaliti yang berkesan, guru perlu mahir berkomunikasi sama ada secara lisan dan bukan lisan. Guru yang berkesan ialah guru yang bijak menggunakan bahasa yang baik untuk mempengaruhi watak dan sahsiah murid (Khairul Anuar, 2012, Bahariah, Azmil & Hamdi, 2021) .

Kabita Das (2014) telah menyenaraikan enam kemahiran komunikasi berkesan yang sepatutnya dimiliki oleh para guru. Pertama ialah motivasi yang positif. Menurut Kabita, guru sepatutnya memiliki motivasi yang tinggi dan kekuatan semangat untuk menghadapi pelbagai kerenah murid. Motivasi yang tinggi membantu guru untuk

menarik minat murid memmuridi subjek yang diajar dan mengelakkan mereka dari merasa takut untuk belajar. Kedua, penggunaan bahasa badan yang menarik. Guru perlu mempunyai kemahiran menggunakan bahasa badan yang bersesuaian dengan pengajaran termasuklah nada suara dan imej muka. Penggunaan bahasa badan yang tepat dan bersesuaian membantu murid supaya dapat mengingat muridan yang diajar lebih lama dan memberikan kesan yang lebih baik. Ketiga, mempunyai unsur jenaka. Guru yang pandai berjenaka dengan murid akan lebih disukai dan dapat menceriakan kelas berbanding dengan guru yang serius dan tidak pandai berjenaka. Keempat, memahami diri murid. Guru yang baik sentiasa membuka peluang kepada murid untuk berkongsi perasaan dan masalah. Guru yang empati akan menjadikan murid dekat dan rapat dengannya berbanding guru yang agak sombong. Kelima, pembentukan kumpulan murid. Guru yang baik boleh membentuk kumpulan murid untuk menyelesaikan sesuatu tugas dan memudahkan komunikasi antara guru dan murid. Keenam, kemahiran teknikal. Guru yang baik mempunyai kemahiran dalam menggunakan komputer, bahan dari media sosial dan sebagainya dalam pengajaran dan pembelajaran.

Fahainis & Haslina (2014) telah membuat kajian yang bertajuk *Understanding Teacher Communication Skills* untuk mengenalpasti kemahiran komunikasi dalam kalangan guru bahasa Inggeris. Mereka membuat pemerhatian kepada dua sesi pengajaran kelas bahasa Inggeris di sekolah menengah di negeri Kedah dan Perlis. Dalam kajian tersebut mereka mendapati guru-guru tersebut kurang menggunakan kemahiran komunikasi ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Selain komunikasi lisan, guru juga didapati kurang mahir menggunakan bahasa badan seperti penggunaan mata (eye contact) dengan murid semasa mengajar sedangkan

penggunaan 'eye contact' sangat penting dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Menurut Faihanis dan Haslina, keadaan ini mungkin terjadi kerana guru tersebut kurang membuat persediaan topik sebelum kelas. Gerak laku guru dalam kelas tersebut seperti sedang berfikir, berhenti seketika ketika mengajar menunjukkan mereka kurang bersedia untuk topik pengajaran pada hari tersebut. Kesannya ialah sesi pengajaran dan pembelajaran menjadi tidak ceria dan tidak mencapai objektif pelajaran.

Nicole Duta et al. (2015) dalam kajian mereka terhadap 245 orang responden dari empat universiti di Romania mendapati bahawa komunikasi guru yang berkesan sangat memainkan peranan terhadap kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru yang mempunyai kemahiran komunikasi dan berkesan dapat mempengaruhi perwatakan murid berbanding dengan guru yang tidak mempunyai kemahiran berkomunikasi.

Dapatan Nicoleta dan rakan-rakannya disokong oleh dapatan kajian Alamgir Khan (2017) dan kumpulannya yang membuat kajian terhadap 418 responden dari 14 universiti di Pakistan. Mereka turut mendapati bahawa komunikasi yang berkesan dalam kalangan guru sangat mempengaruhi kejayaan akademik murid. Mereka juga mendapati bahawa majoriti murid berpendapat mereka dapat belajar dengan baik dari guru yang mempunyai kemahiran komunikasi yang baik atau yang mengamalkan kemahiran komunikasi yang baik semasa berurusan di dalam dan di luar institusi pendidikan. Kajian mereka juga menunjukkan bahawa pengajaran yang berkesan bukan sahaja bergantung kepada asas pengetahuan guru sahaja tetapi juga berkaitan dengan kaedah dan gaya kemahiran komunikasi guru.

Bakic-Tomic et. all (2015) telah membuat pemantauan terhadap tahap kecekapan berkomunikasi dalam kalangan guru di Croatia. Beliau mendapati majoriti guru tidak mengamalkan kecekapan komunikasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Murid juga tidak menyedari kepentingan penggunaan komunikasi yang berkesan dalam kalangan guru yang dapat memberikan kesan kepada pembelajaran mereka. Bakic-Tomic menyatakan kebimbangan terhadap situasi tersebut yang tidak mementingkan komunikasi berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran jika keadaan berterusan. Beliau mencadangkan agar dimasukkan pengajaran komunikasi berkesan dalam kurikulum perguruan.

Delia Muste (2016) dalam kajiannya *The Role of Communication Skills in Teaching Process* juga mendapati bahawa komunikasi guru yang efektif sangat memainkan peranan dalam menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran berkomunikasi guru meliputi penguasaan perbendaharaan kata, penggunaan gaya bahasa yang baik, pengetahuan ilmu lain dan penggunaan bahasa badan.

Robin (2018), berpandangan bahawa keberkesanan pengajaran seseorang guru tidak hanya bergantung kepada penguasaan kandungan sesuatu pembelajaran, namun kemahiran berkomunikasi menjadi syarat penting bagi menentukan kejayaan sesi pengajaran dan pembelajaran. Guru yang berjaya mendidik ialah guru yang dapat menguasai kandungan mata pelajaran dan mempunyai kemahiran berkomunikasi. Beliau mencadangkan agar *Teacher Communication Skills (TCS)* menjadi kurikulum yang perlu dipelajari oleh guru-guru di Nigeria.

Theresa (2018) membuat kajian berkaitan hubungan antara kepuasan komunikasi guru dengan kepuasan bekerja guru dan persepsi guru terhadap kepemimpinan berkesan. Beliau menggunakan soal selidik yang dibangunkan oleh Downs dan Hazen pada tahun 1977. Dapatan kajian beliau menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara kepuasan kerja guru dan kepemimpinan berkesan. Beliau juga mendapati bahawa wujud hubungan positif antara kepuasan kerja guru dengan kepuasan komunikasi. Selain itu, beliau juga mendapati bahawa terdapat tiga faktor kepuasan komunikasi iaitu hubungan guru dengan guru, elemen luaran dan komunikasi personal sekolah.

Oznur Atas Akdemir (2019) telah membuat kajian mengenai tahap komunikasi guru dalam organisasi dan tahap motivasi bekerja guru. Oznur Atas Akdemir (2019) juga dalam kajiannya *Teachers' Organizational Communication and Their Job Motivation* turut melihat hubungan di antara komunikasi guru dalam organisasi dengan tahap motivasi bekerja guru. Beliau telah membuat soal selidik dalam kalangan 111 orang guru di sekolah rendah di Negara Turkey. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa tahap komunikasi guru dalam organisasi adalah tinggi dan mempunyai hubungan yang signifikan dan positif dengan tahap motivasi bekerja guru. Dapatan kajian beliau membuktikan bahawa komunikasi yang baik dalam kalangan guru dalam organisasi sangat memberi kesan kepada tahap motivasi bekerja guru. Sebaliknya tahap komunikasi yang rendah dalam organisasi guru akan memberi kesan kepada motivasi bekerja guru yang rendah.

Fifi (2019) menjalankan satu kajian terhadap kepentingan penggunaan pendekatan komunikasi Islam dalam sistem perkhidmatan pendidikan di Medan. Beliau menerapkan sebelas pendekatan komunikasi Islam dalam satu kajian lapangan di

madrasah Aliyah, di Medan, Indonesia. Sebelas pendekatan tersebut ialah memulakan perbincangan dengan ucapan salam, bercakap dengan nada yang lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, menyemapaikan perkara yang baik kepada pendengar, berhikmah dan memberi nasihat yang baik, adil, menggunakan bahasa dan isi perbincangan yang sesuai dengan pendengar, berbincang dengan baik, mengenalpasti tema perbincangan, bertolak ansur dan menerima pandangan orang lain serta berdoa kepada Allah bila menghadapi kesukaran dalam komunikasi. Dapatan kajian beliau menunjukkan penggunaan pendekatan komunikasi Islam dalam komunikasi harian dapat meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan pendidikan. Kesimpulannya, amalan komunikasi Islam mempengaruhi kemajuan dan pembangunan sistem perkhidmatan.

2.14 Sumbangan Amalan Kesantunan Berbahasa GPI Terhadap Pembentukan Akhlak Murid.

Kesantunan berbahasa merupakan amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam.

Firman Allah SWT dalam ayat 159, surah Ali'Imran:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maka disebabkan rahmat dari Allah, kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Justeru itu ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan berbincanglah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.

Dalam ayat tersebut, Allah SWT memberitahu bahawa sikap berlemah lembut dan santun dalam perbuatan dan perkataan yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW

adalah satu pendekatan dalam hubungan muamalah dengan kaum muslimin. Pendekatan kesantunan yang diamalkan oleh baginda memberikan kesan kepada mereka sehingga hati mereka terbuka untuk terus berjuang bersama Rasulullah SAW selepas peristiwa kekalahan yang berlaku dalam Perang Uhud (al-Zuhailly, 1992). Ayat ini juga menunjukkan sikap Rasulullah SAW sebagai pemimpin yang bijaksana, baginda dapat mempengaruhi pengikutnya.

Dengan amalan kesantunan dan amalan *musyawarah* yang diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW, kaum muslimin kekal setia menemani baginda di medan peperangan. Sebaliknya jika ketidaksantunan dan kekasaran diamalkan oleh baginda Rasulullah SAW, pasti para mujahidin di medan peperangan lari meninggalkan baginda dan masyarakat muslim tidak dapat dibentuk sama sekali. Amalan kesantunan Rasulullah SAW turut diceritakan oleh Allah SWT dalam ayat 128, surah al-Taubah iaitu:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُم بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ رَّحِيمٌ

Sesungguhnya telah datang kepadamu seorang Rasul dari kaummu sendiri, berat terasa olehnya penderitaanmu, sangat menginginkan keimanan dan keselamatan bagimu, amat belas kasihan lagi penyayang terhadap orang-orang mukmin.

Muhammad Bin Ismail al-Tarmizi meriwayatkan bahawa Sayyidatina Aishah r.a berkata: Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud (al-Zuhailly, 1992):

Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan aku supaya menyantuni manusia sebagaimana Allah memerintahkan aku mendirikan perkara fardhu.

Awang Sariyan (2012) telah menyenaraikan tiga fungsi bahasa dalam proses pembentukan peradaban dan ketamadunan sesebuah masyarakat. Pertama; bahasa menjadi alat pemerolehan dan pengembangan ilmu sebagaimana yang disebutkan dalam surah al-Baqarah, ayat 31. Allah SWT mengajarkan Nabi Adam AS nama-

nama ciptaan dan kejadian di alam sebagai bukti bahawa bahasa adalah wasilah pemerolehan dan pengembangan ilmu. Kedua; bahasa menjadi alat pendidikan dan agen sosialisasi. Pembentukan sahsiah yang bermula dengan institusi keluarga, rakan sebaya, institusi pendidikan formal, media massa dan masyarakat berlaku dengan menjadikan bahasa sebagai alat penyalur sisitem kepercayaan, system nilai, adat dan kebudayaan. Ketiga; bahasa menjadi alat pengikat persCFAhaman dan perpaduan sesama bangsa, kaum mahupun antara bangsa, sebagaimana yang dijelaskan dalam surah al-Hujurat, ayat 13, bahasa menjadi alat untuk membntuk persCFAhaman dan perpaduan manusia. Justeru, menurut Awang Sariyan (2012), memahami kepentingan kesantunan berbahasa menjadi perkara yang penting bagi setiap anggota masyarakat dilihat kepada fungsi dan peranannya yang dapat membentuk akhlak dan perilaku yang baik dalam kalangan anggota masyarakat.

2.15 Penutup

Bab dua dalam kajian ini menyoroti pandangan-pandangan sarjana terhadap aspek-aspek penting kajian iaitu konsep amalan kesantunan berbahasa secara umum dan menurut perspektif Islam, pendekatan dan model amalan kesantunan berbahasa secara umum dan menurut perspektif Islam, konsep akhlak dan penghayatan, perkaitan antara kesantunan berbahasa dan penghayatan akhlak, dakwah dalam kesantunan berbahasa serta kajian-kajian yang berkaitan dengan amalan kesantunan berbahasa dan komunikasi guru dan penghayatan akhlak. Bab berikutnya akan menjelaskan metodologi dan kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif yang telah disenaraikan.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan satu prosedur yang menggabungkan pendekatan kajian dengan penganalisisan data bagi memastikan objektif kajian dapat dicapai dengan betul dan sempurna (Othman, 2017). Bab ini mengemukakan perbincangan tentang reka bentuk kajian, kaedah kajian, analisis *Tafsir Mawdu'iy* kandungan ayat-ayat al-Quran, instrumentasi kajian, populasi kajian, lokasi kajian, sampel kajian, prosedur pengumpulan data dan prosedur penganalisisan data. Metodologi digunakan bagi mencapai objektif dan menjawab soalan kajian.

3.2 Reka Bentuk Kajian.


Reka bentuk kajian memainkan peranan untuk menentukan hasil kajian. Untuk menentukan reka bentuk kajian pula, tujuan kajian harus ditentukan terlebih dahulu (Gazali, 2016). Secara khususnya terdapat enam tujuan utama kajian ini dilakukan. Pertama; untuk mengenal pasti ayat-ayat al-Quran yang dapat membentuk tema dan subtema konsep amalan kesantunan berbahasa. Kedua; untuk mengenal pasti ayat-ayat al-Quran yang dapat membentuk tema dan subtema pendekatan kesantunan berbahasa. Ketiga; untuk menilai tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru berdasarkan konsep dan pendekatan yang dibentuk dari intepretasi terhadap ayat-ayat al-Quran. Keempat untuk meninjau tahap penghayatan akhlak murid terhadap Allah, Rasul, diri, keluarga dan masyarakat. Kelima; Mengenal pasti hubungan antara amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid.

Keenam; untuk mengenal pasti kesan dan sumbangan amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid. Justeru reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini dibahagikan kepada pendekatan kualitatif dan kuantitatif.

Kaedah kualitatif digunakan pada fasa pertama iaitu analisis dokumen ayat-ayat al-Quran melalui teknik *Tafsir Mawdu'iy*. Kaedah kuantitatif digunakan pada fasa kedua iaitu untuk meninjau tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru dan tahap penghayatan akhlak murid menerusi edaran instrumen soal selidik. Rajah 3.1 menjelaskan dua fasa utama bagi mencapai objektif kajian ini. Fasa pertama menggunakan kaedah analisis *Tafsir Mawdu'iy* ayat-ayat al-Quran bagi mengenal pasti tema bagi pembentukan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Fasa kedua menggunakan instrumen soal selidik untuk melihat tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru. Fasa kedua juga berfokus kepada melihat hubungan, kesan dan sumbangan amalan kesantunan berbahasa terhadap penghayatan akhlak murid. Rajah 3.1 menjelaskan reka bentuk dan kaedah kajian.

Rajah 3.1


Reka Bentuk dan Kaedah Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran Dalam Kalangan Guru



Reka bentuk kajian membantu kerangka kajian dilakukan agar susur galur kajian lebih tampak tersusun dan berada di plot yang betul. Kerangka kajian boleh digambarkan dalam Rajah 3.2.

Rajah 3.2

Kerangka Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Dalam Kalangan Guru Menurut al-Quran



3.3 Analisis Tafsir Mawdu'iy

Fasa pertama kajian ini menggunakan analisis *Tafsir Mawdu'iy* sebagai kaedah bagi mencapai dua objektif yang pertama iaitu mengenal pasti tema-tema bagi pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa dan mengenal pasti tema-tema bagi pembentukan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Analisis *Tafsir Mawdu'iy* dalam kajian ini mengandungi dua peringkat. Peringkat pertama mengandungi lapan langkah. Langkah pertama melibatkan proses pengumpulan ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa. Langkah kedua melibatkan proses pengumpulan ayat-ayat yang berkaitan dengan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Pemilihan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dalam

pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa adalah berdasarkan pandangan sarjana terdahulu dalam kajian mereka iaitu Mohd Nazeli (2009), Awang Sariyan (2000, 2007), Abdul Mu'Ati (2011), Munif (2012), Nafron Hasjim (2013), Sauri (2013) dan lain-lain. Seterusnya singkapan melalui kitab-kitab tafsir dan buku-buku akhlak seperti Ensiklopedia Akhlak Muhammad SAW (Mahmud Al-Misri, 2000) dan Panduan Hidup Minhaj al- Muslim (Abu Bakar al-Jaza'iriy, 2001) dan lain-lain. Pembentukan tema juga dilakukan dengan merujuk kepada hadis-hadis Nabi yang terkait sebagai pengukuhan. Langkah ketiga melibatkan proses menganalisis ayat-ayat konsep amalan kesantunan berbahasa.

Langkah keempat melibatkan proses menganalisis ayat-ayat pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Kedua-dua langkah ini menggunakan rujukan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Antaranya ialah kitab Tafsir Jami'ul Bayan (Al-Tabariy, 2008), Tafsir al-Qurtubiy (1967), Tafsir Ibnu 'Arabiyy (1978), Tafsir Ibnu 'Asyur (1984), Tafsir al-Şabuniyy (1990), Tafsir Jalalain (Al-Suyuti, 1990), Tafsir al-Munir (al-Zuhailiy, 1991), Jadual fi 'I'rab al-Quran (Muhammad Sofiy (1991), Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Karim (Muhammad Fuad, 1992), Tafsir al-Baḥru al-Muḥiṭ (Al-Andalusiy, 1993), Asbab al-Nuzul (Al-Niysaburiy, 1994), Tafsir Tanṭawiy (Al-Tantawiy, 1998), Tafsir Ibnu Kathir (1999), Tafsir Fi Zilalil Quran (Sayyid Qutb, 2000), Tafsir al-Maraghiyy (2008), Tafsir al-Kassyaf (2013), Tafsir Al-Sa'adiy (2013) dan Tafsir Al-Sya'rawiy (2013). Jadual 3.1 meringkaskan senarai kitab-kitab tafsir rujukan kajian.

Jadual 3.0.1

Kitab Tafsir Rujukan Kajian AKBQ

Nama Kitab Tafsir	Kategori Huraian
Tafsir Jalalain (Jalaluddin Al-Mahali dan Jalaluddin Al Suyuthi)	Huraian ayat secara ringkas digunakan untuk mencari mesej dengan cepat dan di peringkat permulaan.
Tafsir Jami'ul Bayan Al-Tabariy	Huraian dengan ayat al-Quran, hadis, qias dan pendapat sahabat. Hampir semua hadis dalam kitab Al musnad terdapat dalam kitab ini. Makna Ayat dihuaraikan secara umum kemudian dibahaskan hukum yang berkaitan.
Tafsir Ibnu Kathir (Abu Fida' 'Imaduddin Ismail Bin Syekh Abi Haffsh Shihabuddin Umar bin Kathir)	Huraian dengan ayat al-Quran, hadis, qias dan pendapat sahabat. Hampir semua hadis dalam kitab al musnad terdapat dalam kitab ini. Makna Ayat dihuaraikan secara umum kemudian dibahaskan hukum yang berkaitan.
Tafsir Al-Maraghi Syekh Muhammad Mustafa Al Maraghi, Mesir.	Huraian ayat dibuat dalam bentuk gabungan pendapat mazhab tafsir iaitu <i>tafsir bil ma`thur</i> dan <i>tafsir bil ra`yi</i> .
Tafsir Fi Zilalil Quran (Sayid Muhd Qutb)	Huraian ayat-ayat al-Quran dimasukkan unsur-unsur kerohanian dan Mujahadah yang dapat menjadi panduan dalam kehidupan seharian
Tafsir Al Kassiyaf (Al Zamakhsyariy)	Huraian ayat-ayat al-Quran dilakukan dengan memperincikan makna dan fungsi perkataan, frasa dan ayat dari sudut bahasa.
Tafsir Al-Munir (Wahbah Al-Zuhaily)	Huraian ayat-ayat al-Quran dilakukan dengan mengaitkan isu-isu kemasyarakatan semasa.
Jadual fi `I'rab al-Quran.	Penjelasan fungsi perkataan dan ayat-ayat al-Quran.

Langkah kelima ialah mengklasifikasi ayat mengikut tema dan subtema bagi pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa. Langkah keenam ialah mengklasifikasi ayat mengikut tema dan subtema bagi pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa. Kedua-dua langkah ini melibatkan proses *tafahhum* dan *tadabbur* yang menghasilkan intepretasi ke arah pembentukan langkah ketujuh dan kelapan iaitu proses pembentukan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Hasil intepretasi yang diperolehi dirujuk kepada beberapa orang pakar seperti dalam *Jadual 3.2*.

Jadual 3.0.2


Senarai Pakar Pengesahan Dapatan Hasil Analisis Tafsir Mawdu'iy

Bil	Nama	Institusi	Bidang Kepakaran
1	Prof. Dr Syukri Salleh	ISDEV, USM	Penyelidikan Pembangunan Islam
2	Dr Nik Farhan Mustafa	Fakulti Bahasa Arab, UPM	Kesusasteraan Arab dan Bahasa al-Quran
3	Prof. Madya Nik Hanan Mustafa	Jabatan Bahasa dan Sastera Arab, IRK, UIAM	Kesusasteraan Arab dan Bahasa Al-Quran
4	Dr Muhammad Hadi Musolin	Dekan Fakulti al-Quran dan As-Sunah, KUIN.	Metodologi Tafsir & Ulum al-Quran

Seterusnya, Rajah 3.3 menjelaskan dua peringkat analisis *Tafsir Mawdu'iy* dan Rajah 3.4 menjelaskan proses pembentukan tema konsep dan pendekatan AKBQ.


Rajah 3.3

Peringkat Analisis Tafsir Mawdu'iy Kajian Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran.



Rajah 3.4

Proses Pembentukan Tema Konsep dan Pendekatan AKBQ



3.4 Instrumen Kajian


Antara instrumen yang banyak digunakan dalam kajian AKBQ bagi mengumpulkan data ialah soal selidik. Penggunaan instrumen soal selidik dapat membantu penyelidik mengumpul data kajian dengan mudah daripada kumpulan subjek yang ramai, subjek yang berjauhan serta dapat mengurangkan perbelanjaan, menjimatkan masa dan tenaga (Ghazali, 2016; Othman, 2017). Ketepatan dan kebenaran jawapan yang diberi oleh responden adalah bergantung kepada kefahaman terhadap instrumen (Mohd. Majid, 1990). Kajian AKBQ mengandungi dua instrumen soal selidik. Instrumen yang pertama ialah instrumen soal selidik Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran dalam Kalangan Guru (IAKBQ) yang dibina hasil intepretasi terhadap analisis *Tafsir Mawdu'iy* dan mendapat pengesahan pakar. Instrumen yang kedua ialah instrumen soal selidik Penghayatan Akhlak Murid (IPAM) yang dibina berdasarkan adaptasi daripada pendapat sebilangan sarjana di bidang akhlak.

3.4.1 Instrumen Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran (IAKBQ)

Dalam kajian ini, penyelidik membina instrumen soal selidik Amalan Kesantunan Berbahasa Guru. Pembinaan instrumen adalah mengikut prosedur pembinaan ujian yang diadaptasi daripada Model Pembinaan Instrumen Afektif Gable dan Wolf, 1993 dan Model Pembinaan Ujian McIntire dan Miller, 2007. Gable dan Wolf (1993) telah mencadangkan 15 langkah pembinaan Instrumen Afektif. Rajah 3.5 menunjukkan 15 langkah tersebut.



Rajah 3.5
Langkah-langkah Pembinaan Instrumen Afektif Gable dan Wolf 1993)



Berbeza dengan Gable dan Wolf, McIntire dan Miller (2007) mengemukakan sepuluh peringkat pembinaan instrumen. Rajah 3.6 menunjukkan sepuluh langkah tersebut.


Rajah 3.6

Model Pembinaan Ujian McIntire dan Miller (2007)

1	•Mentakrif konstruk/ tujuan/sasaran ujian
2	•Menyediakan rancangan ujian
3	•Membina item-item ujian
4	•Menulis arahan ujian
5	•Melakukan analisis item
6	•Melakukan analisis item
7	•Mengulang semak item/Menyediakan set akhir
8	•Menguji kesahan dan kebolehpercayaan ujian
9	•Menentukan norm
10	•Menyediakan manual instrumen

Kajian AKBQ mengadaptasi kedua-dua Model Afektif Gable dan Wolf (1993) dan Model Pembinaan Ujian McIntire dan Miller (2007) bagi menghasilkan set instrumen kajian. Pembinaan instrumen amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (IAKBQ) dijalankan melalui tiga fasa yang merangkumi fasa mereka bentuk instrumen, fasa membina konstruk dan sub konstruk dan fasa menilai dan mengesahkan item. Prosedur pembinaan instrumen IAKBQ dapat dijelaskan dalam Rajah 3.7.

Rajah 3.7
Prosedur Pembinaan Instrumen IAKBQ



Seterusnya, instrumen IAKBQ direka bentuk berdasarkan enam tema penting dalam Pendekatan Amalan Kesantunan Berbahasa. Enam tema utama dalam amalan kesantunan berbahasa iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Maysura*. Instrumen ini dibina bagi menaksir kenam-enam tema tersebut dalam amalan kesantunan berbahasa guru-guru Pendidikan Islam di sekolah. Pembinaan instrumen ini juga bertujuan untuk melihat hubungan antara tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru dan tahap penghayatan akhlak murid.

Untuk menghasilkan reka bentuk instrumen yang tepat, pembinaan instrumen dilakukan berdasarkan objektif dan persoalan kajian selain disesuaikan dengan kumpulan sasaran. Seterusnya definisi operasi bagi setiap konstruk dibina berdasarkan kajian kepustakaan dan temu bual pakar yang dilantik. Untuk membentuk definisi konseptual dan operasional yang tepat dan sesuai, dua langkah utama perlu diusahakan. Pertama, penyelidik perlu meneliti maksud yang paling hampir bagi setiap tema amalan kesantunan berbahasa yang telah disenaraikan. Kedua, penyelidik perlu merangka jadual spesifikasi kandungan berdasarkan instrumen yang telah dibentuk. Setelah definisi operasi bagi setiap unsur dalam instrumen IAKBQ ditetapkan, penyelidik membina jadual spesifikasi kandungan bagi memudahkan perangkaan dan pembentukan item. Jadual 3.3 merupakan JSI yang dibina.

Jadual 3.0.3
Jadual Spesifikasi Instrumen AKBQ

Konstruk	Sub Konstruk	Rujukan
Qaulan Sadida Kata-kata yang Benar 4:9,3:70	Bercakap perkara yang benar	ويل للذين يحدث فيكذب ليضحك به الناس ويل له ويل له
	Menganjurkan perkara yang benar	وما يزال الرجل يصدق ويتجرى الصدق
	Melarang bercakap dusta	Al-Taubah:119
	Mengajak kepada kebenaran	Al-Syu'ara': 214
	Mempertahankan kebenaran	ويل للذي يحدث فيكذب ليضحك به القوم , ويل له , ويل له
	Bertegas dengan perkara yang benar	Al-Ahzab: 23
	Mengelakkan dari bercakap perkara yang tidak perlu	Al-Baqarah: 42
	Mengelakkan diri dari bercakap perkara yang tidak penting	أملك عليك لسانك وليسعك بيتك وابك على خطيئتك
	Pengucapan yang jelas dan jitu	عن أنس رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم أنه إذا تكلم بكلمة أعادها ثلاثا حتى تفهم منه
	Pengucapan yang penuh dengan keyakinan	دع ما يربيك إلى ما لا يربيك فإن الصدق طمأنينة والكذب ريبة
Jumlah item: 10		
Qaulan Ma'rufa	Mengandungi kebaikan	Al-Zariyat: 55

Kata- yang Baik 4 tempat dalam Al-Quran: 2;235,4:5&8, 23:32	Menyedapkan hati	Al-Isra` : 28
	Tidak menyinggung	Al-Isra` : 36
	Tidak mengandungi kebohongan	كبرت خيانة أن تحدث أخاك حديثا هو لك مصدق وأنت له به كاذب
	Tidak berpura-pura	
	Mesra	Al-Taubah: 119
Qaulan Karima Kata-kata yang Mulia 17:23	Pantas	إذا أراد بأهل بيت خيرا أدخل عليهم الرفق
	Tidak mengkritik	إن العبد ليتكلم بالكلمة ما يتبين فيها فيزل بها في النار أبعد ما بين المشرق
	Tidak menghina	إن العبد ليتكلم بالكلمة ما يتبين فيها فيزل بها في النار أبعد ما بين المشرق
	Jumlah item: 9	Al-Hujurat: 12
	Menggunakan kata-kata yang mulia	من كان يؤمن بالله واليوم الآخر ، فلا يؤذي جاره ، ومن كان يؤمن بالله واليوم الآخر فليكرم ضيفه ، و من كان يؤمن بالله واليوم الآخر ، فليقل خيرا أو ليصمت
	Menghargai pendengar	من صنع إليه معروف فقال لفاعله: جزاك الله خيرا فقد أبلغ في الشاء
	Membicarakan perkara yang baik-baik	لا تنظروا إلى كثرة صلاتهم وصومهم وكثرة الحج والمعروف وطنطنتهم بالليل، ولكن انظروا إلى صدق الحديث وأداء الأمانة
	Memuliakan pendengar	
	Memberi peluang kepada pendengar	Al-`A`raf: 199 أن من ترك الجدل ولو كان صادقا محقا ، فإنه موعود على لسان نبيه صلى الله عليه وسلم بيت في رضى الجنة وذلك لتركه كسر قلب من يجادله ودفعه رفعة نفسه وإظهار نفاسة فضله (تحفة الأحوذى)
	Tidak menghina	
	Memberi semangat	لا تنزع الرحمة إلا من شقي
	Tidak bercakap perkara yang melalaikan	Al-Zumar: 17-18
	Jumlah item: 8	Al-Mukminun: 3
Qaulan Layyina Kata-kata yang lemah lembut 20:44	Bicara lemah lembut	إن الله رفيق يحب الرفق
	Persis memujuk	رفقا بالقوارير
	Sopan dan santun	المؤمن كالنحلة تأكل طيبا وتضع طيبا وإذا وقعت على عود لم تكسره
	Bernada rendah	إن فيك خصلتان يجهما الله: الحلم والأناة
	Tidak menengking	
	Tidak memaksa	
	Unsur kebersamaan	Luqman: 9
	Unsur persaudaraan	Ali-`Imran: 134
	Jumlah item: 8	Al-Syura:43
		من وصلك وصلته ومن قطعك قطعته
		Al-Nisa` : 1

Qaulan Baligha Kata-kata yang berkesan	Tepat pada maksud	عن أنس رضي الله عنه أنه كان إذا تكلم بكلمة أعادها ثلاثاً
	Sampai mesej	حتى تفهم
	Bermaksud	عنه وإذا أتى على قوم فسلم عليهم سلم عليهم ثلاثاً
	Pengucapan yang fasih	Al-Maidah: 67
	Menyentuh hati	إِنَّ اللَّهَ يَنْفُضُ الْبَلِيغَ مِنَ الرِّجَالِ الَّذِي يَتَخَلَّلُ بِلِسَانِهِ كَمَا تَتَخَلَّلُ الْبَقَرَةُ
	Mempengaruhi tingkah laku	Ali'imran: 79
	Sesuai dengan tahap pendengar	Fussilat: 34-35
	Logik	Al-Ahzab: 70
	Jumlah item: 9	Al-Nahl: 125
		Fussilat: 34-34
Qaulan Maysura Kata-kata yang Mudah 17:28	Mudah difahami	عن عائشة رضي الله عنها قالت: كانت كلام رسول الله صلى
	Senang didengari	الله عليه وسلم كلاماً فصلاً يفهمه كل من يسمعه
	Telus dan tidak berbelit-belit	إن النبي صلى الله عليه وسلم كان يُحدث حديثاً لو عده
	Perkataan yang menyenangkan	العاد لأحصاء
	Adil memberi giliran bertutur	إن رسول الله صلى الله عليه وسلم لم يكن يسرد الحديث
	Mudah menerima pandangan	كسر دكم
	Menjadikan pendengar bersedia mendengar	اسمح يسمع لك
	Pengucapan yang tidak mengecewakan pendengar	أورع الناس من ترك المرء وإن كان محققاً
	Menganjurkan bantuan	أبشر بخير يوم مر عليك منذ ولدتك أمك
	Jumlah item: 10	أبشر بخير يوم مر عليك منذ ولدتك أمك Al-Maidah: 2
Jumlah keseluruhan item: 54		

Seterusnya, penyelidik membina konstruk dan subkonstruk. Penyelidik mendapatkan pengesahan pakar bagi konstruk dan sub konstruk yang dibina sebelum membina item soal selidik (Othman, 2017). Penyelidik mendapatkan pengesahan daripada pakar-pakar yang melibatkan kepakaran di bidang Pendidikan Islam, tafsir dan Ulum al-Quran serta bahasa Arab. Jadual 3.4 ialah senarai panel pakar bagi tujuan tersebut.

Jadual 3.0.4
Senarai Panel Pakar Pengesahan Konstruk

Nama Pakar	Jawatan	Bidang Kepakaran
1) Proffesor Madya Dr Asmawati Suhid	Ketua Jab. Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fak. Pengajian Pendidikan, UPM	Pendidikan Islam
2) Professor Madya Dr Kamarul Azmi Bin Jasmi	Pensyarah UTM	Pendidikan Islam
3) Proffesor Madya Dr Mohd Aderi Che Noh	Ketua Jab. Industri dan Perkongsian Komuniti, Fakulti Pendidikan UKM	Pendidikan Islam
4) Dr. Mohd Zailani bin Mohd Yusof	Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden UUM	Pendidikan Islam
5) Dr Muhammad Hadi Musolin	Dekan Fakulti al-Quran dan As-Sunah, KUIN.	Metodologi Tafsir & Ulum al-Quran
6) Dr Mohd Syukri Hanapi	Pensyarah Kanan Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam, USM	Kajian al-Quran
7) Dr Gazilah Md Isa	Pensyarah IPG Sultan Abdul Halim, S.Petani	Pendidikan Bahasa Arab
8) Dr Nik Farhan Bt Mustafa	Pensyarah Kanan Bahasa Arab, UPM	Pengajian Bahasa Arab
9) Professor Madya Dr. Rosni Bin Samah	Pensyarah Kanan Bahasa Arab, USIM	Pengajian Bahasa Arab
10) Dr Mat Taib Bin Pa	Pensyarah Kanan Bahasa Arab, Universiti Malaya	Pengajian Bahasa Arab
11) Dr Che Radiah Bt Mezah	Pensyarah Kanan Bahasa Arab, UPM	Pengajian Bahasa Arab
12) Puan Faiqatul Mardziah Binti Hashim	Guru Cemerlang, SM Sultan Badlishah, Kulim	Pendidikan Islam
13) Puan Zaitun Bt Hashim	Guru Cemerlang, SM Sultan Badlishah, Kulim	Bahasa Malaysia

Berdasarkan JSI yang disediakan, penyelidikan item dilakukan. Item yang dibina adalah item skala likert lima persetujuan iaitu skala satu mewakili jawapan sangat tidak kerap (tidak pernah melakukan). Skala dua mewakili jawapan tidak kerap (melakukan sekali atau dua). Skala tiga mewakili jawapan kerap (kadang-kadang melakukan), skala empat mewakili jawapan agak kerap (berterusan melakukan dan sesekali meninggalkan) dan skala lima mewakili jawapan sangat kerap (sentiasa melakukan secara konsisiten). Item-item yang dibina merupakan gambaran keseluruhan bagi setiap konstruk dan sub konstruk. Setiap item yang dibina adalah

bertepatan dan bersesuaian dengan taksiran tentang tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru. Penyelidik juga memastikan bahasa dan istilah yang digunakan dapat difahami oleh penaksir yang terdiri daripada murid-murid tingkatan empat. Pembinaan item yang telah siap dan sempurna dihantar kepada satu kumpulan panel pakar yang terdiri daripada lima orang pakar pendidikan dan bahasa. Item tersebut disemak dan dimurnikan oleh panel tersebut sebelum diedit semula oleh penyelidik untuk ditadbirkan. (Rujuk jadual 3.4 : Senarai panel pakar).

3.4.2 Instrumen Penghayatan Akhlak Murid

Dalam kajian ini, Instrumen Penghayatan Akhlak Murid (IPAM) digunakan untuk melihat tahap penghayatan akhlak dalam kalangan murid dan pengaruh amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid. Instrumen tersebut diadaptasi daripada beberapa sarjana yang telah membuat kajian berkaitan penghayatan akhlak murid. Pertama, instrumen penghayatan Pendidikan Islam yang dibina oleh Azma Mahmood pada tahun 2005. Kedua, instrumen penghayatan akhlak yang telah dibina oleh Ahmad Munawar Ismail pada tahun 2009. Ketiga, instrumen penghayatan akhlak yang dibina oleh Azhar Ahmad pada tahun 2010. Keempat, instrumen pentaksiran akhlak berasaskan rakan sebaya (IPAM-RS) yang dibina oleh Jimaain Safar, pada tahun 2012. Kelima, instrumen penghayatan akhlak yang dibina oleh Mardzelah Makhsin pada tahun 2012. Jadual 3.5 ialah draf Instrumen Penghayatan Akhlak Murid (IPAM) yang diadaptasi dari instrumen-instrumen tersebut.

Kod	Akhlak Terhadap Allah
AA1	Saya menunaikan solat lima waktu
AA2	Saya solat berjemaah
AA3	Saya berpuasa penuh di bulan Ramadhan (kecuali uzur syarrei)
AA4	Saya menggantikan puasa yang tertinggal
AA5	Saya menjadikan bacaan Al-Quran sebagai amalan harian
AA6	Saya berzikir mengingati Allah
AA7	Saya merasakan pengawasan Allah
AA8	Saya berusaha melakukan perintah dan larangan Allah
AA9	Saya redho dengan ketentuan Allah
AA10	Saya bertaubat kepada Allah atas dosa dan kesalahan yang dilakukan Akhlak Terhadap Rasul
AR11	Saya menjadikan Rasulullah sebagai contoh dalam perlakuan harian
AR12	Saya berselawat kepada Rasulullah SAW
AR13	Saya berselawat kepada Rasulullah SAW apabila nama baginda disebut
AR14	Saya mentaati Rasulullah SAW dengan melaksanakan sunnahnya
AR15	Saya mempertahankan kemuliaan Rasulullah SAW
AR16	Saya membaca dan menghayati Hadis Rasulullah SAW
AR17	Saya membaca kisah hidup Rasulullah SAW
AR18	Saya mengetahui riwayat hidup Rasulullah SAW
AR19	Saya mengenali ahli keluarga dan sahabat Rasulullah SAW
AR20	Saya berdoa agar mendapat syafaat Rasulullah di hari kiamat Akhlak Terhadap Diri
AD21	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas
AD22	Saya membersihkan hati dan fikiran dengan berzikir
AD23	Saya mengamalkan solat malam untuk kekuatan jiwa
AD24	Saya memilih makanan yang baik dan halal
AD25	Saya menjaga kebersihan tubuh badan
AD26	Saya menutup aurat dengan sempurna
AD27	Saya membaca bahan-bahan yang berfaedah
AD28	Saya tidak membuang masa dengan perkara yang tidakberfaedah
AD29	Saya menjaga kesihatan tubuh badan dengan menjauhkan diri daripada larangan seperti merokok
AD30	Saya bersungguh-sungguh menuntut ilmu Akhlak Terhadap Keluarga
AK31	Saya menyayangi dan menghormati ibu bapa
AK32	Saya mentaati ibu bapa selagi tidak bercanggah dengan syariat
AK33	Saya membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rumah tanpa balasan
AK34	Saya turut sama menjaga kebersihan rumah tangga
AK35	Saya menyayangi dan menghormati adik beradik saya
AK36	Saya mengamalkan tolak ansur dengan adik beradik saya
AK37	Saya tidak bergaduh dengan adik beradik saya
AK38	Saya mempertahankan kebaikan keluarga saya
AK39	Saya mendoakan kesejahteraan keluarga saya
AK40	Saya bermanis muka dengan ahli keluarga

Akhlak Terhadap Masyarakat

- | | |
|-------------|--|
| AM41 | Saya menghormati warga sekolah dan jiran-jiran |
| AM42 | Saya bersikap santun ketika bergaul |
| AM43 | Saya suka membantu kawan-kawan |
| AM44 | Saya menuruti nasihat guru-guru |
| AM45 | Saya mematuhi peraturan sekolah |
| AM46 | Saya tidak merosakkan harta awam |
| AM47 | Saya menunjukkan contoh yang baik kepada rakan-rakan |
| AM48 | Saya berdoa untuk kebaikan orang lain |
| AM49 | Saya suka bersedekah kepada yang memerlukan |
| AM50 | Saya suka memaafkan orang lain |
-

3.4.3 Skala Jawapan Responden

Secara umumnya, kaedah pemungutan data dalam penyelidikan berbentuk kuantitatif dapat dibahagikan kepada dua iaitu tertutup dan terbuka (Ghazali, 2016). Responden dapat memberikan jawapan secara bebas dengan cara mereka sendiri dalam kaedah pemungutan terbuka. Dalam kaedah pemungutan data secara tertutup pula para responden menyatakan jawapan secara pilihan dalam batas pernyataan yang telah ditentukan oleh penyelidik. Contoh kaedah pemungutan data secara tertutup ialah dikotomus, pelbagai pilihan dan skala jawapan (rating scales). Dalam kajian ini, penyelidik memilih untuk menggunakan skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang digunakan dalam instrumen kajian. Skala Likert sesuai digunakan untuk mengukur pandangan yang diberikan oleh responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang sesuatu sikap, amalan dan persepsi (Othman, 2017).

Dalam kajian AKBQ, responden diminta untuk memilih dengan menandakan pilihan jawapan sama ada satu, dua, tiga, empat atau lima. Skala satu mewakili jawapan sangat tidak kerap (tidak pernah melakukan). Skala dua mewakili jawapan tidak kerap (melakukan sekali atau dua). Skala tiga mewakili jawapan kerap (kadang-kadang

melakukan), skala empat mewakili jawapan agak kerap (berterusan melakukan dan sesekali meninggalkan) dan skala lima mewakili jawapan sangat kerap (sentiasa melakukan secara konsisiten). Untuk penganalisan data, skor skala Likert disusun bagi menunjukkan skor yang tinggi mewakili amalan, persepsi sikap dan kekerapan yang tinggi manakala skor skala Likert yang rendah menunjukkan amalan, persepsi, sikap dan kekerapan yang rendah.

3.4.4 Kebolehbacaan Instrumen

Instrumen Amalan Kesantunan Berbahasa (IAKBQ) yang dibina dan Instrumen Penghayatan Akhlak Murid (IPAM) yang diadaptasi dalam kajian ini dilakukan ujian kebolehbacaan. Ujian kebolehbacaan adalah bertujuan bagi memastikan arahan serta item soalan yang digunakan dalam instrumen difahami oleh responden. Ujian kebolehbacaan dijalankan sebelum ujian rintis dijalankan. Untuk tujuan ini, penyelidik telah memilih dua orang guru Pendidikan dan Bahasa Arab yang telah mempunyai pengalaman mengajar melebihi 5 tahun. Mereka ialah En. Mohd Shaubary bin Husin yang merupakan Guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di MRSM PDRM Kulim dan Puan Faiqatul Mardhiyah Binti Hashim yang merupakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Bahasa Arab di SMK Sultan Badlishah, Kulim. Penyelidik juga meminta khidmat daripada Puan Zaitun Binti Hashim yang merupakan Guru Cemerlang Bahasa Melayu di SMK Sultan Badlishah, Kulim. Seterusnya, penyelidik meminta bantuan daripada sepuluh murid tingkatan empat yang sedang belajar di MRSM PDRM Kulim untuk menilai kebolehbacaan instrumen kajian. Hasil penilaian kebolehbacaan tersebut, penyelidik telah mengubahsuai instrumen termasuk penambahbaikan item dan laras bahasa.

3.4.5 Kesahan Instrumen AKBQ dan IPAM

Kesahan atau validity didefinisikan sebagai ketepatan (appropriateness), kebenaran (truthfulness), bermakna (meaningfulness) dan kebolegunaan (usefulness) yang membolehkan data-data diinferenkan (Fraenkel dan Wallen, 1996). Kesahan ialah indikator yang dapat menentukan sama ada kajian yang dilakukan dapat memberikan gambaran yang benar dan tepat tentang apa yang dikaji (Alias 1992). Kesahan ini merangkumi kesahan muka, kandungan, konstruk dan kriteria (Alias, 1992; Mohd Majid, 2005). Fraenkell dan Wallen (1996) membahagikan kesahan instrumen kepada tiga teknik. Teknik pertama ialah kesahan kandungan melalui pembuktian (content-related evidence of validity). CREV merujuk kepada ketepatan kandungan dan format instrumen, sifat komprehensif instrumen, kebolegunaan variabel, ketepatan dan kecukupan kandungan item-item yang boleh memberi kefahaman kepada sampel untuk menjawab serta ketekalan kandungan dan format item untuk diukur dan dinilai oleh sampel. Teknik ini menggunakan sekumpulan pakar rujuk (expert judgment) bagi membuktikan ketepatan kandungan item ketika menilai instrumen.

Teknik kedua ialah kesahan kriteria melalui pembuktian (Criterion-Related Evidence of Validity). Teknik ini menilai kekuatan hubungan antara skor bagi dua instrumen yang dinilai sama ada secara serentak atau prediktif (ramalan). Jika perbezaan skor yang diperolehi antara dua instrumen yang dinilai sama atau hampir sama, maka dikatakan mempunyai kesahan prediktif. Teknik ketiga ialah kesahan konstruk melalui pembuktian (Construct-Related Evidence of Validity). Teknik ini merujuk kepada darjah pembuktian total yang diperolehi secara tekal dengan pelbagai bukti yang berbeza yang melibatkan pemboleh ubah yang jelas dan hipotesis yang logik dan empirikal.

Justeru, untuk kesahan kandungan instrumen AKBQ dan IPAM, penyelidik melakukan analisis faktor iaitu Confirmatory Factor Analysis (CFA) dengan menggunakan perisian SPSS versi 22. Suhr (2006) menyatakan bahawa CFA merupakan teknik yang digunakan untuk mengesahkan struktur faktor set pembolehubah yang diukur. CFA sesuai digunakan bila pengkaji mempunyai sedikit pengetahuan yang mendasari struktur pembolehubah terpendam (Byrne, 2010). Menurut Stevens & Zvoch (2007), CFA bertujuan untuk menguji pengesahan konstruk instrumen yang bermaksud sebaik mana konstruk menjelaskan pembolehubah dalam konstruk tersebut. Dapatan analisis faktor menunjukkan kesemua item bagi kedua-dua instrumen adalah memenuhi syarat distribusi normaliti iaitu melepasi nilai Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy (KMO MSA) iaitu nilai yang diperolehi adalah lebih dari 0.50 atau 50%. Nilai Bartlett's Test of Sphericity pula adalah 0.00 iaitu di bawah 0.05 atau 5%. Dapatan menunjukkan nilai anti-image correlation bagi setiap item dalam semua konstruk instrumen AKBQ adalah tinggi iaitu berada di antara 772 hingga 898. CFA yang dilakukan menunjukkan nilai tujuh item dalam instrumen AKBQ lebih besar dari 1.

Tujuh item tersebut ialah QS1, QM9, QK17 dan QK18, QL25, QB33 DAN QY41. Ini bermaksud tujuh item tersebut terasing dari kumpulan konstruk yang dicadangkan. Walaubagaimanapun hasil perbincangan dengan panel pengesahan pakar dan penelitian terhadap sorotan karya yang lepas, maka tujuh item tersebut dikekalkan. Ini kerana instrumen AKBQ adalah instrumen amalan kesantunan berbahasa yang dibina untuk mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam di negeri Kedah. Sehingga kajian ini ditulis instrumen yang sama belum pernah dibina. Jika digugurkan tujuh item tersebut, dikhuatiri objektif untuk

melihat tahap amalan kesantunan berbahasa GPI tidak dapat dicapai. Kehendak dalam tujuh item tersebut jika digugurkan tidak dapat diwakili oleh item-item yang lain. QS1 ialah guru bercakap perkara yang benar. Item ini tidak diwakili oleh item yang lain dalam konstruk yang sama. Item ini perlu dikekalkan kerana ia menilai tahap akhlak guru yang bercakap benar menurut perspektif murid. QM9 ialah guru bercakap perkara-perkara yang baik. Item ini tidak sama kandungannya dengan item yang lain. Item ini juga tidak boleh digugurkan kerana murid perlu menilai sejauh mana tahap percakapan guru ketika berinteraksi dengan mereka. QK17 ialah guru memuji kebaikan murid. Item ini tidak diwakili oleh item yang lain jika ia digugurkan. memuji kebaikan murid merupakan satu tanda penghargaan dari guru kepada murid. Justeru murid perlu menilai tahap penghargaan guru terhadap murid dengan mengamalkan pujian. QK18 ialah guru memuji kebaikan orang lain, contohnya guru lain. Item ini tidak sama seperti item yang lain. memuji kebaikan orang lain menunjukkan kemuliaan hati seorang guru. Murid perlu menilai akhlak guru ini. QL25 ialah guru bercakap dengan lemah lembut. Item ini mempunyai kehendak tersendiri. Jika digugurkan kehendak item ini tidak dapat dipenuhi. Percakapan lemah lembut guru memberi kesan yang baik kepada akhlak murid. Justeru tahap amalan bercakap lemah lembut dalam kalangan guru perlu dinilai.

QB33 ialah maksud percakapan guru adalah jelas. Item ini perlu dikekalkan kerana item lain tidak mewakilinya dan jika digugurkan akan mengurangkan objektif instrumen. Percakapan guru yang jelas memberi kesan bukan sahaja kepada peningkatan prestasi akademik bahkan kepada peningkatan penghayatan akhlak murid. QY41 ialah guru menggunakan bahasa yang mudah difahami. Item ini perlu dikekalkan kerana penggunaan bahasa yang mudah difahami memberi kesan kepada

akhlak murid. Justeru amalan percakapan yang mudah difahami perlu dinilai dalam kalangan guru. Jadual 3.6 menjelaskan dapatan analisis faktor secara menyeluruh yang dilakukan ke atas instrumen AKBQ. (Output data dilampirkan).

Jadual 3.0.6
Dapatan Analisis Faktor AKBQ

Konstruk	Niai KMO MSA	Nilai Bartlett	Nilai anti-image correlation	Total varians explained
QS:Qaulan Sadida	830	.000	773-878	QS1
QM:Qaulan Ma'rufa	849	.000	817-898	QM9
QK:Qaulan Karima	831	.000	772-876	QK17, QK18
QL:Qaulan Layyina	869	.000	824-886	QL25
QB:Qaulan Baligha	885	.000	869-895	QB33
QY:Qaulan Maysura	862	.000	829-896	QY41

Analisis faktor yang dilakukan ke atas instrumen penghayatan akhlak murid (IPAM) menunjukkan nilai anti-image correlation bagi setiap item dalam semua konstruk instrumen IPAM adalah tinggi iaitu berada di antara 774 hingga 926. CFA yang dilakukan menunjukkan nilai sebelas item dalam instrumen IPAM lebih besar dari 1. Sebelas item tersebut ialah AA1, AA2, AA3 (1.007), AR11, AR12 (1.024), AD21, AD22, AK31, AK32, AM41 dan AM42 (1.033). Ini bermaksud sebelas item tersebut terasing dari kumpulan konstruk yang dicadangkan. Walau bagaimanapun, instrumen IPAM yang dibina dalam kajian ini adalah diadaptasi dari lima buah instrumen penghayatan akhlak yang lain. Di samping itu instrumen IPAM dibina berdasarkan keperluan dan perkembangan semasa akhlak murid tingkatan empat di sekolah

menengah. AA1 ialah saya menunaikan solat lima waktu. Atas persetujuan pakar pengesahan item, item ini dikekalkan kerana item lain tidak mewakilinya untuk mencapai objektif instrumen. Penunaian solat lima waktu dalam kalangan murid perlu dinilai kerana ia memberi kesan kepada penghayatan akhlak. AA2 ialah saya solat berjemaah. Item ini tidak digugurkan kerana tiada item lain yang sama maksudnya dan jika digugurkan kehendak soalan tidak dipenuhi oleh item lain. Amalan solat berjemaah dalam kalangan murid perlu dinilai kerana ia berkaitan dengan akhlak dan pergaulan. AA3 ialah saya berpuasa penuh di bulan Ramadhan. Item ini juga tidak sama maksudnya dengan item lain dan perlu dikekalkan. Berpuasa pada bulan Ramadhan adalah tanda ketaatan kepada Allah sekaligus menunjukkan akhlak terhadap Allah. Justeru berpuasa dalam kalangan murid perlu dinilai kerana ia memberi kesan kepada pembentukan dan penghayatan akhlak.

AR11 ialah saya menjadikan Rasulullah sebagai contoh dalam perlakuan harian. Item ini penting dikekalkan untuk mencapai kehendak intrumens dan objektif kajian. Rasulullah SAW adalah contoh manusia yang mengamalkan akhlak terpuji. Justeru mencontohi Rasulullah SAW dapat menjadikan seseorang berakhlak baik. Justeru item ini perlu dinilai dalam kalangan murid. AR12 ialah saya berselawat kepada Rasulullah SAW. Item ini penting untuk dikekalkan kerana ia dapat menilai kecintaan kepada Rasulullah SAW. Jika digugurkan, objektif pembinaan instrumen tidak tercapai. AD21 ialah saya mempunyai matlamat yang jelas. Item ini perlu dikekalkan kerana item lain tidak sama maksud dan kehendak soalan. mempunyai matlamat yang jelas dalam hidup merupakan akhlak terhadap diri sendiri. Justeru murid perlu dinilai apakah mereka mempunyai matlamat hidup yang jelas atau sebaliknya. AD22 ialah saya berusaha menjaga pandangan supaya tidak melihat perkara maksiat. Item ini

dikekalkan kerana jika digugurkan tidak ada item yang sama dapat mewakili kehendak soalan. Memelihara pandangan merupakan tanda mempunyai akhlak yang terpuji terhadap diri sendiri. Justeru pelajar perlu dinilai apakah mereka mengamalkan amalan baik ini atau sebaliknya. AK31 ialah saya menyayangi dan menghormati ibubapa. Item ini tidak boleh digugurkan kerana item lain dalam konstruk yang sama tidak membawa maksud yang sama. Salah satu tanda akhlak yang baik terhadap ibubapa ialah murid menyayangi dan menghormati keduanya dengan sadar. Justeru murid perlu dinilai sejauh mana mereka menyayangi ibubapa. AK32 ialah saya mentaati ibubapa selagi tidak bercanggah dengan syariat. Item ini dikekalkan kerana tiada item lain yang serupa maksudnya. Ketaatan terhadap ibubapa merupakan bukti akhlak yang baik bagi seorang anak. Justeru akhlak ini perlu ditaksir sejauh mana menjadi amalan dalam kalangan murid.

AM41 ialah saya menghormati warga sekolah dan jiran-jiran. Item ini dikekalkan kerana tiada item lain yang sama konstruk yang menilai adab hormat-menghormati. Item ini perlu dikekalkan kerana maksud di sebaliknya ialah dapat mepaihat sejauh mana amalan hormat-menghormati diamalkan oleh murid sekolah. Jika digugurkan, objektif pembinaan instrumen tidak tercapai. AM42 ialah saya bersikap santun ketika bergaul. Item ini penting dikekalkan kerana ia menilai adab kesantunan murid ketika bergaul. Jika digugurkan, amalan kesantunan ketika bergaul dalam kalangan murid sekolah tidak dapat dinilai. Jadual 3.7 menjelaskan secara keseluruhan dapatan analisis faktor yang dijalankan ke atas instrumen (IPAM). (Output data dilampirkan).

Jadual 3.0.7
Dapatan Analisis Faktor IPAM

Konstruk	Niai KMO MSA	Nilai Bartlett	Nilai anti-image correlation	varians explained
AA:Akhlak Terhadap Allah	824	.000	774-865	AA1, AA2, AA3
AR:Akhlak Terhadap Rasul	884	.000	824-926	AR11,AR12
AD:Akhlak Terhadap Diri	793	.000	753-848	AD21,AD22
AK:Akhlak Terhadap Keluarga	834	.000	798-859	AK31.AK32
AM:Akhlak Terhadap Masyarakat	872	.000	804-925	AM41,AM42

3.4.6 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Menurut Campbell dan Fiske (1959) kebolehpercayaan diertikan sebagai persetujuan antara dua usaha untuk mengukur sifat yang sama secara maksimum melalui kaedah yang sama. Ujian kebolehpercayaan amat penting dalam sesuatu kajian yang menggunakan soal selidik kerana keupayaannya menguji dan menganalisis menggunakan pekali alpha untuk mengukur pembolehubah dalam penyelidikan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan ciri-ciri konsisten instrumen setiap kali digunakan pada masa, tempat dan sampel yang berlainan. Ketekalan juga bermaksud apabila item yang sama diuji beberapa kali kepada subjek yang sama pada selang masa yang berlainan tetapi tetap memberi skor keputusan atau jawapan yang sama atau hampir sama (Wainer dan Braun, 1988). Kebolehpercayaan instrumen ialah suatu nilai ukuran untuk menentukan ketekalan skor setiap item (Wiersma, 2000). Kebolehpercayaan instrumen soal selidik menjelaskan sejauh mana skor-skor dalam setiap item yang diperoleh adalah konsisten atau stabil apabila diuji beberapa kali (Ghazali & Sufean, 2016).

Menurut Pratt (1980), konsep pengukuran kebolehppercayaan dalam kaedah kuantitatif iaitu penggunaan soal selidik dibina untuk menguji kelompok soalan melalui ujian rintis (pilot rintis). Ujian rintis merupakan permulaan percubaan sebelum item-item daripada ujian sebenar diuji pada sampel sebenar. Dalam kajian ini, kajian rintis dijalankan bagi mengetahui ketekalan dalaman instrumen kajian yang menggunakan analisis Alfa Cronbach. Jadual 3.8 menunjukkan menjelaskan klasifikasi indeks kebolehppercayaan alpha cronbach.

Jadual 3.0.8
Klasifikasi Indeks kebolehppercayaan

Indikator	Nilai alpha Cronbach
Sangat Tinggi	>0.90
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.30

3.4.7 Ketekalan Dalaman Instrumen

Selain dari kesahan dan kebolehppercayaan instrumen yang dilakukan melalui penilaian panel pakar dan kajian rintis, ketekalan dalaman instrumen AKBQ dan instrument IPAM juga diuji dengan menggunakan nilai pekali kebolehppercayaan Alfa Cronbach. Nilai korelasi antara skor setiap item dalam soal selidik perlu dikenal pasti bagi menilai korelasi yang wujud bagi setiap item. Beberapa pendapat dari sarjana dikemukakan tentang nilai korelasi pekali Alfa Cronbach Alpha yang memuaskan, iaitu lebih dari 0.60 (Mohd. Majid, 1998), sekurang-kurangnya 0.70 (Fraenkel & Wallen, 1990) atau lebih daripada 0.70 (Muijs, 2004). Item-item yang menunjukkan korelasi yang rendah harus dibuang kerana ini menunjukkan kebolehpercayaannya yang rendah. Kebolehppercayaan yang rendah akan mengakibatkan kesilapan yang

besar berlaku dalam pengukuran jika item-item yang berkorelasi rendah tersebut masih dikekalkan semasa ujian statistik dilakukan.

Kebolehpercayaan instrumen AKBQ dan IPAM dapat diperhatikan melalui nilai pekali kebolehpercayaan Alfa Cronbach. Data yang diperolehi dari kajian rintis dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Science). Hasil analisis nilai kebolehpercayaan instrumen untuk kali pertama ialah 0.650 bagi instrumen amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (AKBQ) dan 0.910 bagi instrumen penghayatan akhlak. Instrumen AKBQ dimurnikan dengan membuang dua item yang dicadangkan dan ditadbir untuk kali kedua. Data kajian rintis kali kedua dianalisis sekali lagi menggunakan SPSS. Hasil analisis nilai kebolehpercayaan cronbach alpha kali kedua bagi instrumen AKBQ ialah 0.960. Ini menunjukkan nilai kebolehpercayaan kedua-dua instrumen AKBQ dan IPAM adalah sangat tinggi dan boleh ditadbir. Jadual 3.9 menjelaskan nilai alpha cronbach bagi kedua-dua instrumen.

Jadual 3.0.9
Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach

Instrumen	Bilangan item	Nilai Alpha
Amalan kesantunan berbahasa menurut al- Quran	58	0.960
Penghayatan akhlak murid	50	0.910

3.5 Kajian Rintis.

Borg dan Gall (1989) menjelaskan tujuan ujian rintis dijalankan adalah bagi mendapatkan ketelusan data daripada ujian percubaan melalui kumpulan kecil individu. Ujian rintis diadakan juga dengan tujuan untuk menilai ketekalan item dari aspek aras item, objektif item, kefahaman item, kebolegunaan item dan arahan item (Roid dan Haladyna, 1982). Walau bagaimanapun kajian rintis bukanlah penentu kejayaan kajian sebenar namun kajian rintis dapat membantu penyelidik mengenal pasti tahap kemunasabahan dan kebolehlaksanaan kajian tersebut. Jumlah saiz sampel bagi kajian rintis menurut Gorsuch (1997) ialah tidak kurang daripada 100 orang. Mac Callum, Widaman serta Zhang dan Hong (1999) menyatakan bahawa jumlah yang ideal bagi kajian rintis mestilah melebihi 100 orang. Forza (2002) mencadangkan 15 orang. Hair, Babin, Money & Samuel (2003) mencadangkan antara 5-30 orang sahaja. Cooper dan Schindler (2006) mencadangkan antara 25-100 orang. Cooper dan Schindler (2006) berpendapat bahawa jumlah saiz sampel bagi kajian rintis tidak perlu ditentukan secara statistik kerana dalam kajian rintis bukan untuk mengukur dapatan daripada respon sampel malah hanya untuk melihat kejelasan item sahaja. Walau bagaimanapun, menurut pengamal statistik, sesuatu kiraan statistik boleh berfungsi sekiranya sampel (n) melebihi 30. Sebaliknya jika kurang daripada 30 orang, kiraan statistik tidak boleh dilakukan (Ghazali, 2016). Selain melalui proses pengesahan panel pakar, kesahan instrumen kajian juga dibuat melalui kajian rintis. Instrumen yang telah siap dibina dan mendapat pengesahan panel pakar ditadbir kepada kumpulan responden yang mempunyai latar belakang yang sama dengan kumpulan sasaran dalam kajian sebenar. Kajian rintis dilakukan dengan memilih seramai 30 orang murid tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman

Jelutong, Kulim sebagai responden bagi kajian rintis. Murid-murid ini tidak diambil dari populasi sebenar tetapi diambil dari jenis yang sama dengan populasi sebenar.

3.6 Populasi

Populasi kajian ialah satu kumpulan individu yang mewakili ciri-ciri yang sama dengan tujuan kajian yang dijalankan (Ghazali, 2016). Menurutnya sampel ialah subkumpulan daripada populasi yang ingin dikaji. Hasil dapatan kajian yang dilakukan ke atas sampel boleh mewakili keseluruhan populasi. Populasi kajian ini ialah murid-murid tingkatan empat yang sedang belajar di semua jenis sekolah menengah agama di seluruh negeri Kedah. Memandangkan kajian ini adalah berlatar belakangkan konsep yang difahami daripada ayat-ayat al-Quran dan diperteguhkan dengan Hadis-Hadis Nabi, maka populasi kajian dipilih daripada murid-murid tingkatan empat yang mengambil mata pelajaran Bahasa Arab, Pendidikan al-Quran dan As-Sunnah serta Pendidikan Syariah Islamiyyah. Negeri Kedah dipilih sebagai lokasi kajian memandangkan kedudukannya yang mempunyai bilangan sekolah agama yang terbanyak berbanding negeri lain.

Murid-murid di tingkatan empat dipilih kerana menurut hukum Feqah, mereka telah melepasi umur baligh yang sudah dapat mengenal baik dan buruk sesuatu perkara (Naseh 'Ulwan, 1997). Mereka adalah pentaksir yang menilai tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru-guru agama yang mengajar sama ada mata muridan Pendidikan Islam atau bahasa Arab di sekolah-sekolah tersebut. Menurut sumber statistik daripada Bahagian Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Muridan Negeri Kedah, terdapat 4394 orang murid tingkatan empat di semua jenis sekolah agama di negeri Kedah iaitu yang meliputi Sekolah Menengah Kebangsaan

Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI), dan Sekolah Menengah Agama Swasta (SMAS).

3.7 Sampel Kajian

Persampelan ialah satu kaedah bagi memastikan sampel yang dipilih dapat mewakili populasi keseluruhan. Kaedah dan bentuk persampelan yang dipilih adalah berdasarkan ciri-ciri populasi dan tujuan kajian (Mohd Sheffie, 1991). Bagi Uma Sekaran (2003), pemilihan sampel harus mewakili keseluruhan populasi, namun dalam keadaan-keadaan tertentu (jika sampel terlalu besar), kemampuan kos perlu dipertimbangkan. Sementara Borg dan Gall (1979) berpendapat bahawa dalam kajian berbentuk tinjauan, sub kumpulan utama yang kecil harus mengandungi sekurang-kurangnya 20 hingga 50 subjek bagi setiap kumpulan. Bagi Neuman (2003), pendekatan utama penentuan saiz ialah ketepatan. Beliau berpendapat bagi populasi kajian yang bersaiz di bawah 1000, saiz sampel yang tepat ialah 30 peratus dari jumlah populasi. Bagi populasi yang jumlahnya 10000, saiz sampel yang tepat ialah 10 peratus daripada jumlah populasi. Beberapa orang sarjana seperti Krejcie dan Morgan, Glenn D. Israel, Bartlett dan Cohen memberikan pandangan terhadap saiz sampel bagi populasi yang sama dengan jumlah yang berbeza (Ghazali, 2016) seperti dalam Jadual 3.10.

Jadual 3.0.10
Saiz Sampel Menurut Sarjana

Sarjana	Saiz sampel
Krejcie dan Morgan (1970)	N 4363= n 354
Glenn D. Israel (1992)	N 4363= n 370
James E. Bartlett (2001)	N 4363 = n 119
Cohen (2001)	N 4363 = n 357

Roscoe (1975) berpandangan bahawa sampel yang bertepatan dalam penyelidikan ialah melebihi 30 orang dan kurang dari 500 orang. Sementara Uma Sekaran (1992) pula berpendapat bahawa saiz sampel yang terlalu besar iaitu melebihi 500 orang boleh mengakibatkan kesilapan penafsiran terhadap keputusan penyelidikan dan menghasilkan perkaitan yang terlalu kecil dan tidak praktikal. Cresswell (2005) dan Zina O`Leary (2004) menyatakan bahawa saiz minimum sampel untuk penyelidikan tinjauan berbentuk korelasi ialah hanya 30 orang. Gay dan Airasian (2003) mengemukakan panduan saiz berasaskan aras keyakinan pada 95 peratus. Mereka berpendapat bagi populasi kecil iaitu kurang dari 100, data dipungut dari semua populasi. Bagi populasi yang bersaiz antara 400-600, data adalah dipungut dari 50 peratus daripada populasi. Populasi yang bersaiz sekitar 1500, sampel adalah 20 peratus daripada jumlah populasi. Sementara populasi yang bersaiz lebih daripada 5000, sampel adalah 10 peratus daripada populasi.

Cohen, Manion dan Morrison (2001), Glenn D. Israel (1992) serta James E. Bartlett (2001) berpendapat bahawa penentuan saiz sampel seharusnya mengambil kira aras kesignifikan dan ralat persampelan. Mereka menentukan saiz sampel berdasarkan aras kesignifikan pada $p < .05$ (aras kebolehpercayaan = 95%) dan $p < .01$ (aras kebolehpercayaan = 99%). Menurut Cohen (1977), memilih satu sampel yang mewakili populasi adalah lebih baik daripada memilih satu sampel yang besar tetapi bias yang akan memberikan keputusan yang tidak tepat. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan keberangskalian rawak mudah berstrata. Strata yang dimaksudkan ialah kategori sekolah agama yang terdapat sebagai sampel kajian. Jadual 3.11 di bawah menjelaskan kedudukan sampel mengikut kategori sekolah.

Jadual 3.0.11
Pembahagian Sampel Kajian

Populasi (N) 4363	Kategori Sekolah	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Sampel Sebenar
Sampel (n) 400	SMKA	247 (5.66%)	393 (9.0%)	640	L=24 P=36
	SABK	762 (17.4%)	789 (18.08%)	1551	L=68 P=72
	SMAN	219 (5.01%)	201 (4.60%)	420	L=20 P=20
	SMAR	791 (18.1%)	751 (17.21%)	1542	L=72 P=68
	SMAS	60 (1.37%)	68 (1.55%)	128	L= 6 P=6
	SBPI	39 (0.89%)	43 (0.98%)	82	L=4 P=4
	JUMLAH	2118 (48.5%)	2245 (51.5%)	4363 (100%)	400

Saiz sampel bagi setiap strata atau kategori sekolah adalah berdasarkan nisbah peratus kepada populasi keseluruhan iaitu 4363 orang.

3.8 Prosedur Pemerolehan Data


Oleh kerana kajian ini melibatkan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif, maka, terdapat dua peringkat pemerolehan data. Pertama; pemerolehan data bagi tujuan mengenal pasti konsep dan analisis amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam ayat-ayat Al-Quran. Kedua; pemerolehan data bagi tujuan analisis statistik deskriptif dan inferensi. Analisis Tafsir Mawḍu'iy dalam kajian ini mengandungi dua peringkat. Peringkat pertama mengandungi lapan langkah. Langkah pertama melibatkan proses pengumpulan ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep amalann kesantunan berbahasa. Langkah kedua melibatkan proses pengumpulan ayat-ayat yang berkaitan dengan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Pemilihan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dalam pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa adalah berdasarkan pandangan sarjana terdahulu dalam kajian mereka.

Seterusnya singkapan melalui kitab-kitab Tafsir dan buku-buku akhlak seperti Ensiklopedia Akhlak Muhammad SAW (Mahmud Al-Misri, 2000) dan Panduan Hidup Muslim (Abu Bakar al-Jaza'iriy, 2001). Langkah ketiga melibatkan proses menganalisis ayat-ayat konsep amalan kesantunan berbahasa. Langkah keempat melibatkan proses menganalisis ayat-ayat pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Kedua-dua langkah ini menggunakan rujukan kitab-kitab tafsir yang muktabar. Antaranya ialah kitab Tafsir Jalalain, Tafsir Jami'ul Bayan Al-Tabariy, Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir Al-Maraghi, Tafsir Fi Zilalil Quran , Tafsir Al Kassyaf, Tafsir Al-Munir, Jadual fi 'I'rab Al-Quran dan lain-lain lagi.

Bagi memperolehi data untuk analisis deskriptif dan inferensi, penyelidik membuat permohonan bertulis kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP), Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan April 2015. Di samping itu, penyelidik juga memohon kebenaran secara bertulis pada bulan Mei 2015 daripada Jabatan Pendidikan Negeri Kedah untuk menjalankan kajian kepada kumpulan sasaran (rujuk lampiran B). Selepas mendapat kelulusan bertulis daripada BPPP dan JPN Kedah, penyelidik membuat permohonan bertulis kepada pengetua-pengetua sekolah-sekolah menengah yang terlibat (rujuk lampiran) bagi memaklumkan dan memohon kebenaran untuk mengedarkan borang soal selidik kepada murid-murid tingkatan empat yang terlibat. Proses mengedarkan borang soal selidik ini berlaku untuk tujuan kajian rintis dan kajian sebenar. Instrumen ditadbir bagi memperolehi data statistik kajian dengan dibantu oleh pihak sekolah yang terbabit. Rajah 3.8 menunjukkan prosedur pemerolehan data statistik kajian.

Rajah 3.8

Carta Aliran Prosedur Pemerolehan Data Kajian



3.9 Prosedur Penganalisisan Data

Kajian ini merupakan kajian gabungan antara kaedah kualitatif dan kuantitatif. Prosedur penganalisisan data merangkumi kedua-dua kaedah yang disebutkan iaitu analisis data kualitatif dan analisis data kuantitatif. Analisis data kualitatif melibatkan analisis *Tafsir Mawdu'iy* ayat-ayat al-Quran manakala analisis kuantitatif melibatkan analisis deskriptif, analisis inferensi dan analisis faktor (*explanatory factor analysis*).

3.9.1 Analisis Tafsir Mawdu'iy

Sepuluh daripada kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan Analisis dokumen al-Quran. Penyelidik menggunakan kaedah *Tafsir Mawdu'iy* bagi tujuan menganalisis dokumen ayat-ayat al-Quran. Pendekatan ini digunakan untuk memperoleh jawapan kepada soalan kajian yang pertama dan kedua iaitu konsep amalan kesantunan berbahasa dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa.

3.9.2 Analisis Faktor

Bagi mengenal pasti faktor yang terbina dalam instrumen soal selidik AKBQ dan IPAM, analisis faktor digunakan. Analisis faktor selain bertujuan untuk mengenal pasti asas struktur antara item, ia juga bertujuan menemukan kumpulan berdasarkan hubungan yang diwakili oleh hubungan matriks (Cooper & Schindler, 2003). Menurut Hair et.al., (2010), analisis faktor adalah kaedah yang dapat menentukan kumpulan item yang bersesuaian dan selari untuk digunakan dalam tinjauan. Menurut Stevens & Zvoh (2007), CFA bertujuan untuk menguji pengesahan konstruk instrumen yang bermaksud sebaik mana konstruk menjelaskan pemboleh ubah dalam konstruk tersebut. Berikutnya ujian penentuan normaliti dilakukan terhadap instrumen AKBQ dan IPAM dengan menggunakan kaedah grafik steam-and-leaf plot dan detrended normal plot. Rajah 3.9 dan Rajah 3.10 menjelaskan bahawa plot yang terhasil mempunyai frekuensi taburan data yang normal.


Rajah 3.9

Plot Stem-And-Leaf Pembolehubah IAKBQ dan IPAM

Frequency	Stem &	Leaf
9.00	Extremes	(= ≤ 3.22)
3.00	32 .	668
6.00	33 .	246888
7.00	34 .	0244688
12.00	35 .	002444446888
10.00	36 .	0022444688
8.00	37 .	02244668
20.00	38 .	00224444446666888888
21.00	39 .	002444446666666688888
33.00	40 .	00000002222444444666666666888888
30.00	41 .	00000000222224444444466666888888
50.00	42 .	0000000222222222224444444444466666666688888888
44.00	43 .	00000000000222222222444444466666666688888888
34.00	44 .	0000000222244444444666666666888888
46.00	45 .	0000000000022222222244444444444666666666888888
36.00	46 .	00000000002222222244444444466666888888
25.00	47 .	0000000022222224446666668
6.00	48 .	002244

Rajah 3.10

Taburan data histogram Penghayatan Akhlak Murid



3.9.3 Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif ialah teknik penghuraian data secara menyeluruh yang bertujuan untuk memberi gambaran awal tentang profil responden berdasarkan kekerapan, min dan sisihan piawai (Ghazali, 2016). Analisis deskriptif digunakan bagi menjawab persoalan dan objektif kajian yang ketiga dan kelima iaitu mengenal pasti tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru dan mengenal pasti tahap penghayatan akhlak murid. Intrepretasi skor min skala likert lima mata yang digunakan terbahagi kepada tiga tahap iaitu tinggi (3.67-5.00), sederhana (2.34-3.66) dan rendah (1.00-2.33). Jadual 3.12 menunjukkan interpretasi skor min skala lima mata.

Jadual 3.0.12

Interpretasi Tahap Skor Min Skala Likert Lima Mata

Tahap	Skor min
Tinggi	3.67-5.00
Sederhana	2.34-3.66
Rendah	1.00-2.33

3.9.4 Analisis Inferensi

Analisis data statistik inferensi digunakan bagi mendapatkan inferens daripada statistik sesuatu sampel bagi seluruh populasi iaitu bagi mengenal pasti tahap keertian atau kebarangkalian bahawa sesuatu penemuan itu berlaku secara kebetulan atau dipengaruhi oleh sesuatu pemboleh ubah (Azhar, 2010). Dalam kajian ini analisis statistik yang dimaksudkan ialah analisis korelasi (Pearson dan Spearman) dan regresi berganda.

3.9.5 Korelasi Pearson

Analisis statistik korelasi ialah satu teknik ujian yang digunakan bagi mengukur tahap korelasi yang wujud antara dua pemboleh ubah kuantitatif (Othman, 2017) di samping mengukur pertalian atau perkaitan di antara dua pemboleh ubah (Mohd. Majid, 1990). Prasyarat sebelum menjalankan ujian korelasi Pearson iaitu data korelasi dikumpulkan daripada sampel yang sama, pemboleh ubah berskala selang atau nisbah, data bertaburan normal, lineariti dan homokedasiti (Coakes, 2005; Pallant, 2005; Gazali, 2016). Nilai korelasi (r) yang terbentuk adalah antara +1 ke -1. Nilai $r = 1$ menunjukkan bahawa terdapat korelasi yang positif, nilai $r = -1$ pula menunjukkan tiada korelasi yang wujud anantara pemboleh ubah yang dikaji. Dalam kajian AKBQ, soalan kajian kelima dikaji dengan menggunakan ujian korelasi Pearson bagi menguji hipotesis Ho2. Ujian ini bagi menentukan sama ada terdapat hubungan signifikan

positif atau sebaliknya antara amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru dan tahap penghayatan akhlak murid.

3.9.6 Regresi Berganda

Analisis regresi ialah analisis yang digunakan bagi menentukan kesan atau pengaruh satu atau lebih pemboleh ubah ke atas pemboleh ubah yang lain (Mohd. Majid, 1990). Prasyarat bagi menggunakan analisis regresi berganda ini ialah bilangan sampel yang mencukupi, tiada data terpencil, bebas daripada masalah multikolinearan dan singulariti, data bertaburan normal serta linear (Pallant, 2005). Ujian regresi berganda digunakan untuk menguji hipotesis kajian Ho2 bagi menjawab soalan kajian keenam iaitu adakah terdapat peramal penghayatan akhlak murid berpandukan kepada konstruk amalan kesantunan berbahasa?

3.10 Penutup

Bab ini telah membincangkan aspek metodologi kajian yang terdiri daripada reka bentuk kajian, analisis *Tafsir Mawdu'iy* ayat-ayat al-Quran, pembinaan instrumen IAKBQ dan IPAM, kajian rintis, prosedur pemerolehan data dan prosedur penganalisan data. Secara keseluruhannya, kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian ini bagi menjawab kelapan-lapan objektif dan persoalan kajian. Rajah 3.11 menunjukkan ringkasan objektif kajian dan kaedah yang digunakan.

Rajah 3.11

Carta Ringkasan Objektif Kajian dan Kaedah Kajian

O1 Tema pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa	•Analisis Tafsir Mawḍu'iy
O2 Tema pembentukan prinsip amalan kesantunan berbahasa	•Analisis Tafsir Mawḍu'iy
O3 Tahap amalan kesantunan berbahasa guru	•Analisis Deskriptif
O4 Tahap penghayatan akhlak pelajar	•Analisis Deskriptif
O5 Hubungan antara amalan kesantunan berbahasa guru dan tahap penghayatan akhlak pelajar	•Analisis inferensi (korelasi Pearson)
O6 Sumbangan amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak pelajar	•Analisis inferensi (regresi berganda)

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan dapatan kajian AKBQ iaitu konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran, tahap amalan kesantunan berbahasa guru Pendidikan Islam, tahap penghayatan akhlak murid, hubungan dan sumbangan amalan kesantunan berbahasa GPI terhadap penghayatan akhlak.

4.2 Analisis Dokumen Ayat-ayat al-Quran

Analisis dokumen ayat-ayat al-Quran yang digunakan ialah analisis *Tafsir Mawdu'iy* yang merangkumi analisis pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Analisis *Tafsir Mawdu'iy* adalah menggunakan kitab-kitab tafsir yang muktabar iaitu Tafsir Jami'ul Bayan (Al-Tabariy, 2008), Tafsir al-Qurtubiy (1967), Tafsir Ibnu 'Arabiy (1978), Tafsir Ibnu 'Asyur (1984), Tafsir al-Şabuniy (1990), Tafsir Jalalain (Al-Suyuti, 1990), Tafsir al-Munir (al-Zuhailiy, 1991), Jadual fi 'I'rab al-Quran (Muhammad Sofiy (1991), Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Karim (Muhammad Fuad, 1992), Tafsir al-Baḥru al-Muḥit (Al-Andalusiy, 1993), Asbab al-Nuzul (Al-Niysaburiy, 1994), Tafsir Tanṭawiy (Al-Tantawiy, 1998), Tafsir Ibnu Kathir (1999), Tafsir Fi Zilalil Quran (Sayyid Qutb, 2000), Tafsir al-Maraghiy (2008), Tafsir al-Kassyaf (2013) , Tafsir Al-Sa'adiy (2013) dan Tafsir Al-Sya'rawiy (2013).

4.2.1 Analisis *Tafsir Mawdu'iy* Pembentukan Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa Berdasarkan Ayat-ayat al-Quran.

Dapatan hasil analisis *Tafsir Mawdu'iy* pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa dalam kajian AKBQ merangkumi dua perkara. Pertama ialah taburan ayat-ayat pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa. Kedua ialah pembahagian kategori ayat mengikut pembentukan tema dan subtema.

4.2.1.1 Taburan Ayat-ayat Pembentukan Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa

Hasil analisis *Tafsir Mawdu'iy*, terdapat 36 ayat dari 20 surah al-Quran yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 83, 235, 256, 263 dan 268 surah al-Baqarah, ayat 159 dan 164 surah Ali'Imran, ayat 5,8,9,63 dan 86 surah al-Nisa`, ayat 54 surah al-Maidah, ayat 54 dan 108 surah al-An'am, ayat 71 surah al-Taubah, ayat 125 surah al-Nahl, ayat 23, 28 dan 53 surah al-Isra`, ayat 29 surah al-Kahf, ayat 44 surah Taha, ayat 63 surah al-Furqan, ayat 46 surah al-Ankabut, ayat 19 surah Lokman, ayat 21 dan 70 surah al-Ahzab, ayat 33,34 dan 35 surah Fussilat dan ayat 18 surah Qaf. Jadual 4.1 menunjukkan taburan ayat-ayat Al-Quran berkaitan pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa.

Jadual 4.0.1


Ayat-ayat Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa

Bil	Kedudukan Ayat	Bil	Kedudukan Ayat
1	al-Baqarah: 83	19	al-Nahl: 125
2	al-Baqarah: 235	20	al-Isra`: 23
3	al-Baqarah: 256	21	al-Isra`: 28
4	al-Baqarah: 263	22	al-Isra`: 53
5	al-Baqarah: 269	23	al-Kahf: 29
6	Ali 'Imran: 159	24	Taha: 44
7	Ali 'Imran: 164	25	al-Furqan: 63
8	al-Nisa`: 5	26	al-'Ankabut: 46
9	al-Nisa`: 8	27	Luqman: 19
10	al-Nisa`: 9	28	al-Ahzab: 21
11	al-Nisa`: 63	29	al-Ahzab: 70
12	al-Nisa`: 86	30	Fussilat: 33
13	al-Ma'idah: 54	31	Fussilat: 34
14	al-An'am: 54	32	Fussilat: 35
15	al-An'am: 108	33	Qaf: 18
16	al-Taubah : 71	34	al-Fath: 26
17	Ibrahim: 24	35	al-Fath: 29
18	al-Hijr: 88	36	al-Muzzammil: 10

Hasil dapatan daripada analisis yang dilakukan juga dapat dijelaskan melalui Rajah

4.1:

Rajah 4.1
Dapatan Analisis Kajian AKBQ



4.2.1.2 Kategori Ayat Mengikut Pembentukan Tema dan Subtema

Analisis *Tafsir Mawdu'iy* menjelaskan bahawa terdapat empat tema utama pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa melalui analisis terhadap 36 ayat-ayat al-Quran. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 83, 235, 256, 263, 269 surah al-Baqarah, ayat 159 dan 164 surah Ali 'Imran, ayat 5, 8, 9, 63 dan 86 surah al-Nisa', ayat 54 surah al-Ma'idah, ayat 54 dan 108 surah al-An'am, ayat 71 surah al-Taubah, ayat 24 surah Ibrahim, ayat 88 surah al-Hijr, ayat 125 surah al-Nahl, ayat 23, 28, dan 53 surah al-Isra', ayat 29 surah al-Kahfi, ayat 44 surah Taha, ayat 63 surah al-Furqan, ayat 46 surah al-'ankabut, ayat 19 surah Luqman, ayat 21 dan 70 al-Ahzab, ayat 33, 34 dan 35 surah Fussilat, ayat 18, surah Qaf, ayat 26 dan 29 surah al-Fath dan ayat 10 surah al-Muzzammil. Empat tema konsep kesantunan berbahasa yang ditemui diuraikan dengan dua puluh enam subtema. Jadual 4.2 menunjukkan dapatan analisis *Mawdu'iy* bagi tema dan subtema konsep amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran.


Jadual 4.0.2

Dapatan Analisis Mawdu'iy Tema dan Subtema Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa

Bil	Tema	Bil	Subtema	Ayat
1	Kedudukan Kbs dalam Al-Quran	1	Tuntutan beramal selepas tuntutan tauhid dan ihsan	al-Baqarah: 83
		2	Amalan Kbs ialah hikmah yang dianugerahkan	al-Baqarah: 269
		3	Amalan Kbs ialah rahmat dari Allah	Ali 'Imran: 159
		4	Kbs lambang kesabaran dan kebijaksanaan	Fussilat: 35
		5	Setiap ucapan dikira dosa dan pahala	Qaf: 18
2	Tujuan Amalan Kbs	1	Amar ma'ruf dan nahi munkar	al-Taubah: 71
		2	Dakwah kepada Allah	Fussilat: 33
3	Kandungan Ucapan Kbs	1	Menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran	al-Taubah: 71
		2	Memohon ampun bagi orang lain	Ali 'Imran: 159
		3	Memberi salam	al-Nisa': 86
		4	Berdoa	Al-Isra': 24
4	Kaedah Kbs	5	Memberi nasihat	al-Asr: 1-4
		1	Menggunakan perkataan yang baik	al-Isra': 53
		2	Mengamalkan Kbs dengan semua manusia	al-Baqarah: 83
		3	Berlembut dengan golongan mukmin	al-Maidah: 54
		4	Bertegas dengan golongan kafir	al-Maidah: 54
		5	Mulakan bicara dengan aluan yang baik	al-Nisa': 86
		6	Tidak mencerca ibadat agama lain	al-An'am: 108
		7	Merendah diri ketika berbicara	al-Hijr: 88
		8	Santun dengan lisan dan perilaku	al-Nahl: 125
		9	Berdebat dengan bahasa yang baik	al-Nahl: 125
		10	Berihisan dengan ibubapa	al-Isra': 23
		11	Menggunakan bahasa yang baik dengan golongan yang jahil	al-Furqan: 63
		12	Bertegas dalam perkara aqidah	al-Ankabut: 46
		13	Merendahkan suara ketika berbicara	Luqman: 19
		14	Mencontohi Rasulullah SAW	al-Ahzab: 21

Rajah 4.2

Analisis Tafsir Mawdu'iy Pembentukan Tema Konsep Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran



4.2.1.3 Tema Pembentukan Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa

Berikut ialah tema-tema yang dianalisis bagi pembentukan konsep amalan kesantunan berbahasa.

4.2.1.3.1 Kedudukan Amalan Kesantunan Berbahasa dalam al-Quran

Berikut ialah subtema yang diperincikan daripada kedudukan amalan kesantunan berbahasa:

Pertama: Tuntutan beramal dengan amalan kesantunan berbahasa selepas tuntutan mentauhidkan Allah dan ihsan terhadap ibu bapa. Firman Allah SWT dalam ayat 83 surah al-Baqarah:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ
وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ

Dan ingatlah, ketika Kami mengambil janji dari Bani Israil janganlah kamu menyembah selain Allah dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta ucapkanlah kata-kata yang baik kepada manusia, dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat. Kemudian kamu tidak memenuhi janji itu, kecuali sebahagian kecil daripada kamu, dan kamu selalu berpaling.

Al-Zuhailly (1991) dalam kitab Tafsir al-Munir menjelaskan frasa *al-kalam al-ṭayyib* dalam ayat sebagai *aḥsan al-qaul* yang membawa makna *al-ḥilm* iaitu santun, memaafkan dan bermanis muka. Santun dalam *ihsan al-qaul* bukan sahaja merupakan ucapan yang baik dan lembut malah turut merangkumi anjuran berbuat kebaikan dan mencegah berbuat kejahatan (Deghan, 2019). Ucapan yang baik sangat dianjurkan kerana memberi kesan yang efektif ke dalam jiwa (al-Ghazali, 1987). Kesantunan dalam berbahasa menjadi pelengkap kepada gandingan akhlak dalam masyarakat. Kedudukan dan kepentingan amalan kesantunan berbahasa dalam syariat Islam sangat utama sehingga Allah SWT dalam ayat tersebut meletakkan kedudukan tuntutan terhadap amalan kesantunan berbahasa di tangga keenam selepas tuntutan mentauhidkan Allah, ihsan dengan ibu bapa, ihsan dengan saudara mara, ihsan dengan anak-anak yatim dan ihsan dengan fakir miskin (Al-Sa'adiy, 2013). Tuntutan mendirikan solat dan menunaikan zakat disebut selepas tuntutan mengamalkan kesantunan berbahasa.

Sayyid Quṭb (2000) juga mengulas bahawa tuntutan supaya beramal dengan kesantunan berbahasa berada pada tahap ketiga selepas tuntutan tauhid dan ihsan kepada ibu bapa, saudara mara, anak yatim dan fakir miskin. Al-Qurṭubiy (1967) mendefinisikan perkataan *حسنا* iaitu baik sebagai *الحلم* iaitu lembut atau santun. Beliau memetik kata-kata Sufian al-Sauriy yang memaksudkan sebagai menyuruh berbuat kebaikan dan melarang berbuat kejahatan. Beliau juga memetik kata-kata Abu ‘Aliyah yang memaksudkan sebagai berkata dengan kata-kata yang baik. Kesantunan adalah sebahagian daripada akhlak yang dituntut supaya diamalkan.

Ibnu Kathir (1999) dalam menghuraikan maksud frasa *وقولوا للناس حسنا* turut menjelaskan bahawa kata-kata yang baik itu ialah anjuran berbuat kebaikan dan larangan berbuat kejahatan dan ia adalah kesantunan. Anjuran berbahasa santun perlu diikuti dengan pengukuhan amalan solat dan zakat. Al-Sa’adiy (2013) menjelaskan bahawa kandungan frasa *qulu li al-nas husna* dalam amalan kesantunan berbahasa bukan sahaja menganjurkan kebaikan dan mencegah keburukan bahkan merangkumi menyampaikan ilmu, menyebarkan salam, bermanis muka dan sebagainya yang termasuk dalam konsep kesantunan berbahasa. Ayat tersebut bukan sahaja menganjurkan amalan kesantunan dalam berbahasa bahkan melarang penggunaan perkataan-perkataan buruk dan keji dalam hubungan kemasyarakatan termasuk ketika berinteraksi dengan golongan kafir (al-Qurṭubiy, 1967). Allah SWT mengajar manusia supaya sentiasa bersih dan baik dalam perbuatan dan perkataan tanpa ada unsur-unsur cercaan, penghinaan, kejian, pertengkaran, pergaduhan dan seumpamanya.

Kedua: Kesantunan Berbahasa Merupakan Hikmah Anugerah Allah

Amalan kesantunan berbahasa merupakan hikmah atau kebijaksanaan yang dianugerahkan Allah kepada manusia yang dipilih. Firman Allah SWT dalam ayat 269, surah al-Baqarah menjelaskan perkara ini.

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتَ الْحِكْمَةَ فَقَدْ أُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا وَمَا يَذَّكَّرُ إِلَّا أُولُو الْأَلْبَابِ

Allah menganugerahkan al-Hikmah kepada siapa yang dikehendaki-Nya. dan Barangsiapa yang dianugerahi hikmah, ia benar-benar telah dianugerahi kurnia yang banyak dan hanya orang-orang yang berakallah yang dapat mengambil pelajaran.

Al-Ṭabariy (2008) dalam tafsirnya menyebutkan bahawa terdapat perselisihan pendapat mufassir tentang maksud *al-hikmah*. Sebilangan mereka menyandarkan maksud *al-hikmah* dalam ayat tersebut kepada kefahaman tentang al-Quran yang meliputi ilmu nasakh dan mansukh, hukum halal dan haram serta fiqh al-Quran. Terdapat juga sebilangan mufassir yang lain menafsirkan *al-hikmah* sebagai ilmu agama, kefahaman, ketakutan dan kenabian. Namun, pada pandangan Al-Ṭabariy (2008) *al-hikmah* di sini juga bermaksud *al-ʿisabah* iaitu benar, tepat dan baik dalam perkataan dan perbuatan. Pandangan beliau disandarkan kepada asal perkataan *al-hikmah* iaitu *al-hakamu* yang bermaksud *al-ʿisabah*. Al-Ṭabariy (2008) menjelaskan bahawa kebijaksanaan dalam perkataan dan perbuatan adalah anugerah kepada mereka yang tergolong dalam golongan *ulul albab* iaitu mereka yang mempunyai akal fikiran. Sesuatu ucapan tidak bermanfaat melainkan diamalkan dengan kesantunan dan kesopanan. Al- Sa'adiy (2013) dalam tafsirnya juga menyebut perkara yang sama seperti Al-Ṭabariy (2008) iaitu golongan yang mengamalkan hikmah sama ada dalam perkataan atau perbuatan adalah mereka yang dipilih oleh Allah iaitu golongan *ulul albab*. Justeru, golongan *ulul albab* yang dipilih oleh Allah dikurniakan hikmah

dalam percakapan dan perbuatan. Sesuatu percakapan itu dikatakan berhikmah apabila mengamalkan kesantunan bahasa di dalamnya.

Pada pandangan Al-Ṭantawiy (1998), perkataan *ḥikmah* adalah berasal dari perkataan *ḥakama* حَكَمَ yang bermakna *mana'a* مَنَعَ iaitu menghalang kerana ia menghalang tuannya daripada tersilap dan tersesat. Perkataan حَكَمَ boleh juga dikatakan sebagai kata akar kepada perkataan الإحكام iaitu الإِتْقَانُ yang bermaksud bersungguh-sungguh dalam ilmu, amal dan perkataan. Al-Ṭantawiy (1998) merumuskan bahawa hikmah adalah menepati perkara benar dalam perkataan dan perbuatan. Golongan yang berhikmah dalam perkataan dan perbuatan ialah golongan yang dipilih oleh Allah untuk memliki ilmu yang dapat memeliharanya daripada tersilap sama ada dalam perkataan ataupun perbuatan. Justeru orang yang dapat mengamalkan kesantunan dalam percakapannya adalah orang yang dianugerahkan Allah dengan hikmah. Ibnu Kathir (1999) dan Al-Qurṭubiy (1967) menyenaraikan beberapa makna perkataan *ḥikmah* sebagaimana perbahasan beberapa ulamak. Antaranya *ḥikmah* membawa maksud pengetahuan tentang al-Quran dan ilmunya, kefahaman tentang agama, kenabian, menghayati perintah Allah dan mengikutinya, wara' dan perasaan takutkan Allah.

Al-Qurṭubiy (1967) membahagikan *ḥikmah* kepada empat bahagian. Pertama, *ḥikmah* yang bermaksud mengenal Allah dengan sebenar-benarnya. Kedua, *ḥikmah* sebagai sumber ilmu akhlak. Ketiga *ḥikmah* dalam memperkasakan urusan rumahtangga dan keempat *ḥikmah* dalam membangunkan umat dan negara. Justeru orang yang mempunyai *ḥikmah* adalah orang yang mendapat anugerah dari Allah.

Ketiga: Kesantunan Berbahasa Merupakan Rahmat Allah

Firman Allah SWT dalam ayat 159, surah Ali ‘Imran:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ۚ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ۚ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maka disebabkan rahmat dari Allah, kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. oleh itu maafkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah berazam, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.

Keempat: Kesantunan Berbahasa Lambang Kesabaran dan Kebijaksanaan

Firman Allah SWT dalam ayat 35 surah Fussilat:

وَمَا يُغْنِيهَا إِلَّا الَّذِينَ صَبَرُوا وَمَا يُغْنِيهَا إِلَّا ذُو حِظٍّ عَظِيمٍ

Sifat-sifat yang baik itu tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang sabar dan tidak dianugerahkan melainkan kepada orang-orang yang mempunyai keuntungan yang besar.

Ayat 35 surah Fussilat adalah sambungan kepada ayat sebelumnya iaitu ayat 33 yang menyatakan amalan kesantunan berbahasa adalah tuntutan dakwah serta sambungan kepada ayat 34 surah Fussilat yang menyeru diamalkan kesantunan ketika berdebat. Seterusnya dalam ayat 35 Allah SWT menjelaskan bahawa mereka yang dapat memenuhi kriteria dakwah iaitu mengamalkan kesantunan berbahasa dalam berdakwah dan berdebat adalah mereka yang mempunyai sifat sabar. Kesabaran dalam mengamalkan kesantunan berbahasa dalam berdakwah dan berdebat merupakan anugerah Allah dan mereka yang mengamalkannya diberi jaminan oleh Allah akan mendapat kurniaan yang baik di dunia dan di akhirat. Ibnu Kathir (1999) dalam menafsirkan ayat ini memetik kata-kata Ibnu ‘Abbas yang mengatakan bahawa Allah memerintahkan orang-orang beriman untuk sabar ketika marah, berlapang dada

ketika diperlakukan tidak baik dan memaafkan ketika disalahkan. Jika mereka melakukan seperti itu nescaya Allah akan memelihara mereka dari gangguan syaitan dan menundukkan musuh-musuh mereka, seolah-olah mereka menjadi teman setia. Sayyid Qutb (2000), menjelaskan sikap bersabar dan berlapang dada dengan tetap santun dalam berdakwah merupakan anugerah kepada mereka yang mempunyai darjat keimanan yang tinggi. Anugerah kesabaran dan ketenangan dalam mengamalkan kesantunan ketika berdakwah akan diperoleh hasil usaha dan daya juang yang tinggi.

Kelima: Setiap Ucapan Dikira Pahala dan Dosa

Firman Allah SWT dalam ayat 18 surah Qaf:

مَا يَلْفِظُ مِنْ قَوْلٍ إِلَّا لَدَيْهِ رَقِيبٌ عَتِيدٌ

Tiada suatu ucapan pun yang diucapkan melainkan ada padanya malaikat yang sentiasa mengawasi, yang selalu hadir.

Dalam tafsiran ayat di atas, al-Qurtubiy (1967), Al-Tabariy (2008), Ibnu ‘Ashur (1984), Al-Sa’adiy (2013), Al-Baghawiy (1989) dan Ibnu Kathir (1999) menjelaskan bahawa Allah SWT memerintahkan malaikat supaya mencatat setiap perkataan yang diucapkan sama ada ucapan baik atau ucapan buruk. Al-Tabariy (2008) memetik kata-kata Ibnu ‘Abbas bahawa Allah SWT menjadikan bagi setiap anak Adam itu para malaikat yang menjaga mereka pada waktu siang dan malam serta sentiasa mencatat setiap perbuatan baik atau jahat di sebelah kanan dan kiri. Firman Allah dalam ayat 10-12 surah Al-Infithar:

وَإِنَّ عَلَيْكُمْ لَحَافِظِينَ كِرَامًا كَاتِبِينَ يَعْلَمُونَ مَا تَفْعَلُونَ

Padahal sesungguhnya bagi kamu ada malaikat-malaikat yang mengawasi pekerjaanmu, yang mulia di sisi Allah dan mencatat pekerjaan-pekerjaanmu itu, mereka mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Firman Allah SWT dalam ayat 13-14 surah al-Isra`:

وَكُلُّ إِنْسَانٍ لَّزِمُهُ طَبْعُهُ فِي عُنُقِهِ وَنُخْرِجُ لَهُ يَوْمَ الْقِيَمَةِ كِتَابًا يَلْقَاهُ مَنشُورًا

Dan tiap-tiap manusia itu telah Kami tetapkan amal perbuatannya pada lehernya dan Kami keluarkan baginya pada hari kiamat sebuah kitab yang dijumpainya terbuka, Bacalah kitabmu, cukuplah dirimu sendiri pada waktu ini sebagai penghisab terhadapmu".

Al-Qurtubiy (1967) dalam menghuraikan kefahaman ayat di atas memetik hadis

Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud yang bermaksud:

Sesungguhnya dua malaikat penjaga apabila mereka turun kepada seorang hamba atau umat, mereka membawa bersama sebuah kitab yang tertutup, maka mereka mencatat apa yang disebut oleh hamba atau umat tersebut.

Ibnu 'Ashur (1984) menjelaskan perkataan لفظ dalam ayat memberi makna sebutan perkataan yang menunjukkan ada maknanya. Ini berbeza dengan maksud perkataan القول yang membawa makna kata-kata yang lengkap. Penjelasan Ibnu 'Ashur (1984) menunjukkan bahawa malaikat tetap mencatat dan mengira sama ada dosa atau pahala walaupun hanya perkataan yang dikeluarkan dari bibir seseorang.


Sayyid Qutb (2000) menyebutkan bahawa ayat ini menggambarkan pengawasan Allah SWT terhadap setiap gerak-geri manusia hatta setiap butir bicaranya. Hal ini menjelaskan mereka yang mempunyai keimanan dan menyedari hakikat gambaran ayat ini, pasti sangat berhati-hati dalam menuturkan kata-kata dan sentiasa memastikan kata-kata yang diucapkannya diredhoi Allah.

Sayyid Qutb (2000) turut memuatkan cerita Imam Ahmad yang merintih dalam penderitaan sakratul maut tetapi setelah beliau mendengar bahawa rintihan itu juga dicatat, maka beliau berhenti merintih sehinggalah menghembuskan nafasnya yang

terakhir. Kedudukan amalan kesantunan berbahasa dapat dijelaskan dalam Rajah 4.3.

Rajah 4.3

Kedudukan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran



4.2.1.3.2 Tujuan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran

Hasil analisis *Tafsir Mawdu'iy* ayat-ayat al-Quran, terdapat beberapa tujuan dalam konsep amalan kesantunan berbahasa:

Pertama: Amar Ma'ruf Nahi Munkar

Antara tujuan amalan kesantunan berbahasa ialah untuk menjalankan amar ma'ruf iaitu menganjurkan kebaikan dan nahi munkar iaitu mencegah kejahatan. Firman Allah SWT dalam ayat 71 surah al-Taubah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَٰئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh perkara yang ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Kedua: Dakwah Kepada Allah

Di antara tujuan amalan kesantunan berbahasa dianjurkan dalam Islam ialah sebagai dakwah kepada masyarakat supaya beriman dan patuh dengan perintah dan larangan Allah. Firman Allah SWT dalam ayat 33 surah Fussilat:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Siapakah yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada Allah, mengerjakan amal yang saleh, dan berkata: "Sesungguhnya aku termasuk orang-orang yang menyerah diri"


Al-Sa'adiy (2013) berpendapat gaya bahasa pertanyaan dalam ayat tersebut iaitu perkataan من yang bermakna siapakah adalah gaya bahasa penafian tetap yang memberi maksud tidak ada seorang pun yang paling baik kata-katanya (ucapan dan cara) daripada ucapan dakwah seseorang yang menyeru orang lain supaya beriman kepada Allah. Dakwah yang dimaksudkan merangkumi menyampaikan ilmu kepada golongan jahil, memberi peringatan kepada mereka yang lalai dan menentang, berdebat dengan mereka yang menjadi penghalang pelaksanaan perintah Allah, menyuruh beribadat kepada Allah, berdebat dengan musuh Islam dengan sebaik-baik bahasa, mencegah kekufuran dan syirik, menyuruh berbuat kebaikan dan mencegah

kemungkaran. Menurut Al-Sa'adiy (2013) amalan kesantunan berbahasa dituntut bagi menyempurnakan dakwah dalam konteks mengajak masyarakat mencintai ilmu dan mencari hidayah Allah di samping anjuran memiliki akhlak yang terpuji.

Pandangan yang sama turut dikemukakan oleh Tanṭawiy (1998) tentang keperluan dakwah kepada amalan kesantunan berbahasa. Beliau memandang bahawa pelaksanaan dakwah memerlukan kesantunan dari segi perbuatan dan perkataan. Sayyid Qutb (2000), menafsirkan ayat 33 surah Fussilat sebagai peraturan berdakwah. Ayat ini menggariskan panduan kepada setiap pendakwah agar mengamalkan kesantunan ketika berdakwah. Ayat ini juga sebagai penjelasan bahawa pendakwah islam tidak boleh mengikuti cara interaksi kaum Musyrikin sebelum ini yang diceritakan pada awal surah. Ayat ini juga menjelaskan bahawa pendakwah Islam patut tetap mengamalkan kesantunan biarpun ketika berdepan dengan golongan yang mengasari mereka. Biarpun pendakwah Islam menghadapi ancaman ketika berdakwah, mereka tetap diseru agar berlapang dada supaya dakwah dapat disampaikan. Kesimpulannya, tujuan amalan kesantunan berbahasa dianjurkan dalam Al-Quran dapat dirumuskan dalam Rajah 4.4.

Rajah 4.4

Tujuan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran



4.2.1.3.3 Kandungan Ucapan Dalam Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran

Berikut ialah subtema bagi kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa mengikut ayat-ayat al-Quran yang telah dipilih.

Pertama: Menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran

Antara kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa ialah menyuruh melakukan kebaikan dan melarang dari melakukan kemungkaran. Firman Allah swt dalam ayat 71 surah al-Taubah:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَيُطِيعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيَرْحَمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh perkara yang

ma'ruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan solat, menunaikan zakat dan mereka taat pada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Kedua: Memohon Ampun Bagi Orang Lain (Ali 'Imran: 159)

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ ۚ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ۚ فَاعْفُ عَنْهُمْ
وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Oleh itu ma'afkanlah mereka, mohonkanlah ampun bagi mereka, dan bermusyawaratlah dengan mereka dalam urusan itu, kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepadaNya.

Ketiga: Memberi Salam

Allah SWT berfirman dalam ayat 54, surah al-An'am yang bererti:

وَإِذَا جَاءَكَ الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِآيَاتِنَا فَقُلْ سَلَامٌ عَلَيْكُمْ كَتَبَ رَبُّكُمْ عَلَى نَفْسِهِ الرَّحْمَةَ أَنَّهُ مَن عَمِلَ
مِنْكُمْ سُوءًا بِجَهْلَةٍ ثُمَّ تَابَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَصْلَحَ فَأَنَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Apabila orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat Kami itu datang kepadamu, maka katakanlah: "Salaamunalaikum. Tuhanmu telah menetapkan atas diriNya kasih saying, bahwasanya barang siapa yang berbuat kejahatan di antara kamu lantaran kejahilan kemudian ia bertaubat setelah mengerjakannya dan mengadakan kebaikan, maka Sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

Seperti yang dibincangkan dalam ayat 86, surah al-Nisa`, ucapan penghormatan yang dimaksudkan ialah ucapan salam. Justeru, memberi dan membalas salam adalah antara amalan kesantunan berbahasa yang diamalkan oleh orang-orang yang beriman. Menurut Al-Sya'rawiy (2013), ulamak menerangkan tentang aturcara salam bahawa orang yang berjalan hendaklah memberi salam kepada yang duduk. Orang yang menaiki kenderaan hendaklah memberi salam kepada orang yang berjalan. Orang yang lebih muda memberi salam kepada orang yang lebih tua. Orang yang melihat

memberi salam kepada orang yang buta. Kumpulan yang sedikit memberi salam kepada kumpulan yang lebih banyak.

Al-Sya'rawiy (2013) menambah dengan menyatakan bahawa anjuran salam ini adalah meliputi golongan lelaki dan juga wanita, namun hukum wanita memberi salam kepada lelaki yang bukan muhram dalam keadaan membuka peluang fitnah adalah haram. Demikian juga terdapat cara yang berbeza ketika menjawab salam yang diberikan oleh orang kafir. Rasulullah mengajarkan supaya salam yang diberikan oleh orang kafir dijawab dengan “wa’alaikum”. Al-Sya'rawiy (2013) menjelaskan bahawa amalan memberi dan menjawab salam adalah amalan yang berkait dengan keimanan. Seseorang yang mempunyai keimanan yang tinggi sentiasa menghargai dan menghormati saudaranya semuslim dan penghormatan dan penghargaan ini menunjukkan wujudnya amalan kesantunan yang sangat dianjurkan dalam Islam.

Keempat: Berdoa

Allah SWT berfirman dalam ayat 24 surah al-Isra`:

وَاخْفِضْ لَهُمَا جَنَاحَ الذُّلِّ مِنَ الرَّحْمَةِ وَقُلْ رَبِّ ارْحَمْهُمَا كَمَا رَبَّيَانِي صَغِيرًا

Dan rendahkanlah dirimu terhadap mereka berdua dengan penuh kesayangan dan ucapkanlah: "Wahai Tuhanku, kasihilah mereka keduanya, sebagaimana mereka berdua telah mendidik aku waktu kecil".

Kelima: Memberi nasihat.

Allah SWT berfirman dalam ayat 1-3 surah al-‘Asr:


وَالْعَصْرِ
إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي خُسْرٍ
إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ وَتَوَاصَوْا
بِالصَّبْرِ

Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar dalam kerugian kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat menasihati supaya menetapi kesabaran.

Kandungan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dijelaskan secara ringkas dalam Rajah 4.5.

Rajah 4.5

Kandungan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran



4.2.1.3.4 Kaedah Pelaksanaan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran

Berikut ialah subtema bagi kaedah pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa menurut ayat-ayat al-Quran yang telah dipilih.

Pertama: Menggunakan Perkataan Yang Baik

Salah satu cara praktikal bagi mengamalkan kesantunan berbahasa ialah dengan menggunakan perkataan-perkataan yang baik. Firman Allah SWT dalam ayat 53 surah al-Isra`:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ الشَّيْطَانَ يَنْزِعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَانَ كَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوًّا مُبِينًا

Dan Katakanlah kepada hamha-hambaKu: "Hendaklah mereka mengucapkan Perkataan yang lebih baik (benar). Sesungguhnya syaitan itu menimbulkan perselisihan di antara mereka. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia.

Sayyid Qutb (2000) dalam tafsiran ayat tersebut menekankan kepentingan menggunakan perkataan yang baik dalam ucapan dalam kalangan orang mukmin pada setiap tempat dan waktu. Orang-orang mukmin dianjurkan supaya memilih kata-kata yang hendak diucapkan agar mereka terhindar dar hasutan syaitan yang akan merosakkan hubungan harmoni dan kemesraan antara mereka. Hakikatnya, syaitan sentiasa menggoda dan menghasut manusia supaya menggunakan kata-kata yang kesat dan kasar yang boleh menyebabkan suasana kasih mesra dan harmoni berubah menjadi pertelingkahan dan pertengkaran sehingga menyebabkan berlakunya pergaduhan dan permusuhan. Perkataan-perkataan yang baik dapat melembutkan dan menjinakkan hati serta menyatukan hati-hati dengan kasih sayang.

Ibnu Kathir (1999) memandang khitab Allah ini sebagai perintah kepada manusia yang beriman supaya sentiasa menjaga pertuturan mereka dan memilih perkataan-perkataan yang baik untuk digunakan dalam pertuturan. Orang-orang mukmin dianjurkan supaya menyedari akan gangguan dan hasutan syaitan supaya menggunakan perkataan-perkataan yang kesat dan buruk dalam perbicaraan sehingga menyebabkan berlakunya ketidakharmonian dalam hubungan sesama mereka. Ibnu Kathir (1999) memetik hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a. Rasulullah SAW bersabda:

عن أَبِي هُرَيْرَةَ يَقُولُ قَالَ أَبُو الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ أَشَارَ إِلَى أَخِيهِ بِحَدِيدَةٍ فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَلْعَنُهُ حَتَّى يَدْعَهُ وَإِنْ كَانَ أَخَاهُ لِأَبِيهِ وَأُمِّهِ

Daripada Abi Hurairah r.a berkata, beliau mendengar Abu al-Qasim Rasulullah SAW bersabda: Barangsiapa yang menunjukkan kepada saudaranya dengan besi senjata, maka para malaikat akan melaknatnya, sehinggalah dia menurunkan senjata itu. Walaupun yang dibidiknya itu ialah saudara sebapa atau saudara seibu.

Firman Allah SWT dalam ayat 83, surah al-Baqarah:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَءِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَفُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ

Dan (ingatlah) ketika Kami mengambil janjidi dari Bani Israil, “Janganlah kamu menyembah selain Allah, dan berbuat-baiklah kepada kedua orang tua, kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin. Dan bertuturkatalah yang baik kepada manusia, laksanakanlah salat dan tunaikanlah zakat.” Tetapi kemudian kamu berpaling (mengingkari), kecuali sebagian kecil dari kamu, dan kamu (masih menjadi) pembangkang.

Al-Sya'rawiy (2013) menerangkan bahawa perkataan *حسنا* adalah sama dengan perkataan *حسن* yang bermakna baik. Baik menurut ulamak ialah apa yang dikatakan baik menurut syariat. Jika hal yang baik tidak mempunyai teksnya, hanya baik dari sudut akal, maka dikira baik menurut syariat.

Kedua: Mengamalkan Kesantunan Berbahasa Dengan Semua Manusia.

Amalan kesantunan berbahasa dituntut supaya diamalkan dalam interkasi dengan semua manusia. Amalan murni ini tidak hanya terbatas kepada sesuatu golongan seperti golongan mukmin dan golongan muslim sahaja, bahkan amalan ini dituntut diamalkan dengan semua jenis golongan manusia. Ayat 83 surah al-Baqarah, iaitu pada firman Allah *وقولوا للناس حسنا* menjelaskan hal ini. Al-Zuhailiy (1991), Al-Tantawiy (1998), Al-Tabariy (2008) dan al-Sa'diy (2013) menyebut perkataan *li al-nas* dalam ayat 83, surah al-Baqarah menunjukkan bahawa tuntutan amalan

kesantunan berbahasa adalah merangkumi semua interaksi manusia, tidak dihadkan hanya kepada golongan muslim atau kafir. Amalan kesantunan berbahasa juga tidak hanya dihadkan dalam interaksi sesama saudara mara dan sahabat handai sahaja. Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa mengamalkan kesantunan biarpun dalam keadaan perdebatan atau disakiti.

Ketiga: Berlembut Dengan Golongan Mukmin

Di antara cara pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa yang dianjurkan menurut ayat-ayat Al-Quran ialah bertegas dengan golongan kafir pada perkara aqidah. Allah SWT berfirman dalam ayat 54 surah al-Ma'idah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مَنْ يَرْتَدَّ مِنْكُمْ عَنْ دِينِهِ فَسَوْفَ يَأْتِي اللَّهَ بِقَوْمٍ يُحِبُّهُمْ وَيُحِبُّونَهُ أَذِلَّةٍ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ أَعِزَّةٍ عَلَى الْكَافِرِينَ يُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا يَخَافُونَ لَوْمَةَ لَائِمٍ ۚ ذَٰلِكُمْ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتِيهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

Wahai orang-orang yang beriman, barangsiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan merekapun mencintaiNya, yang bersikap lemah lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad dijalan Allah, dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela. Itulah kurniaan Allah, diberikanNya kepada siapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha Luas (pemberianNya) lagi Maha mengetahui.

Al-Sya'rawiy (2013) dalam menafsirkan ayat ini, membahagikan karakter manusia kepada enam bentuk. Pertama, manusia yang dicintai Allah, kedua, manusia yang encintai Allah, ketiga manusia yang lembut terhadap sesama mukmin, keempat, manusia yang tegas terhadap golongan kafir, kelima, manusia yang berjihad di jalan Allah dan keenam, manusia yang tidak resah terhadap cercaan orang lain. Walau bagaimanapun Al-Sya'rawiy (2013) menimbulkan persoalan tentang dua sikap yang harus dimiliki oleh seorang mukmin dalam waktu yang sama, iaitu berlembut dan bertegas. Beliau menjelaskan bahawa Allah menghendaki seorang mukmin

mempunyai dua karakter yang berbeza mengikut situasi. Seorang mukmin seharusnya berlembut sesama mukmin dan seharusnya bertegas dengan golongan kafir. Al-Sya'rawiy (2013) menambah bahawa kelembutan dan kesantunan yang diamalkan oleh seseorang mukmin akan mengangkat kedudukannya di sisi Allah.

Keempat: Bertegas Dengan Golongan Kafir

Selain berlembut dengan sesama mukmin, orang Islam juga diseru supaya pada masa yang sama bersikap dengan sikap yang tegas apabila menghadapi musuh atau golongan kafir. Ayat 54 surah al-Ma'idah di atas dengan jelas menggambarkan sikap seorang mukmin terhadap kafir iaitu bertegas dengan mereka dan tidak takut pada cercaan-cercaan mereka. Justeru maksud amalan kesantunan bahasa yang dimaksudkan bukan sahaja terbatas kepada kelembutan dan kesopanan, bahkan turut bermaksud mempunyai ketegasan mengikut situasi, tempat dan masa serta golongan yang dihadapi.

Kelima: Memulakan Bicara Dengan Aluan Yang Baik

Memulakan tutur bicara dengan aluan yang baik juga merupakan antara cara pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa. Hal ini disandarkan kepada ayat 86 surah al-Nisa`:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا
وَّنِسَاءً ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا

Apabila kamu diberi penghormatan dengan sesuatu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik dari padanya, atau balaslah penghormatan itu dengan yang serupa. Sesungguhnya Allah memperhitungkan segala sesuatu.

Al-Sya'rawiy (2013) dalam tafsirannya menjelaskan bahawa menjadi kewajiban seorang muslim membalas penghormatan yang diberikan kepadanya dengan penghormatan yang sama atau penghormatan yang lebih baik darinya. Beliau menyandarkan tafsiran ayat ini pada perbualan ulama tentang ucapan salam etika bertemu. Menurut beliau, Salman al-Farisi berkata: “Seseorang datang kepada Rasulullah dan berkata: “Assalamualaika Ya Rasulallah. Rasulullah menjawab: “Waalaika salam warahmatullah”. Lalu datang sahabat lain dan berkata: “Assalamualaika Ya Rasulallah warahmatullah”. Rasulullah menjawab: “Waalaika salam warahmatullahi wabarakatuh”. Kemudian datang lagi yang lain dan berkata: “Assalamualaika ya Rasulallah warahmatullahi wabarakatuh.” Rasulullah menjawab: “Waalaika.” Maka Salman berkata kepada Rasulullah: “Wahai Rasulullah, si fulan dan si fulan datang dan memberi salam kepadamu, lalu kamu menjawabnya lebih dari apa yang kamu ucapkan kepadaku. Rasulullah menjawab: “ Kamu tidak mengisahkan bagi kami sesuatu seperti yang dikatakan Allah, “apabila kamu dihormati dengan satu penghormatan, maka balaslah penghormatan itu dengan yang lebih baik atau balaslah dengan yang serupa dengannya” dan dengan jawapan ini, kami telah membalasnya kepadamu. ”

Keenam: Menghormati Ibadat Agama Lain Dengan Tidak Mencerca

Salah satu cara pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa ialah menghormati ibadat agama lain dengan tidak mencerca perbuatan mereka. Allah SWT berfirman dalam ayat 108, surah al-An'am:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ كَذَلِكَ زَيْنًا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِمْ مَرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Dan janganlah kamu memaki sembahsan-sembahsan yang mereka sembah selain Allah, karena mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. Kemudian kepada Tuhan merekalah kembali mereka, lalu Dia memberitaskan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.

Ketujuh: Merendah Diri Ketika Berbicara

Merendah diri ketika berbicara juga merupakan salah satu cara pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa. Firman Allah SWT dalam ayat 88 surah al-Hijr:

وَلَا تُمَدِّدْ عَيْنَيْكَ إِلَىٰ مَا مَتَّعْنَا بِهِ أَزْوَاجًا مِنْهُمْ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَخَفِضْ جَنَاحَكَ لِلْمُؤْمِنِينَ

Janganlah sekali-kali kamu menunjukkan pandanganmu kepada kenikmatan hidup yang telah Kami berikan kepada beberapa golongan di antara mereka (orang-orang kafir itu), dan janganlah kamu bersedih hati terhadap mereka dan berendah dirilah kamu terhadap orang-orang yang beriman.

Kelapan: Santun Dengan Lisan dan Perilaku

Di antara cara pelaksanaan amalan kesantunan berbahasa ialah santun dengan lidah dan santun dengan perilaku. Firman Allah SWT dalam ayat 125 surah al-Nahl:

أَدْعُ إِلَىٰ سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِهِمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan muridan yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

Kesembilan: Berdebat Dengan Bahasa Yang Baik

Berdebat dengan bahasa yang baik adalah salah satu cara amalan kesantunan berbahasa. Firman Allah dalam ayat 15 surah al-Nahl:

وَالْقَىٰ فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَن تَمِيدَ بِكُمْ وَأَنْهَارًا وَسُبُلًا لَّعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ

Serulah manusia kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan muridan yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk.

Kesepuluh: Ihsan Dengan Ibu Bapa

Firman Allah dalam ayat 23 surah al-Isra`:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عَنْكَ الْكِبَرِ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya perkataan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.

Kesebelas: Menggunakan Bahasa Yang Baik Dengan Golongan Jahil

Firman Allah dalam ayat 63 surah al-Furqan:

وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا

Dan hamba-hamba Tuhan yang Maha Penyayang itu ialah orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata kesejahteraan.

Kedua Belas: Bertegas Dengan Perkara Aqidah

Firman Allah dalam ayat 46 surah al-‘Ankabut:

وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ۚ إِلَّا الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ وَقُولُوا آمَنَّا بِالَّذِي أُنزِلَ إِلَيْنَا وَأُنزِلَ إِلَيْكُمْ وَإِلَهُنَا وَإِلَهُكُمْ وَاحِدٌ وَنَحْنُ لَهُ مُسْلِمُونَ

Dan janganlah kamu berdebat dengan ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang zalim di antara mereka dan katakanlah: "Kami telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu; Tuhan Kami dan Tuhanmu adalah satu; dan kami hanya kepada-Nya berserah diri.

Ketiga Belas: Merendahkan Suara Ketika Berbicara

Di antara cara amalan kesantunan berbahasa ialah merendahkan suara ketika berbicara. Firman Allah dalam ayat 19 surah Luqman:

وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ وَاعْضُضْ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتُ الْحَمِيرِ

Dan sederhanakanlah langkahmu semasa berjalan juga rendahkanlah suaramu (semasa berkata-kata), sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai.

Keempat Belas: Mencontohi Rasulullah SAW

Rasulullah SAW adalah contoh dalam segala perkara, termasuklah dalam amalan

kesantunan berbahasa. Firman Allah SWT dalam ayat 21 surah al-Ahzab:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُو اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Demi sesungguhnya adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).


Kesimpulannya, kaeah amalan kesantunan berbahasa dapat dirumuskan dalam Rajah

4.6 di bawah.



Rajah 4.6

Kaedah Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran



4.2.2 Analisis Tafsir Mawdu'iy Ayat-ayat al-Quran Pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa

Dapatan analisis *Tafsir Mawdu'iy* yang dilakukan terhadap ayat-ayat al-Quran bagi membentuk pendekatan kesantunan berbahasa dalam kajian ini dapat dijelaskan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah taburan ayat-ayat pendekatan amalan kesantunan berbahasa dan peringkat kedua ialah analisis tema mengikut ayat.

4.2.2.1 Taburan Ayat-ayat al-Quran Pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa

Hasil analisis *Tafsir Mawdu'iy* terdapat sepuluh ayat utama yang dipilih bagi pembentukan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Analisis *Tafsir Mawdu'iy* dijalankan dengan merujuk kepada senarai kitab-kitab tafsir Ayat pertama ialah ayat 235 surah al-Baqarah. Firman Allah SWT:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ أَوْ أَكْنَنْتُمْ فِي أَنْفُسِكُمْ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَكِنْ لَا تُؤَاعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا ۚ وَلَا تَعْزِمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي أَنْفُسِكُمْ فَاحْذَرُوهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَفُوٌّ ذَلِيلٌ

Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam iddah) atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut atau mengingati. Mereka (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka dalam sulit selain dari menyebut kata-kata (secara sindiran) yang sopan.

Dalam ayat 235 surah al-Baqarah, indikator yang dipilih adalah frasa *قولا معروفا* yang membawa maksud pengucapan yang baik. Indikator ini turut ditemui dalam ayat yang kedua iaitu ayat 5 dan ayat yang ketiga iaitu ayat 8 surah al-Nisa` serta ayat keempat iaitu ayat 32 surah al-Ahzab. Firman Allah SWT dalam ayat 5 surah al-Nisa`:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu (harta)

yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan) dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

Firman Allah SWT dalam ayat 8 surah al-Nisa`:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَأَرْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka) dan anak-anak yatim serta orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya dan berkatalah kepada mereka kata-kata yang baik.

Firman Allah SWT dalam ayat 32 surah al-Ahzab:

يُنِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ إِنِ اتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Wahai isteri-isteri nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-man perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki yang asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu). Dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

Ayat kelima ialah ayat 9 dari surah al-Nisa`. Firman Allah SWT:

وَلْيَحْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعْفًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Dan hendaklah takut (kepada Allah daripada melakukan aniaya kepada anak-anak yatim) oleh orang (yang menjadi penjaganya) yang jika ditakdirkan mereka pula meninggalkan anak-anak yang dhaif (yatim) di belakang mereka, (tentulah) mereka akan merasa bimbang terhadap (masa depan dan keselamatan) anak-anak mereka. Oleh itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengatakan perkataan yang betul (menepati kebenaran).

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa سديدا قولا yang membawa

maksud pengucapan yang benar. Indikator yang sama turut ditemui dalam ayat

keenam iaitu ayat 70 surah al-Ahzab. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah pengucapan yang benar.

Ayat ketujuh yang ditemui bagi membentuk pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 63 surah al-Nisa`. Firman Allah SWT:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنْفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا

Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, maka berpalinglah kamu dari mereka dan berikanlah mereka muridan dan katakanlah kepada mereka pengucapan yang berkesan pada jiwa mereka.

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah قولا بليغا yang bermaksud kata-kata yang berkesan dalam jiwa (Al-Zuhaily, 1991). Ayat kelapan yang dipilih bagi membentuk pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 23 surah al-Isra`.

Firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغُنَّ عَنْكَ الْكِبَرُ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapakmu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya telah sampai usia tua, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya pengucapan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka Pengucapan yang mulia.

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa قولا كريما yang bermaksud pengucapan yang mulia. Ayat kesembilan yang ditemui dalam pembentukan pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 28 surah al-Isra`. Firman Allah SWT:

وَأَمَّا تُعْرِضَنَّ عَنْهُمْ ابْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِّن رَّبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَّيْسُورًا

Dan jika kamu berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang menyenangkan.

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa **قولا ميسورا** yang membawa maksud pengucapan yang menyenangkan. Ayat kesepuluh yang ditemui bagi pembentukan pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 44 surah Taha. Firman Allah SWT:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَىٰ

Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut".

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa **قولا لينا** yang bermaksud pengucapan yang lembut. Jadual 4.3 menunjukkan taburan ayat-ayat al-Quran yang dipilih bagi pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa.

Jadual 4.0.3

Ayat-ayat Pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa

Bil	Kedudukan Ayat	Indikator
1	Al-Baqarah: 235	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
2	Al-Nisa`: 5	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
3	Al-Nisa`: 8	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
4	Al-Ahzab: 32	قولا معروف (Pengucapan yang baik)
5	Al-Nisa`: 9	قولا سديدا (Pengucapan yang benar)
6	Al-Ahzab: 70	قولا سديدا (Pengucapan yang benar)
7	Al-Nisa`: 63	قولا بليغا (Pengucapan yang berkesan)
8	Al-Isra`: 23	قولا كريما (Pengucapan yang mulia)
9	Al-Isra`: 28	قولا ميسورا (Pengucapan yang menyenangkan)
10	Taha: 44	قولا لينا (Pengucapan yang lembut)

4.2.2.2 Analisis Tema Mengikut Ayat

Analisis *Tafsir Mawdu'iy* yang dilakukan menemukan enam tema bagi membentuk pendekatan kesantunan berbahasa. Tema-tema tersebut ialah *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Sadida*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Maysura*.

Tema Yang Pertama: *Qaulan Ma'rufa*

Tema yang pertama adalah berdasarkan ayat 235 surah al-Baqarah, ayat 5 dan 8 surah al-Nisa`dan ayat 32 surah al-Ahzab iaitu *Qaulan Ma'rufa*. Firman Allah dalam ayat 235 surah al-Baqarah:

وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِيمَا عَرَّضْتُمْ بِهِ مِنْ خِطْبَةِ النِّسَاءِ أَوْ أَكْنَنْتُمْ فِي أَنْفُسِكُمْ عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَكِنْ لَا تُؤَاعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا ۚ وَلَا تَعْزِمُوا عُقْدَةَ النِّكَاحِ حَتَّى يَبْلُغَ الْكِتَابُ أَجَلَهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي أَنْفُسِكُمْ فَاحْذَرُوهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ عَفُورٌ حَلِيمٌ

Dan tidak ada salahnya bagi kamu tentang apa yang kamu bayangkan (secara sindiran) untuk meminang perempuan (yang kematian suami dan masih dalam iddah) atau tentang kamu menyimpan dalam hati (keinginan berkahwin dengan mereka). Allah mengetahui bahawa kamu akan menyebut-nyebut atau mengingati. Mereka (yang demikian itu tidaklah salah), akan tetapi janganlah kamu membuat janji dengan mereka dalam sulit selain dari menyebut kata-kata (secara sindiran) yang sopan.

Ayat 235 surah Al-Baqarah merupakan panduan kepada kaum mukminin yang ingin meminang wanita mukminat yang masih dalam 'idah. Frasa *Qaulan Ma'rufa* pada asalnya dirujuk kepada penggunaan ucapan yang baik yang berbentuk kiasan atau sindiran oleh lelaki mukminin yang berhajat untuk menikahi perempuan mukminat yang sedang berada dalam 'idah sama ada diceraikan oleh suaminya atau diceraikan oleh suaminya. Al-Zuhailiy (1991), Al-Andalusiy (1993), Ibnu Kathir (1999), Sayyid Qutb (2000) dan Al-Sa`adiy (2013) memperincikan frasa *Qaulan Ma'rufa* dengan menyifatkannya sebagai kata-kata yang tidak tercegas dari segi syarak, iaitu kata-kata yang suci dan lembut dan tidak melukai pendengar.

Rasulullah SAW telah menunjukkan contoh penggunaan *Qaulan Ma'rufa* ketika melamar Fatimah binti Qais yang diceraikan oleh suaminya untuk diperisterikan oleh Usamah bin Zaid. Rasulullah SAW dalam lamaran tersebut hanya menggunakan bahasa kiasan iaitu: "Jika kamu sudah habis tempoh 'idah, beritahulah

saya”. Rasulullah SAW tidak menggunakan kata-kata yang berterus terang bagi menjaga keharmonian keadaan. Sayyid Qutb (2000) menjelaskan bahawa *Qaulan Ma'rufa* merupakan satu mekanisma atau pendekatan kesantunan berbahasa yang diungkapkan di dalam al-Quran sebagai panduan kepada golongan mukminin apabila bermuamalah dengan golongan mukminat yang sedang dalam 'idah perceraian sama ada cerai mati atau cerai talak tiga.

Al-Quran memberikan panduan bahawa dibolehkan golongan mukminat tersebut dipinang oleh lelaki mukminin yang ingin menikahnya selepas habis 'idah, namun pengucapan pernyataan peminangan itu tidak boleh dilafazkan secara langsung atau jelas, malah harus dilafazkan secara sindiran atau kiasan sahaja. Panduan pengucapan ini adalah bagi memelihara maruah dan perasaan golongan mukminat yang baru berpisah dengan suaminya. Perpisahan yang berlaku mungkin menyebabkan golongan mukminat terbabit berada dalam situasi yang menyedihkan atau masih mengimbau kenangan-kenangan semasa bersama bekas suami. Justeru, menggunakan perkataan yang boleh mengguris atau menyinggung hati mukminat adalah dilarang sama sekali. Sayyid Qutb (2000) menjelaskan bahawa panduan yang digariskan dalam ayat 235 surah al-Baqarah membuktikan bahawa Islam sangat memandangi tinggi kaum wanita hatta setelah mereka diceraikan dan sentiasa memelihara maruah mereka berbanding dengan keadaan mereka sebelum jahiliyyah yang sangat dipandang hina. Firman Allah dalam ayat 5 surah al-Nisa`:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَمًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu dan berilah mereka belanja dan pakaian dari pendapatan hartanya (yang kamu niagakan) dan juga berkatalah kepada mereka dengan kata-kata yang baik.

Ibnu Kathir (1999) memetik kata-kata Mujahid dalam mentafsirkan frasa *Qaulan Ma'rufa* sebagai berkata: “yakni dalam kebaikan dan silaturrahim”. Ayat ini merupakan anjuran supaya sentiasa berbuat baik dan berkata baik kepada ahli keluarga dan kaum kerabat serta orang-orang yang berada di bawah jagaan.

Firman Allah dalam ayat 8 surah al-Nisa:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Dan apabila kerabat (yang tidak berhak mendapat pusaka) dan anak-anak yatim serta orang miskin hadir ketika pembahagian (harta pusaka) itu, maka berikanlah kepada mereka sedikit daripadanya dan berkatalah kepada mereka kata-kata yang baik.

Qaulan Ma'rufa membawa pengertian pengucapan yang baik (Ibnu Kathir, 1999) tidak negatif dan menyenangkan (al-Zuhaily,1991). Analisis derivasi yang dilakukan bagi frasa *Qaulan Ma'rufa* meletakkan frasa ini sebagai *maf'ul mutlak* iaitu kata nama yang menjelaskan jenis pengucapan atau sifat pengucapan. Al-Zuhayliy (1991) dan Al-Zamakhshari (2013) menghuraikan frasa *Qaulan Ma'rufa* sebagai pengucapan yang baik yang tidak memalukan pihak lain dalam pergaulan yang baik dan harmoni. Al-Tabary (2000) menyebut maksud frasa *Qaulan Ma'rufa* dalam ayat 32 surah al-Ahzab sebagai ucapan yang diizinkan dan diharuskan oleh Allah. Ibnu Kathir (1999) turut menambah bahawa frasa *Qaulan Ma'rufa* ini bagi isteri-isteri Nabi seccara khususnya dan wanita-wanita lain amnya adalah sebagai panduan ketika berbicara dengan lelaki ajnabi. Perbicaraan mestilah dalam bentuk pengucapan yang baik dan tidak menimbulkan fitnah. Firman Allah SWT dalam ayat 32 surah al-Ahzab:

وَلَا تَتَمَنَّوْا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضُكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ ۚ لِلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا اكْتَسَبْنَ ۚ وَسَأَلُوا اللَّهَ مِنْ فَضْلِهِ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا

Wahai isteri-isteri nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-man perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki yang asing) kerana yang

demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu). Dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan).

Tema Kedua: *Qaulan Sadida*

Tema yang kedua ialah *Qaulan Sadida*. Tema ini ditemui dalam ayat 9 surah al-Nisa` dan ayat 70 surah al-Ahzab. Frasa *Qaulan Sadida* membawa maksud pengucapan yang benar, tidak berdusta dan realiti (Al-Zuhaily, 1991). Tema ini dikenal pasti daripada ayat 9 surah al-Nisa` dan ayat 70 surah al-Ahzab. Dalam ayat 9 surah al-Nisa, Allah SWT berfirman:

وَلْيَحْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang benar.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah perkataan yang benar

Perkataan سَدِيدًا dalam dua ayat di atas bermakna صواباً محكماً iaitu bertepatan dengan

ajaran agama. Frasa *Qaulan Sadida* merujuk kepada kata-kata yang adil, benar dan tepat (Al-Zuhaily, 1991). Dalam ayat 9 surah al-Nisa`, permulaan ayat adalah berkisar tentang pesanan Allah kepada orang-orang yang bertanggungjawab menguruskan harta peninggalan si mati supaya diuruskan mengikut peraturan agama iaitu faraid. Tema *sadida* dalam dua ayat ini menekankan dua perkara. Pertama, penekanan pesanan pengurusan harta pusaka ini adalah kepada mereka yang bertanggungjawab menguruskan harta bagi si mati. Orang-orang yang bertanggungjawab dalam menguruskan harta si mati diperintahkan supaya membahagikan harta pusaka secara faraid dan menjaga daripada terjadinya unsure-

unsur berat sebelah dan tidak adil. Pembahagian harta pusaka harus dilakukan mengikut garis panduan yang ditetapkan dalam faraid dan perkara ini memerlukan ketegasan dari pihak pentadbir harta pusaka tersebut.

Kedua, tema sadida yang diketengahkan di sini juga berdasarkan kepada pesanan Allah supaya berlaku ihsan dan menyantuni mereka yang ditinggalkan oleh si mati terutamanya anak-anak yatim. Justeru orang yang dipertanggungjawabkan dalam hal tersebut selain diperintahkan berkata benar dalam pembahagian harta pusaka mengikut ketetapan faraid, mereka juga diperintahkan agar berlaku ihsan terhadap anak-anak yatim dengan menyantuni mereka baik dari segi perkataan mahupun perbuatan (Al-Zuhaily, 1991).

Anjuran supaya ihsan dengan menyantuni anak-anak yatim menunjukkan keprihatinan Islam dalam menjaga dan memelihara anak-anak yatim (Al-Qurtubiy, 1967). Penjaga anak-anak yatim diseru supaya memperlakukan mereka seperti anak-anak sendiri dan memanggil mereka dengan panggilan kasih sayang serta mendidik mereka dengan penuh santun dan adab, sebagaimana perintah-perintah Allah dalam ayat 34 surah al-Isra`:

وَلَا تَقْرُبُوا مَالَ الْيَتِيمِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَشُدَّهُ وَأَوْفُوا بِالْعَهْدِ إِنَّ الْعَهْدَ كَانَ مَسْئُولًا

Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim, kecuali dengan cara yang lebih baik (bermanfaat) sampai ia dewasa dan penuhilah janji. Sesungguhnya janji itu pasti diminta penunaianannya.

Firman Allah dalam ayat 127 surah al-Nisa`:

وَأَن تَقُومُوا لِلْيَتَامَىٰ بِالْقِسْطِ وَمَا تَفْعَلُوا مِنْ خَيْرٍ فَإِنَّ اللَّهَ كَانَ بِهِ عَلِيمًا

Dan tentang anak-anak yang masih dipandang lemah dan (Allah menyuruh kamu) supaya kamu mengurus anak-anak yatim secara adil dan kebajikan apa saja yang kamu kerjakan, maka sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui tentangnya.

Demikian juga Allah berfirman dalam ayat 9 surah al-Duha:

فَأَمَّا الْيَتِيمَ فَلَا تَقْهَرْ

Sebab itu, terhadap anak yatim janganlah kamu mengherdik mereka.

Firman Allah lagi dalam ayat 220 surah al-Baqarah:

فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ وَإِنْ تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ
الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَأَعْنَتَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Tentang dunia dan akhirat. dan mereka bertanya kepadamu tentang anak yatim, katakanlah: "Mengurus urusan mereka secara ihsan adalah baik, dan jika kamu bergaul dengan mereka, maka mereka adalah saudaramu; dan Allah mengetahui siapa yang membuat kerusakan dari yang mengadakan kebaikan. Dan jikalau Allah menghendaki, nescaya Dia dapat mendatangkan kesulitan kepadamu. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Walaupun seruan *Qaulan Sadida* ayat tersebut adalah ditujukan kepada pentadbir harta pusaka dan penjaga anak-anak yatim, namun seruan itu tetap diseru kepada seluruh manusia supaya sentiasa menggunakan kata-kata yang baik, benar dan tepat dalam semua urusan serta interaksi dengan sesama manusia, terutamanya dengan kaum keluarga terdekat (Al-Zuhailly, 1991).

Tema Ketiga: *Qaulan Baligha*

Tema yang ketiga ialah *Qaulan Baligha*. Tema ini ditemui dalam ayat 63 surah al-Nisa`. Frasa *Qaulan Baligha* membawa maksud pengucapan yang berkesan dan mempengaruhi (Al-Zuhaily, 1991). Firman Allah dalam ayat 63 surah al-Nisa:

أُولَٰئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنْفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا

Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang di dalam hati mereka. Oleh itu berpalinglah kamu dari mereka, dan berilah mereka muridan, dan katakanlah kepada mereka perkataan yang berbekas pada jiwa mereka.

Al-Zuhaily (1991) menjelaskan frasa *Qaulan Baligha* di sini menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah bermuamalah dengan kaum munafik. Pertama, berpaling atau tidak mengendahkan mereka dengan tidak bergaul dengan mereka. Kedua, memberi nasihat dan peringatan dengan kebaikan sehingga hati mereka menjadi lembut. Ketiga, menggunakan kata-kata yang berkesan ke dalam jiwa mereka sama ada menggembirakan mereka jika mereka kembali beriman atau menakutkan mereka dengan kedudukan dan balasan Allah terhadap mereka yang munafik. Tema yang ketiga ialah *Qaulan Baligha*. Tema ini ditemui dalam ayat 63 surah al-Nisa`. Frasa *Qaulan Baligha* membawa maksud pengucapan yang berkesan dan mempengaruhi (Al-Zuhaily, 1991).

Al-Zuhaily (1991) menjelaskan frasa *Qaulan Baligha* di sini menunjukkan bahawa terdapat tiga kaedah bermuamalah dengan kaum munafik. Pertama, berpaling atau tidak mengendahkan mereka dengan tidak bergaul dengan mereka. Kedua, memberi nasihat dan peringatan dengan kebaikan sehingga hati mereka menjadi lembut. Ketiga, menggunakan kata-kata yang berkesan ke dalam jiwa mereka sama ada menggembirakan mereka jika mereka kembali beriman atau menakutkan mereka dengan kedudukan dan balasan Allah terhadap mereka yang munafik. Ibnu 'Asyur (1984) memberi erti frasa *Qaulan Baligha* sebagai kata-kata yang menusuk hati yang memberi kesan mendalam. Al-Saadiy (2013) pula menekankan frasa *Qaulan Baligha* sebagai kata-kata yang diukur tujuannya sama ada untuk menasihati atau mengingatkan dan dilihat kondusi pendengarnya sama ada mudah menerima nasihat atau sebagainya.

Al-Ṭanṭawiy (1998) menjelaskan bahawa *Qaulan Baligha* sebagai satu kaedah yang digunakan untuk menasihati orang yang pernah berbuat salah. *Qaulan Baligha* menunjukkan anjuran al-Quran supaya daei menggunakan *uslub tarhib* dan *targhib* mengikut kesesuaian kondusi mad'u dan situasi iaitu adakalanya menggunakan kaedah lembut dan adakalanya menggunakan kaedah mengingatkan. Beliau juga memberi erti *Qaulan Baligha* sebagai kata-kata yang terkesan ke dalam hati pendengar sebagaimana Al-Zamakhshariy (2013) memberi ertinya.

Al-Ṭanṭawiy (1998) menyatakan terdapat tiga cara untuk menghalang orang-orang munafik dari terus berbuat kejahatan. Pertama ialah memulaukan mereka. Kedua, mengingatkan mereka dengan balasan baik jika berbuat baik dan balasan buruk jika berbuat kejahatan. Ketiga, menasihati mereka dengan bahasa yang baik dan berkesan sehingga mereka menyedari kesilapan dan segera berpatah balik. Al-Ṭanṭawiy (1998) menegaskan bahawa inilah kaedah dakwah yang sangat berkesan untuk mengajak manusia berbuat kebaikan. Al-Qurṭubiy (1967) mentakrifkan *Qaulan Baligha* sebagai kata-kata peringatan yang menusuk ke dalam hati pendengar. Dilihat kepada kaitan cerita dalam ayat ini, Allah S.W.T menggesa supaya menggunakan kaedah *Qaulan Baligha* ketika berhadapan dengan orang-orang munafik iaitu bertegas dengan mereka jika mereka masih berdegil untuk kembali bertaubat. Jika mereka sudah insaf memadai dengan memberi nasihat dan membimbing.

Tema Keempat: Qaulan Karima

Tema yang keempat ialah *Qaulan Karima*. Tema ini ditemui dalam ayat 23 surah al-Isra`. Frasa *Qaulan Karima* membawa maksud pengucapan yang mulia, positif dan optimis (Al-Zuhaily, 1991). Firman Allah dalam ayat 23 surah al-Isra`:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عَنْكَ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah perintahkan supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibubapa. Jika salah seorang dari keduanya atau kedua-duanya sekali sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “ha” dan janganlah engkau menegking menyergah mereka tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (bersopan santun).

Ayat 23 surah al-`Isra` merupakan panduan al-Quran terhadap urusan kehidupan manusia. Panduan ini dimulakan dengan unsur aqidah iaitu larangan Allah SWT agar manusia tidak menyembah selain Dia Yang Maha Berkuasa. Panduan berikutnya ialah tatacara ketika bermuamalah dengan ibu bapa. Allah SWT memerintahkan agar manusia berlaku ihsan dengan ibu bapa. Antara kaedah berlaku ihsan terhadap ibu bapa ialah menyantuni mereka dari segi perbuatan dan juga perkataan (Al-Sya'rawiy, 2013). Menurut Al-Tanṭawiy (1998), terdapat dua larangan dalam kaedah *Qaulan Karima*. Pertama, larangan supaya apabila bercakap dengan kedua ibu bapa agar tidak menzahirkan rasa tidak senang walaupun berasa dengan ibubapa. Kedua, larangan supaya kata-kata yang digunakan tidak menzahirkan pertentangan pendapat dengan kedua ibubapa walaupun berlaku sesuatu yang tidak dipersetujui. *Qaulan Karima* mengetengahkan kaedah menyantuni ibubapa dengan menggunakan bahasa yang disenangi dan tidak menyinggung perasaan kedua ibubapa (Ibnu Kathir, 1999).

Al-Baghawiy (1989) menambah bahawa *Qaulan Karima* ialah kata-kata yang baik, sedap dan lembut seperti kata-kata seorang hamba yang berdosa kepada tuan yang garang iaitu kata-kata yang bersalah. *Qaulan Karima* juga bermaksud seorang anak tidak memanggil ibubapanya dengan nama, sebaliknya memanggilnya dengan “ayah” dan “ibu”. Ayat ini juga menggesa seseorang anak supaya tidak mencaci ibubapa

yang menyebabkan kekotoran sama ada najis kecil atau besar atau sebagainya. Al-Qurtubiy (1967) memperincikan kefahaman terhadap ayat ini kepada tiga perkara. Pertama, Allah S.W.T memerintahkan supaya mentauhidkanNya iaitu tidak ada sebarang perhambaan melainkan kepadaNya. Kedua, Allah S.W.T mengaitkan perintah mentauhidkanNya dengan perintah berbuat baik kepada kedua ibubapa sebagaimana Allah S.W.T mengaitkan sifat bersyukur kepadaNya dengan berterima kasih kepada ibubapa.

Dalam sebuah hadis dalam kitab Sahih Bukhari (Al-Bukhariy, 2002), Rasulullah SAW ketika ditanya oleh seorang sahabat tentang tiga perkara yang paling disukai Allah. Rasulullah SAW menyebut iaitu solat di awal waktu, berbuat baik dengan ibubapa dan berjihad. Berbuat baik kepada ibubapa merupakan amalan yang paling baik selepas mendirikan solat. Ketiga, berbuat baik kepada ibubapa juga memaksudkan bahawa tidak mencerca, tidak mencaci dan tidak menderhakai keduanya. Celaan terhadap kedua ibubapa adalah termasuk dalam dosa-dosa yang besar.

Tema Kelima: *Qaulan Maysura*

Tema yang kelima ialah *Qaulan Maysura*. Pendekatan ini ditemui dalam ayat 28 surah al-Isra`. Frasa *Qaulan Maysura* membawa maksud pengucapan yang menyenangkan, yang mudah, senang dan tidak membebankan (Al-Zuhaily, 1991).

Firman Allah dalam ayat 28 surah al-Isra` ;

وَأِمَّا تُعْرِضَنَّ عَنْهُمْ ابْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِنْ رَبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَيْسُورًا

Dan jika engkau terpaksa berpaling tidak melayani mereka kerana menunggu rezeki dari Tuhanmu yang engkau harapkan maka katakanlah kepada mereka kata-kata yang menyenangkan hati mereka.

Al-Sa'adiy (2013) menderivasikan kalimah *Qaulan* sebagai *maf'ul muṭlaq* iaitu kata peneguhan kepada kalimah *Qul*. Beliau juga menderivasikan kalimah *maysura* sebagai sifat kepada kalimah *Qaulan*. Secara lafaznya, *Qaulan Maysura* bermakna ucapan yang mudah. Bagaimanapun Al-Sa'adiy (2013) memberi maksud *Qaulan Maysura* sebagai kata-kata lembut yang santun. Frasa *Qaulan Maysura* didatangkan sebagai satu adab yang diajarkan oleh Allah dalam ayat 28 surah al-Isra` kepada kaum mukminin yang tidak dapat menunaikan hajat dan permintaan sanak saudara yang memerlukan. Allah S.W.T mengajarkan supaya kaum mukminin menggunakan kaedah *Qaulan Maysura* sebagai cara menolak hajat saudara mereka apabila mereka tidak mampu menunaikannya. Penolakan hajat dengan menggunakan kaedah *Qaulan Maysura* boleh mendatangkan ketenangan dan redho kepada mereka yang berhajat tetapi tidak dapat dipenuhi.

Ungkapan penolakan hajat dengan menggunakan kaedah *Qaulan Maysura* juga merangkumi janji benar dan baik, iaitu berjanji jika dikurniakan rezeki oleh Allah, maka hajat mereka akan ditunaikan dengan mudah. Al-Sa'ady (2013) menjelaskan bahawa berjanji untuk menunaikan hajat dengan baik dan mudah merupakan suatu akhlak yang dianugerahkan Allah kerana janji sebegini menunjukkan seseorang itu menunggu kurniaan rezeki dan mengharap rahmat dari Allah. Penantian dan harapan ini menjadi satu ibadah yang diganjar pahala. Seseorang itu diminta membuat kebaikan selagi mampu dan mengharap agar Allah mempermudah urusannya.

Al-Baghawiy (1989) memberi maksud frasa *Qaulan Maysura* sebagai kata-kata yang lembut iaitu berjanji dengan baik dan mudah seperti menggunakan ungkapan: **برزقنا الله وإياك** yang membawa maksud semoga Allah mengurniakan rezeki untuk kita. Al-

Tantāwiy (1998) dan Al-Qurṭubiy (1967) menyatakan maksud *Qaulan Maysura* sebagai kata-kata yang mudah dan lembut. Penggunaan kaedah *Qaulan Maysura* menunjukkan keprihatinan seseorang terhadap masalah saudaranya, di samping memberikan kegembiraan kepadanya. Kaedah ini juga merangkumi kata-kata yang penuh beradab, lembut, santun dan indah didengar ketika menyatakan ketidakmampuan seseorang menunaikan hajat saudaranya.

Al-Qurṭubiy (1967) menjelaskan sebab nuzul ayat ini ialah apabila datang satu kumpulan bertemu Nabi SAW dan meminta sesuatu daripada baginda. Tetapi baginda tidak dapat menunaikan permintaan mereka lalu mereka pulang dalam keadaan sedih dan dukacita, lalu Allah S.W.T menurunkan ayat ini sebagai satu kaedah apabila menolak suatu hajat dengan baik. Al-Qurṭubiy (1967) turut merangkumkan frasa *Qaulan Maysura* dengan doa supaya urusan mereka yang ditolak hajat, dipermudahkan dan dibuka jalan kebaikan. Kaedah *Qaulan Maysura* juga bermaksud kata-kata yang terbaik dan paling sopan serta mendoakan dengan rezeki yang banyak. Lalu setelah ayat ini diturunkan, maka Rasulullah SAW ketika diminta oleh kaum muslimin sesuatu dari baginda dan baginda tidak mempunyainya serta tidak mampu memenuhi hajat mereka, lalu Rasulullah menyebut: *يرزقنا الله وإياكم من فضله* (Al-Baydhawiy, 2015).

Al-Tabariy (2008) menambah maksud frasa *Qaulan Maysura* sebagai kata-kata yang tidak menghampakan hajat mereka yang berhajat sebagaimana pesan Allah dalam ayat yang lain dalam surah al-Duḥā: *وأما السائل فلا تنهر* yang bermaksud: Adapun dengan orang yang meminta, janganlah kamu mengherdikanya. Penolakan itu sama ada disantunkan dengan janji yang baik atau didoakan dengan doa yang baik seperti

juga: بَارِكَ اللَّهُ فِيكَ yang bermaksud: Semoga Allah memberkatimu. Al-Tabariy (2008)

ketika mengulas kalimah *Maysura*, memaksudkan maknanya sebagai “mudah”, iaitu menjadikan sesuatu itu mudah dan tidak menyukarkan. Beliau juga memaksudkan frasa *Qaulan Maysura* sebagai ungkapan yang lembut dan baik yang dapat diterima oleh orang yang meminta. Kata-kata yang dapat diterima boleh menjadi mudah kepada mereka yang berhajat tetapi tidak dapat dipenuhi. Jika tidak dapat diterima, maka ia menjadi suatu yang sukar. Allah S.W.T memerintahkan supaya penolakan sesuatu hajat dilakukan dengan penuh santun dan bernada memohon kemaafan serta berjanji akan ditunaikan hajat apabila mampu berbuat sedemikian. Penolakan hajat dengan penuh kesantunan ini dapat mengelakkan perasaan sedih dan mengurangkan sifat bakhil. Al-Tabariy (2008) meletakkan dua syarat yang membolehkan penolakan sesuatu hajat. Pertama, hendaklah penolakan itu kerana tidak mampu dan mengharapkan rezeki lain bukan kerana kedekut. Kedua, penolakan itu dilakukan dengan penuh kesantunan dan jujur, bukan kerana mengelak dari menunaikan hajat. Kedua-dua syarat ini menjadikan seorang mukmin itu beradab ketika menolak hajat saudaranya.

Tema Keenam: *Qaulan Layyina*

Tema yang keenam ialah *Qaulan Layyina*. Pendekatan ini ditemui dalam ayat 44 surah Taha. Frasa *Qaulan Layyina* membawa maksud pengucapan yang lemah lembut, sopan dan santun (Al-Zuhaily, 1991). Tema ini berdasarkan kepada 44 surah Taha:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَّيِّنًا لَّعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى

Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut".

Dalam buku-buku derivasi ayat-ayat Al-Quran, *Qaulan* diderivasikan sebagai kata pengesahan bagi kata kerja “katakanlah” (Muhammad Sofi, 1991; Al-Zuhailiy 1991; Al-Muntajib, 2015). Sementara *Layyina* menjadi sifat kepada kata pengesahan itu. Al-Qurtubiy (1967) memberi erti *Qaulan Layyina* sebagai kata-kata yang tidak ada unsur kekasaran. Al-Ṭabariy (2008) menafsirkan *Qaulan Layyina* sebagai kata-kata yang yang lembut yang dapat menundukkan orang yang mendengarnya. Al-Ṭabariy (2008) merujuk kepada ayat tersebut iaitu perintah Allah kepada Nabi Musa dan saudaranya supaya menggunakan perkataan yang lembut apabila bertemu dengan Firaun sehingga dengan kata-kata yang mengandungi dakwah dan peringatan yang lembut dapat melemahkan ego Firaun dan menjadikannya tunduk dan patuh serta kembali taat kepada Allah.


Ibnu ‘Arabiyy (1978) dalam kitab tafsirnya memberi erti *Qaulan Layyina* sebagai kata-kata yang lembut. Al-Ṭanṭawiy (1998) menambah makna *Qaulan Layyina* sebagai kata-kata yang halus dan mudah yang dapat menurunkan kemarahan dan mencairkan hati yang garang sehingga merasa takut melakukan kemungkaran. Ayat ini sebenarnya ditujukan kepada Nabi Musa dan Nabi Harun ketika mereka ingin menemui Firaun. Allah berpesan supaya mereka menggunakan kaedah *Qaulan Layyina* apabila bercakap dengan Firaun ketika itu. Al-Baghawiy (1989) menjelaskan bahawa penggunaan kata-kata yang lembut adalah suatu kewajipan dalam tarbiyyah.

Ibnu kathir (1999) berpendapat penggunaan kaedah *Qaulan Layyina* adalah untuk memujuk Firaun yang bongkak dan penuh kemarahan. Nabi Musa dan saudaranya diperintahkan supaya menggunakan kelembutan dengan menjelaskan kesalahan Firaun dan mengajak dia kembalik kepada Allah. Ibnu Kathir (1999) juga

memaksudkan *Qaulan Layyina* dengan kata-kata lembut dan halus yang dapat mendekatkan diri mad'u dengan da'ei. Ibnu 'Asyur (1984) juga menegaskan bahawa *Qaulan Layyina* adalah syiar dakwah kepada kebenaran. Walaupun berdepan dengan mad'u yang sombong dan garang seperti Firaun, da'ei disarankan supaya menggunakan kata-kata yang lembut memujuk supaya mad'u boleh insaf di atas kesalahan. Dapatan hasil analisis *Tafsir Mawdu'iy* tema pembentukan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dapat disimpulkan dalam Rajah 4.7.

Rajah 4.7

Dapatan Analisis Tafsir Mawdu'iy Pembentukan Pendekatan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran



4.3 Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Guru

Bahagian ini menjelaskan hasil dapatan analisis tahap amalan kesantunan berbahasa guru menurut al-Quran yang merangkumi semua item bagi enam konstruk utama iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*.

4.3.1 Latar Belakang Responden

Kajian ini melibatkan seramai 400 murid sekolah menengah agama di seluruh negeri Kedah. Terdapat enam kategori sekolah agama yang dipilih dalam kajian ini. Pertama, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri (SMAN), Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR), Sekolah Menengah Agama Swasta (SMAS) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI). Peratusan murid mengikut jantina adalah agak seimbang di mana peratusan murid lelaki adalah sebanyak 48.5% dan 51.5% merupakan murid perempuan. Sementara bilangan murid mengikut kategori sekolah adalah berdasarkan nisbah peratus jumlah keseluruhan. Murid dari SMKA adalah seramai 60 orang iaitu 15 peratus. Murid dari SABK pula seramai 140 orang iaitu 35 peratus. Manakala murid dari SMAN seramai 40 orang iaitu 10 peratus. Murid dari SMAR pula seramai 140 orang iaitu 35 peratus. Manakala murid dari SMAS ialah seramai 12 orang iaitu 3 peratus dan murid dari SBPI ialah seramai 8 orang iaitu 2 peratus. Jadual 4.4 menjelaskan kedudukan responden.

Jadual 4.0.4
Latar Belakang Murid

Latar Belakang	Bil	Peratusan
Jantina		
Lelaki	194	48.5
Perempuan	206	51.5
Kategori Sekolah		
SMKA	60	15.0
SABK	140	35.0
SMAN	40	10.0
SMAR	140	35.0
SMAS	12	3.0
SBPI	8	2.0
Jumlah	400	100

4.3.2 Keseluruhan Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Guru

Jadual 4.5 menjelaskan tahap amalan kesantunan berbahasa guru. Jadual menunjukkan 299 daripada 400 orang murid bersetuju bahawa guru telah menunjukkan amalan kesantunan pada tahap tinggi (74.8%, $M= 4.00$, $SP=0.52$). Selebihnya, seramai 99 murid menyatakan bahawa amalan kesantunan pada tahap sederhana (24.8%), dan hanya 2 murid (0.5%) menyatakan bahawa amalan kesantunan berbahasa guru berada di tahap rendah.

Jadual 4.0.5

Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Keseluruhan

Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa	Murid (N=400)	
	Bil	Peratus
Rendah	2	0.5
Sederhana	99	24.8
Tinggi	299	74.8

4.3.2.1 Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Mengikut Konstruk

Jadual 4.6 menjelaskan tahap amalan kesantunan berbahasa berpandukan kepada enam konstruk iaitu *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Sadida*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*. Tahap amalan kesantunan berbahasa bagi lima konstruk adalah tinggi iaitu, *Qaulan Ma'rufa* ($M=4.02$, $SP=0.61$), *Qaulan Sadida* ($M=4.34$, $SP=0.53$), *Qaulan Baligha* ($M=3.93$, $SP=0.66$), *Qaulan Karima* ($M=4.11$, $SP=0.62$), dan *Qaulan Maysura* ($M=4.04$, $SP=0.65$). Manakala hanya satu konstruk berada pada tahap sederhana iaitu *Qaulan Layyina* ($M=3.60$, $SP=0.67$).

Jadual 4.0.6

Analisis Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Mengikut Konstruk

Konstruk Amalan Kesantunan Berbahasa	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Qaulan Sadida	4.34	0.53	Tinggi
Qaulan Ma'rufa	4.02	0.61	Tinggi
Qaulan Karima	4.11	0.62	Tinggi
Qaulan Layyina	3.60	0.67	Sederhana
Qaulan Baligha	3.93	0.66	Tinggi
Qaulan Maysura	4.04	0.65	Tinggi
Keseluruhan	4.00	0.52	Tinggi

4.3.2.2 Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Mengikut Item

Jadual 4.7 menjelaskan tahap amalan kesantunan berbahasa mengikut konstruk iaitu *Qaulan Ma'rufa (QM)*, *Qaulan Sadida (QS)*, *Qaulan Baligha (QB)*, *Qaulan Karima (QK)*, *Qaulan Maysura (QY)* dan *Qaulan Layyina (QL)*, kajian ini juga mengukur tahap setiap item konstruk. Merujuk kepada min keseluruhan iaitu 4.34 ($sp = 0.53$), QS adalah berada pada tahap tinggi. Daripada lapan item yang mengukur QS, tujuh item dinilai pada tahap tinggi dengan item ke-4 iaitu “Guru mengajak murid kepada kebenaran” merekodkan nilai min tertinggi ($min = 3.65$, $sp = 0.72$). Min kedua tertinggi dikenal pasti pada item ketiga iaitu “Guru melarang murid bercakap dusta” ($min = 4.46$, $sp = 0.90$). Min ketiga tertinggi ialah item pertama dan keempat iaitu “Guru bercakap perkara yang benar ($min = 4.45$, $sp = 0.82$) dan item keenam iaitu “Guru bertegas dengan perkara yang benar” ($min = 4.45$, $sp = 0.78$). Min keempat tertinggi ialah item kelima iaitu “Guru mempertahankan perkara yang benar” ($min = 4.42$, $sp = 0.83$). Min kelima tertinggi ialah item kedua iaitu “Guru menganjurkan perkara yang benar” ($min = 4.40$, $sp = 0.85$). Min keenam tertinggi ialah item kelapan iaitu “Guru bercakap dengan penuh keyakinan” ($min = 4.35$, $sp = 0.76$). Walaupun QS berada pada tahap tinggi, kajian ini mendapati item ketujuh iaitu “Guru tidak bercakap perkara yang tidak penting” berada pada tahap sederhana ($min = 3.51$, $sp =$

0.89). Dapatan ini menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi konstruk Qaulan Sadida adalah tinggi walaupun satu item berada pada tahap sederhana.

Jadual 4.0.7

Perincian Tahap Qaulan Sadida

Kod	Item	Min	sp	Tahap
QS1	Guru bercakap perkara yang benar	4.45	0.82	Tinggi
QS2	Guru menganjurkan perkara yang benar	4.40	0.85	Tinggi
QS3	Guru melarang murid bercakap dusta	4.46	0.90	Tinggi
QS4	Guru mengajak murid kepada kebenaran	4.65	0.72	Tinggi
QS5	Guru mempertahankan perkara yang benar	4.42	0.83	Tinggi
QS6	Guru bertegas dengan perkara yang benar	4.45	0.78	Tinggi
QS7	Guru bercakap perkara yang penting	3.51	0.89	Sederhana
QS8	Guru bercakap dengan penuh keyakinan	4.35	0.76	Tinggi
	Jumlah	4.34	0.53	Tinggi

Seterusnya kajian turut memfokuskan tahap setiap item dalam subkonstruk *Qaulan Ma'rufa* (QM). Jadual 4.8 menjelaskan bahawa QM berada pada tahap yang tinggi (min = 4.02, sp = 0.61) walaupun dua item berada pada tahap yang sederhana iaitu QM 11 (min = 3.61, sp = 0.96) iaitu “Percakapan guru tidak menyinggung hati” dan QM 15 (min = 3.55, sp = 0.94) iaitu “Guru tidak mengkritik orang lain dalam percakapan”. Item tertinggi ialah QM12 (min = 4.48, sp = 0.80) iaitu “Guru mengajak murid membuat kebaikan dan kebajikan”. Item kedua tertinggi ialah QM9 (min = 4.35, sp = 0.83) iaitu “Guru bercakap perkara-perkara yang baik” diikuti item ketiga tertinggi iaitu QM 13 (min = 4.23, sp = 0.93) iaitu “ Guru tidak berpura-pura ketika bercakap”. Seterusnya item keempat tertinggi ialah QM14 (min = 4.12, sp = 0.88) iaitu “ Guru mesra ketika bercakap”. Item kelima tertinggi ialah QM16 (min = 3.94,

sp = 1.04) iaitu “ Guru tidak menghina orang lain dalam percakapan”. Item keenam tertinggi ialah QM10 (min = 3.86, sp = 0.97) iaitu “Percakapan guru menyenangkan hati”. Item ketujuh tertinggi ialah QM11 (min = 3.61, sp = 0.96) iaitu “Percakapan guru tidak menyinggung hati dan item terakhir ialah QM15 (min = 3.55, sp = 0.94) iaitu “ Guru tidak mengkritik orang lain dalam percakapan”.

Jadual 4.0.8

Perincian Tahap Qaulan Ma'rufa

Kod	Item	Min	sp	Tahap
QM9	Guru bercakap perkara-perkara yang baik	4.35	0.83	Tinggi
QM10	Percakapan guru menyenangkan hati	3.86	0.97	Tinggi
QM11	Percakapan guru tidak menyinggung hati	3.61	0.96	Sederhana
QM12	Guru mengajak murid membuat kebaikan dan kebajikan	4.48	0.80	Tinggi
QM13	Guru tidak berpura-pura ketika bercakap	4.23	0.93	Tinggi
QM14	Guru mesra ketika bercakap	4.12	0.88	Tinggi
QM15	Guru tidak mengkritik orang lain dalam percakapan	3.55	0.94	Sederhana
QM16	Guru tidak menghina orang lain dalam percakapan	3.94	1.04	Tinggi
Jumlah		4.02	0.61	Tinggi

Jadual 4.9 menjelaskan tahap setiap item dalam subkonstruk *Qaulan Karima* (QK). Semua item dalam QK berada pada tahap yang tinggi (min = 4.11, sp = 0.61) dan tidak ada item yang berada di tahap sederhana dan rendah. Item tertinggi ialah QK23 (min = 4.18, sp = 0.92) iaitu “Guru memberi semangat kepada murid”. Item kedua tertinggi ialah QK19 (min = 4.21, sp = 0.83) iaitu “Guru menggunakan kata-kata yang mulia dalam percakapan” diikuti item ketiga tertinggi iaitu QK22 (min = 4.18, sp = 0.93) iaitu “ Guru memberi peluang kepada murid untuk bercakap”. Seterusnya item keempat tertinggi ialah QK17 (min = 4.12, sp = 0.97) iaitu “ Guru memuji kebaikan murid”. Item kelima tertinggi ialah QK21 (min = 4.10, sp = 0.94) iaitu “Guru

menghormati murid ketika berinteraksi”. Item keenam tertinggi ialah QK20 (min = 4.02, sp = 0.91) iaitu “Guru menghargai murid ketika bercakap”. Item ketujuh tertinggi ialah QK24 (min = 4.00, sp = 0.92) iaitu “Guru tidak bercakap perkara yang melalaikan”. Item terakhir ialah QK18 (min = 3.98, sp = 0.97) iaitu “Guru memuji kebaikan orang lain, contohnya guru lain”.

Jadual 4.0.9

Perincian Tahap Qaulan Karima

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
QK17	Guru memuji kebaikan murid	4.12	0.97	Tinggi
QK18	Guru memuji kebaikan orang lain, contohnya guru lain	3.98	0.99	Tinggi
QK19	Guru menggunakan kata-kata yang mulia dalam percakapan	4.21	0.83	Tinggi
QK20	Guru menghargai murid ketika bercakap	4.02	0.91	Tinggi
QK21	Guru menghormati murid ketika berinteraksi	4.10	0.94	Tinggi
QK22	Guru memberi peluang kepada murid untuk bercakap	4.18	0.93	Tinggi
QK23	Guru memberi semangat kepada murid	4.28	0.92	Tinggi
QK24	Guru tidak bercakap perkara yang melalaikan	4.00	0.92	Tinggi
Jumlah		4.11	0.61	Tinggi

Jadual 4.10 menjelaskan tahap setiap item bagi subkonstruk Qaulan Layyina (QL). QL adalah satu-satunya subkonstruk yang berada di tahap sederhana (min = 3.60, sp = 0.67). Hanya tiga item berada di tahap tinggi. Pertama item QL25 (min = 3.82, sp = 0.91), iaitu “Guru bercakap dengan lemah lembut”. Kedua, item QL27 (min = 4.01, sp = 0.92), iaitu “Guru bercakap dengan sopan dan santun”. Ketiga, item QL31 (min = 3.92, sp = 0.96) iaitu “Guru menggunakan unsur kebersamaan dan kekitaan dalam percakapan supaya murid merasa dekat dengan guru dan tidak terasa asing. Lima item seterusnya adalah berada pada tahap sederhana. Item-item tersebut ialah QL29 (min = 3.56, sp = 1.04), iaitu “Guru tidak menengking murid”, QL28 (min = 3.53, sp = 1.01) iaitu “Guru bercakap dengan nada yang rendah”, QL30 (min = 3.51, sp = 1.00)

iaitu “Guru tidak suka memarahi murid”, QL31 (min = 3.92, sp = 0.96) iaitu “Guru menggunakan unsur kebersamaan dan kekitaan” dan QL26 (min = 3.05, sp = 0.91) merupakan item paling sederhana iaitu “ Guru suka memujuk

Jadual 4.0.10

Perincian Tahap Qaulan Layyina

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
QL25	Guru bercakap dengan lemah lembut	3.82	0.91	Tinggi
QL26	Guru suka memujuk	3.05	1.25	Sederhana
QL27	Guru bercakap dengan sopan dan santun	4.01	0.92	Tinggi
QL28	Guru bercakap dengan nada yang rendah	3.53	1.01	Sederhana
QL29	Guru tidak menengking murid	3.56	1.04	Sederhana
QL30	Guru tidak suka memarahi murid	3.51	1.00	Sederhana
QL31	Guru menggunakan unsur kebersamaan dan kekitaan dalam percakapan supaya murid merasa dekat dengan guru dan tidak terasa asing	3.92	0.96	Tinggi
QL32	Guru tidak suka berleter	3.41	1.02	Sederhana
	Jumlah	3.60	0.67	Sederhana

Jadual 4.11 menjelaskan tahap setiap item subkonstruk Qaulan Baligha (QB). Semua item QB berada di tahap tinggi. Item tertinggi ialah QB36 (min = 4.14, sp = 0.91) iaitu “ Guru bercakap dengan fasih”. Item kedua tertinggi ialah QB40 (min = 4.12, sp = 0.89) iaitu “ Guru bercakap perkara-perkara yang logik”. Berikutnya item ketiga tertinggi ialah QB35 (min = 3.99, sp = 0.94) iaitu “ Guru Setiap percakapan guru diterangkan maksudnya”. Item keempat tertinggi ialah QB38 (min = 3.86, sp = 1.02) iaitu “ Percakapan guru mempengaruhi tingkah laku murid”. Item kelima tertinggi ialah QB39 (min = 3.85, sp = 0.98) iaitu “Guru bercakap mengikut kesesuaian tahap murid” dan item QB34 (min = 3.85, sp = 0.88) iaitu “Murid memahami penyampaian mesej guru”. Item terakhir ialah QB37 (min = 3.75, sp = 1.05) iaitu “Percakapan guru menyentuh hati murid dan menginsafkan”. Keseluruhan dapatan bagi subkonstruk QB dijelaskan dalam jadual 4.10.

Jadual 4.0.11
Perincian Tahap Qaulan Baligha

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
QB33	Maksud percakapan guru adalah jelas	3.83	0.93	Tinggi
QB34	Murid memahami penyampaian mesej guru	3.85	0.88	Tinggi
QB35	Setiap percakapan guru diterangkan maksudnya	3.99	0.94	Tinggi
QB36	Guru bercakap dengan fasih	4.14	0.91	Tinggi
QB37	Percakapan guru menyentuh hati murid dan menginsafkan	3.75	1.05	Tinggi
QB38	Percakapan guru mempengaruhi tingkah laku murid	3.86	1.02	Tinggi
QB39	Guru bercakap mengikut kesesuaian tahap murid	3.85	0.98	Tinggi
QB40	Guru bercakap perkara-perkara yang logic	4.12	0.89	Tinggi
	Jumlah	3.92	0.66	Tinggi

Jadual 4.12 menjelaskan tahap setiap item subkonstruk Qaulan Maysura (QY). Semua item QY berada di tahap tinggi. Item tertinggi ialah QY42 (min = 4.31, sp = 0.85) iaitu “Percakapan guru mengandungi nasihat”. Item kedua tertinggi ialah QY41 (min = 4.28, sp = 0.83) iaitu “Guru menggunakan bahasa yang mudah difahami”. Berikutnya item ketiga tertinggi ialah QY46 (min = 4.18, sp = 0.95) iaitu “Murid bersedia mendengar percakapan guru”. Item keempat tertinggi ialah QY48 (min = 4.07, sp = 1.01) iaitu “Guru menganjurkan bantuan kepada murid”. Item kelima tertinggi ialah QY45 (min = 3.89, sp = 1.01) iaitu “Guru mudah menerima pandangan”. Item keenam tertinggi ialah QY43 (min = 3.87, sp = 0.93) iaitu “Percakapan guru tidak berbelit-belit”. Item ketujuh tertinggi ialah QY44 (min = 3.86, sp = 1.04) iaitu “Guru memberi giliran bercakap kepada murid”. Item terakhir ialah QY47 (min = 3.82, sp = 0.97) iaitu “Percakapan guru tidak mengecewakan murid”.

Jadual 4.0.12
Perincian Tahap Qaulan Maysura

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
QY41	Guru menggunakan bahasa yang mudah difahami	4.28	0.83	Tinggi
QY42	Percakapan guru mengandungi nasihat	4.31	0.85	Tinggi
QY43	Percakapan guru tidak berbelit-belit	3.87	0.93	Tinggi
QY44	Guru memberi giliran bercakap kepada murid	3.86	1.04	Tinggi
QY45	Guru mudah menerima pandangan	3.89	1.01	Tinggi
QY46	Murid bersedia mendengar percakapan guru	4.18	0.95	Tinggi
QY47	Percakapan guru tidak mengecewakan murid	3.82	0.97	Tinggi
QY48	Guru menganjurkan bantuan kepada murid	4.07	1.01	Tinggi
	Jumlah	4.04	0.65	Tinggi

4.3.3 Tahap Penghayatan Akhlak Murid

Bahagian ini menjelaskan dapatan hasil analisis terhadap tahap penghayatan akhlak murid. Penjelasan dapatan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tahap penghayatan akhlak secara keseluruhan, tahap penghayatan akhlak mengikut konstruk dan tahap penghayatan akhlak mengikut item bagi setiap konstruk.

4.3.3.1 Tahap Keseluruhan Penghayatan Akhlak Murid

Jadual 4.13 menjelaskan tahap penghayatan akhlak murid adalah di tahap tinggi iaitu seramai 355 (88.8%) daripada 400 orang berada di tahap tinggi. Selebihnya, seramai 45 orang (11.3%) mempunyai tahap penghayatan akhlak yang sederhana.

Jadual 4.0.13
Tahap Penghayatan Akhlak Keseluruhan

Tahap Penghayatan Akhlak	Murid (N=400)	
	Bil	Peratus
Rendah	0	0
Sederhana	45	11.3
Tinggi	355	88.8

4.3.3.1 Tahap Penghayatan Akhlak Murid Mengikut Konstruk

Jadual 4.10 menjelaskan tahap penghayatan akhlak murid berpandukan kepada lima konstruk iaitu Akhlak Terhadap Allah (AA), Akhlak Terhadap Rasul (AR), Akhlak Terhadap Diri (AD), Akhlak Terhadap Keluarga (AK) dan Akhlak Terhadap Masyarakat (AM). Tahap penghayatan akhlak murid bagi semua konstruk adalah tinggi. Konstruk tertinggi ialah AK ($M = 4.39$, $SP = 0.43$) diikuti oleh konstruk AA ($M = 4.26$, $SP = 0.46$), AR ($M = 4.16$, $SP = 0.057$), AD ($M = 4.12$, $SP = 0.47$), dan AM ($M = 4.12$, $SP = 0.58$). Jadual 4.14 merumuskan dapatan ini.

Jadual 4.0.14

Tahap Konstruk Penghayatan Akhlak

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
AA	Akhlak Terhadap Allah	4.27	0.46	Tinggi
AR	Akhlak Terhadap Rasul	4.16	0.57	Tinggi
AD	Akhlak Terhadap Diri	4.12	0.47	Tinggi
AK	Akhlak Terhadap Keluarga	4.39	0.43	Tinggi
AM	Akhlak Terhadap Masyarakat	4.12	0.53	Tinggi
	Keseluruhan	4.27	0.46	Tinggi

4.3.3.2 Tahap Penghayatan Akhlak Murid Mengikut Item

Jadual 4.15 menejalskan tahap penghayatan akhlak murid bagi setiap item dalam konstruk akhlak terhadap Allah (AA). Jadual 4.13 menjelaskan bahawa min bagi konstruk AA keseluruhan adalah tinggi (min = 4.26, sp = 0.46). Item tertinggi ialah AA3 (min = 4.77, sp = 0.58) iaitu “Saya berpuasa penuh di bulan Ramadhan” diikuti oleh item AA4 (min = 4.56, sp = 0.83) iaitu “Saya menggantikan puasa yang tertinggal”. Tiga item terendah ialah item AA2 (min = 3.85, sp = 0.80) iaitu “Saya solat berjemaah”, diikuti item AA5 (min = 3.93, sp = 0.88) iaitu “Saya menjadikan bacaan Al-Quran sebagai amalan harian” dan item AA6 (min = 3.94, sp = 0.82) iaitu “Saya berzikir mengingati Allah”.

Jadual 4.0.15
Perincian Tahap AA

Kod	Item	Min	sp	Tahap
AA1	Saya menunaikan solat lima waktu	4.50	0.67	Tinggi
AA2	Saya solat berjemaah	3.85	0.80	Tinggi
AA3	Saya berpuasa penuh di bulan Ramadhan (kecuali uzur syarrei)	4.77	0.58	Tinggi
AA4	Saya menggantikan puasa yang tertinggal	4.56	0.83	Tinggi
AA5	Saya menjadikan bacaan Al-Quran sebagai amalan harian	3.93	0.88	Tinggi
AA6	Saya berzikir mengingati Allah	3.94	0.82	Tinggi
AA7	Saya merasakan pengawasan Allah	4.20	0.89	Tinggi
AA8	Saya berusaha melakukan perintah Allah dan menjauhi laranganNya	4.29	0.79	Tinggi
AA9	Saya redho dengan ketentuan Allah	4.50	0.70	Tinggi
AA10	Saya bertaubat kepada Allah atas dosa dan kesalahan yang dilakukan	4.10	0.85	Tinggi
	Jumlah	4.26	0.46	Tinggi

Jadual 4.16 menjelaskan item bagi konstruk Akhlak Terhadap Rasul (AR) berada di tahap yang tinggi (min = 4-16, sp = 0.57). Semua item bagi konstruk AR adalah tinggi. Item tertinggi ialah AR13 (min = 4.59, sp = 0.70) iaitu “Saya berselawat kepada Rasulullah SAW apabila nama baginda disebut”. Item kedua tertinggi ialah AR20 (min = 4.46, sp = 0.79) iaitu “ Saya berdoa agar mendapat syafaat Rasulullah di hari kiamat”. Tiga item terendah ialah AR16 (min = 3.88, sp = 0.89) iaitu “Saya membaca dan menghayati hadis Rasulullah SAW”, diikuti item AR19 (min = 3.90, sp = 0.88) iaitu “Saya mengenali ahli keluarga dan sahabat Rasulullah SAW” serta item AR18 (min = 3.91, sp = 0.88) iaitu “Saya mengetahui riwayat hidup Rasulullah SAW”.

Jadual 4.0.16
Perincian Tahap AR

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
AR11	Saya menjadikan Rasulullah sebagai contoh dalam perlakuan harian	4.38	0.82	Tinggi
AR12	Saya berselawat kepada Rasulullah SAW	4.24	0.80	Tinggi
AR13	Saya berselawat kepada Rasulullah SAW apabila nama baginda disebut	4.59	0.70	Tinggi
AR14	Saya mentaati Rasulullah SAW dengan melaksanakan	3.92	0.80	Tinggi

	sunnahnya			
AR15	Saya mempertahankan kemuliaan Rasulullah SAW	4.39	0.83	Tinggi
AR16	Saya membaca dan menghayati Hadis Rasulullah SAW	3.88	0.89	Tinggi
AR17	Saya membaca kisah hidup Rasulullah SAW	3.92	0.91	Tinggi
AR18	Saya mengetahui riwayat hidup Rasulullah SAW	3.91	0.88	Tinggi
AR19	Saya mengenali ahli keluarga dan sahabat Rasulullah SAW	3.90	0.88	Tinggi
AR20	Saya berdoa agar mendapat syafaat Rasulullah di hari kiamat	4.46	0.79	Tinggi
Jumlah		4.16	0.57	Tinggi

Seterusnya, Jadual 4.17 menjelaskan bahawa konstruk Akhlak Terhadap Diri (AD) adalah tinggi. Semua item berada di tahap tinggi. Item tertinggi ialah AD25 (min = 4.64, sp = 0.61) iaitu “Saya menjaga kebersihan tubuh badan”. Item kedua tertinggi ialah AD22 (min = 4.56, sp = 0.73) iaitu “ Saya memilih makanan yang baik dan halal”. Terdapat tiga item terendah iaitu item AD23 (min = 3.15, sp = 1.03) iaitu “Saya mengamalkan solat malam untuk kekuatan jiwa”, diikuti item AD28 (min = 3.58, sp = 0.86) iaitu “Saya tidak membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah” serta item AD22 (min = 3.91, sp = 0.92) iaitu “Saya berusaha menjaga pandangan supaya tidak melihat perkara maksiat”.

Jadual 4.0.17
Perincian Tahap AD

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
AD21	Saya mempunyai matlamat hidup yang jelas	4.09	0.90	Tinggi
AD22	Saya berusaha menjaga pandangan supaya tidak melihat perkara maksiat	3.91	0.92	Tinggi
AD23	Saya mengamalkan solat malam untuk kekuatan jiwa	3.15	1.03	Sederhana
AD2	Saya memilih makanan yang baik dan halal	4.56	0.73	Tinggi
AD25	Saya menjaga kebersihan tubuh badan	4.64	0.61	Tinggi
AD26	Saya menutup aurat dengan sempurna	4.35	0.76	Tinggi
AD27	Saya membaca bahan-bahan yang berfaedah	4.00	0.83	Tinggi
AD28	Saya tidak membuang masa dengan perkara yang tidak berfaedah	3.58	0.86	Tinggi
AD29	Saya menjaga kesihatan tubuh badan dengan menjauhkan diri daripada larangan seperti merokok	4.55	0.92	Tinggi
AD30	Saya bersungguh-sungguh menuntut ilmu	4.36	0.71	Tinggi
	Keseluruhan	4.12	0.46	Tinggi

Seterusnya, Jadual 4.18 menjelaskan bahawa konstruk Akhlak Terhadap Keluarga (AK) berada di tahap yang tinggi (min = 4.39, sp = 0.43). Semua item berada di tahap yang tinggi iaitu Sembilan item melepasi tahap empat perpuluhan, manakala hanya satu item dibawah tahap tersebut iaitu item AK37 (min = 3.54, sp = 0.91) iaitu “Saya tidak bergaduh dengan adik beradik saya”. Dua item tertinggi ialah item AK31 (min = 4.76, sp = 0.56) iaitu “Saya menyayangi dan menghormati ibu bapa” dan item AK32 (min = 4.75, sp = 0.54) iaitu “Saya mentaati ibu bapa selagi tidak bercanggah dengan syariat”.

Jadual 4.0.18
Perincian Tahap AK

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
AK31	Saya menyayangi dan menghormati ibu bapa	4.76	0.56	Tinggi
AK32	Saya mentaati ibu bapa selagi tidak bercanggah dengan syariat	4.75	0.54	Tinggi
AK33	Saya membantu ibu bapa membuat kerja-kerja rumah tanpa balasan	4.49	0.72	Tinggi
AK34	Saya turut sama menjaga kebersihan rumah tangga	4.37	0.76	Tinggi
AK35	Saya menyayangi dan menghormati adik beradik saya	4.31	0.75	Tinggi
AK36	Saya mengamalkan tolak ansur dengan adik beradik saya	4.07	0.84	Tinggi
AK37	Saya tidak bergaduh dengan adik beradik saya	3.54	0.91	Sederhana
AK38	Saya mempertahankan kebaikan keluarga saya	4.57	0.71	Tinggi
AK39	Saya mendoakan kesejahteraan keluarga saya	4.74	0.55	Tinggi
AK40	Saya bermanis muka dengan ahli keluarga	4.32	0.76	Tinggi
	Jumlah	4.39	0.43	Tinggi

Berikutnya ialah dapatan bagi konstruk Akhlak Terhadap Masyarakat (AM). Jadual 4.19 menjelaskan bahawa tahap konstruk AM adalah tinggi (min = 4.12, sp = 0.93) dan semua item konstruk AM berada di tahap yang tinggi. Dua item tertinggi ialah item AM46 (min = 4.33, sp = 0.88) iaitu “Saya tidak merosakkan harta awam” dan item AM41 (min = 4.27, sp = 0.77) iaitu “Saya menghormati warga sekolah dan

jiiran-jiiran”. Dua item terendah ialah item AM42 (min = 3.91, sp = 0.79) iaitu “Saya bersikap santun ketika bergaul” dan item AAM47 (min = 3.91, sp = 0.88) iaitu “Saya menunjukkan contoh yang baik kepada rakan-rakan”.

Jadual 4.0.19
Perincian Tahap AM

Kod	Item	Min	Sp	Tahap
AM41	Saya menghormati warga sekolah dan jiran-jiran	4.27	0.77	Tinggi
AM42	Saya bersikap santun ketika bergaul	3.91	0.79	Tinggi
AM43	Saya suka membantu kawan-kawan	4.11	0.76	Tinggi
AM44	Saya menuruti nasihat guru-guru	4.18	0.77	Tinggi
AM45	Saya mematuhi peraturan sekolah	3.96	0.80	Tinggi
AM46	Saya tidak merosakkan harta awam	4.33	0.88	Tinggi
AM47	Saya menunjukkan contoh yang baik kepada rakan-rakan	3.91	0.88	Tinggi
AM48	Saya berdoa untuk kebaikan orang lain	4.23	0.86	Tinggi
AM49	Saya suka bersedekah kepada yang memerlukan	4.04	0.85	Tinggi
AM50	Saya suka memaafkan orang lain	4.25	0.93	Tinggi
	Jumlah	4.12	0.53	Tinggi

4.3.4 Hubungan Antara Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dan Penghayatan Akhlak Murid

Hipotesis H_{01} : Tidak terdapat hubungan signifikan amalan kesantunan berbahasa guru dengan penghayatan akhlak murid

Jadual 4.20 menjelaskan bahawa terdapat hubungan signifikan antara amalan kesantunan berbahasa guru dengan penghayatan akhlak murid ($r = 0.47$; $p < 0.05$). Dapatan ini menyebabkan hipotesis H_{01} ditolak. Merujuk kepada Pekali Kekuatan Korelasi, hubungan yang dikenal pasti adalah positif dan sederhana. Hal ini

menunjukkan bahawa amalan kesantunan berbahasa guru mempunyai kesan positif kepada penghayatan akhlak murid.

Jadual 4.0.20

Ujian Korelasi Pearson Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dengan Penghayatan Akhlak Murid

Pembolehubah Bebas	Penghayatan Akhlak	Nilai-p
Amalan Kesantunan Keseluruhan	0.47	0.00*

* $p < 0.05$

Hipotesis H_{01a} : Tidak terdapat hubungan signifikan di antara Qaulan Sadida dengan penghayatan akhlak murid

Hipotesis H_{01b} : Tidak terdapat hubungan signifikan di antara Qaulan Ma'rufa dengan penghayatan akhlak murid

Hipotesis H_{01c} : Tidak terdapat hubungan signifikan di antara Qaulan Karima dengan penghayatan akhlak murid

Hipotesis H_{01d} : Tidak terdapat hubungan signifikan di antara Qaulan Layyina dengan penghayatan akhlak murid

Hipotesis H_{01e} : Tidak terdapat hubungan signifikan di antara Qaulan Baligha dengan penghayatan akhlak murid

Hipotesis H_{01f} : Tidak terdapat hubungan signifikan di antara Qaulan Maysura dengan penghayatan akhlak murid

Jadual 4.21 dan Jadual 4.22 menunjukkan hubungan antara dimensi amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan signifikan antara dimensi amalan kesantunan berbahasa guru dengan penghayatan akhlak murid ($r = 0.47$; $p < 0.05$). Dapatan ini menyebabkan hipotesis H_{01a} , H_{01b} , H_{01c} , H_{01d} , H_{01e} , H_{01f} ditolak yang bermaksud terdapat hubungan

yang signifikan di antara dimensi amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid. Merujuk kepada Pekali Kekuatan Korelasi, hubungan yang dikenal pasti adalah positif dan sederhana. Hal ini menunjukkan bahawa dimensi amalan kesantunan berbahasa guru mempunyai kesan positif kepada penghayatan akhlak murid.

Jadual 4.0.21

Ujian Korelasi Pearson Dimensi Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dengan Penghayatan Akhlak Murid

Dimensi Amalan Kesantunan	Penghayatan Akhlak	Nilai-p
QS	0.41	0.00*
QM	0.40	0.00*
QK	0.37	0.00*
QL	0.35	0.00*
QB	0.43	0.00*
QY	0.41	0.00*

* $p < 0.05$

Jadual 4.0.22

Hasil Ujian korelasi antara Konstruk AKBQ dan IPAM

		Min Peng Akhlak	MinQS	MinQ M	MinQ K	MinQ L	MinQB	Min QY
Min Peng Akhlak	Pearson Correlation	1	.410**	.400**	.373**	.349**	.435**	.410**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000	.000	.000	.000	.000
MinQS	N	400	400	400	400	400	400	400
	Pearson Correlation	.410**	1	.610**	.602**	.498**	.553**	.508**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000	.000	.000	.000	.000
MinQ	N	400	400	400	400	400	400	400
	Pearson	.400**	.610**	1	.694**	.669**	.635**	.666

M	Correlation							**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000		.000	.000	.000	.000
	N	400	400	400	400	400	400	400
MinQK	Pearson Correlation	.373**	.602**	.694**	1	.685**	.699**	.699**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000		.000	.000	.000
	N	400	400	400	400	400	400	400
MinQL	Pearson Correlation	.349**	.498**	.669**	.685**	1	.676**	.651**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000		.000	.000
	N	400	400	400	400	400	400	400
MinQB	Pearson Correlation	.435**	.553**	.635**	.699**	.676**	1	.781**
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000		.000
	N	400	400	400	400	400	400	400
MinQY	Pearson Correlation	.410**	.508**	.666**	.699**	.651**	.781**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	.000	
	N	400	400	400	400	400	400	400
MinQY	Pearson Correlation	.410**	.508*	.666**	.699**	.651**	.781**	
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	.000	.000	.000	.000	
	N	400	400	400	400	400	400	400
**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).								

4.3.5 Peramal penghayatan akhlak murid

H₀₂: Tidak terdapat sumbangan dimensi amalan kesantunan berbahasa iaitu Qaulan Sadida, Qaulan Ma'rufa, Qaulan Karima, Qaulan Baligha, Qaulan Layyina dan Qaulan Maysura sebagai peramal penghayatan akhlak yang signifikan.

Dapatan analisis korelasi (Jadual 4.20) menunjukkan kesemua konstruk amalan kesantunan berbahasa guru mempunyai hubungan positif dengan semua konstruk penghayatan akhlak murid. Hal ini mengesahkan bahawa Qaulan Sadida, Qaulan Ma'rufa, Qaulan Karima, Qaulan Baligha, Qaulan Layyina dan Qaulan Maysura boleh digabungkan di dalam satu model peramal penghayatan akhlak murid.

Faktor peramal penghayatan akhlak menunjukkan perkongsian varians antara enam pemboleh ubah peramal penghayatan akhlak. Kombinasi enam pemboleh ubah ini menyumbang sebanyak 24% ($R^2=.24$) daripada varians pemboleh ubah bersandar iaitu penghayatan akhlak. Dapatan ini disokong dengan nilai F (20.93) daripada Analisis varian regresi berganda dengan nilai signifikan ($p=.0001$). Dapatan ini menunjukkan regresi R berbeza daripada sifar adalah signifikan yang mengesahkan bahawa wujudnya hubungan linear antara penghayatan akhlak dengan pemboleh ubah peramal.

Jadual 4.23 dan Jadual 4.24 menunjukkan dua pemboleh ubah peramal yang signifikan meramal penghayatan akhlak iaitu QS dan QB. Berpandukan kepada nilai beta terbesar, kajian ini mendapati QS ($Beta=.205$; $p=.00$) merupakan peramal utama penghayatan akhlak. Dapatan ini bermaksud QS iaitu Qaulan Sadida merupakan penyumbang utama kepada penghayatan akhlak. Hal menunjukkan bahawa

peningkatan satu nilai sisihan piawai QS akan meningkatkan nilai sisihan piawai penghayatan akhlak sebanyak 20.5%.

Jadual 4.0.23

Analisis Regresi Berganda Untuk Penentu Faktor Peramal Penghayatan Akhlak

Peramal Penghayatan Akhlak	B	SEB	β	T	P
QS	.150	.043	.205	3.48	.00**
QM	.065	.045	.102	1.43	.15
QK	-.022	.047	-.034	-.46	.64
QL	-.001	.040	-.002	-.03	.98
QB	.116	.046	.196	2.51	.01*
QY	.066	.046	.110	1.43	.15
Pemalar	2.674	.147	-	18.14	0.00

Nota: $R^2 = .24$; $F(6,393) = 20.93$; $p < .001$; * $p < .05$; ** $p < .01$

Jadual 4.0.24

Korelasi Antara Peramal Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Dan Penghayatan Akhlak Murid

Pemboleh ubah	M	SP	1	2	3	4	5	6
Penghayatan Akhlak	.21	.39	0.41**	0.40**	0.37**	0.35*	0.43**	0.41*
Pemboleh ubah Peramal								
QS	.34	.53		0.61**	0.60**	0.49**	0.55**	0.51**
QM	.02	.61			0.69**	0.67**	0.64**	0.67**
QK	.11	.61			-	0.68**	0.69**	0.69**
QL	.60	.67				-	0.67*	0.65*
QB	.92	.66					-	0.78*
QY	.04	.65						-

** $p < .01$, * $p < .05$

4.4 Penutup

Bab empat menjelaskan hasil dapatan kajian yang memenuhi enam objektif kajian dan menjawab sembilan soalan kajian. Dapatan kajian menjelaskan konsep amalan

kesantunan menurut al-Quran mempunyai empat perkara utama yang merangkumi tujuan amalan kesantunan berbahasa dalam Islam, kandungannya, kedudukannya dan kaedahnya secara umum. Dapatan juga menjelaskan terdapat enam pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran secara khusus yang merangkumi *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*.

Dapatan kajian menjelaskan bahawa tahap amalan kesantunan berbahasa GPI menurut perspektif murid adalah tinggi kecuali pendekatan *Qaulan Layyina* yang berada di tahap sederhana. Di samping itu hasil kajian juga mendapati bahawa tahap lima kategori penghayatan akhlak murid adalah tinggi, namun akhlak terhadap masyarakat didapati paling kurang. Dapatan juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara amalan kesantunan berbahasa guru dan penghayatan akhlak murid. Dapatan kajian mengesahkan bahawa amalan kesantunan berbahasa guru memberi kesan dan mempengaruhi penghayatan akhlak murid. Selanjutnya, dapatan kajian ini dibincangkan dalam bab lima yang meliputi ringkasan kajian, perbincangan kajian, rumusan kajian, implikasi kajian, cadangan umum dan cadangan kajian lanjutan.

BAB LIMA

RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Bab ini mengandungi ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian, implikasi kajian, sumbangan kajian serta cadangan kajian lanjutan. Ringkasan kajian menerangkan objektif kajian, soalan kajian, metodologi kajian dan dapatan kajian. Seterusnya, perbincangan dapatan kajian menjelaskan dapatan kajian dengan melibatkan kajian-kajian sebelumnya. Berikutnya ialah perbincangan implikasi kajian serta sumbangan kajian kepada ilmu bidang, bidang penyelidikan, institusi pendidikan negara, sekolah, murid dan masyarakat. Seterusnya, cadangan kajian lanjutan dikemukakan bagi perkembangan ilmu seterusnya.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dilakukan dalam tiga fasa utama. Fasa pertama ialah satu bentuk penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran bagi mengenal pasti tema-tema utama yang membentuk konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Penelitian yang dilakukan menggunakan kaedah *Tafsir Mawdu'iy* dengan melibatkan pembacaan dan pemerhatian kepada kitab-kitab tafsir yang muktabar. Pemerhatian yang awal dilakukan terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa secara umum. Pemerhatian yang kedua dilakukan terhadap ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan pendekatan khusus amalan kesantunan berbahasa. Tema dan subtema diteliti sebelum disusun untuk membentuk konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa. Pengenalpastian ayat-ayat al-Quran yang

dibuat turut melalui proses pengesahan pakar-pakar terpilih. Penyusunan dan pembentukan tema juga dibuat dengan merujuk kepada barisan panel pakar.

Seterusnya Fasa kedua ialah pembinaan instrumen hasil daripada dapatan terhadap analisis konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang dibuat menerusi kaedah *Tafsir Mawdu'iy*. Instrumen amalan kesantunan berbahasa (IAKBQ) yang merangkumi enam konstruk iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Maysura*. 48 item yang dibina hasil dari enam pendekatan amalan kesantunan berbahasa turut melalui proses pengesahan pakar yang terdiri dari pakar-pakar bahasa dan kandungan. Instrumen amalan kesantunan berbahasa dibina bagi mengenalpasti tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam (GPI) menurut perspektif murid. Fasa kedua turut melibatkan proses pembinaan instrumen penghayatan akhlak yang bertujuan untuk mengenalpasti tahap penghayatan akhlak murid dan hubungannya dengan tahap amalan kesantunan berbahasa guru. Instrumen penghayatan akhlak murid (IPAM) merangkumi lima konstruk iaitu akhlak terhadap Allah (AA), akhlak terhadap Rasul (AR), akhlak terhadap keluarga (AK), akhlak terhadap diri (AD) dan akhlak terhadap masyarakat (AM). Pembinaan Instrumen IPAM merangkumi 50 item. Instrumen IPAM dibina hasil adaptasi daripada lima buah instrumen penghayatan akhlak yang telah dibina oleh sarjana-sarjana penghayatan akhlak. Kedua-dua instrumen IAKBQ dan IPA yang dibina dimurnikan dengan pengesahan oleh barisan panel pakar.

Fasa ketiga ialah kajian lapangan iaitu membuat kajian terhadap murid-murid di sekolah-sekolah agama di seluruh negeri Kedah. Kajian melibatkan kedua-dua

instrumen AKBQ dan IPAM. Instrumen AKBQ dilakukan untuk mengenali pasti tahap amalan kesantunan GPI manakala instrument IPAM dilakukan untuk mengenalpasti tahap penghayatan akhlak murid. Seterusnya analisis korelasi dan inferensi dilakukan hasil analisis instrumen AKBQ dan IPAM bagi mengenalpasti hubungan di antara tahap amalan kesantunan berbahasa GPI dan tahap penghayatan akhlak murid sekolah agama serta sumbangan amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid.

5.2.1 Analisis *Tafsir Mawdu'iy* Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa dan Pendekatan Amalan Kesantunan Berbahasa.

Dalam kajian ini, *Tafsir Mawdu'iy* digunakan sebagai kaedah bagi menganalisis ayat-ayat al-Quran bagi membentuk konsep amalan kesantunan berbahasa dan pendekatan kesantunan berbahasa. Analisis *Tafsir Mawdu'iy* dalam kajian ini dilakukan dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah mengumpulkan dan menganalisis ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa dan pendekatan kesantunan berbahasa. Analisis ini dilakukan dengan merujuk kepada carian pantas internet, indeks ayat al-Quran dan kitab-kitab *Tafsir Mawdu'iy* di samping singkapan helaian manual ayat demi ayat dalam seluruh surah-surah al-Quran. Peringkat kedua dalam analisis *Tafsir Mawdu'iy* ialah menganalisis ayat-ayat yang telah dikumpulkan dalam tema dan subtema yang sama. Seterusnya tema dan subtema yang dikenal pasti, dirujuk kepada huraian-huraian tafsir dari pelbagai kitab tafsir seperti Tafsir Jami'ul Bayan (Al-Tabariy, 2008), Tafsir al-Qurtubiy (1967), Tafsir Ibnu 'Arabi (1978), Tafsir Ibnu 'Asyur (1984), Tafsir al-Şabuniy (1990), Tafsir Jalalain (Al-Suyuti, 1990), Tafsir al-Munir (al-Zuhailiy, 1991), Jadual fi 'I'rab al-Quran (Muhammad Sofiy (1991), Al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Karim (Muhammad Fuad, 1992), Tafsir

al-Baḥru al-Muḥiṭ (Al-Andalusiy, 1993), Asbab al-Nuzul (Al-Niysaburiy, 1994), Tafsir Ṭaṭāwiy (Al-Tantawiy, 1998), Tafsir Ibnu Kathir (1999), Tafsir Fi Zilalil Quran (Sayyid Qutb, 2000), Tafsir al-Maraghiy (2008), Tafsir al-Kassaf (2013) , Tafsir Al-Sa'adiy (2013) dan Tafsir Al-Sya'rawiy (2013).

5.2.2 Analisis Deskriptif dan Inferensi

Kajian deskriptif dan inferensi ini melibatkan 400 orang murid sekolah-sekolah menengah agama di negeri Kedah. Pemilihan sampel kajian dilakukan secara rawak berstrata tidak berkadar. Data kajian dikumpulkan dengan menggunakan instrumen soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian utama iaitu instrumen amalan kesantunan berbahasa menurut Al-Quran (IAKBQ) guru dan instrumen penghayatan akhlak murid (IPA). Instrumen amalan kesantunan berbahasa guru dibina berdasarkan interpretasi terhadap dapatan analisis *Tafsir Mawḍu'iy* konsep amalan kesantunan berbahasa dan pendekatan kesantunan berbahasa. Instrumen penghayatan akhlak dibina hasil kombinasi dan adaptasi daripada lima set instrument penghayatan akhlak iaitu instrument penghayatan akhlak penghayatan Pendidikan Islam yang dibina oleh Azma Mahmood pada tahun 2005, instrumen penghayatan akhlak yang telah dibina oleh Ahmad Munawar Ismail, instrumen penghayatan akhlak yang dibina oleh Azhar Ahmad pada tahun 2010, instrumen pentaksiran akhlak berasaskan rakan sebaya (IPAM-RS) yang dibina oleh Jimaain Safar, pada tahun 2012 dan instrumen penghayatan akhlak yang dibina oleh Mardzelah Makhsin pada tahun 2012.

Kebolehbacaan kedua-dua instrumen ini dilakukan oleh tiga orang guru Pendidikan Islam dan 30 orang murid dari sekolah menengah yang tidak dilibatkan dalam populasi kajian. Kesahan instrumen dilakukan oleh 14 orang pakar dari bidang yang

berbeza iaitu lima orang pensyarah dari bidang Pendidikan Islam, dua orang pensyarah dari bidang Kajian al-Quran, enam orang pensyarah dari Pengajian Bahasa Arab dan seorang guru cemerlang Bahasa Malaysia. Seterusnya, seramai 30 orang murid tingkatan empat dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Jelutong, Kulim dipilih sebagai responden bagi kajian rintis bagi memastikan kebolehtadbiran instrumen, kesahan muka dan kebolehpercayaan. Untuk 48 item instrumen IAKBQ nilai pekali Alfa Cronbach yang diperolehi ialah 0.957, manakala bagi instrumen penghayatan akhlak yang mempunyai 50 item, nilai pekali Alfa Cronbach ialah 0.765.

Data kajian kuantitatif ini melibatkan dua bentuk analisis iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif melibatkan statistik frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi melibatkan ujian korelasi Pearson, korelasi Spearman dan regresi berganda.

5.3 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang merangkumi konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa, amalan kesantunan berbahasa guru, penghayatan akhlak murid, hubungan dan sumbangan amalan kesantunan berbahasa guru terhadap penghayatan akhlak murid .

5.3.1 Konsep Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran

Dapatan kajian AKBQ menunjukkan bahawa amalan kesantunan berbahasa telah dianjurkan dalam Islam menerusi ayat-ayat al-Quran dan juga hadis-hadis Nabi.

Istilah ‘kesantunan berbahasa’ yang digunakan dalam bahasa Melayu dan ‘*politeness*’ dalam bahasa Inggeris adalah sinonim dengan perkataan ‘*halim*’ dalam al-Quran dan ‘*rifq*’ dalam hadis walaupun istilah ini belum ditemukan secara tepat penggunaannya dalam bahasa Arab. Konsep amalan kesantunan berbahasa yang diketengahkan oleh para sarjana di Barat seperti konsep menjaga air muka oleh Goffman (1967) dan Brown dan Levinson (1987) adalah antara perkara yang telah pun dibincangkan dalam al-Quran sebagai satu aspek amalan kesantunan berbahasa. Islam bukan sekadar menganjurkan penjagaan hubungan dan maruah sesama manusia bahkan jauh lebih dari itu, Islam melalui ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis nabi telah meletakkan garis panduan amalan kesantunan berbahasa (Niaz, 2016, Hafiza, 2021).

Menerusi analisis *Tafsir Mawdu’iy*, dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa secara umum dan khusus. Terdapat 36 ayat dari 20 surah al-Quran yang berkaitan dengan konsep amalan kesantunan berbahasa yang dijumpai. Ayat-ayat tersebut secara umumnya berkisar tentang konsep amalan kesantunan berbahasa. Ayat-ayat tersebut ialah ayat 83, 235, 256, 263 dan 268 surah al-Baqarah, ayat 159 dan 164 surah Ali’Imran, ayat 5,8,9,63 dan 86 surah al-Nisa`, ayat 54 surah al-Maidah, ayat 54 dan 108 surah al-An’am, ayat 71 surah al-Taubah, ayat 125 surah al-Nahl, ayat 23, 28 dan 53 surah al-Isra`, ayat 29 surah al-Kahf, ayat 44 surah Taha, ayat 63 surah al-Furqan, ayat 46 surah al-Ankabut, ayat 19 surah Lokman, ayat 21 dan 70 surah al-Ahzab, ayat 33,34 dan 35 surah Fussilat dan ayat 18 surah Qaf.

Analisis *Tafsir Mawdu’iy* terhadap 36 ayat-ayat al-Quran yang dilakukan menjelaskan bahawa terdapat empat tema utama konsep amalan kesantunan berbahasa. Empat

tema utama konsep kesantunan berbahasa yang ditemui dihuraikan dengan dua puluh enam subtema. Tema pertama ialah kedudukan amalan kesantunan berbahasa di dalam al-Quran yang diikuti oleh lima subtema. Subtema yang pertama ialah amalan kesantunan berbahasa adalah dituntut selepas tuntutan mentauhidkan Allah dan tuntutan berbuat baik terhadap ibu bapa, kaum keluarga dan sebagainya. Subtema yang kedua ialah kesantunan berbahasa itu adalah kebolehan berhikmah yang dianugerahkan Allah. Sementara subtema yang ketiga menerangkan bahawa amalan kesantunan berbahasa ialah rahmat dan anugerah dari Allah. Manakala subtema yang keempat pula menjelaskan bahawa amalan kesantunan berbahasa merupakan lambang kesabaran dan kebijaksanaan. Subtema yang kelima menekankan bahawa setiap ucapan akan dikira dosa dan pahala. Berbeza dengan pandangan sarjana Barat terhadap konsep amalan kesantunan berbahasa, amalan ini tidak dilihat kedudukan dan keutamaannya dalam masyarakat selain dari lambang maruah individu. Islam meletakkan kedudukan amalan ini sebagai satu perintah yang utama selepas perintah mengesakan Allah dan kewajipan berbuat baik kepada ibubapa dan ahli keluarga.

Dapatan ini menunjukkan perbezaan antara konsep amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran dan konsep yang dikemukakan oleh sarjana Barat. Islam menerusi ayat-ayat al-Quran menjelaskan setiap amalan baik itu ada kedudukannya, ada kandungannya, ada tujuannya dan kaedahnya yang berkait dengan aqidah kepada Allah SWT. Setiap pertuturan yang baik itu dipuji dalam Islam dan diberi ganjaran pahala. Setiap perbicaraan yang santun itu dikaitkan dengan keimanan kepada Allah SWT. Amalan kesantunan berbahasa dalam Islam mempunyai dasar dan rujukannya. Sementara konsep yang diperkenalkan oleh sarjana Barat pula adalah hasil dari nilai murni yang diamalkan tanpa ada sandarannya.

Tema yang kedua dalam konsep amalan kesantunan berbahasa ialah tujuan amalan ini yang dinyatakan dalam al-Quran. Tema ini mengandungi dua tujuan iaitu amar ma'ruf dan nahi mungkar iaitu menyuruh melakukan perkara yang baik dan mencegah dari melakukan perkara yang buruk. Dapatan ini menyokong pandangan Awang Sariyan (2000) Mohd Nazeli Ahmad (2009) dan Wan Siti dan Suhaila (2019) yang menyatakan dua pendekatan utama amalan kesantunan berbahasa iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Subtema yang kedua ialah dakwah kepada Allah, iaitu matlamat utama pelaziman amalan kesantunan berbahasa dalam Islam ialah menyeru manusia kepada menyembah dan mentauhidkan Allah SWT.

Dapatan kajian ini menyokong pandangan yang dikemukakan oleh Munif (2012) dan Wan Siti dan Suhaila (2019) yang membahagikan pendekatan amalan kesantunan berbahasa kepada tiga bahagian iaitu matlamat, bentuk dan cara. Munif (2012) berpendapat matlamat kesantunan berbahasa yang dianjurkan Islam ialah untuk mengajak orang lain berbuat baik. Amalan kesantunan berbahasa adalah manifestasi keimanan kepada Allah SWT. Munif (2012) dan Wan Siti dan Suhaila (2019) berpendapat amalan kesantunan berbahasa mestilah mengikut garis panduan yang disediakan yang meliputi hukum-hukum syariah seperti wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Anjuran melakukan kebaikan melalui kesantunan berbahasa dalam Islam mempunyai matlamat yang ditetapkan iaitu berdakwah kepada kebaikan dan mencegah keburukan. Ini berbeza dengan pandangan sarjana Barat yang meletakkan tujuan amalan kesantunan berbahasa adalah sekadar untuk menjaga air muka individu dalam masyarakat, sedangkan anjuran amalan ini adalah berkaitan dengan aqidah dalam Islam.

Tema yang ketiga ialah melibatkan kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam al-Quran. Al-Quran bukan sahaja menganjurkan amalan kesantunan berbahasa, namun al-Quran meletakkan juga kandungan sesebuah ucapan yang mempunyai unsur kesantunan berbahasa. Tema ini mengandungi lima subtema. Subtema yang pertama ialah menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran. Selain bertujuan untuk menyuruh kebaikan dan mencegah keburukan, subtema ini juga menjadi kandungan ucapan dalam amalan kesantunan berbahasa. Ini bermaksud ucapan yang mempunyai unsur kesantunan mestilah mengandungi anjuran membuat perkara-perkara yang baik dan mengandungi tegahan dan larangan daripada membuat perkara-perkara yang buruk dan keji. Dapatan ini selari dengan kajian Afifi (2019) dan Dehghan (2019) yang mengemukakan ucapan yang baik sebagai satu daripada sebelas pendekatan komunikasi Islam.

Subtema yang kedua ialah memohon keampunan bagi orang lain. Pelaziman terhadap amalan kesantunan berbahasa menganjurkan supaya manusia bukan sahaja sentiasa memohon ampun untuk diri sendiri, bahkan turut memohon ampun untuk orang lain seperti ibubapa, adik-beradik, kaum keluarga, jiran tetangga, sahabat handai dan seluruh muslimin dan juga muslimat. Subtema yang ketiga ialah memberi salam. Memberi salam adalah salah satu ucapan yang mempunyai unsur kesantunan berbahasa. Justeru ucapan salam sangat dianjurkan dalam Islam. Subtema yang keempat ialah doa. Antara kandungan ucapan yang dikatakan santun menurut al-Quran ialah doa. Justeru Islam sentiasa menganjurkan umatnya berdoa. Subtema yang kelima ialah memberi nasihat. Dapatan kajian ini menyokong penjelasan Zulkefli (2015) dan Afifi (2019) yang meletakkan ucapan salam, doa dan nasihat sebagai strategi dalam amalan kesantunan berbahasa. Justeru nasihat adalah antara isi

kandungan sebuah pengucapan yang mempunyai unsur kesantunan berbahasa. Dapatan kajian ini agak selari dengan pandangan Munif (2012), yang menyatakan bahawa bentuk amalan kesantunan berbahasa ialah leksikal atau perkataan dan amalan wacana. Setiap perkataan, ayat atau ungkapan yang dikeluarkan ketika bertutur dikira sebagai amal baik jika dilakukan dengan baik. Islam meletakkan garis panduan yang merangkumi apakah ucapan yang dikatakan santun dan berbudi bahasa itu. Memohon ampun, berdoa, memberi salam dan memberi nasihat menjadi keutamaan ucapan kesantunan dalam Islam. Berbeza dengan konsep amalan kesantunan berbahasa dari pandangan Barat yang tidak menetapkan secara khusus ucapan yang dikatakan santun berbahasa.

Tema yang keempat pula ialah kaedah amalan kesantunan berbahasa. Daripada penelitian terhadap ayat-ayat yang dipilih, tema ini dihuraikan dengan empat belas subtema. Subtema yang pertama ialah menggunakan perkataan yang baik. Al-Quran menganjurkan penggunaan perkataan yang baik sebagai kaedah dalam mengamalkan kesantunan berbahasa dalam interaksi. Subtema yang kedua ialah mengamalkan amalan kesantunan berbahasa dengan semua lapisan manusia. Al-Quran menyuruh umatnya menyamaratakan amalan kesantunan berbahasa dengan semua lapisan masyarakat tanpa memilih status dan kedudukan. Subtema yang ketiga ialah berlembut dengan golongan mukmin. Al-Quran menganjurkan agar ucapan yang penuh dengan lemah lembut dan mesra digunakan ketika bermuamalah dengan orang-orang yang beriman. Subtema yang keempat ialah bertegas dengan golongan kafir. Berbeza dengan golongan mukmin, al-Quran mengingatkan supaya bersikap tegas ketika berkomunikasi dengan orang-orang kafir terutamanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan aqidah. Subtema yang kelima ialah memulakan ucapan dengan

aluan yang baik. Al-Quran menganjurkan adab ketika memulakan perbualan atau ucapan iaitu dimulakan dengan pendahuluan yang baik. Subtema yang keenam ialah tidak mencerca ibadat agama lain. Walaupun sikap bertegas dianjurkan ketika berkomunikasi dengan golongan kafir, namun al-Quran melarang umatnya dari mencerca, menghina dan mengutuk amalan ibadat agama mereka.

Subtema yang ketujuh ialah merendah diri ketika berbicara. Al-Quran mensyaratkan amalan sikap merendah diri sebagai mekanisme ketika berinteraksi. Subtema yang kelapan ialah santun dengan lisan dan perilaku. Ketika bermuamalah, al-Quran menganjurkan kesantunan bukan sahaja dengan lisan, bahkan juga dengan perilaku dan tindakan. Subtema yang kesembilan ialah berdebat dengan bahasa yang baik. Al-Quran mengajar umatnya supaya tetap menjaga adab kesantunan walaupun dalam situasi perdebatan atau mujadalah. Sementara subtema yang kesepuluh ialah berihisan dengan ibubapa. Berihisan dengan ibubapa adalah satu kaedah melazimi kesantunan berbahasa. Subtema yang kesebelas ialah menggunakan bahasa yang baik dengan golongan yang jahil. Al-Quran mengisyaratkan kesantunan berbahasa dengan semua lapisan manusia sama ada golongan cerdik pandai mahupun golongan yang jahil. Subtema yang kedua belas ialah bertegas dalam perkara aqidah.

Dalam perkara yang melibatkan aqidah dan keimanan, al-Quran mengingatkan umatnya agar bersikap tegas dan berpendirian utuh. Subtema yang ketiga belas ialah merendahkan suara ketika berbicara. Al-Quran menyatakan anatar kaedah kesantun berbahasa ialah dengan merendahkan suara ketika berbicara. Sementara subtema yang keempat belas ialah mencontohi Rasulullah SAW. Dengan jelas al-Quran meletakkan

kesantunan yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sebagai contoh amali amalan murni ini. Dapat kajian ini menyokong pandangan Munif (2012) yang menyatakan bahawa amalan kesantunan berbahasa dalam Islam meliputi hukum-hukum syariah seperti wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Islam sebagai agama yang lengkap juga meletakkan kaedah yang bagaimana harus diikuti dalam amalan kesantunan berbahasa. Merendah diri dan bernada rendah anantara kaedah yang diajar dalam Islam ketika berbicara. Berbeza dengan konsep yang dikemukakan oleh sarjana Barat yang tidak meletakkan secara khusus kaedah tepat yang boleh digunakan sebagai panduan ketika berkomunikasi.

5.3.2 Pembentukan Pendekatan Amalan Kesantunan Berbahasa Menurut al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan terdapat sepuluh ayat utama yang dipilih bagi pembentukan pendekatan kesantunan berbahasa. Ayat pertama ialah ayat 235 surah al-Baqarah. Firman Allah SWT:

عَلِمَ اللَّهُ أَنَّكُمْ سَتَذْكُرُونَهُنَّ وَلَكِنْ لَا تُؤَاعِدُوهُنَّ سِرًّا إِلَّا أَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا

Allah mengetahui bahwa kamu akan menyebut-nyebut mereka, dalam pada itu janganlah kamu mengadakan janji kahwin dengan mereka secara rahsia kecuali sekadar mengucapkan kepada mereka pengucapan yang ma'ruf.

Dalam ayat 235 surah al-Baqarah, indikator yang dipilih ialah frasa *قولا معروفا* yang membawa maksud pengucapan yang baik. Indikator ini turut ditemukan dalam ayat yang kedua iaitu ayat 5 dan ayat yang ketiga iaitu ayat 8 surah al-Nisa` serta ayat keempat, iaitu ayat 32 surah al-Ahzab. Firman Allah SWT dalam ayat 5 surah al-Nisa`:

وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا وَارْزُقُوهُمْ فِيهَا وَاكْسُوهُمْ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

((Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya, harta yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja dan pakaian dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik)).

Firman Allah SWT dalam ayat 8 surah al-Nisa`:

وَإِذَا حَضَرَ الْقِسْمَةَ أُولُو الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسَاكِينُ فَارْزُقُوهُمْ مِنْهُ وَقُولُوا لَهُمْ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Dan apabila sewaktu pembahagian itu hadir sanak saudara, anak yatim dan orang miskin, maka berilah mereka dari harta itu dan ucapkanlah kepada mereka pengucapan yang baik.

Firman Allah SWT dalam ayat 32 surah al-Ahzab:

يَا نِسَاءَ النَّبِيِّ لَسْتُنَّ كَأَحَدٍ مِنَ النِّسَاءِ إِنِ اتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَحْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Wahai isteri-isteri Nabi, kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu tunduk dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit dalam hatinya dan ucapkanlah pengucapan yang baik.

Ayat kelima ialah ayat 9 dari surah al-Nisa`. Firman Allah SWT:

وَلْيَخْشَ الَّذِينَ لَوْ تَرَكَوا مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ ضِعَافًا خَافُوا عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا اللَّهَ وَلْيَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Dan hendaklah takut kepada Allah orang-orang yang seandainya meninggalkan di belakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka. Oleh sebab itu hendaklah mereka bertakwa kepada Allah dan hendaklah mereka mengucapkan pengucapan yang benar.

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa قولا سديدا yang membawa maksud pengucapan yang benar. Indikator yang sama turut ditemui dalam ayat keenam iaitu ayat 70 surah al-Ahzab. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا

Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah dan katakanlah pengucapan yang benar.

Ayat ketujuh yang ditemukan bagi membentuk pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 63 surah al-Nisa`. Firman Allah SWT:

أُولَئِكَ الَّذِينَ يَعْلَمُ اللَّهُ مَا فِي قُلُوبِهِمْ فَأَعْرِضْ عَنْهُمْ وَعِظْهُمْ وَقُلْ لَهُمْ فِي أَنْفُسِهِمْ قَوْلًا بَلِيغًا

Mereka itu adalah orang-orang yang Allah mengetahui apa yang ada di dalam hati mereka, maka berpalinglah kamu dari mereka dan berikanlah mereka muridan dan katakanlah kepada mereka pengucapan yang berkesan pada jiwa mereka.

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah قولا بليغا yang bermaksud kata-kata yang berkesan dalam jiwa (Al-Zuhaily, 1991). Ayat kelapan yang dipilih bagi membentuk pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 23 surah al-Isra`. Firman Allah SWT:

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ إِنَّمَا يُبَلِّغَنَّ عَنْكَ الْكِبَرِ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik pada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya. Jika salah seorang di antara keduanya atau kedua-duanya telah sampai usia tua, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada keduanya pengucapan "ah" dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka pengucapan yang mulia.

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa قولا كريما yang bermaksud pengucapan yang mulia. Ayat kesembilan yang ditemukan dalam pembentukan pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 28 surah al-Isra`. Firman Allah SWT:

وَأَمَّا تُعْرِضَنَّ عَنْهُمْ ابْتِغَاءَ رَحْمَةٍ مِنْ رَبِّكَ تَرْجُوهَا فَقُلْ لَهُمْ قَوْلًا مَيْسُورًا

Dan jika kamu berpaling dari mereka untuk memperoleh rahmat dari Tuhanmu yang kamu harapkan, maka katakanlah kepada mereka ucapan yang menyenangkan.

Indikator yang dipilih dalam ayat tersebut ialah frasa قولا ميسورا yang membawa maksud pengucapan yang menyenangkan. Ayat kesepuluh yang ditemui bagi pembentukan pendekatan kesantunan berbahasa ialah ayat 44 surah Taha. Firman Allah SWT:

فَقُولَا لَهُ قَوْلًا لَيْنًا لَعَلَّهُ يَتَذَكَّرُ أَوْ يَخْشَى

Maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan dia ingat atau takut.

Indikator yang dipilih dalam ayat ini ialah frasa قولا لينا yang bermaksud pengucapan yang lembut. Penemuan ayat-ayat tersebut menghasilkan enam tema bagi membentuk pendekatan kesantunan berbahasa. Tema-tema tersebut ialah *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Sadida*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa Islam yang menganjurkan amalan kesantunan berbahasa telah meletakkan garis panduan yang jitu sebagai pendekatan yang dapat menjadi pengukur yang mencakupi segenap aspek amalan kesantunan berbahasa. Pendekatan yang diketengahkan ini telah pun mencakupi Pendekatan Kerjasama yang dikemukakan oleh Grice (1967) yang mempunyai empat maksim

iaiatu maksim kuantiti, maksim kualiti, maksim pertalian dan maksim cara. Dapatan kajian ini juga telah pun mencakupi Model Kesantunan Leech (1983) yang mengemukakan enam maksim iaitu maksim berhemah, maksim budiman, maksim berkenan, maksim merendah diri, maksim persetujuan dan maksim simpati. Konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang ditemukan dalam kajian ini turut menyokong Model Kesantunan Asmah (2000) yang membahagikan kesantunan kepada dua bentuk iaitu kesopanan asas yang sedia ada dalam sesebuah masyarakat dan kesantunan berkendala yang merupakan nilai-nilai kesantunan yang diwujudkan oleh ahli masyarakat.

Dapatan kajian ini juga turut mengukuhkan pandangan Nasruddin (2002) yang membahagikan pendekatan komunikasi kepada tujuh perkara iaitu komunikasi yang dilakukan dalam lingkungan kebaikan, komunikasi yang dilakukan bukan dari perkara batil, komunikasi yang dilakukan bukan dalam bentuk cacian, tujuan komunikasi adalah untuk manfaat umum, komunikasi yang dilakukan mestilah berhikmah, komunikator tidak berbantah untuk kepentingan peribadi dan komunikasi yang dilangsungkan sesuai dengan tahap dan latar belakang penerima (Niaz dan Fadle, 2016).

Dapatan kajian ini menyokong pandangan Mohd Nazeli Ahmad (2009) yang mengeluarkan sepuluh pendekatan utama kesantunan berbahasa hasil dari penelitian beliau terhadap ayat-ayat Al-Quran. Pendekatan pertama ialah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Pendekatan kedua ialah pendekatan kebertanggungjawaban manusia menjaga lidah. Pendekatan ketiga ialah berbicara dengan lembut. Pendekatan keempat ialah larangan mengeluarkan perkataan yang

buruk. Pendekatan kelima ialah pendekatan memaafkan. Pendekatan keenam ialah berhikmah. Pendekatan ketujuh ialah kecerahan dan kejelasan dan pendekatan kelapan ialah menggunakan bahasa yang sesuai dan baik. Pendekatan-pendekatan yang dikemukakan oleh Nazeli sangat baik tetapi agak bercampur antara konsep amalan kesantunan berbahasa yang umum dengan pendekatan kesantunan berbahasa yang lebih khusus.

Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Abdul Mu'ati (2011) yang menyenaraikan tiga belas pendekatan komunikasi menurut Islam. Namun kesemua pendekatan yang dikemukakan Abdul Mu'ati lebih berbentuk tingkahlaku yang perlu dilakukan seseorang ketika berkomunikasi seperti merancang sebelum bercakap, mengawal nada suara, membuat persediaan sebelum bercakap dan menyusun maklumat dengan jelas dan berstruktur.

Dapatan kajian ini turut menyokong pandangan Nafron Hasjim (2013) yang mengemukakan lapan pendekatan komunikasi iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Layyina*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Thaqla*, *Laghwan wa la ta`thima*, *Qaulan Karima*, *Yaqulullati hiya ahsan*, *wa qulu linnasi husna*. Namun, penyelidik berpendapat pendekatan *Laghwan wa la ta`thima* dan *Qaulan Karima* mempunyai tafsiran makna yang hampir sama iaitu kata-kata yang mulia yang tidak sia-sia dan mendatangkan dosa. Sementara maksud pendekatan *Yaqulullati hiya ahsan* dan *wa qulu linnasi husna* juga hampir sama iaitu berkata dengan perkataan yang baik. Penyelidik berpendapat dua pendekatan ini lebih sesuai diletakkan sebagai konsep amalan kesantunan berbahasa yang lebih umum kerana ia lebih berbentuk anjuran atau seruan berkata baik.

Dapatan kajian ini menunjukkan perbezaan di antara konsep dan pendekatan yang dibentuk dari ayat-ayat al-Quran dan konsep serta pendekatan yang dibentuk oleh para sarjana sebelum ini. Dapatan kajian ini telah mengemukakan konsep amalan kesantunan berbahasa secara umum yang meliputi kedudukan, tujuan, kandungan dan cara amalan kesantunan berbahasa. Kemudian secara khusus dan lebih terperinci, dapatan kajian ini mengemukakan pendekatan-pendekatan khusus amalan kesantunan berbahasa yang meliputi enam pendekatan utama.

Pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran yang dikemukakan adalah selari dengan dapatan yang dikemukakan oleh Niaz dan Fadle (2016) dalam kajian mereka yang mengenalpasti pendekatan komunikasi yang berkesan menurut perspektif Islam. Niaz dan Fadle (2016) mengetengahkan tujuh pendekatan komunikasi berkesan menurut Islam. Pendekatan pertama ialah bercakap menggunakan bahasa yang lembut. Pendengar lebih selesa dan harmoni mendengar ucapan yang lembut berbanding kasar. Kedua, penggunaan kata-kata yang sesuai. Penutur harus memilih perkataan yang sesuai untuk diujarkan mengikut kategori pendengar dan kesesuaian tempat. Ketiga, bercakap dengan nada yang rendah. Keempat, mesti meraikan tahap pemikiran pendengar. Kelima, bercakap perkara yang sesuai dengan situasi dan tempat. Keenam, memberi peluang dan giliran bercakap kepada pihak lain dengan tidak menguasai perbincangan. Ketujuh, mengelakkan dari mewujudkan unsur celaan dalam percakapan agar menjaga hati pendengar.

Dapatan kajian AKBQ juga menyokong pandangan Fifi (2017) yang mengemukakan sebelas pendekatan komunikasi Islam bagi meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan pendidikan. Fifi membuktikan bahawa komunikasi yang menggunakan pendekatan

Islam mempengaruhi peningkatan kualiti sistem perkhidmatan pendidikan di Medan, Indonesia.

Pendekatan amalan kesantunan yang dikemukakan dalam kajian AKBQ juga selari dengan dapatan kajian yang dikemukakan oleh Amir, Kartakusumah, dan Anwar (2019) yang mengetengahkan enam prinsip komunikasi menurut perspektif Islam iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*. Dapatan kajian AKBQ juga menyokong dan menguatkan dapatan kajian Saifulazry Mohd Nur, Hidayat, Abang Mohd Razif, Irma, Mohd Sohaimi, Romzi & Siti Aida. (2021) yang mengemukakan 19 corak komunikasi berkesan mengurut padangan Islam. Mohd Nur et.all (2021) menegaskan bahawa Islam sebagai agama yang lengkap telah menyediakan panduan komunikasi yang lengkap bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian manusia ketika berkomunikasi.

5.3.3 Tahap Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Menurut al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan bahawa 299 daripada 400 orang murid meletakkan tahap amalan kesantunan berbahasa guru di tahap tinggi iaitu 74.8%. Sementara 99 murid yang mewakili 24.8% meletakkan tahap amalan kesantunan berbahasa guru di tahap sederhana. Manakala hanya 2 daripada 400 orang murid iaitu 0.5% meletakkan tahap amalan kesantunan berbahasa guru di tahap rendah. Dapatan ini menunjukkan tahap amalan kesantunan berbahasa guru-guru Pendidikan Islam di Kedah berada di tahap yang tinggi menurut persepsi murid-murid di sekolah-sekolah menengah agama yang terpilih.

Dapatan kajian ini menutup kebimbangan ramai pihak terhadap isu ketidaksantunan masyarakat Malaysia terutamanya warga pendidikan yang memfokuskan kepada guru-guru. Dapatan kajian ini seperti merealisasikan peranan guru dalam Falsafah Pendidikan Guru yang menjurus kepada berpekerti mulia sekaligus mengesahkan ciri-ciri guru yang berkualiti seperti yang dinyatakan oleh Al-Ghazali (1989) iaitu guru yang mempunyai kemahiran komunikasi yang menjadi faktor utama kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh Ab. Halim Tamuri (2004).

Dapatan kajian ini tidak menyokong pandangan yang menyatakan wujudnya isu ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam seperti yang pernah dikemukakan oleh Syukri Hanapi dan Faiqatul Mardhiah (2020). Walaubagaimanapun isu ketidaksantunan berbahasa dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam mungkin satu isu terpencil yang berlaku dalam kalangan segelintir guru-guru Pendidikan Islam. Dapatan kajian ini juga tidak menyokong dapatan kajian Nuraini Fatimah dan Zainal Arifin (2013) yang menyatakan bahawa amalan kesantunan berbahasa tidak dilazimi oleh semua warga pendidik.

Dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Sazwani, Noor Shah & Sazelli (2019). Sazwani et al. (2019) menjalankan kajian bagi mengenal pasti tahap amalan komunikasi dalam kalangan guru Matematik menurut persepsi pelajar dan guru. Sazwani et al. (2019) mendapati tahap amalan komunikasi guru Matematik adalah tinggi pada pandangan guru, namun sederhana pada pandangan pelajar. Ini memberikan isyarat bahawa guru perlu meneliti semula amalan komunikasi mereka.

Dapatan kajian ini menunjukkan tahap amalan kesantunan berbahasa berpandukan kepada enam konstruk iaitu *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Sadida*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima* *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina* adalah tinggi. Namun satu item dalam konstruk *Qaulan Sadida* adalah di tahap sederhana iaitu guru bercakap perkara yang penting. Manakala dua item dalam *Qaulan Ma'rufa* adalah sederhana iaitu percakapan guru tidak menyinggung hati dan guru tidak mengkritik orang lain. Daripada lapan item dalam konstruk *Qaulan Layyina*, terdapat lima item yang berada di tahap sederhana iaitu item guru suka memujuk, guru bercakap dengan nada yang rendah, guru tidak menengking pelajar, guru tidak suka memarahi pelajar dan guru tidak suka berleter.

Justeru dalam isu ini terdapat lapan item yang perlu diambil perhatian oleh para guru iaitu guru bercakap perkara yang tidak penting, guru menyinggung hati, guru mengkritik orang lain, guru tidak suka memujuk, guru bercakap dengan nada yang tinggi, guru menengking pelajar, guru suka memarahi pelajar dan guru suka berleter. Walaupun lapan item ini berada di tahap sederhana dalam kajian ini, namun inilah isu yang sepatutnya diambil perhatian oleh para guru. Dari perspektif murid, guru dilihat mempunyai masalah dalam lapan perkara. Sebagai orang yang sentiasa dijadikan contoh teladan dan berpengaruh dalam kalangan murid, guru perlu mengawasi dari lapan perkara ini. Ini menunjukkan terdapat cabaran bagi guru untuk memiliki ciri-ciri interaksi yang baik sebagaimana yang nyatakan oleh Siti Rashidah et.al (2016). Kesantunan berbahasa dalam kajian AKBQ secara praktikalnya adalah komunikasi guru dengan murid.

Komunikasi yang berkesan merupakan salah satu dari ciri-ciri guru yang berkualiti seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazali (1989). Bahkan komunikasi yang berkesan menjadi pelengkap dan ciri utama pembentukan guru yang berkualiti. Komunikasi yang berkesan dapat menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan (Ab. Halim Tamuri 2004; Alamgir et al., 2018). Kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas banyak bergantung pada kemahiran komunikasi yang berlaku di antara guru dan murid (Zaema, et al., 2018). Guru yang baik akan berusaha menggunakan bahasa yang baik untuk mempengaruhi watak dan sahsiah murid (Khairul Anuar, 2012; Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul 'Azmi & Harun Baharudin, 2019).

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, guru perlu mengenalpasti perkara-perkara yang penting dan perkara-perkara yang tidak penting untuk disampaikan kepada pelajar (Sohana & Hairun, 2017). Kadang kala guru tidak menyedari penyampaian dalam kelas lebih menjurus kepada perbincangan perkara yang tidak penting berbanding dengan penyampaian perkara penting. Zulkefli et al. (2019) menegaskan bahawa untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan berkesan, mendahulukan perkara yang lebih penting adalah lebih utama didahulukan. Jika tidak, objektif maklumat yang diinginkan tidak tercapai.

Dalam kelas, semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung dalam masa yang terhad, guru perlu menyampaikan perkara yang utama berbanding yang lainnya. Dalam proses mendidik, guru perlu berhikmah dan menjaga percakapan supaya percakapannya tidak menyinggung hati murid. Al-Ghazali (1987) menegaskan bahawa antara sifat guru yang berkualiti ialah memberi nasihat yang baik dan tidak

menyinggung perasaan anak murid. Percakapan yang menyinggung hati menimbulkan rasa tidak selesa dalam kalangan murid. Ini menyebabkan mereka menjauhi guru dan menyukarkan dakwah membentuk akhlak yang baik. Nuraini Fatimah dan Zainal Arifin (2013) dan Praptomo Baryadi (2014) menyatakan percakapan guru yang melukakan hati memberi kesan yang tidak baik kepada murid. Ini menyebabkan timbulnya rasa rendah diri dan tidak dihargai.

Sebagai guru yang baik, guru perlu menjauhi dari sikap suka mengkritik orang lain kerana sikap ini akan merendahkan imej dan kredibiliti guru sendiri selain memberi contoh yang tidak baik (Sofiah et al., 2016). Menurut Al-Gahzali (1987), seorang guru perlu membimbing anak murid dengan penuh kasih sayang dan bukan mengkritik. Kesilapan anak murid perlu ditegur dan dinasihati dengan penuh hikmah bukan dengan cara mengkritik (Sofiah et al., 2016). Nuraini Fatimah dan Zainal Arifin (2013) dan Praptomo Baryadi (2014) menjelaskan bahawa sikap suka mengkritik memberi kesan yang tidak baik kepada watak dan psikologi murid. Mereka pula akan suka mengkritik kawan-kawan dan orang lain. Pemujukan ialah satu proses yang berlaku apabila seseorang berucap mempengaruhi nilai, kepercayaan dan sikap pendengar (Trenholm, 1989). Pemujukan adalah suatu pengucapan berbentuk lisan yang kebiasaannya dilakukan dengan tujuan mengubah tingkah laku individu lain (Hovland, Janis & Kelley, 1953).

Smith (1982) menyatakan pemujukan iaitu memujuk digunakan sebagai simbol untuk mempengaruhi aspek dalaman dan kesedaran kognitif seseorang secara sukarela setelah menerima dengan baik mesej yang disampaikan. Komunikasi persuasif iaitu berbicara sambil memujuk memiliki peranan yang sangat penting dalam

mempengaruhi sikap dan perilaku seseorang (Hendri, 2019). Memujuk atau persuasif adalah satu teknik dalam komunikasi berkesan. Carosseli (1990) dalam Model Bahasanya menyatakan persuasif atau memujuk adalah satu dari empat strategi penggunaan bahasa yang baik yang memberi kesan kepada watak dan akhlak pendengar. Justeru strategi memujuk merupakan strategi yang penting yang boleh digunakan oleh guru ketika berinteraksi dengan murid kerana realiti semasa murid kadang kala perlu kepada pujukan berbanding hukuman dan dendaan. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, ada ketika guru perlu menggunakan teknik persuasif untuk menimbulkan minat murid terhadap pelajaran. Teknik persuasif atau memujuk juga perlu diterapkan dalam proses pembentukan dan penghayatan akhlak murid.

Ahmad Atabik (2014) menegaskan bahawa teknik persuasif mampu mempengaruhi perwatakan murid ke arah yang baik. Bahasa yang keras dan kasar tidak memberikan kesan yang baik kepada murid. Nuraini Fatimah dan Zainal Arifin (2013) dan Praptomo Baryadi (2014) telah membuktikan dalam kajian mereka bahawa penggunaan bahasa yang kesat dan kasar dalam komunikasi guru memberikan kesan buruk kepada sikap dan mental murid.

Antara ciri-ciri guru yang berkualiti sebagaimana disebutkan oleh Al-Ghazali (1987) ialah guru yang baik dan mesra dengan murid. Guru yang kurang mesra menunjukkan guru tersebut kurang bermotivasi sedangkan mengikut Kabita Das (2014), guru perlu mempunyai motivasi yang tinggi agar dapat menghadapi pelbagai kerenah murid. Ahmad, Kamarul, Khairunnisa, Mohd Burhan, Ab. Halim & Mohd Nordin (2016) menyatakan bahawa guru yang suka menghampiri murid dan mesra sangat disukai

dan menjadi masyhur dalam kalangan murid. Guru yang garang dan tidak mesra dengan murid akan dijauhi dan tidak disukai. Kemesraan seorang guru akan menjadikannya sangat disukai dan dinanti-nantikan oleh murid (Abdul Rashid et al., 2008). Guru boleh berusaha menjadikan kelasnya ceria, seronok dan diminati murid. Guru harus pandai berjenaka kerana murid akan merasa seronok dan tidak terancam (Mohd Salleh, 2002).

Unsur kekitaan dan kebersamaan perlu ada dalam hubungan antara guru dan murid bagi mewujudkan kemesraan. Kemesraan ini dapat diwujudkan jika guru sentiasa membuka ruang kepada murid untuk berkongsi masalah dan menjadikan hubungan lebih rapat. Guru yang mesra lebih disukai murid dari guru yang sombong. Kemesraan antara guru dan murid menunjukkan hasil dari komunikasi yang berkesan. Guru yang pandai berjenaka akan menjadikan kelasnya ceria dan diminati murid berbanding dengan guru yang serius ketika berinteraksi dengan murid (Kabita Das, 2014). Kemesraan yang dibina oleh guru ketika berinteraksi dengan murid adalah tanda wujudnya kepuasan komunikasi guru itu sendiri seperti yang dibuktikan dalam kajian Theresa (2018). Hakikatnya komunikasi efektif guru adalah berkait rapat dengan tahap motivasi guru sendiri.

Bercakap dengan nada yang rendah dan lembut adalah antara ciri komunikasi berhikmah. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas mahupun di luar kelas, guru perlu menggunakan nada yang sesuai dengan situasi murid (Abdullah 1999; Sugging Handoko 2002). dapat berinteraksi dengan nada yang rendah serta sesuai dengan murid seperti yang disarankan oleh Tunku Mohani (2005). Kegagalan guru untuk berkomunikasi dengan berkesan akan mengurangkan peratus

keberkesanan pengajaran dan pembelajaran seperti yang dinyatakan oleh Nicole Duta et.all (2015) dan Delia Muste (2016), Alexander (2017). Justeru untuk mendidik murid dengan akhlak yang baik, guru terutamanya GPI perlu mempunyai kompetensi dalam komunikasi. Guru yang bermotivasi akan menggunakan komunikasi yang baik seperti yang dinyatakan oleh Oznur Atas Akdemir (2019). Guru yang menggunakan komunikasi yang baik ketika beriteraksi adalah guru yang mengamalkan kesantunan ketika berkomunikasi. Guru yang melazimi kesantunan ketika berkomunikasi menunjukkan guru tersebut mempunyai akhlak yang baik kerana orang yang mempunyai akhlak yang baik akan melazimi kesantunan dalam hubungan (Mahmud, 2009). Guru sangat berperanan terhadap pembentukan akhlak murid. Guru mempunyai pengaruh yang besar terhadap penghayatan akhlak murid. (Zaema et al., 2018). Guru yang baik sentiasa sedar akan keperluan murid bagi mewujudkan hubungan dua hala yang baik untuk memudahkan pembentukan dan penghayatan akhlak murid (Nor Hanani & Ab Halim, 2019).

Dalam Islam amalan kesantunan yang menunjukkan pelaziman akhlak yang baik mempunyai kaitan langsung dengan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Dalam konteks pendidikan di sekolah, amalan kesantunan berbahasa guru yang diamalkan dalam interaksi dengan murid mempunyai pengaruh dan kesan yang sangat besar kepada pembentukan akhlak murid. Guru adalah pendakwah untuk mengajak murid ke arah kebaikan dan melarang dari membuat kemungkaran. Untuk berdakwah dengan baik, guru perlu melazimi amalan kesantunan berbahasa dengan menggunakan bahasa yang santun yang dapat menarik hati murid dan tidak menjauhkan mereka dari guru. Allah SWT telah mengingatkan kita bahawa sikap berlemah lembut itu akan

memberikan kesan yang baik dalam berdakwah seperti firmanNya dalam surah Ali ‘Imran, ayat 159:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ
وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maka dengan sebab rahmat yang melimpah-limpah dari Allah kepadamu wahai Muhammad, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka sahabat-sahabat dan pengikutmu, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu, dan pohonlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan hal-hal keduniaan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

5.3.4 Tahap Penghayatan Akhlak Murid Terhadap Allah, Rasul, Diri, Keluarga dan Masyarakat.

Dapatan kajian AKBQ merumuskan bahawa secara keseluruhannya, tahap penghayatan akhlak murid sekolah menengah agama di negeri Kedah adalah tinggi iaitu seramai 88.7% berada di tahap tinggi, manakala hanya 11.3% berada di tahap sederhana. Akhlak terhadap keluarga menjadi konstruk paling tinggi diikuti konstruk akhlak terhadap Allah, akhlak terhadap Rasul, akhlak terhadap diri dan akhlak terhadap masyarakat.

Dapatan kajian AKBQ menyokong dapatan Ajmain dan Ab. Halim (2011) yang meninjau tahap penghayatan akhlak murid Islam tingkatan empat di sekolah menengah di Johor juga mendapati tahap penghayatan akhlak murid berada di tahap tinggi. Dapatan kajian AKBQ juga setara dengan dapatan kajian yang dibuat oleh Sharifah (2011) yang telah meninjau tahap penghayatan akhlak murid sekolah menengah umum (SMU) di Kota Medan. Dalam kajian tersebut, Sharifah mendapati

keupayaan pembentukan akhlak dalam kalangan murid adalah sangat baik sehingga berlakunya peningkatan dan pemulihan akhlak.

Namun dapatan kajian AKBQ tidak meyakinkan dapatan yang dikemukakan oleh Jamilah (2014) yang telah meninjau tahap pengetahuan murid terhadap akhlak, sikap murid terhadap akhlak dan amalan akhlak murid dalam membentuk peribadi. Kajian beliau yang melibatkan 360 orang murid sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan mendapati pengetahuan murid terhadap akhlak dan sikap mereka terhadap pelajaran akhlak adalah tinggi. Namun tahap amalan akhlak mereka adalah rendah.

Dapatan kajian AKBQ juga selari dengan dapatan kajian yang dilakukan oleh Azmil et al. (2016) yang mendapati tahap penghayatan akhlak pelajar SMKA adalah tinggi. Azmi et al. (2016) juga mendapati bahawa Qudwah yang diamalkan oleh para pelajar di SMKA mempengaruhi penghayatan akhlak mereka. Ini menunjukkan GPI sangat mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar.

Dapatan kajian AKBQ didapati selari dengan dapatan yang diperolehi oleh Mohd Khairi dan Khairi (2016) dalam kajian mereka terhadap 381 orang murid Politeknik Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah yang merumuskan bahawa tahap pengamalan ajaran Islam yang meliputi akhlak dalam kalangan populasi kajian adalah tinggi walaupun segelintir murid kurang mengamalkan penghayatan akhlak Islam.

Kajian AKBQ juga menyokong dapatan kajian Nor hayati, Adibah & Bani (2018) yang mendapati tahap penghayatan akhlak pelajar Politeknik di Banting adalah tinggi. Nor Hayati et al. (2018) mendapati pelajar mempunyai pengetahuan yang tinggi

dalam bidang aqidah, muamalah dan syariah. Nor Hayati et.all (2018) juga menegaskan bahawa elemen aqidah, muamalah dan syariah mempengaruhi penghayatan akhlak pelajar.

Dapatan kajian AKBQ selari dengan dapatan kajian Norharah & Faridah (2021) yang mendapati tahap amalan adab dan kesopanan murid sekolah rendah adalah tinggi. Norharah & Faridah (2021) mendapati pengamalan adab dan kesopanan dalam diri murid mempengaruhi watak murid dan memberikan kesan yang besar. Justeru adab dan kesopanan adalah amalan penting yang harus diterapkan dalam diri murid.

Dapatan kajian AKBQ menunjukkan semua item tahap penghayatan akhlak murid adalah tinggi, namun antara semua item, akhlak terhadap masyarakat adalah paling rendah. Ini menunjukkan penglibatan sosial murid dalam masyarakat masih perlu diperbaiki. Daripada semua item akhlak terhadap masyarakat, didapati item bersikap santun ketika bergaul dan menunjukkan contoh yang baik berada pada tahap yang paling rendah. Ini menunjukkan murid mengakui bahawa mereka kurang santun ketika bergaul dengan kawan-kawan.

Kesantunan berbahasa dalam kalangan generasi muda terutama golongan remaja perlu dititikberatkan kerana penggunaan bahasa yang tidak santun akan mengubah corak dan cara berkomunikasi serta tingkah laku mereka (Noor Fadilah & Asiah, 2021). Shatar Sabran (2021), dalam tulisannya di Sinar Harian 16 Oktober 2021 menyatakan kebimbangannya terhadap isu ketidaksantunan bahasa dalam masyarakat hari ini. Beliau berpandangan isu ketidaksantunan perlu dibendung bagi mengelakkan ia menjadi kebiasaan dalam masyarakat. Masyarakat yang kurang santun memberikan

contoh dan mempengaruhi murid dengan bahasa yang kesat dan tatasusila yang tidak terjaga.

Isu ketidaksantunan remaja sebenarnya pernah dibincangkan oleh Zaitul Azma dan Mohd Fuad pada tahun 2012. Zaitul Azma dan Mohd Fuad (2012) mendapati remaja menggunakan strategi ketidaksantunan ketika mereka memaki/mencaci, menghina, mengejek, dan mengusir remaja lain serta merosak air muka remaja lain. Penggunaan ayat sindiran digunakan remaja ketika mereka mengusir, menghina, dan mengejek rakan mereka, dan penggunaan strategi menahan kesantunan digunakan remaja apabila mereka mentertawa dan memperlekehkan remaja lain. Penggunaan strategi ketidaksantunan dalam kalangan remaja secara tidak langsung menunjukkan bahawa amalan kesantunan berbahasa telah tidak dipraktikkan dengan sepenuhnya oleh remaja di sekolah. Oleh yang demikian, guru sebagai orang yang paling rapat dengan kehidupan remaja ketika di sekolah perlu menjalankan tanggungjawab sebagai model masyarakat dalam memupuk nilai sopan santun dalam kalangan para remaja.

Menurut Ahmad Ali Karim (2019) perkembangan emosi, sosial dan rohani dalam membentuk keperibadian remaja dipengaruhi oleh persekitaran, khasnya individu-individu yang rapat dengan kita. Rakan adalah individu rapat yang boleh mempengaruhi remaja. Akhlak yang baik yang ditunjukkan oleh remaja dapat mempengaruhi akhlak rakannya. Namun jika akhlak yang buruk ditunjukkan, maka ia juga memberikan kesan kepadanya. Justeru mempunyai rakan yang berakhlak baik sangat penting kepada pembentukan watak dan sahsiah murid. Ibubapa dan guru perlu menjadi contoh yang baik kepada murid agar murid dapat menjadi contoh yang baik kepada rakannya. (Hasbullah et al., 2020).

5.3.5 Hubungan di antara Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Pendidikan Islam dengan Penghayatan Akhlak Murid

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara semua dimensi amalan kesantunan berbahasa guru iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Maysura* dengan penghayatan akhlak murid sekaligus menolak hipotesis yang mengandaikan tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan kesantunan berbahasa guru dan akhlak murid. Hubungan yang dikenalpasti ialah positif dan sederhana iaitu kesemua pembolehubah bebas mempunyai hubungan yang positif dengan pembolehubah bersandar. Di samping itu, dapatan kajian juga mendapati semua pembolehubah bebas juga mempunyai hubungan yang positif dan dapat digabungkan dalam satu model peramal penghayatan akhlak.

Dapatan kajian menunjukkan memang benar amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan GPI mempunyai hubungan langsung dengan penghayatan akhlak murid. Kesantunan berbahasa ketika berkomunikasi yang diamalkan oleh GPI adalah hasil dari akhlak GPI yang disandarkan kepada keimanan kepada Allah SWT. Seperti yang disebutkan oleh Mahmud (2009) orang yang mempunyai akhlak yang baik akan melazimi kesantunan ketika berinteraksi dengan orang lain. Dalam konteks guru sebagai da'ei di sekolah, kesantunan berbahasa ketika berinteraksi dengan murid akan mempengaruhi watak dan akhlak murid. Guru yang menjaga tutur kata akan sentiasa dicontohi oleh murid, berbanding guru yang tidak menjaga kesantunan ketika berbiacara. Allah SWT telah menegaskan kepentingan berbicara dengan penuh kesantunan melalui ayat 159 surah Ali 'Imran yang bererti:

Maka dengan sebab rahmat yang melimpah-limpah dari Allah kepadamu wahai Muhammad, engkau telah bersikap lemah-lembut kepada mereka sahabat-

sahabat dan pengikutmu, dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu, dan pohonlah ampun bagi mereka, dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan peperangan dan hal-hal keduniaan itu. Kemudian apabila engkau telah berazam sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu maka bertawakkallah kepada Allah, sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.

Sebagai GPI, guru perlu menyedari hakikat bahawa GPI yang baik akan melahirkan murid yang baik. GPI yang berakhlak mulia akan membentuk murid yang berakhlak terpuji sebagaimana yang ditekankan oleh Abdul Muhsien (2014). *Qaulan Sadida* sebagai pendekatan amalan kesantunan berbahasa dalam kajian ini menuntut supaya GPI sentiasa mengamalkan percakapan yang benar, mengajak murid-murid agar bercakap benar dan menjauhi bercakap bohong. Amalan bercakap benar yang diamalkan oleh GPI akan melahirkan murid yang sentiasa bercakap benar.

Qaulan Ma'rufa menuntut GPI sentiasa mengamalkan percakapan yang baik-baik dan mengelakkan dari percakapan yang buruk dan tidak memberi faedah. Percakapan yang baik-baik dalam kalangan GPI akan mendorong murid-murid bercakap perkara yang baik-baik. *Qaulan Karima* menuntut supaya GPI sentiasa mengamalkan percakapan yang mulia dan menghindari dari bercakap perkara-perkara yang keji. Ini kerana amalan bercakap mulia dalam kalangan GPI akan menggalakkan percakapan yang mulia dalam kalangan murid-murid. Jika mereka sentiasa mendengar perkara-perkara yang baik, mereka juga akan bercakap perkara-perkara yang baik. Sebaliknya jika mereka terbiasa mendengar percakapan yang keji, mereka juga akan bercakap perkara-perkara yang keji. *Qaulan Baligha* menuntut GPI agar mengamalkan percakapan yang jelas dan maksud percakapan

sampai kepada murid-murid. Guru yang bercakap dengan jelas merupakan guru yang mempunyai kemahiran berkomunikasi. Kemahiran ini diperlukan ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlaku. Guru yang berkualiti mempunyai kemahiran komunikasi berkesan iaitu percakapan yang jelas. Maksud percakapan guru perlu sampai dan berkesan kepada murid-murid agar mereka dapat menerima mesej yang hendak disampaikan dengan baik sebagaimana yang dinyatakan oleh Mohd Nazeli (2009). *Qaulan Layyina* menuntut GPI agar sentiasa bercakap dengan lemah lembut ketika beriteraksi dengan murid-murid. Percakapan yang lemah lembut dan bernada rendah dapat menarik perhatian murid. Percakapan yang kasar dan bernada tinggi akan menjauhkan murid dari menghampiri guru. Percakapan yang kasar dan kesat juga akan memberikan kesan negatif sama ada terhadap psikologi murid ataupun perwatakan mereka seperti yang dijelaskan oleh Baryadi (2013) dan Nuraini Fatimah dan Zainal Abidin (2013). *Qaulan Maysura* menuntut GPI agar sentiasa mengamalkan percakapan yang mudah dan menyenangkan. Murid lebih suka mendengar percakapan guru yang senang dan mudah berbanding dengan percakapan guru yang susah dan sukar difahami. Sebagaimana saranan Wan Siti dan Suhaila (2019), antara pendekatan percakapan yang santun adalah percakapan yang mudah dan tidak panjang serta tidak tergeda-gesa. Justeru sebagai GPI yang mempunyai peranan yang besar dalam pembentukan dan penghayatan akhlak murid, seharusnya GPI mengamalkan keenam-enam pendekatan kesantunan berbahasa yang dicadangkan dalam kajian ini.

5.3.6 Sumbangan Amalan Kesantunan Berbahasa Guru Pendidikan Islam Terhadap Penghayatan Akhlak Murid

Dapatan kajian juga mendapati *Qaulan Sadida* dalam amalan kesantunan berbahasa merupakan penyumbang utama terhadap penghayatan akhlak murid. Hal ini menunjukkan bahawa amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru memberi impak yang positif kepada penghayatan akhlak murid. Dapatan kajian ini juga merumuskan bahawa amalan kesantunan berbahasa boleh mempengaruhi akhlak seseorang dan akhlak seseorang boleh memberi kesan kepada amalan kesantunan berbahasa.

Dalam konteks hubungan guru dan murid, *Qaulan Sadida* dalam kajian ini memberi isyarat bahawa bercakap benar itu memberikan impak yang positif kepada pembentukan dan penghayatan akhlak. Menurut Ibn Manzbur dalam lisan al-Arab, perkataan sadid yang dihubungkan dengan qaul mengandungi maksud berkaitan sasaran (يصيب القصد) (Ibnu Manzbur, tt: 1970). Sentiasa bercakap benar itu menunjukkan sifat taqwa seorang guru. Menyuruh dan menunjukkan contoh dengan bercakap benar itu lebih tulus dan dipercayai bagi seorang murid. Dalam konteks mendidik, guru sewajarnya mengamalkan bercakap benar, menyuruh dan menggalakkan murid-murid bercakap benar. Ayat 71 surah al-Ahzab yang mempunyai indikator *Qaulan Sadida* menunjukkan bahawa bercakap benar itu adalah hasil dari sifat taqwa. Bercakap benar itu memudahkan urusan dakwah antara guru dan murid. Apabila ada unsur taqwa dalam dakwah, Allah SWT menjanjikan urusan dakwah itu dipermudahkan.

Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian- kajian sebelum ini seperti kajian Abdullah (1999), Mohd Salleh (2002) dan Sungging Handoko (2002) yang mendapati kemesraan seorang guru dengan murid memberikan kesan yang baik terhadap pengajaran dan pembelajaran. Kemesraan guru merupakan salah satu ciri-ciri yang terdapat dalam kesantunan berbahasa dan komunikasi yang baik. Dapatan kajian juga menyokong pandangan Ab. Halim Tamuri (2004), Tunku Mohani (2005), Abdul Rashid et all. (2008) yang berpendapat komunikasi yang berkesan dalam kalangan guru dapat menghasilkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan murid. Ab. Halim Tamuri (2005) berpendapat ketidaksantunan berbahasa guru memberi impak negatif kepada corak dan budaya masyarakat. Murid yang terdedah dengan kebiasaan kata-kata yang kesat akan terbiasa menggunakan kata-kata kesat, marah-memarahi, ejek-mengejek, kata-mengata, menghina dan sebagainya.

Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Zaharah (2005) yang menyatakan peranan guru Pendidikan Islam sebagai *mu'allim*, *mu'addib*, *murabbiy*, *mursyid* dan *da'ei* dapat dilaksanakan dengan baik jika kesantunan bahasa dapat dilazimi dalam komunikasi dan interaksi dengan murid. Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Zaitul Azma (2008) yang mendapati lebih daripada 80% remaja menghadapi masalah konflik bahasa didalam kelas. Dapatan kajian ini turut menyokong hasil kajian Khairul anuar (2012) dan Sauri (2013) yang berpendapat guru adalah agen pembentukan akhlak dan sahsiah murid.

Dapatan kajian ini juga menyokong kajian Praptomo Baryadi (2012) yang memperincikan kesan negatif ketidaksantunan bahasa guru kepada kesan psikologi, kesan kehilangan contoh teladan dan kesan kebiasaan murid dengan akhlak yang

buruk. Beliau berpendapat ketidaksantunan berbahasa jika sudah menjadi kebiasaan, akan memberi kesan negatif yang teruk kepada psikologi murid. Seorang murid yang sering dimarahi dengan kata-kata yang kesat dan buruk memberi tekanan kepada psikologinya. Beban psikologi ini menghalang proses pembentukan dan penghayatan akhlak dalam dirinya. Praptomo Baryadi (2012) menegaskan bahawa ketidaksantunan guru memberi kesan kepada kelunturan kewibawaan di hadapan murid. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Nuraini Fatimah dan Zainal Arifin (2013) yang membuat rumusan dari kajian mereka bahawa ketidaksantunan bahasa guru memberi impak yang positif kepada pembentukan akhlak dan sahsiah murid. Menurut kajian mereka, 80 peratus guru-guru di Indonesia menggunakan hukuman buatan dan melakukan kekerasan verbal terhadap murid-murid sekolah. Sikap guru-guru yang tidak mementingkan amalan kesantunan berbahasa menyebabkan berlaku gejala-gejala keruntuhan akhlak.

Dapatan kajian ini juga menyokong kajian yang dilakukan oleh Abdul Muhsin (2014) yang mendapati elemen utama bagi membina hubungan guru-murid yang berkesan ialah prihatin, menerapkan perasaan kasih sayang, menyemai sifat terpuji, membimbing dan mengekalkan keserasian. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian yang dijalankan oleh Kabita Das (2014) yang merumuskan guru yang berkomunikasi dengan baik dan mesra serta memahami murid dapat mempengaruhi murid berbanding guru yang tidak mesra dan agak tegas dengan murid.

Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Mohd Khairudin, Khalid, Ag Yusuf dan Halimah (2014) yang merumuskan bahawa tingkah laku delinkuen murid sekolah menengah di Pitas, Sabah dapat diatasi dengan komunikasi yang berkesan dalam

kalangan guru. Dapatan kajian ini juga membenarkan pandangan Nicole Duta et al. (2015) yang mendapati komunikasi guru yang berkesan sangat memainkan peranan terhadap kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran serta mempengaruhi pembentukan watak murid.

Dapatan kajian juga menyokong kajian Delia Muste (2016) yang mendapati komunikasi guru yang efektif yang merangkumi penguasaan perbendaharaan kata, penggunaan gaya bahasa yang baik dan penggunaan bahasa badan memainkan peranan bagi menentukan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Nicoleta (2017) yang mendapati kejayaan akademik murid bukan sahaja bergantung kepada pengetahuan guru bahkan bergantung juga kepada kemahiran komunikasi guru seperti pandangan Alexander (2017), Theresa (2018), Norhayati & Roslinda (2018), Sazwani et al. (2019) dan Bahariah et al. (2021).

Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Syukri Hanapi (2020) yang menyatakan bahawa isu ketidaksantunan guru Pendidikan Islam menjadi suatu perkara yang penting dibincangkan. Syukri Hanapi (2020) berpendapat ketidaksantunan berbahasa guru Pendidikan Islam bukan sahaja menjatuhkan maruah guru Pendidikan Islam bahkan juga menyebabkan ketidaksampaian mesej dakwah yang disampaikan kepada para murid. Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Faiqatul Mardhiah (2020) seorang Guru Cemerlang yang berpendapat kesantunan berbahasa dalam kalangan guru berfungsi sebagai pemangkin penerapan, pembentukan dan penghayatan akhlak murid. Dapatan kajian ini juga menyokong pandangan Abdul Arif, Mohd Isa & Ab Halim (2021) bahawa GPI sangat

berpengaruh dan memainkan peranan yang besar terhadap pembentukan dan penghayatan akhlak murid. Dapatan ini juga menyokong dapatan kajian yang telah dilakukan oleh Ab Halim dan Ahmad Munawar (2021) yang menyimpulkan bahawa dua faktor penting pembentukan dan penghayatan akhlak murid ialah peranan ibubapa dan pendidikan di sekolah. Dapatan kajian juga menyokong dan menguatkan pandangan kajian Zawawi, Ab Halim & Nur Hanani (2021) yang membuktikan bahawa GPI adalah individu yang bertanggungjawab di atas perubahan tingkahlaku dan pembentukan akhlak murid sekolah. Ab Halim (2021) menyatakan bahawa GPI harus menjaga perwatakan dan akhlak yang baik kerana mereka adalah contoh teladan kepada murid di sekolah. GPI bertanggungjawab mencorakkan watak dan akhlak yang baik dalam kalangan murid sekolah. Justeru GPI perlu berusaha menjadi individu contoh dan mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap tanggungjawab yang dipikul. GPI adalah agen perubahan sosial masyarakat ke arah yang lebih baik (Noornajihan, Nurul Ab Halim & Nur Hanani, 2019). Antara usaha yang boleh dilakukan oleh GPI agar berperanan sebagai agen perubahan sosial murid ialah mengenali dan mengetahui latarbelakang murid. GPI perlu bersedia mengenali murid dengan lebih dekat agar mudah membentuk akhlak mereka.

5.4 Implikasi dan Sumbangan Kajian

Amalan kesantunan berbahasa adalah satu nilai sejagat yang menjadi penanda aras kemajuan pemikiran dan akhlak sesebuah masyarakat. Masyarakat yang melazimi amalan kesantunan berbahasa menjadi masyarakat yang bertamadun dan maju seiring dengan kemajuan semasa berbanding dengan masyarakat yang tidak mengutamakan amalan kesantunan berbahasa, biarpun terlalu maju dari sudut pembangunan fizikal dan pencapaian teknologi. Rata-rata sarjana cuba mengkaji dan membina teori,

konsep dan pendekatan untuk dijadikan pengukur atau penanda aras ketepatan dan tahap amalan kesantunan berbahasa berdasarkan kajian dan pemerhatian dalam masyarakat masing-masing. Di barat mahupun di timur, ramai sarjana telah mengetengahkan pandangan masing-masing seterusnya memasyhurkan teori, pendekatan dan strategi amalan kesantunan berbahasa sehingga dijadikan dasar dan asas kajian sarjana lain. Teori yang dibina oleh sarjana yang berdasarkan kepada pemerhatian masyarakat tertentu berkemungkinan serasi dan sesuai dengan masyarakatnya tetapi belum tentu sesuai dan serasi dengan masyarakat lain. Hakikatnya nilai murni ini telah lama dianjurkan dalam Islam sebagai satu agama yang sempurna mendahului teori-teori yang dibina oleh ramai sarjana. Seusia penurunan ayat-ayat al-Quran, Islam telah lama meletakkan garis panduan yang dapat dijadikan sebagai teori, pendekatan dan strategi seiring dengan konsep kajian dalam dunia penyelidikan. Garis panduan amalan kesantunan berbahasa yang disediakan dalam Islam melalui ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Nabi adalah sempurna dan relevan untuk seluruh masyarakat di semua peringkat dan masa. Usaha meneliti garis panduan amalan kesantunan berbahasa yang terdapat dalam al-Quran dalam kajian ini seterusnya percubaan mengaplikasikannya di medan pendidikan dan sebagainya boleh dimanfaatkan.

Konsep amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran boleh dijadikan penambahan pengetahuan kepada sarjana-sarjana muslim lain mahupun sarjana non-muslim. Pendedahan dapatan kajian ini mungkin menambah pengetahuan sarjana lain iaitu konsep amalan kesantunan berbahasa yang meriah dibincangkan oleh sarjana-sarjana di timur mahupun barat lebih sedekad yang lalu, yang mana ia sebenarnya telah dianjurkan oleh agama Islam melalui ayat-ayat al-Quran dan Hadis-hadis Nabi SAW.

Dapatan kajian AKBQ boleh menjadi sokongan kepada pandangan dan penelitian awal beberapa sarjana terhadap konsep, pendekatan dan strategi amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Jika sebelum ini penemuan oleh sarjana adalah dalam bentuk kajian ringkas yang tidak berdasarkan metodologi khusus, maka kajian AKBQ yang menggunakan kaedah *Tafsir Maudhu'iy* cuba mengetengahkan penemuan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran. Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan satu dorongan kepada sarjana-sarjana lain yang berminat terhadap kajian konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa dengan menjadikannya sebagai permulaan kepada penelitian ayat-ayat al-Quran. Jika dapatan kajian yang akan dilakukan oleh sarjana-sarjana lain sama dan tepat seperti mana dapatan kajian ini, maka ia menyokong dan menguatkan lagi dapatan kajian ini. Jika terdapat penambahan atau penemuan baru, maka ia menambahluaskan lagi ilmu pengetahuan tentang konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut pandangan Islam.

Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai pencetus idea dalam usaha mencari dan membina konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa seterusnya sebagai asas mahupun dasar yang dapat mengukur nilai dan tahap amalan kesantunan berbahasa dalam sesebuah masyarakat sama ada di Timur mahupun di Barat. Kaedah *Tafsir Maudhu'iy* yang digunakan dalam kajian ini dapat dijadikan pilihan metodologi dalam kajian lain yang berbentuk Analisis dokumen terutamanya kajian yang melibatkan kandungan teks atau penelitian ayat-ayat Al-Quran dan Hadis.

Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan model pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran yang boleh diaplikasikan dalam bidang pendidikan,

institusi kekeluargaan, bidang kemasyarakatan, institusi kesihatan, institusi perhotelan, pelancongan dan sebagainya. Model pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran yang dihasilkan daripada dapatan kajian ini dapat dijadikan modul amalan kesantunan berbahasa yang boleh digunapakai sebagai bahan rujukan dalam pembinaan kurikulum amalan kesantunan berbahasa di peringkat Kementerian Pendidikan mahupun di kementerian-kementerian lain yang ingin memartabatkan amalan kesantunan berbahasa. Satu kurikulum khusus yang menjadi panduan amalan kesantunan berbahasa wajar digubal dan diketengahkan agar kemajuan fizikal masyarakat moden tidak meminggirkan nilai sejagat yang sangat penting dipertahankan kerana ia lambang ketamadunan akal fikiran dan kejiwaan sebenar. Dimensi yang terdapat dalam model amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran yang dibina hasil dapatan kajian AKBQ, iaitu *Qaulan Sadida*, *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Layyina* dan *Qaulan Maysura* boleh dijadikan asas perkembangan kepada pembinaan model kesantunan berbahasa yang lain.

Dapatan kajian ini yang menjelaskan kepentingan pelaziman amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan warga pendidikan terutamanya guru dan pensyarah menjadi dorongan supaya amalan kesantunan berbahasa perlu diperkasakan agar harapan untuk merealisasikan kemenjadian murid sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam dapat terlaksana. Dapatan kajian AKBQ juga dapat dijadikan dorongan kepada kempen pelaziman amalan kesantunan berbahasa dalam semua lapisan masyarakat agar masyarakat moden hari ini tetap melazimi amalan ini sejajar dengan hasrat yang terkandung dalam Pendekatan Rukunegara. Dapatan kajian ini yang menjelaskan bahawa amalan

kesantunan berbahasa guru mempengaruhi penghayatan akhlak murid dapat dijadikan pencetus dan pembakar semangat kepada warga guru agar terus melazimi amalan ini sejajar dengan perintah agama.

Dapatan kajian AKBQ ini yang menjelaskan tahap penghayatan akhlak murid sekolah agama di tahap yang tinggi dapat dijadikan motivasi dan dorongan kepada GPI untuk terus istiqamah mendidik agar tahap penghayatan akhlak mereka kekal di tahap yang lebih baik. Ibu bapa, guru dan murid sendiri boleh berusaha meningkatkan kemahiran sosial murid dalam masyarakat. Murid perlu didedahkan dengan etika bersosial dan adab-adab pergaulan yang baik sebagai persediaan berkhidmat untuk masyarakat di masa hadapan.

Sebagai kesimpulan, terdapat enam komponen utama dalam Model Amalan Kesantunan Berbahasa iaitu *Qaulan Ma'rufa*, *Qaulan Sadida*, *Qaulan Baligha*, *Qaulan Karima*, *Qaulan Maysura* dan *Qaulan Layyina*. Komponen *Qaulan Ma'rufa* mewakili item mengandungi kebaikan, menyedapkan hati, tidak menyinggung, tidak mengandungi kebohongan, tidak berpura-pura, mesra, pantas, tidak mengkritik dan tidak menghina. Komponen *Qaulan Sadida* merangkumi item bercakap perkara yang benar, menganjurkan perkara yang benar, melarang bercakap dusta, mengajak kepada kebenaran, mempertahankan kebenaran, bertegas dengan perkara yang benar, mengelakkan dari bercakap perkara yang tidak perlu, mengelakkan diri dari bercakap perkara yang tidak penting, pengucapan yang jelas dan jitu dan pengucapan yang penuh dengan keyakinan. *Qaulan Baligha* merangkumi tepat pada maksud, sampai mesej, bermaksud, pengucapan yang fasih, menyentuh hati, mempengaruhi tingkah laku, sesuai dengan tahap pendengar dan logik.

Qaulan Karima mewakili menggunakan kata-kata yang mulia, menghargai pendengar, membicarakan perkara yang baik-baik, memuliakan pendengar, memberi peluang kepada pendengar, tidak menghina, memberi semangat dan tidak bercakap perkara yang melalaikan. *Qaulan Maysura* merangkumi item mudah difahami, senang didengari, telus dan tidak berbelit-belit, perkataan yang menyenangkan, adil memberi giliran bertutur, mudah menerima pandangan, menjadikan pendengar bersedia mendengar, pengucapan yang tidak mengecewakan pendengar dan menganjurkan bantuan. *Qaulan Layyina* merangkumi bicara lemah lembut, persis memujuk, sopan dan santun, bernada rendah, tidak menengking, tidak memaksa, unsur kebersamaan dan unsur persaudaraan.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran telah mengetengahkan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut perspektif Islam menerusi kefahaman terhadap ayat-ayat al-Quran. Kajian ini juga telah menjelaskan tahap amalan kesantunan berbahasa dalam kalangan guru Pendidikan Islam di enam jenis sekolah agama di Kedah. Selain itu kajian ini juga telah menilai tahap penghayatan akhlak dalam kalangan murid-murid sekolah agama terpilih di Kedah. Kajian juga telah menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara amalan kesantunan berbahasa guru dengan penghayatan akhlak murid. Namun, untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian ini, kajian ini masih memerlukan kajian lanjutan lain yang dapat disenaraikan seperti berikut:

1. Kajian ini menggunakan kaedah analisis *Tafsir Mawdu'iy* untuk meninjau konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut ayat-ayat al-Quran. Justeru

beberapa kajian lanjutan yang lain perlu dilakukan dengan menggunakan kaedah yang sama bagi mengukuhkan penemuan konsep amalan kesantunan berbahasa menurut ayat-ayat al-Quran yang terpilih.

2. Kajian konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa ini merupakan usaha untuk mengetengahkan pandangan Islam terhadap penganjuran pelaziman amalan kesantunan berbahasa menerusi penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan penelitian terhadap hadis-hadis Nabi SAW tentang konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa agar dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian ini. Kajian lanjutan terhadap hadis-hadis Nabi SAW yang mengetengahkan amalan kesantunan berbahasa Nabi SAW secara praktikal dapat dikombinasikan dengan dapatan kajian ini sehingga boleh menghasilkan satu model yang boleh digunakan sebagai pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut Islam. Model kajian lanjutan ini boleh diketengahkan sehingga menjadi rujukan kepada sarjana-sarjana lain bukan sahaja dalam kalangan orang-orang Islam bahkan dalam kalangan yang bukan Islam.

3. Berdasarkan model amalan kesantunan berbahasa yang dikemukakan dalam kajian ini, kajian lanjutan lain boleh dilakukan secara eksperimental untuk menguji keberkesannya, terutamanya melibatkan warga pendidikan. Selain warga pendidikan, model amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran (MAKBQ) juga boleh diuji dalam kajian lanjutan lain yang melibatkan masyarakat, institusi kesihatan, pelancongan, perkhidmatan kaunter dan sebagainya.

4. Kajian amalan kesantunan berbahasa ini melibatkan tinjauan terhadap hubungan amalan kesantunan berbahasa guru pendidikan Islam dan penghayatan akhlak murid. Kajian yang sama boleh dilakukan dengan menggunakan Model Amalan Kesantunan Berbahasa (MAKBQ) bagi mengenalpasti hubungan dan sumbangan amalan kesantunan berbahasa ibubapa terhadap penghayatan akhlak anak-anak. Model amalan kesantunan berbahasa (MAKBQ) dalam kajian ini dapat membantu ibubapa meneliti semula tahap amalan kesantunan berbahasa mereka terhadap anak-anak seterusnya dapat dijadikan panduan pelaziman amalan kesantunan berbahasa dalam keluarga.


5. Kajian amalan kesantunan berbahasa ini hanya melibatkan guru-guru Pendidikan Islam dan murid-murid di sekolah menengah agama di Kedah. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan melibatkan guru-guru lain dan murid-murid di sekolah menengah lain dan di negeri-negeri lain agar dapatan kajian dapat dinilai dan dihalusi sebagai maklumat baru kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.5 Kesimpulan

Kajian amalan kesantunan berbahasa menurut al-Quran menjelaskan konsep dan pendekatan amalan kesantunan berbahasa menurut Islam menerusi penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran. Dapatan kajian menjelaskan bahawa Islam merupakan agama yang sempurna. Islam menerusi ayat-ayat al-Quran menjelaskan bahawa Islam menganjurkan amalan kesantunan berbahasa dan meletakkannya sebagai satu amalan murni yang wajib diamalkan oleh manusia. Allah SWT mengingatkan manusia agar melazimi amalan kesantunan berbahasa selepas peringatan terhadap melakukan ihsan terhadap ibubapa. Justeru Islam selain menjelaskan konsep amalan kesantunan

berbahasa, turut menyediakan panduan pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang wajar diikuti sebagai panduan. Pendekatan amalan kesantunan berbahasa yang dikenalpasti merangkumi *Qaulan Sadida* (perkataan benar), *Qaulan Ma'rufa* (perkataan baik), *Qaulan Karima* (perkataan mulia), *Qaulan Baligha* (perkataan yang sampai), *Qaulan Layyina* (perkataan yang lembut) dan *Qaulan Maysura* (perkataan yang mudah).

Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian yang merangkumi analisis *Tafsir Mawdu'iy*, deskriptif, korelasi dan regresi berkaitan amalan kesantunan berbahasa guru dan hubungannya dengan penghayatan akhlak murid. Bab ini telah membincangkan dapatan kajian, rumusan, implikasi, sumbangan dan cadangan kajian lanjutan. Semoga kajian ini memberi manfaat dan menjadi nilai tambah terhadap ilmu pendidikan Islam, seterusnya dikira sebagai satu amal jariah terhadap Islam dan perkembangan nilai ilmu umatnya.



RUJUKAN

Al-Quran dan As-Sunnah.

Al-Quran Terjemahan Tafsir Pimpinan Ar-Rahman. (2001). Muhammad Noor Haji Ibrahim; Sheikh Abdullah Muhammad Basmeih. Kuala Lumpur: Darulfikir.

Ab Halim Tamuri & Ahmad Munawar Ismail. (2021). Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 8(1), 87–111. Retrieved from <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi/article/view/4>

Ab Halim Tamuri & Nor Hanani Hussin. (2017). Cabaran Pendidikan Islam di Era Media Sosial: Challenges of Islamic Education in Social Media Era. Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education* 1 (2), 37-43, 2017. JSASS) 4 (2), 78-89, 2017

Ab. Halim Tamuri (2021) Pendidikan berteraskan ulul albab dalam membangun generasi Muslim yang cemerlang, berpengetahuan dan berakhlak / Ab. Halim Tamuri. In: *4th International Islamic Heritage Conference 2021 (ISHEC '21)*. Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Alor Gajah, Melaka, pp. 1-7. ISBN 978-967-2846-07-9

Abd al-Karim Zaydan. (1987). *Usul al- Da'wah*. Baghdad: Maktabah al-Qis.

Abd al-Latif Muhammad Abd. (1985). *Akhlaq fi al-Islam*. Kahirah: Maktabah Dar al-Thaum.

Abd Halim Tamuri, Muhammad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen Asas untuk Latihan GPI [Basic Component for Islamic Education Teacher Training]. *Global Journal al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.

Abd Rahman S. (2013). Faktor Sosial dalam Pembentukan Akhlak Murid Sekolah Menengah in Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13] *Proceedings of the First Seminar on Islamic Education and Research [SePPIM'13] at The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization on 17-18 September 2013*, p. 478-492. ISBN: 978-967-12085-0-2.

Abd. Halim Saad. (1999). *Pengurusan Disiplin Murid*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Utara Malaysia Sintok.

Abdelaziz Bouchara. (2020). The role of Religion in Shaping Politeness in Moroccan Arabic: The Case of the Speech Act of Greeting and Its Place in Intercultural Understanding and Misunderstanding. *Journal of Politeness Research*. Vol. 11.1. Retrieved by 29.1.2021

Abdo Khaled, N. (2012). al-Tafsiral-Maqasidiy li al-Quran al-Karim: Mafhumuhu wa Abrazu Mumayyizat. <http://irep.iium.edu.my/59379/>

Abdo Khaled, N. (2015). *Ma'alim al-Tafsir al-Maqasidiy li al-Quran al-Karim: Ayat al-Khamr Namuzajan*. IIUM Press; Aminah for Publication. <http://irep.iium.edu.my/59068/>

Abdo Khaled, N. (2017). *Al-Tafsir al-Maqasidi for Quran: its basics & applications*. IIUM Press, International Islamic University Malaysia. <http://irep.iium.edu.my/66114/>

- Abdo Khaled, N. (2018). Thematic Tafsir Approach of Mohammed al-Ghazali between theory and practice. *Al-Risalah: Journal of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences (ARJIHS)*, [S. l.], v. 2, n. 3, p. 62–83, 2018. Disponível em: <https://journals.iium.edu.my/al-risalah/index.php/al-risalah/article/view/95>.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). *Santun Komunikasi*. Kuala Lumpur: Dewan
- Abdul Arif, Mohd Isa & Ab Halim (2021). Tahap Amalan Religiositi Dan Kecerdasan Emosi (Eq) Dalam Kalangan GPI Sekolah Kebangsaan. *Asean Comparative Education Research Journal On Islam san Civilazation*. Vol.4:No.2:2021
- Abdul Halim. (2016). Analisis Tematik Tafsiran Ayat Al-Quran Berkaitan Penjagaan Alam Sekitar. <http://eprints.usm.my/32163/>
- Abdul Malek Karim Amrullah. (2003). *Lembaga Budi, Perhiasan Insan Cemerlang*. Selangor: Pustaka Dini.
- Abdul Muhsien Bin Sulaiman (2014). Peranan Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Murid Dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki (W.386h/996m). Tesis Ijazah Doktor Falsafah Institut Pengajian Siswazah Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Abdul Qadir Syibah al-Hamd. (2017). *Adwa' min al-Tafsir*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Abdul Rahman Md Aroff dan Asmawati Suhid (2012). *School principals as moral agents. Dalam Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Afsaneh Bagheri*. Educational leadership and performance improvement. Universiti Putra Malaysia Press.
- Abdul Rahman Md. Aroff dan Asmawati Suhid (2011). *Pendidikan Moral : Teori Etika dan Amalan Moral*. Penerbit UPM.
- Abdul Rashid Mohamed, Abd. Rahman Abd. Aziz & Abdul Ghani Abdullah. (2008). *Humor dalam Pengajaran*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Shukor Abdullah. (1999). *Perutusan Hari Guru*. Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Bin Muslim Qutaibah. (2018). *Ta'wil Musykil al-Quran*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Abdullah Bin Wahab. (2016). *Tafsir al-Quran min al-Jami'*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (1999). *Kemahiran Interpersonal Untuk Guru Bestari*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Abdullah Hassan dan Ainon Mohammad. (2002). *Komunikasi di Tempat Kerja*. Pahang: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (2002). *Komunikasi untuk Pendakwah., Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain*. Pahang:PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Muhammad Zin. (1997). *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam Arus Pembangunan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Abraham Ayebo & Charles Assuah. (2017). Exploring teachers' knowledge of classroom management and control. *Malaysian Journal of Learning and Instruction: Vol. 14 No. 1*, 169-185.
- Adam Bin Badhrulhisham dan Mohamad Firdaus bin Mohd Isa : Islamisasi Negara Malaysia Dalam Konteks Gagasan Islamisasi Ilmu Syed Muhammad Naquib Al-‘Attas: Satu Tinjauan. *Jurnal ‘Ulwan, KUIM Melaka. Jilid 1 2017 : 189-203*
- Agus Syukur Misykat Al-Anwar. (2020). Akhlak Terpuji dan Implementasinya di Masyarakat: *Jurnal Kajian Islam Dan Masyarakat* <https://jurnal.umj.ac.id/index.php/MaA16/index> volume 3, NO 2, 2020.
- Ahmad Ali Karim. (2019). *Pengaruh Rakan Sebaya dalam Sahsiah Remaja*. Utusan Online. 3 Julai 2019.
- Ahmad Fakhurrizi Mohammed Zabidi. (2020). *Pengajaran reflektif berteraskan nilai ‘al-suhbah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. <http://journalarticle.ukm.my/17054/>
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi dan Khairunnisa A Shukor Mohd Burhan N., Tamuri A H, & Mohd Nordin N. (2016). Pembinaan Hubungan di antara Guru dan Murid. *Technical and Social Science Journal (TSSJ)*. 5. 138-148.
- Ahmad Ghullusy. (1978). *al-Dakwah al-Islāmiyyah, Usuluha wa Wasāiluha*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misr.
- Ahmad Irfan, I. H. (2015). *Analisis Tematik Hadith Berkaitan Faqir dan Miskin Dalam Sahih Bukhari*. Universiti Malaysia Pahang. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/11836/1/Analisis%20Tematik.pdf>
- Ahmad Irfan, I. H., & Mohd Shukri, H. (2016). *Analisis Tematik Kalimah Al-Hilāl Di Dalam Al-Kutub Al-Sittah*. Centre For Islamic Development Management Studies (ISDEV), Universiti Sains Malaysia. <http://umpir.ump.edu.my/id/eprint/14706/>
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). Pengaruh akidah terhadap penghayatan akhlak pelajar-pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Tesis Ph.D. Bangi: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Zamroni dan Abdul Hafiz. (1997). *Etika Dialog dalam Islam*. Terj. *Adabul Hiwar fi Islam*. Selangor: Mustaqim.
- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim, Noor Aida Mahmor. (2016). Kesantunan Bahasa Semasa Berkomunikasi di Laman Sosial. *Proceeding of the International Conference on Government & Public Affair 2016 (ICOGPA2016)*.
- Ajmain @ Jimaain Safar (2009). Pembinaan Instrumen Pentaksiran Akhlak Pelajar. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-7*. Gontor: Institusi Studi Darussalam Gontor, Indonesia.
- Al-‘Asqalani, Ibn Hajar (2000), *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*, j. 2. Riyadh: Dar al-Salam

- Al-‘Ayad, Ahmad et al. (t.t), *al-Mu’jam al-Arabi al-Asasi Liddurus.*, (T.T.P.):
- Alabdali, T. (2019). *Revisiting Brown and Levinson's Politeness Theory: A Middle-Eastern Perspective*. DOI:10.31559/BAES2019.2.2.3
- Alakrash, J.M. & Bustan, E. S. (2020). Politeness Strategies Employed by Arab EFL and Malaysian ESL Students in Making Request. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(6), 10-20.
- Alamgir Khan, Salahuddin Khan, Syed Zia-Ul-Islam, Manzoor Khan. (2017). Communication Skills of A Teacher and its Role in the Development of the Students’ Academic Success. *Journal of Education and Practice*. Vol. 8, No.1, 2017.
- Al-Andalusiy, Abd al-Mun’im Bin Abd al-Rahim. (2018). *Ahkam al-Quran*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Al-Andalusiy, Abu Hayyan, Muhammad Bin Yusuf. *Al-Bahru al-Muhit*. (1993). Dar al-Kutub al-‘ilmiyyah: Beirut.
- Al-Andalusiy, Abu Muhammad Abdul Haq Bin Ghalib. (2011). *Al-Muharrir al-Wajiz fi Tasir al-Kitab al-‘Aziz*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah: Beirut.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. (1978). *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: Muslim Youth Movement of Malaysia.
- Al-Baghawiy, Abu Muhammad al-Husin Ibn Mas’ud. (1989). *Ma’alim al-Tanzil* Beirut: Dar Tayyibah.
- Al-Baydhawiy, Abdullah Bin ‘Umar, Nasiruddin. (2015). *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil al-Ma’ruf bi Tafsir al-Baydhawiy*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Al-Bugha, Mustafa Dib (1987), *al-Jami’ al-Sahih al-Mukhtasar li al-Bukhari*. Beirut: Dar Ibn Kathir
- Al-Bukhariy, Muhammad Bin Ismail Al-Mughirah. (2002). *Sahih Al-Bukhariy*. Beirut: Dar Ibnu Kathir. <https://waqfeya.net/book.php?bid=3584>
- Al-Daghamind, Ziyad Khalil Muhammad. (1995). *Manhajiyyat al-Bahth fi al-Tafsir al- Mawdu’iy li al-Qur’an al-Karim*. ‘Amman, Jordan: Dar al-Basyir.
- Al-Farmawiy, ‘Abd al-Hayy. (1977). *Al- Bidayat fi al-Tafsir al-Mawdu’iy*. Kaherah, Mesir: al-Hadarat al-‘Arabiyyat.
- Al-Fayyad, H. 2014. *Politeness in Al-Hadith Al-Sharif: A pragmatic and sociolinguistic perspective* Unpublished M.A. thesis Supervised by Al Momani 2016. Jordan University of Science and Technology, Irbid, Jordan.
- Al-Ghazali, Muhammad. (1987). *Akhlaq Seorang Muslim*. Terj: Drs. H. Moh. Rifai . Batu Caves: Thinker’s Library Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (1967). *Ihya ulum al-Din*. Juz 1, Qahirah: Mu’assah al-Halabi wa Syarikah li al Nasyri wa at-Tauzi’.
- Al-Ghazali. (1967). *Ihya ulum al-Din*. Juz 3, Qahirah: Mu’assah al-Halabi wa Syarikah li al Nasyri wa at-Tauzi’.
- Al-Ghazali. (t.t.). *Ihya Ulum al-Din*. Juz 5, Beirut, Libanon: Dar al-Ma’arif.

- Al-Halabiyy, Ahmad Bin Yusuf. (2016). *‘Umdatul Hifaz fi Tafsir Asyraf al-Alfaz*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Al-Hamzawiyy Mahmud Bin Hamzah. (2017). *Durru al-asrar fi Tafsir al-Quran al-‘Azim*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Al-Hanbaliy, Mujiruddin Bin Muhammad Al-‘Alimiy. (2016). *Faturrahman fi Tasir al-Quran*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Alharbi, Tahani & A. Ateeqallah (2015). *A Socio-pragmatic Study of Forms of Address and Terms of Reference in Classical Arabic as Represented in the Chapter of Joseph in the Holy Quran*. The University of Leeds School of Languages, Cultures and Societies Doctoral Dissertation.
- Al-Hasyimi, Muhammad Ali. 2007. *Keperibadian seorang Muslim*. Terj. Tahir Daeng Mengati. Kuala Lumpur: Sarjana Media.
- Al-Hindawi, F.H., & Alkhazaali, M.A. (2016). A Critique of Politeness Theories. Theory and Practice in Language Studies, 6, 1537-1545. DOI: [10.17507/tpls.0608.03](https://doi.org/10.17507/tpls.0608.03)
- Alias Baba. (1992). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Jaza’iriy, Abu Bakar. (2015). *Aysar al-Tafasir likalam al-‘Aliy al-Kabir*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
- Al-Jazairiy, Abu Bakar Jabir. (2008). *Minhajul Muslim. Terjemahan: Ensiklopedia Muslim*: Fadhli Bahri. Jakarta: Daru Falah.
- Al-Khalidiy, Salah ‘Abd al-Fattah. (2001). *Al-Tafsir al-Mawdu’iy Bayn al-Nazariyyat wa Tatbiq Dirasat Nazariyyat wa Tatbiqiyyat Murafaqat bi Namazij wa Lata’if al-Tafsir*. ‘Amman, Jordan: Dar al-Nafa’is.
- Al-Khalidiyy, Solah ‘Abdul Fatah. (2018). *Taswibat fi Fahmi Ba’dhi al-Ayat*. <https://waqfeya.net/category.php?cid=1>
